



Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia



Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME 18
JILID

ISSN 2180-1649

JUNE 2018
JUN

Makalah/Articles

YOURS'17: Ke Arah Aspirasi Belia Masa Hadapan

Zainah Shariff, Syariffanor Hisham & Shariffah Mamat

Corak Perbelanjaan dan Kemampuan Berbelanja Golongan Belia Malaysia

Wijaya Kamal Ramlan, Janice L. H. Nga, Rafiq Idris & Debbie Dyana Jun Jinideh

Peranan Program Televisyen Terhadap Pembentukan Pemikiran Belia

Mohd Sobhi Ishak, Azizah Sarkowi, Norati'qah Talib & Shariffah Mamat

Potensi Pembangunan Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Belia di Malaysia

Nur Raihan Che Nawi, Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail & Steven Eric Krauss

Kesan Penglibatan Belia Malaysia dalam Keusahawanan Sosial

Shakirah Noor Azlan & Nurshafeeqah Mohd Zin

Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarelawan Malaysia

Hapsah Md Yusof, Nur Afifah Baharum, Nurul Ain Mohd Daud, Norazani Ahmad & Fauziah Mohd Saad

Pencarian Maklumat Berkaitan Kesihatan Seksual dan Reproduksi dalam Kalangan Remaja di Sarawak

Albeny Joslyn Panting, Haslinda Abdullah, Ismi Arif Ismail & Samsilah Roslan

Efikasi Kendiri dan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor

Noor Shahirah Muhammad Nizam, Azlina Mohd Khir & Nobaya Ahmad

Cabaran Penglibatan Belia OKU dalam Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan

Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhamad Nadhir Abdul Nasir



Ketua Editor/Editor-in-Chief

Dr. Zainah Shariff

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Editor Eksekutif/Executive Editor

Dr. Asma Abdullah - Ahli Lembaga Pengarah IYRES

Prof. Madya Dr. Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia

Shariffah Mamat - IYRES

Sidang Editorial/Editorial Board

Mastura Mohamad - IYRES

Shahhanim Yahya - IYRES

Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES

Norati'qah Talib - IYRES

Asnida Abd Hamid - IYRES

Norhidayah Omar - IYRES

Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor - IYRES

Noor Sheila Mhd Nasir - IYRES

Pewasit/Reviewer

Prof. Dr Siti Hajar Abu Bakar Ah - UM

Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri - UPM

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib - UPM

Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi - UKM

Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan - UMS

Prof. Madya Dr. Zaheruddin Othman - UUM

Prof. Madya Dr. Sobhi Ishak - UUM

Dr. Norruzeyati Che Mohd Nasir - UUM

Dr. Zulisman Maksom - UTEM

Dr. Sivapalan Selvadurai - UKM

Dr. Hanina H. Hamsan - UPM

Dr. Siti Raba'ah Hamzah - UPM

Dr. Titi Rahmawati Hamedon - UPM

Dr. Janice Nga Lay Hui - UMS

Dr. Geshina Ayu Mat Saat - USM

Dr. Daleleer Kaur Randawar - UITM

Dr. Abd. Hakim Mohad - USIM

Dr. Farhana Sabri - USIM



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME 18
JILID

ISSN 2180-1649

JUNE 2018
JUN

Makalah/Articles

- YOURS'17: Ke Arah Aspirasi Belia Masa Hadapan** 1-6
ZAINAH SHARIFE, SYARIFFANOR HISHAM & SHARIFFAH MAMAT
- Corak Perbelanjaan dan Kemampuan Berbelanja Golongan Belia Malaysia** 7-28
WIJAYA KAMAL RAMLAN, JANICE L. H. NGA, RAFIQ IDRIS & DEBBIE DYANA JUN JINIDEH
- Peranan Program Televisyen Terhadap Pembentukan Pemikiran Belia** 29-44
MOHD SOBHI ISHAK, AZIZAH SARKOWI, NORATTQAH TALIB & SHARIFFAH MAMAT
- Potensi Pembangunan Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Belia di Malaysia** 45-63
NUR RAIHAN CHE NAWI, MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL & STEVEN ERIC KRAUSS
- Kesan Penglibatan Belia Malaysia dalam Keusahawanan Sosial** 65-80
SHAKIRAH NOOR AZLAN & NURSHAFEEQAH MOHD ZIN
- Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarelawan Malaysia** 81-92
HAPSAH MD YUSOF, NUR AFIFAH BAHARUM, NURUL AIN MOHD DAUD, NORAZANI AHMAD & FAUZIAH MOHD SAAD
- Pencarian Maklumat Berkaitan Kesihatan Seksual dan Reproduktif dalam Kalangan Remaja di Sarawak** 93-110
ALBENY JOSLYN PANTING, HASLINDA ABDULLAH, ISMI ARIF ISMAIL & SAMSILAH ROSLAN
- Efikasi Kendiri dan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor** 111-122
NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM, AZLINA MOHD KHIR & NOBAYA AHMAD

Cabaran Penglibatan Belia OKU dalam Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan AHMAD SHAMSURI MUHAMAD & MUHAMAD NADHIR ABDUL NASIR	123-130
Ketagihan Telefon Pintar dalam Kalangan Mahasiswa NORBAIDURAH ITHNAIN, SHAZLI EZZAT GHAZALI & NORRAFIZAH JAAFAR	131-144
Faktor Keterlibatan Belia dalam Isu Gay di Kuala Lumpur AZLINA MOHD KHIR & CHE W HASHIMI RAFSANJANI CHE W RAKSAN	145-159
Pembangunan Belia Positif di Kolej Komuniti NOR HIDAYAH MOHAMED, SITI RABA'AH HAMZAH, ISMI ARIF ISMAIL & BAHAMAN ABU SAMAH	161-177
Pengaruh Pendapatan Terhadap Pencapaian Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi SAYED MUHAMMAD AIMAN SAYED ABUL KHAIR, AHMAD FADZIL AHMAD SHUHAILI, MOHAMMAD EZZANI ISWAN ISMAIL & DAENG AHMAD LUQMAN AHMAD TERMIZI	179-190
Factors Influencing Health Behaviours among University Student ROXANA DEV OMAR DEV, TENGKU FADILAH TENGKU KAMALDEN, SOH KIM GEOK, MARIA CHONG ABDULLAH, AHMAD FAUZI MOHD AYUB & ISMI ARIF ISMAIL	191-199
Adaptasi Mahasiswa Sabah dan Sarawak di Universiti Perguruan Sultan Idris SAMSUDIN SUHAILI, NUR NADIA LUKMANULHAKIM & NORLIZA JAMALUDDIN	201-217
Kesepaduan Sosial Melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda YASMIN BINTI YACCOB & MOHD IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM	219-242
Pembentukan Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI, MAIMUNAH ISMAIL & ZULAIHA MUDA	243-259

YOURS'17: KE ARAH ASPIRASI BELIA MASA HADAPAN

ZAINAH SHARIFF, SYARIFFANOR HISHAM & SHARIFFAH MAMAT

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk merumuskan artikel-artikel penyelidikan yang telah dibentangkan sewaktu Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan (YOURS) anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada 6-7 November 2017 bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Seminar tersebut telah mengumpulkan sejumlah 40 hasil penyelidikan yang dirangkumkan mengikut lima (5) subtema iaitu Sosial, Identiti, Ekonomi, Pendidikan dan Kesihatan yang mengkhusus dalam bidang pembangunan belia. Seramai 256 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), warga pendidik, wakil Kementerian/Jabatan/Agensi, NGO dan individu perseorangan telah hadir. Hasil penyelidikan yang dibentangkan telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak secara langsung mahupun tidak langsung disamping membina jaringan hubungan di antara peserta dan pembentang. Sehubungan itu, hasil kajian-kajian tersebut diterbitkan dalam *Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS)* untuk memberikan manfaat kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam ruang lingkup pembangunan belia di Malaysia.

Kata Kunci: Sosial, Identiti, Ekonomi, Pendidikan, Kesihatan, Belia & YOURS

ABSTRACT

This article summarizes the research papers presented in the National Youth Research Seminar (YOURS) organized by the Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) on November 6-7, 2017 at the Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur. The seminar has compiled 40 research papers categorized into five (5) subthemes i.e. Social, Identity, Economics, Education and Health focusing on youth development. A total of 256 participants comprising academicians, students of Higher Learning Institution, educators, representatives of Ministries/ Departments/ Agencies/ NGOs and individuals participated in this event. The research papers presented in YOURS'17 are beneficial to various parties and network between participants and presenters was well established. Thus, the research papers published in *Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS)* benefit youth development stakeholders in Malaysia.

Keywords: Social, Identity, Economic, Education, Healthy, Youth & YOURS

PENGENALAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menerbitkan Edisi Khas *Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS)* bersempena penganjuran Seminar

Penyelidikan Belia Kebangsaan (YOURS) pada tahun 2017. Seminar tersebut telah berjaya mengumpulkan ahli akademik dan penyelidik sosial dalam sesi perkongsian hasil dapatan penyelidikan. Sejumlah 40 kertas penyelidikan telah dibentangkan dalam seminar selama dua (2) hari bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Bertemakan “Ke arah Aspirasi Belia Masa Hadapan”, seminar tersebut telah mengumpulkan artikel-artikel mengikut lima (5) subtema iaitu Sosial, Identiti, Ekonomi, Pendidikan dan Kesihatan khusus dalam membincangkan tentang isu-isu belia Malaysia.

Trend Sosial Belia dan Penyelesaian

Subtema Sosial mendominasi penyertaan pembentang dengan penyertaan yang paling ramai. Subtema ini dikategorikan kepada empat (4) kategori iaitu: Penggunaan Media; Tingkah Laku Belia Berisiko; Cabaran Belia Minoriti dan Terpinggir; serta Sukan dan Kesukarelaan. Subtema Sosial bagi kategori media mengupas isu tentang peningkatan penglibatan belia berisiko dan terpinggir terhadap penggunaan media. Sehubungan itu, wujud keperluan untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan, kesedaran dan literasi belia dalam aspek keselamatan privasi maklumat peribadi belia ketika menggunakan rangkaian internet atau persekitaran digital (Mohd Azul, 2017). Saranan saintis sosial agar pelbagai pihak yang terlibat dalam industri media memastikan kandungan sesuatu siaran media disebarkan bersesuaian dengan kategori umur. Hal ini penting bagi memastikan pengaruh terhadap kandungan media yang negatif tidak meresap kepada kelompok usia yang belum sesuai untuk menerima sesuatu bentuk maklumat (Mohd Sobhi, 2015).

Kategori kedua dalam subtema Sosial adalah tingkah laku belia berisiko. Hasil kajian yang dibentang menunjukkan wujud keperluan untuk memberi fokus bagi membendung golongan belia terlibat dalam tingkah laku berisiko. Pendekatan ini selaras dengan tindakan yang lebih berbentuk mencegah dari merawat kegawatan sosial dalam kalangan belia Malaysia. Saranan-saranan hasil kajian memberi fokus dalam memupuk sifat integriti dan efikasi dalam diri golongan belia bagi mengelakkan terlibat dalam aktiviti berisiko serta memupuk tingkah laku prososial agar dapat memberi manfaat kepada komuniti dan masyarakat (Noor Shahirah, Azlina & Nobaya, 2017). Pendekatan berbentuk kerohanian dalam membantu belia memahami diri dengan lebih dekat dan mengetahui langkah-langkah pencegahan juga merupakan sebahagian daripada cadangan bagi mengelakkan belia Malaysia terlibat dalam apa juga bentuk gejala sosial bermula di peringkat awal persekolahan.

Cabaran belia minoriti merupakan fokus ketiga di bawah subtema sosial. Dapatan kajian menyarankan agar belia minoriti dan terpinggir seperti: belia cacat penglihatan diberi perhatian dari aspek pengurusan yang efektif seperti kepimpinan dan pengurusan; publisiti dan penyampaian maklumat (berbentuk *outreach* seperti advokasi); penambahbaikan kemudahan pengangkutan baharu; serta sokongan dari masyarakat (Wong & Lim, 2017).

Selain itu, isu yang turut dibincangkan di dalam sesi selari adalah berkaitan aktiviti sukan kepada orang kelainan upaya. Sokongan daripada sudut psikososial

menjadi keperluan dalam membantu sukan OKU. Para atlet OKU dilihat mempunyai potensi besar jika mereka berada dalam kumpulan berbanding secara individu (Manisah, 2014). Sehubungan itu, pelbagai pihak harus bekerjasama secara kolektif dalam membantu mereka termasuklah dalam menambahkan kepelbagaian aktiviti-aktiviti sukan OKU.

Kategori terakhir bagi subtema sosial adalah sukan dan kesukarelaan. Dapatan kajian menyarankan agar generasi muda melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan aktiviti kesukarelaan. Hal ini adalah kerana pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menarik penyertaan golongan belia. Penglibatan secara aktif sebagai sukarelawan menjadi pemangkin dalam melestarikan semangat patriotisme dalam kalangan belia (Hapsah *et. al.*, 2017). Dapatan kajian juga menyarankan agar golongan belia diberikan kefahaman secara teori dan praktis berkaitan semangat kesukarelaan. Daripada perspektif sukan pula, kajian menyarankan agar pembangunan kerjaya seseorang atlet disokong secara langsung daripada ibubapa, juru latihan, rakan dan pihak kerajaan (Fatimah *et. al.*, 2017).

Perlambangan Identiti Belia Malaysia

Subtema kedua dalam seminar adalah perlambangan identiti belia Malaysia yang pelbagai latar belakang, budaya, gaya hidup dan ini menjadikan belia Malaysia sangat unik. Tema identiti dikategorikan kepada pemerksaan belia dan pembangunan belia positif.

Hasil kajian menyarankan agar belia wajar terlibat secara aktif dengan komuniti sebagai sebahagian daripada sumbangan semula kepada komuniti yang telah membentuk peribadi mereka (Ismi *et. al.*, 2017). Secara tidak langsung, melalui hubungan erat dengan komuniti berupaya menyemai nilai-nilai murni dalam melahirkan modal insan berkualiti dan bermoral tinggi.

Manakala bagi kategori pembangunan belia positif, hasil kajian menekankan penglibatan belia bersifat *sense of community* dengan sokongan belia-dewasa secara *giving back to community* (Steven *et. al.*, 2017). Sementara itu, Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dibangunkan oleh IYRES menjadi pengukur bagi melihat tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia (Mohd Rizal, 2016). Pendekatan pembangunan belia positif ini juga bersandarkan kepada Dasar Belia Malaysia (DBM) yang turut dijadikan input dalam pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Belia 2016-2020.

Pendidikan (Akademik dan Teknikal)

Pembentangan kertas penyelidikan dengan subtema pendidikan (akademik dan teknikal) mencadangkan agar peluang yang lebih luas diberikan kepada generasi belia untuk memegang jawatan utama (Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) di peringkat pengurusan koperasi di Malaysia. Hal ini adalah kerana faktor kepimpinan merupakan faktor bagi mendorong penglibatan selain faktor dorongan (Mohd

Haniff *et. al.*, (2017). Selain itu, kajian mendapati penganjuran aktiviti yang lebih interaktif dan ganjaran menarik dapat menggalakkan penglibatan golongan belia dalam gerakan koperasi.

Seterusnya melalui kaedah *Small Sided Game* (SSG) berupaya memodifikasi bilangan pemain, saiz padang dan arahan jurulatih juga menunjukkan kesan signifikan terhadap kemahiran asas pemain-pemain hoki dalam meningkatkan kemahiran atlet. Menerusi teknik SSG yang merupakan inovasi kaedah latihan terbukti membantu meningkatkan kemahiran asas dalam latihan sukan (Mohd Aras, Mohd Taib & Norlena, 2017).

Pemeriksaan Ekonomi Belia

Pembentangan kertas penyelidikan berkaitan subtema ekonomi mendapati bahawa pada masa kini menjadi keperluan untuk mewujudkan pengurusan kemiskinan belia melalui modal komuniti dalam usaha mendayaupayakan belia miskin (Wan Ahmad, Hafizi, Siti Asma & Mohd Kamil, 2017). Keusahawanan dalam kalangan wanita juga wajar diberikan peluang dengan penekanan kepada keperluan seperti motivasi, latihan dan sokongan kewangan. Malah dengan menceburkan diri dalam keusahawanan sosial juga dapat membantu membentuk peribadi belia wanita yang mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi (Shakirah & Nurshafeeqah, 2017).

Kesihatan

Bagi subtema kesihatan pula penyelidikan menyarankan agar golongan belia digalakkan mengambil makanan seimbang dan teratur serta memantau tahap kesihatan diri sendiri serta ahli keluarga (Norashikin, Norazilah & Ismarulyusda, 2017). Manakala bagi pihak kerajaan, wujud keperluan untuk mengadakan kempen penyampaian maklumat mengenai penjagaan kesihatan dan membuat penilaian literasi kesihatan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

RUMUSAN

Berpandukan kejayaan pelaksanaan YOURS'17, sekali lagi IYRES akan melaksanakan YOURS pada tahun 2018 dengan membawa tema-tema yang lebih dekat dengan golongan belia untuk manfaat pelbagai pihak. Penganjuran ini bertepatan dengan fungsi dan peranan IYRES bagi menyediakan platform untuk membenteng dan menyebarkan hasil kajian serta mewujudkan medan perbincangan ilmiah berkenaan isu-isu pembangunan belia.

RUJUKAN

- Fatimah Wati Halim, Aizan Sofia Amin, Norhayati Ibrahim, Noordeyana Tambi, Mohammad Rahim Kamaluddin, Khairul Anwar Mastor, Rozainee Khairudin, Murniyati Mamat, Mastura Mohamad dan Norhidayah Omar. (2017). *Profil Psikologi Sukarelawan Sukan SEA Ke-29 dan Impaknya terhadap Tingkahlaku Kesukarelawan Berkesan*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Putrajaya.
- Hapsah Md Yusof, Nur Afifah Baharum, Nurul Ain Mohd Daud, Norazani Ahmad & Fauziah Mohd Saad. (2017). *Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarelawan di Malaysia: Satu Ulasan Analisis Sistematik*. Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. Perak.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2017). *Buku Program Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2017*. Putrajaya.
- Ismi Ariff Ismail, Dzuhaulmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Haslinda Abdullah, Zuraidah Ali, Zaifu Ariffin & Shepherd Zeldin. (2017). *Keterikatan Komuniti ke arah Merealisasikan Pendekatan Pembangunan Belia Positif dalam Dasar Belia Negara*. Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Selangor.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2015). *Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Dasar dan Strategik, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Manisah Mohd Ali. (2014). *Psychosocial Impact on the Participation of Youth with Disability in Sports Activities*. National University of Malaysia, Bangi. Selangor.
- Mohd Aras Khamis, Mohd Taib Harun & Norlena Salamuddin. (2017). *Kesan Small Sided Game (SSG) terhadap kemahiran Asas dan Kemahiran Membuat Keputusan Pemain-pemain Hoki*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Selangor.
- Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017). *Kesedaran Belia Terhadap Privasi dan Keselamatan dalam Penggunaan Media Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Selangor.
- Mohd Haniff Mohd Hashim, Aishah Ariffin, Shamsul Khairi Abu Hassan, Rosidah Rashid, Mohd Fitri Ab Rahman & Azirah Baharudin. (2017). *Penglibatan Belia dalam Pengurusan Tertinggi Koperasi*. Maktab Koperasi Malaysia.
- Mohd Sobhi Ishak. (2015). *Penggunaan Televisyen dalam kalangan Belia Malaysia: Sejauhmana kerelevanannya*. Universiti Utara Malaysia (UUM). Sintok. Kedah.
- Mohd Rizal Mohd Sham. (2016). *Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2016*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS). Putrajaya.

- Noor Shahirah Muhammad Nizam, Azlina Mohd Khir & Nobaya Ahmad. (2017). *Efikasi Kendiri dan Kecenderungan Tingkahlaku Prososial dalam kalangan Mahasiswa Selangor*. Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Selangor.
- Norashikin Abdul Manan, Norazilah Mohd Roslan & Ismarulyusda Ishak. (2014). *Tingkahlaku Pengambilan Sarapan Pagi dalam kalangan Remaja*. Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Putrajaya.
- Shakirah Noor Azlan & Nurshafeeqah Mohd Zin. (2017). *Kesan Penglibatan Belia Malaysia dalam Keusahawanan Sosial*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Johor.
- Steven Eric Krauss. @Abd. Lateef), Haslinda Abdullah, Zuraidah Bte Ali, Ismi Arif Ismail, Dzuhailmi Dahalan, Shepherd Zeldin & Zaifu Ariffin. (2017). *Understanding Pathways to Malaysian Youth Program Engagement and Community Connectedness*. Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Selangor.
- Wan Ahmad Amir Zal, Hafizi Mat Salleh, Siti Asma Md Rasdi & Mohd Kamil Ahmad. (2017). *Strategi Pengurusan Kemiskinan Belia Nelayan Berasaskan Modal Komuniti di Kelantan*. Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kelantan.
- Wong Huey Siew & Lim Tien Hong. (2017). *Isu dan Cabaran Utama Belia OKU Penglibatan*. Open Universiti Malaysia (OUM). Kuala Lumpur.

Profil Penulis:

Zainah Shariff, PhD

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Syariffanor Hisham

Pengurus Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Shariffah Mamat

Eksekutif Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

CORAK PERBELANJAAN DAN KEMAMPUAN BERBELANJA GOLONGAN BELIA DI MALAYSIA

WIJAYA KAMAL RAMLAN, JANICE L. H. NGA, RAFIQ IDRIS & DEBBIE
DYANA JUN JINIDEH

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja golongan belia di Malaysia. Perbincangan mengenai corak perbelanjaan memberi perhatian kepada jenis-jenis perbelanjaan responden dan keutamaan jenis perbelanjaan kepada individu responden. Dari segi kemampuan berbelanja belia, status kemampuan berbelanja para belia bagi item-item yang tersenarai dibincangkan. Perbincangan turut memberi perhatian kepada insiden ketidakmampuan belia dalam menyara kos perbelanjaan mereka di mana kewujudan kes dikaitkan dengan beberapa faktor demografi yang signifikan seperti lokasi dan negeri responden. Kajian ini melibatkan 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan di seluruh Malaysia dengan menggunakan kaedah soal selidik, yakni menggunakan borang soal selidik yang dijalankan secara survei atas talian. Seramai 600 orang responden belia Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun telah melengkapkan soal selidik atas talian. Data dianalisis dengan menggunakan pakej statistik SPSS. Sememangnya kos sara hidup yang meningkat merupakan cabaran kepada hidup seharian belia, namun pengetahuan kewangan, kesedaran dan persediaan belia bagi menghadapi cabaran membantu belia menangani isu kos sara hidup dengan lebih baik.

Kata Kunci: *Belanja, Perbelanjaan, Kos Sara Hidup, Belia, Malaysia*

ABSTRACT

This article discusses the spending patterns and affordability among Malaysian youth. This discussion focuses on the types of expenses and respondents' preference in spending. The discussion also include the aspect of status and affordability in spending on the listed items. The discussion also highlighted to incidents of youth that cannot afford to support their expenses, these cases are related to demographic factors such as respondents' location and the state they reside in. This study involves 13 states and 3 federal territories throughout Malaysia. The research is conducted using online survey method. A total of 600 Malaysian youth aged between 15 to 40 years old have responded to the online survey. Data are analysed using SPSS statistical package. Indeed, the increase in cost of living are challenges to the daily life of youth. However, financial literacy, awareness and readiness of youth to face the challenges enable them to address the issues of living cost.

Keywords: *Spending, Expenses, Cost of Living, Youth, Malaysia*

PENGENALAN

Berdasarkan data Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2005 hingga 2012, lebih kurang 243,823 orang telah diisytiharkan sebagai mufliis dan 57% daripadanya terdiri daripada mereka yang berusia bawah 45 tahun. Selain itu, separuh daripada jumlah ini adalah pengguna kad kredit yang mana usia mereka adalah bawah 30 tahun. Ini menunjukkan corak perbelanjaan belia banyak dipengaruhi oleh kad kredit (Nazni Noordin *et. al.*, 2012). Namun, wujudnya perubahan kepada punca mufliis melalui masa di mana kes bankrap akibat kegagalan membayar hutang kad kredit adalah sebanyak 1,770 kes daripada jumlah 18, 457 kes kebangkrutan pada 2015. Bagi tempoh 2011-2015, khususnya pada 2014 dan 2015, isu kebangkrutan paling tinggi adalah berpunca daripada pinjaman peribadi diikuti dengan kebangkrutan akibat sewa beli kenderaan menurut statistik Bank Negara Malaysia (Rohaniza Idris dan Hazwan Faisal Ahmad, 2016). Mengikut sumber Jabatan Insovensi Malaysia, punca mufliis terkini ialah pinjaman kenderaan (36%), pinjaman perumahan (26%), pinjaman peribadi (24%) dan pinjaman perniagaan untuk baki 14% (Fara Joifin, 2017). Perubahan ini berkaitan dengan pelbagai langkah positif Bank Negara Malaysia dalam menangani kebangkrutan akibat kad kredit termasuklah memperketat syarat kelulusan dalam permohonan kad kredit iaitu pemohon hanya layak sekiranya mempunyai pendapatan minimum RM24,000 setahun. Justeru, corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja golongan belia di Malaysia perlu difahami.

Makalah ini merupakan perkongsian ilmu bagi sebahagian daripada hasil dapatan projek kajian jangkaan dan harapan belia mengenai kos sara hidup yang dijalankan dalam tahun 2016 melalui survei atas talian. Untuk tujuan makalah ini, tumpuan perbincangan adalah berkenaan corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja golongan belia di Malaysia. Laporan dalam akhbar Berita Harian menyatakan bahawa rakyat membelanjakan lebih 30% belanjawan bulanan mereka untuk makanan sahaja (Berita Harian: 6 Oktober 2016). Justeru, makalah ini turut mengupas isu ini dengan memberi perhatian kepada jenis-jenis perbelanjaan responden dalam tempoh satu bulan. Pengiraan perbelanjaan mengikut item turut dilakukan untuk mengetahui peratusan perbelanjaan, yakni peratusan purata dan peratusan berkesan yang paling tinggi kepada individu, untuk setiap item yang dibelanjakan oleh para responden.

Makalah ini turut membuat analisis ke atas kemampuan belia dalam menyara kos perbelanjaan mereka. Analisis turut memberi kepada insiden ketidakmampuan belia dan cuba menunjukkan tren berbanding faktor demografi yang terpilih seperti lokasi dan negeri responden.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan dengan kos sara hidup yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji di Malaysia turut diselitkan dalam bahagian ini sebagai latar belakang keperluan kajian bagi memanfaatkan perbincangan makalah ini.

Kajian Abhijeet Birari dan Umesh Patil (2014) berkenaan tingkah laku berbelanja telah dibuat melibatkan 150 orang belia di bandar Aurangabad, India. Dapatan kajian menunjukkan tahap pendidikan mempengaruhi corak perbelanjaan. Selain itu, belia lelaki dan perempuan mempunyai corak perbelanjaan yang berbeza. Sebilangan besar perbelanjaan mereka adalah untuk membeli-belah, makanan di restoran makanan segera, perbelanjaan telefon bimbit, pelaburan dan pengangkutan. Kecenderungan untuk menabung atau melabur sangat rendah. Dapatan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Subhani *et. al.* (2012) di beberapa bandar utama di Pakistan melibatkan 1000 responden. Dapatan kajian menunjukkan belia pada hari ini berbelanja lebih dan perbelanjaan banyak tertumpu kepada perbelanjaan untuk pakaian, pelancongan dan hiburan. Selain itu, hasil kajian juga selari dengan dapatan yang diperolehi berdasarkan satu penyelidikan di Nigeria (Folorunsho M. AJIDE, 2015). Kajian ini mendapati bahawa belia membelanjakan sebahagian besar pendapatannya untuk membeli belah, pengangkutan, menonton filem di pawagam dan makan di restoran makanan segera.

Bagi kajian yang melibatkan belia di Malaysia pula, Koon Foo Yu dan Nurazrin Jupri (2015) telah mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan masalah kewangan di kalangan generasi Y di Malaysia. Data tinjauan yang dikutip dari 150 Generasi Y menunjukkan bahawa hampir 70% daripada Generasi Y berpendapat mereka mengalami masalah kewangan khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang lebih tinggi. Selain itu, kajian juga mendapati terdapat korelasi linear yang kuat dan positif di antara pemboleh ubah bebas tingkah laku perbelanjaan, tabiat simpanan dan pengurusan kewangan dengan pemboleh ubah bergantung yakni masalah kewangan.

Menurut Lim *et. al.* (2014), perbelanjaan berlebihan pengguna muda telah menyebabkan mereka terjebak dengan hutang. Ramai yang mengambil sikap belanja dulu, fikir kemudian. Fenomena perbelanjaan yang tidak terkawal di kalangan remaja mungkin berlaku kerana perkembangan teknologi semasa (Idris, Krishnan dan Azmi, 2013).

Dari sudut keutamaan perbelanjaan, satu kajian golongan muda yang melibatkan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) telah dibuat oleh Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Bin Ahmad (2017). Kajian menunjukkan mahasiswa IPTA paling banyak berbelanja dengan membeli makanan dan membayar bil telefon. Mahasiswa IPTS pula paling banyak membelanjakan wang mereka dengan membeli-belah.

Heng H.L.S. *et. al.* (2007) mengkaji corak perbelanjaan isi rumah Malaysia untuk makanan. Kajian ini telah membuat analisa regresi sensor Model Tobit dan melibatkan responden berjumlah 9198 isi rumah. Hasil kajian mendapati warga Malaysia secara umumnya membelanjakan lebih kurang 34% daripada pendapatan untuk makanan. Kewujudan banyak restoran, *outlet* makanan segera dan gerai-gerai menyebabkan ramai anak-anak muda mengubah pilihan mereka daripada makanan

yang di masak di rumah kepada membeli makanan luar.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah satu proses bagi mengkaji sesuatu perkara dan dirungkai bagi melihat hasil serta kebenarannya secara sistematik dan telus (Ahmad Mahdzhan Ayob, 2005). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana ia sesuai bagi menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku dalam konteks populasi yang besar (Creswell, 2005). Ia juga sesuai dengan mana-mana teknik pengumpulan data seperti soal selidik atau bagi memenuhi prosedur analisis data seperti graf atau statistik yang menggunakan data berangka. Soal selidik yang dibentuk adalah menggunakan borang soal selidik atas talian dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Malaysia (IYRES) setelah ia diperakukan. Pentadbiran borang soal selidik melalui atas talian adalah menggunakan laman web iaitu pautan yang disediakan oleh pihak IYRES. Proses pengumpulan data ini mengambil masa selama sebulan dengan tempoh masa menjawab soal selidik atas talian ini secara puratanya di dalam 30 minit.

Borang soal selidik atas talian terbahagi kepada enam bahagian iaitu:

1. Bahagian A: Demografi (25 item soalan)
2. Bahagian B: Perbelanjaan (5 item soalan)
3. Bahagian C: Bebanan (27 item soalan)
4. Bahagian D: Keperluan Belia (6 item soalan)
5. Bahagian E: Peranan Pihak Kerajaan dan Implikasi Kepada Belia (1 item soalan)
6. Bahagian F: Kebimbangan dan Hasrat Belia (2 item soalan)

Secara amnya kajian ini melibatkan golongan belia di 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan di seluruh Malaysia bagi memberi generalisasi golongan belia terhadap isu yang dikaji di dalam kajian ini. Jumlah populasi belia di Malaysia adalah seramai 14.1 juta (IYRES *Malaysia Youth Data Bank System*, 2017). Seramai 600 orang responden telah dipilih bagi melengkapkan soal selidik ini dan pendekatan pemilihan saiz sampel adalah berdasarkan Sekaran (2003) di mana bagi nilai populasi melebihi 1 juta orang nilai sampel saiz perlulah sekurang-kurangnya 384 orang yang boleh membantu memberi generalisasi kepada kajian ini kelak. Sasaran utama responden adalah golongan belia berusia berumur 15 hingga 30 tahun selari dengan definisi umur belia yang diperkenalkan di dalam Dasar Belia Malaysia 2015. Namun begitu, terdapat seramai 74 orang responden yang berumur dalam lingkungan 31 tahun hingga 40 tahun yang turut menjawab soal selidik tersebut. Golongan ini masih lagi belia mengikut definisi belia yang diterima pakai di bawah Akta 668 iaitu Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668, 2007, p.12). Semakan ke atas maklumat golongan belia yang berumur 31-40 tahun menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan berbanding dengan golongan berumur 30 tahun dan ke bawah. Justeru, ia tidak memberi kesan signifikan kepada dapatan akhir kajian. Seramai 150 orang pelajar daripada 600 orang responden yang

diklasifikasikan sebagai pelajar di mana 85 orang (14.2%) adalah pelajar sepenuh masa, 23 orang (3.8%) bekerja dan belajar secara sambilan dan 42 orang (7.0%) bekerja dan belajar secara sambilan.

Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan tak kebarangkalian menggunakan teknik kuota dengan mengambil kira sensitiviti masa di mana prosedurnya adalah dengan membahagikan populasi kepada kumpulan spesifik berdasarkan parameter tertentu seperti contoh jumlah belia, lokasi/kawasan dan penetapan kuota dilakukan bagi setiap kumpulan berdasarkan data yang ada, setiap kawasan akan dikumpulkan maklumat dan maklumat tersebut akan digabungkan bagi memberi sampel yang lebih ramai (Saunders *et. al.*, 2007). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Statistik deskriptif (antaranya termasuklah frekuensi, peratusan, purata skor atau min), statistik tabulasi silang digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menganalisa corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja responden (belia) di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Profil Responden

Suku/Etnik (n=600)	Kekerapan	Peratus
Bumiputera Semenanjung (Melayu)	534	89
Bumiputera Sabah	27	4.5
Bumiputera Sarawak	3	0.5
Cina	18	3
India	18	3
Jumlah	600	100
Jantina (n=600)	Kekerapan	Peratus
Lelaki	279	46.5
Perempuan	321	53.5
Jumlah	600	100.0
Agama (n=600)	Kekerapan	Peratus
Buddha	18	3
Hindu	14	2.3
Islam	552	92
Kristian	15	2.5
Lain-Lain	1	0.2
Jumlah	600	100

Pekerjaan (n=600)	Kekerapan	Peratus
Bekerja dengan Keluarga	9	1.5
Bekerja Sendiri	46	7.7
GLC (Syarikat Milik Kerajaan) & GLIC (Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan)	31	5.2
Lain-lain	85	14.2
NGO (Badan Bukan Kerajaan)	12	2
Penjawat Awam/Kakitangan Kerajaan	199	33.2
Swasta Tempatan	184	30.7
Swasta Antarabangsa	34	5.7
Jumlah	600	100

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang melibatkan jantina, agama, suku/etnik dan pekerjaan responden seramai 600 orang. Bagi taburan jantina responden, seramai 321 orang (53.5%) adalah belia perempuan dan 279 orang (46.5%) adalah belia lelaki yang terlibat di dalam kajian ini. Bagi taburan agama di kalangan responden yang terlibat di dalam kajian ini, majoriti responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah beragama Islam iaitu seramai 552 orang (92%), manakala yang beragama Buddha adalah seramai 18 orang (3%), Kristian 15 orang (2.5%), Hindu 14 orang (2.3%) dan lain-lain hanya 1 orang (0.2%).

Bagi aspek keturunan/etnik responden yang terlibat di dalam kajian ini majoritinya berketurunan Bumiputera Semenanjung (Melayu) iaitu seramai 534 orang (89%), diikuti dengan responden berketurunan Bumiputera Sabah seramai 27 orang (4.5%), Bumiputera Sarawak seramai 3 orang (0.5%), Cina seramai 18 orang (3%) dan India seramai 18 orang (3%). Taburan data yang berikutnya adalah sektor pekerjaan responden yang terlibat di dalam kajian ini di mana responden yang bekerja di sektor penjawat awam/kakitangan kerajaan adalah sebanyak 199 orang (33.2%), diikuti yang berkhidmat di sektor swasta tempatan iaitu seramai 184 orang (30.7%) dan lain-lain sektor seramai 85 orang (14.2%). Selain itu, responden yang lain bekerja di sektor GLC, keluarga, bekerja sendiri, NGO dan swasta antarabangsa masing-masing adalah seramai 31 orang (5.2%), 9 orang (1.5%), 46 orang (7.7%), 12 orang (2.0%) dan 34 orang (5.7%).

Jadual 2: Kelulusan Pendidikan Tertinggi Responden

Kelulusan	Kekerapan	Peratusan
Sekolah Menengah	78	13%
Sijil/Diploma/STPM/Matrikulasi	239	39.8%
Ijazah Sarjana Muda (Degree)	238	39.7%
Ijazah Sarjana/ PHD	45	7.5%
Jumlah	600	100.0

Jadual 2 menunjukkan kelulusan pendidikan tertinggi responden yang terlibat di dalam kajian ini. Majoriti daripada responden yang terlibat dalam kajian ini berkelulusan Diploma/STPM/Matrikulasi seramai 239 orang (39.8%) diikuti dengan Ijazah Sarjana Muda (*Degree*) seramai 238 orang (39.7%), diikuti dengan Sekolah Menengah serta Ijazah Sarjana/PHD iaitu masing masing seramai 78 orang (13%) dan 45 orang (7.5%).

Jadual 3: Pendapatan Bulanan Kasar Individu dan Pendapatan Bulanan Bersih Isi Rumah

Kawasan	Pendapatan Bulanan Kasar Individu (RM)	Pendapatan Bulanan Bersih Isi Rumah (RM)
Semenanjung Malaysia	1,745.50 (566)	2,400.20 (564)
Sabah	1,770.50 (28)	2,285.40 (30)
Sarawak	2,335.30 (6)	2,085.80 (6)

Jadual 3 menunjukkan pendapatan bulanan kasar individu dan pendapatan bulanan bersih isi rumah bagi ketiga-tiga kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jadual di atas menunjukkan didapati yang berasal dari Semenanjung Malaysia mempunyai pendapatan bulanan kasar individu sebanyak RM 1,745.50 sebulan yang mana bermaksud responden mempunyai pendapatan tidak kurang daripada RM 1,745.50 dengan jumlah responden yang terlibat adalah seramai 566 orang. Bagi responden yang berasal dari Sabah dan Sarawak, responden memiliki sekurang-kurangnya RM 1,770.50 dan RM 2,335.30 sebulan dengan jumlah responden yang terlibat masing-masing adalah seramai 28 orang dan 6 orang. Bagi pendapatan bulanan bersih isi rumah pula, responden yang berasal dari Semenanjung Malaysia mempunyai pendapatan sebanyak RM 2,400.20 dengan jumlah responden yang terlibat adalah seramai 564 orang, manakala responden berasal dari Sabah dan Sarawak memiliki pendapatan bulanan bersih isi rumah tidak kurang daripada RM 2,285.40 (Sabah) dan RM 2,085.80 (Sarawak) dalam tempoh sebulan dengan jumlah responden masing-masing adalah sebanyak 30 orang dan 6 orang.

Jadual 4: Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi	Kekerapan	Peratusan
Bandar (Tinggal di dalam Kawasan Majlis/Dewan Bandar Raya dan Majlis Perbandaran)	446	74.3
Luar Bandar (Tinggal di dalam Kawasan Majlis Daerah)	154	25.7
Jumlah	600	100.0

Jadual 4 menunjukkan lokasi tempat tinggal responden. Majoriti responden yang terlibat di dalam kajian ini tinggal di kawasan bandar iaitu seramai 446 orang (74.3%), manakala selebihnya tinggal di kawasan luar bandar iaitu 114 orang (25.7%). Pentakrifan di antara kawasan bandar dan luar bandar adalah mengikut kepada pentakrifan yang diberikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Mesyuarat Majlis Negeri Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke 60 pada 3 Jun 2018.

Jadual 5: Adakah Anda Merancang Perbelanjaan Bulanan Anda

	Kekerapan	Peratusan
Kadangkala Merancang	245	40.8
Sentiasa Merancang	327	54.5
Tidak Pernah Merancang	28	4.7
Jumlah	600	100

Berdasarkan Jadual 5 berkenaan kenyataan “Adakah Anda Merancang Perbelanjaan Bulanan Anda?”, seramai 327 orang responden (54.5%) menyatakan bahawa mereka sentiasa merancang perbelanjaan bulanan mereka, manakala 245 orang responden (40.8%) menyatakan kadangkala merancang. Selebihnya seramai 28 orang responden (4.7%) menyatakan mereka tidak pernah merancang perbelanjaan bulanan mereka.

Jadual 6 menunjukkan peratusan perbelanjaan responden dalam tempoh sebulan yang melibatkan 37 item utama di dalam kajian ini. Jumlah perbelanjaan min dan maks bagi ke setiap item dinyatakan di bawah di dalam bentuk peratusan. Amaun min (minima) merujuk kepada peratusan perbelanjaan ke atas semua item yang minima oleh responden masing-masing. Manakala amaun maks (maksimum) merujuk kepada bahagian atau peratusan perbelanjaan untuk item-item yang paling tinggi untuk sesetengah responden yang berkaitan. Ini bermaksud peratusan minima dan maksimum ini adalah satu julat perbelanjaan yang mungkin terjadi mengikut status kewangan individu responden masing-masing. Dalam erti kata yang lain, ia

bermaksud responden tidak terikat dengan jumlah minimum yang perlu dibelanjakan, tetapi ada dalam kalangan mereka membelanjakan pendapatan mereka bagi item-item tersebut sehingga ke peratusan yang lebih tinggi sehingga tahap maksimum mengikut individu responden. Ini bermakna responden mengalami julat yang agak besar antara satu sama lain serta mencerminkan tahap kewangan yang berbeza dalam kalangan responden. Yakni, ada responden yang mempunyai pengalaman yang mana suatu item merupakan komposisi perbelanjaan yang tinggi (peratusan yang tinggi daripada pendapatan mereka) dan ada yang mencatat peratusan perbelanjaan yang sedikit. Berdasarkan maklum balas responden berkenaan dengan anggaran perbelanjaan bulanan mereka, setiap responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 5.2% dan 6.8% daripada pendapatan bulanan mereka masing-masing untuk membayar ansuran rumah (rumah sendiri) atau sewa bulanan bagi setiap bulan. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima, ada responden yang membelanjakan maksimum sehingga 88.7% (ansuran rumah) dan 60.5% (sewa) daripada pendapatan bulanan mereka bagi menampung perbelanjaan item tersebut mengikut kemampuan dan komitmen responden.

Bagi keperluan rumah dan kos utiliti pula, responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 7.5% dan 4.5% daripada pendapatan mereka bagi menampung kedua-dua kos tersebut dalam masa sebulan, namun responden dapat membelanjakan secara maksimum sehingga 60.8% dan 42.6% daripada pendapatan mereka bagi membiayai perbelanjaan tersebut.

Jadual 6: Peratusan Perbelanjaan Responden dalam Tempoh Sebulan

Bil Perkara	Min (%)	Maks (%)
1 Tempat Tinggal-Ansuran Rumah (Rumah Sendiri)	5.2	88.7
2 Tempat Tinggal-Bayaran Sewa Bulanan(Sewa daripada Individu Lain Termasuk Kuarters)	6.8	60.5
3 Keperluan Rumah (Seperti Bahan Pencuci/Susu/Gula/ Biskut Dll)	7.5	60.8
4 Kos Utiliti (Bil Elektrik/Air)	4.5	42.6
5 Makanan Siap/Segera (Seperti Kos Makanan yang dibelanjakan di Pejabat/Sekolah)	5.9	53.6
6 Makanan Masakan Sendiri/Keluarga(Barang Basah Seperti Sayur/Ikan/Daging/Dll)	5.8	36.3
7 Barangan Keperluan dan kekemasan diri (Syampu, Gel Mandian, Ubat Gigi, Barangan Kosmetik, Supplement, Dll)	3.6	31.6
8 Ansuran Bulanan Kenderaan (Jika Memiliki Kenderaan Sendiri)	9.4	74.1

9	Kos Penyelenggaraan Kenderaan/Servis	3.6	44.6
10	Kos Bahan Api (Petrol, Diesel, LPG)	5.3	23.3
11	Bayaran <i>Parking</i>	0.5	17.3
12	Bayaran Tol	1.0	13.7
13	Kos Pengangkutan Awam (Jika Menggunakannya)	0.8	23.2
14	Bayaran Balik Pinjaman Peribadi	4.9	82.9
15	Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran (PTPTN, MARA, Dll)	4.7	98
16	Kad Kredit	1.0	30.7
17	Bayaran Perkhidmatan Telekomunikasi (<i>Prepaid/Postpaid/Astro/Streamyx/Dll</i>)	3.2	25.7
18	Peralatan Elektronik (<i>Handphone/Laptop/Dll</i>)	1.3	80.8
19	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Susu	0.9	32.3
20	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)- Lampin Pakai Buang	0.6	22.7
21	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)- Pengasuh Atau Taska	1.0	22.6
22	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Pembantu Rumah	0.1	8.2
23	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Tuisyen/Kelas Tambahan	0.2	14.8
24	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Kelas Renang/ Taekwando/Dll	0.1	7.3
25	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Lain-Lain	0.4	12.1
26	Pemberian kepada IbuBapa	4.5	39.5
27	Pemberian kepada Adik Beradik	0.9	18.6
28	Zakat/Derma	1.0	25.9
29	Insurans/Takaful	1.8	28.1
30	Hiburan (<i>Wayang, Window Shopping Dll</i>)	1.7	24.5
31	Hobi (<i>Melancong, Rekreasi, Membaca, Muzik, Dll</i>)	1.3	50.6
32	Tabungan Untuk Kecemasan/Kos Perubatan	2.2	64.7
33	Simpanan/Tabungan/Pelaburan (ASB, Unit Amanah, Simpanan Tetap (FD), Emas, Dll)	2.6	86.4
34	Sukan (<i>Futsal, Basikal, Gim, Dll</i>)	0.5	36.5
35	Kos Pendidikan (<i>Sambung Pengajian-Pembiayaan Sendiri</i>)	2.6	86.4
36	Bayaran Cukai Tanah, Cukai Pintu dari Indah Water/ Jabatan Air (Jika Ada)	0.8	39.5

37	Bayaran Penyelenggaraan Kediaman- <i>Maintenance Fees</i> - DII (Jika Ada)	0.5	21.9
38	Lain-Lain	0.9	48.2

Selain itu, bagi kos makanan siap/segera dan makanan masakan sendiri, responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 5.9% dan 5.8% daripada pendapatan mereka untuk menyara kedua-dua kos tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat responden yang membelanjakan secara maksimum sehingga 53.6% dan 36.3% daripada pendapatan bulanan mereka bagi menampung kos perbelanjaan bagi makanan siap/segera dan makanan masakan sendiri. Justeru, dapatan kajian konsisten dengan sumber lain yang mendapati 30% perbelanjaan adalah untuk makanan. Untuk itu, makalah ini turut memberi ruangan bagi membincangkan kemampuan belia dalam menyara kos perbelanjaan makanan mereka.

Bagi kos barangan keperluan dan kekemasan diri, responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 3.6% dan mereka dapat menggunakan sehingga 31.6% daripada pendapatan sebulan untuk membayar kos tersebut. Responden juga membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 9.4% untuk membayar ansuran bulanan kenderaan mereka (hanya bagi yang memiliki kenderaan sendiri sahaja) dan membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 3.6% daripada pendapatan untuk menampung kos penyelenggaraan kenderaan mereka. Walau bagaimanapun, ada responden membelanjakan secara maksimum sehingga 74.1% dan 44.6% daripada pendapatan mereka untuk membayar ansuran kenderaan dan kos servis bagi kenderaan mereka.

Responden membelanjakan tidak kurang daripada 5.3% daripada pendapatan mereka untuk menyara kos bagi bahan api dalam sebulan dan boleh membelanjakan sehingga 23.3% pendapatan mereka bagi menampung kos tersebut. Bagi kos bayaran parking dan tol, responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 0.5% dan 1.0% daripada purata pendapatan mereka, manakala bagi responden yang menggunakan pengangkutan awam, mereka akan membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 0.8% daripada pendapatan mereka untuk menampung kos pengangkutan awam mereka.

Disamping itu, responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 4.9% untuk membayar balik pinjaman peribadi mereka. Responden juga membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 4.7% daripada pendapatan responden digunakan untuk membayar balik pinjaman pelajaran seperti PTPTN. Terdapat sesetengah responden membelanjakan secara maksimum sehingga 82.9% dan 98% daripada pendapatan bulanan mereka untuk membayar balik pinjaman peribadi dan pinjaman pelajaran mereka setiap bulan. Justeru, wujudnya satu senario baru dalam perbelanjaan belia iaitu pembayaran balik pinjaman untuk tujuan pendidikan. Tidak dinafikan bahwa PTPTN telah membuka peluang kepada belia untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi untuk para belia, namun ia juga memberi implikasi kepada komposisi perbelanjaan belia.

Bagi bayaran perkhidmatan telekomunikasi dan kos peralatan elektronik pula, setiap responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 3.2% dan 1.3% sebulan. Disamping itu, bagi responden yang telah berkahwin dan mempunyai anak membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 0.9% sebulan bagi susu, bagi lampin adalah 0.6% sebulan serta membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 1.0 % bagi menampung kos pengasuh atau taska daripada pendapatan bulanan mereka.

Tambahan lagi, responden juga membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 0.1% dan 0.2% untuk membiayai kos pembantu rumah dan perbelanjaan tuisyen/kelas tambahan. Manakala bagi perbelanjaan kelas taekwando atau renang, dll dan juga perbelanjaan bagi lain-lain perkara, setiap responden membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 0.1% dan 0.4% sebulan daripada pendapatan bulanan mereka. Selain itu juga, responden juga membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak sebanyak 2.2% dan 2.6% untuk membuat tabungan kecemasan/kos perubatan dan juga digunakan untuk simpanan/tabungan/pelaburan. Di samping itu, membelanjakan sekurang-kurangnya sebanyak 4.5% diberikan kepada ibu bapa mereka setiap bulan.

Jadual 7: Peratusan Perbelanjaan Keseluruhan Berdasarkan Keutamaan dalam Tempoh Sebulan

Bil Perkara	Peratus (%)
1 Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran (PTPTN, MARA, DII)	12.85
2 Ansuran Bulanan Kenderaan (Jika Memiliki Kenderaan Sendiri)	7.81
3 Bayaran Balik Pinjaman Peribadi	6.81
4 Keperluan Rumah (Seperti Bahan Pencuci/Susu/Gula/Biskut DII)	6.14
5 Kos Pendidikan (Sambung Pengajian-Pembiayaan Sendiri)	5.42
6 Tempat Tinggal-Ansuran Rumah (Rumah Sendiri)	5.4
7 Tempat Tinggal-Bayaran Sewa Bulanan(Sewa daripada Individu Lain Termasuk Kuarters)	4.82
8 Makanan Masakan Sendiri/Keluarga(Barang Basah Seperti Sayur/Ikan/Daging/DII)	4.62
9 Kos Bahan Api (Petrol, Diesel, LPG)	4.26
10 Makanan Siap/Segera (Seperti Kos Makanan yang dibelanjakan di Pejabat/Sekolah)	4.18
11 Pemberian kepada Ibu Bapa	3.94
12 Kos Utiliti (Bil Elektrik/Air)	3.48
13 Kos Penyelenggaraan Kenderaan/Servis	3.29

14	Simpanan/Tabungan/Pelaburan (ASB, Unit Amanah, Simpanan Tetap (FD), Emas, Dll)	2.92
15	Barangan Keperluan dan kekemasan diri (Syampu, Gel Mandian, Ubat Gigi, Barangan Kosmetik, Supplement, Dll)	2.78
16	Tabungan Untuk Kecemasan/Kos Perubatan	2.55
17	Bayaran Perkhidmatan Telekomunikasi (<i>Prepaid/Postpaid/Astro/Streamyx/Dll</i>)	2.47
18	Peralatan Elektronik (<i>Handphone/Laptop/Dll</i>)	1.78
19	Insurans/Takaful	1.69
20	Kad Kredit	1.57
21	Hiburan (Wayang, <i>Window Shopping</i> Dll)	1.54
22	Hobi (Melancong, Rekreasi, Membaca, Muzik, Dll)	1.51
23	Bayaran Cukai Tanah, Cukai Pintu dari Indah Water/Jabatan Air (Jika Ada)	1.26
24	Lain-Lain	1.24
25	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)- Pengasuh atau Taska	1.13
26	b. Bayaran Tol	0.98
27	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Susu	0.9
28	Zakat/Derma	0.86
29	Pemberian Kepada Adik Beradik	0.8
30	Bayaran Penyelenggaraan Kediaman- <i>Maintenance Fees</i> -Dll (Jika Ada)	0.67
31	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)- Lampin Pakai Buang	0.62
32	Kos Pengangkutan Awam (Jika Menggunakannya)	0.59
33	Sukan (Futsal, Basikal, Gim, Dll)	0.54
34	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Lain-Lain	0.5
35	Bayaran <i>Parking</i>	0.46
36	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Tuisyen/Kelas Tambahan	0.32
37	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Pembantu Rumah	0.19
38	Perbelanjaan Anak-Anak (Jika Ada)-Kelas Renang/Taekwando/ Dll	0.15

Jadual 7 menunjukkan peratusan perbelanjaan secara keseluruhan mengikut keutamaan responden dalam tempoh sebulan. Berdasarkan analisis data didapati peratusan perbelanjaan terbesar yang dibelanjakan daripada pendapatan bulanan adalah bayaran balik pinjaman pelajaran (PTPTN/MARA) iaitu sebanyak 12.85% daripada pendapatan bulanan diikuti dengan peratusan perbelanjaan untuk membayar ansuran bulanan kenderaan iaitu sebanyak 7.81%. Peratusan perbelanjaan untuk membayar balik pinjaman peribadi merupakan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 6.81% daripada perbelanjaan sebulan responden.

Bayaran balik pinjaman pelajaran merupakan peratusan perbelanjaan tertinggi yang ditanggung oleh belia disebabkan mereka perlu membayar pinjaman mereka sekiranya tidak ingin nama mereka disenaraihitamkan daripada membuat pinjaman kewangan ataupun ke luar negara. Peratusan perbelanjaan tertinggi bagi bayaran ansuran bulanan kenderaan adalah disebabkan kewajipan bagi setiap pemilik kenderaan untuk membayar ansuran tersebut bagi mengelakkan daripada kenderaan mereka ditarik semula oleh pihak bank.

Peratusan perbelanjaan keperluan rumah adalah keempat tertinggi yang ditanggung oleh responden iaitu sebanyak 6.14%, manakala peratusan perbelanjaan (menyambung pengajian – pembiayaan sendiri) serta peratusan perbelanjaan bagi membayar ansuran rumah merupakan kelima dan keenam tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 5.42% dan 5.4%. Peratusan perbelanjaan yang ditanggung selebihnya adalah di bawah 5% daripada pendapatan bulanan belia.

Jadual 8: Kemampuan Menyara Kos Perbelanjaan

Perkara	Ya	Ya (%)	Tidak	Tidak (%)	Tidak Tahu	Tidak Tahu
Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri?	404	67.3	160	26.7	36	6
Adakah Anda Mampu Membiayai Kos Perubatan Anda Sendiri?	211	35.2	317	52.8	72	12
Adakan Anda Mampu Membayar Yuran Pengajian Anda?	119	19.8	404	67.3	77	12.8
Adakah Anda Merasakan Peluang dan Kos Belajar Di Universiti Awam dan Institut Pengajian Swasta Adalah Sama Tanpa Mengira Jantina?	268	44.7	252	42	80	13.3

Adakah Anda Merasakan Kos Untuk Mendapatkan Bekalan Air Bersih Masih Berada dalam Kemampuan Anda?	443	73.8	108	18	49	8.2
Adakah Anda Merasakan Kos Untuk Menggunakan Tenaga Hijau Masih Berada dalam Kemampuan Anda?	234	39	260	43.3	106	17.7
Adakah Jawatan Serta Gaji/Upah yang Diperolehi Oleh Golongan Belia Setimpal dengan Kelayakan Akademik Mereka?	89	14.8	452	75.3	59	9.8

Jadual 8 menunjukkan kemampuan bagi responden untuk menyara kos perbelanjaan harian mereka. Berdasarkan Jadual 8, majoriti golongan belia seramai 404 orang (67.3%) menyatakan mereka mampu untuk menyara perbelanjaan makanan harian mereka sendiri dan seramai 160 orang responden (26.7%) menyatakan bahawa mereka tidak mampu untuk menyara perbelanjaan makanan harian mereka. Seterusnya, seramai 317 orang responden (52.8%) tidak mampu untuk membiayai kos perubatan mereka sendiri dengan 211 orang responden (35.2%) adalah mampu. Seramai 404 orang responden (67.3%) tidak mampu untuk membayar yuran pengajian mereka berbanding 119 orang responden (19.8%) yang mampu.

Di samping itu, seramai 452 orang responden (75.3%) merasakan jawatan serta gaji/upah yang diperolehi oleh golongan belia tidak setimpal dengan kelayakan akademik mereka manakala 89 orang responden (14.8%) selebihnya menyatakan setimpal. Majoriti daripada responden 260 orang responden (43.3%) turut menyatakan bahawa mereka tidak berkemampuan untuk menyara kos bagi penggunaan tenaga hijau manakala 234 orang responden (39%) menyatakan kemampuan mereka akan perkara tersebut.

Meskipun terdapat 268 orang responden (44.7%) merasakan peluang dan kos belajar di universiti awam dan institut pengajian swasta adalah sama tanpa mengira jantina dan berada didalam kemampuan mereka, namun 252 orang responden (42%) berpendapat bahawa peluang dan kos belajar adalah tidak sama sekaligus menjadikan mereka tidak mampu. Seramai 443 orang responden (73.8%) menyatakan kos untuk mendapatkan bekalan air bersih masih dalam kemampuan mereka untuk menyara kos tersebut berdasarkan apa yang ditawarkan di dalam pasaran pada masa kini. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir responden

seramai 108 orang responden (18%) mengatakan mereka tidak mampu untuk menyara kos tersebut berdasarkan apa yang ditawarkan di dalam pasaran pada masa kini.

Justeru, perhatian yang sewajarnya harus juga diberi perhatian kepada golongan bukan-majoriti dalam item-item yang majoritinya 'tidak bermasalah'. Hal ini penting kerana kewujudan golongan ini mungkin memberi isyarat bahawa keadaan atau tren yang lebih mencabar sedang menanti di masa hadapan. Justeru, makalah ini merujuk kumpulan responden sebagai wakil suara bukan-majoriti dan bukannya golongan minoriti.

Jadual 9: Kemampuan Menyara Kos Perbelanjaan Makanan Responden Mengikut Negeri

Negeri Tempat Tinggal	Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri							
	Ya		Tidak		Tidak Tahu		Jumlah	
	Bil.	Peratus (ikut negeri)	Bil.	Peratus (ikut negeri)	Bil.	Peratus (ikut negeri)	Bil.	Peratus
Johor	44	74.6%	12	20.3%	3	5.1%	59	100.0%
Kedah	41	78.8%	8	15.4%	3	5.8%	52	100.0%
Kelantan	19	76.0%	6	24.0%	0	.0%	25	100.0%
Melaka	23	62.2%	12	32.4%	2	5.4%	37	100.0%
Negeri Sembilan	16	53.3%	12	40.0%	2	6.7%	30	100.0%
Pahang	16	72.7%	4	18.2%	2	9.1%	22	100.0%
Perak	23	63.9%	8	22.2%	5	13.9%	36	100.0%
Perlis	8	72.7%	1	9.1%	2	18.2%	11	100.0%
Pulau Pinang	20	71.4%	7	25.0%	1	3.6%	28	100.0%
Sabah	20	71.4%	8	28.6%	0	.0%	28	100.0%
Sarawak	2	50.0%	2	50.0%	0	.0%	4	100.0%
Selangor	90	58.4%	53	34.4%	11	7.1%	154	100.0%
Terengganu	20	69.0%	9	31.0%	0	.0%	29	100.0%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	53	74.6%	13	18.3%	5	7.0%	71	100.0%
Wilayah Persekutuan Labuan	1	100.0%	0	.0%	0	.0%	1	100.0%
Wilayah Persekutuan Putrajaya	8	61.5%	5	38.5%	0	.0%	13	100.0%
Jumlah	404	67.33%	160	26.67%	36	6%	600	100%

Jadual 9 menunjukkan analisis tabulasi silang di antara “ Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri” dan “Negeri Tempat Tinggal” yang melibatkan seramai 600 orang responden di dalam kajian ini. Analisis terhadap 160 responden yang tidak mampu menyara perbelanjaan makanan harian mereka menunjukkan responden dari negeri Selangor mencatatkan bilangan tertinggi secara perbandingannya dalam isu ketidakmampuan untuk menyara perbelanjaan makanan iaitu seramai 53 orang responden atau 33.1% daripada jumlah keseluruhan responden yang tidak mampu menyara perbelanjaan makanan mereka. Secara keseluruhan, purata ketidakmampuan menampung perbelanjaan makanan adalah 26.7% yang konsisten dengan purata ketidakmampuan responden mengikut negeri iaitu 26.0% yang merangkumi julat antara 9.1% bagi responden Perlis dan 50.0% bagi negeri Sarawak.

Daripada 154 orang responden yang berasal dari Selangor, 34.4% (53 orang responden) menyatakan ketidakmampuan mereka untuk menyara perbelanjaan makanan harian mereka manakala 7.1% (11 orang responden) menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui kemampuan mereka bagi menyara kos tersebut. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, daripada 71 orang responden yang memberikan maklum balas mereka, 18.3% menyatakan bahawa mereka tidak mampu bagi menyara kos tersebut dan 7.0% menyatakan mereka tidak mengetahui kemampuan mereka. Daripada 30 orang responden berasal dari Negeri Sembilan, sebanyak 40.0% tidak mampu bagi menyara perbelanjaan makanan harian mereka. Daripada maklum balas yang diterima daripada 37 orang responden yang berasal dari Melaka, sebanyak 32.4% tidak mampu bagi menyara kos perbelanjaan bagi makanan harian mereka.

Jadual 10: Kemampuan Menyara Kos Perbelanjaan Makanan Responden Mengikut Kawasan Bandar dan Luar Bandar

Lokasi Tempat Tinggal	Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri							
	Ya		Tidak		Tidak Tahu		Jumlah	
	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus
Bandar (Tinggal di dalam Kawasan Majlis/Dewan Bandar Raya dan Majlis Perbandaran)	305	50.8%	117	19.5%	24	4.0%	446	74.3%
Luar Bandar (Tinggal di dalam Kawasan Majlis Daerah)	99	16.5%	43	7.2%	12	2.0%	154	25.7%
Jumlah	404	67.3%	160	26.7%	36	6.0%	600	100.0%

Jadual 10 menunjukkan analisis tabulasi silang di antara “Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri” dan “Lokasi Tempat Tinggal” yang melibatkan seramai 600 orang responden di dalam kajian ini. Daripada jumlah 446 responden yang tinggal di kawasan bandar, seramai 117 responden (19.5%) menyatakan mereka tidak mampu menyara perbelanjaan untuk makanan harian mereka, manakala seramai 43 orang responden (7.2%) daripada 154 orang responden yang tinggal di kawasan luar bandar turut menyatakan ketidakmampuan mereka bagi menyara kos perbelanjaan makanan. Kajian ini juga mendapati daripada 160 orang responden yang tidak mampu menyara perbelanjaan makanan harian mereka, sebanyak 73.1% merupakan responden yang tinggal di kawasan bandar manakala 26.9% selebihnya tinggal di kawasan luar bandar (Rujuk Jadual 11). Justeru, analisis kajian menunjukkan bahawa insiden ketidakmampuan untuk menampung kos perbelanjaan makanan lebih ketara di kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar.

Jadual 11: Kemampuan Menyara Kos Perbelanjaan Makanan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Apakah Status Anda Pada Masa Ini	Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri							
	Ya		Tidak		Tidak Tahu		Jumlah	
	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus Dari Jumlah Keseluruhan	Bil.	Peratus
Berkahwin	149	24.8%	50	8.3%	9	1.5%	208	34.7%
Berpisah/ Bercerai	3	.5%	0	.0%	0	.0%	3	.5%
Bujang/ Belum Berkahwin	252	42.0%	107	17.8%	27	4.5%	386	64.3%
Duda/ Janda	0	.0%	3	.5%	0	.0%	3	.5%
Jumlah	404	67.3%	160	26.7%	36	6.0%	600	100.0%

Jadual 11 menunjukkan analisis tabulasi silang di antara “Adakah Anda Mampu Menyara Perbelanjaan Untuk Makanan Harian Anda Sendiri” dan “Apakah Status Anda Pada Masa Ini” yang melibatkan seramai 600 orang responden di dalam kajian ini. Seramai 107 orang responden (17.8%) yang masih belum berkahwin/ bujang menyatakan bahawa mereka tidak mampu untuk menyara perbelanjaan makanan harian mereka, manakala 50 orang responden (8.3%) yang telah mendirikan rumah tangga turut menyatakan ketidakmampuan mereka bagi menyara perbelanjaan tersebut. Keadaan ini menunjukkan suatu senario yang serius iaitu sebanyak 50 keluarga daripada jumlah responden yang ditemui menyatakan mereka tidak mampu untuk menyara kos perbelanjaan makanan untuk mereka dan keluarga mereka. Ini bermakna sekurang-kurangnya 8.3% daripada keluarga menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan asas mereka (berdasarkan bilangan responden yang berkahwin). Oleh itu, bahang kesempitan hidup yang dirasakan oleh belia yang berumah tangga harus dititikberatkan selain tidak mengabaikan kesusahan hidup

belia yang bujang atau belum berkahwin.

Jadual 12: Ketidakkampuan Responden Bandar dan Luar Bandar

	Bandar		Luar Bandar		Jumlah	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Kos Perbelanjaan Makanan	117	73.1%	43	26.9%	160	100.0%
Kos Perubatan	241	76.0%	76	24.0%	317	100.0%
Kos Yuran Pengajian	306	75.7%	98	24.3%	404	100.0%

Jadual 12 menunjukkan analisis ketidakmampuan responden antara kedua buah kawasan iaitu bandar dan luar bandar ke atas isu perbelanjaan kos makanan, perubatan dan yuran pengajian. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 600 responden, seramai 317 orang responden (52.8%) tidak mampu untuk menyara kos perubatan mereka dan hanya terdapat 283 orang responden sahaja (35.2%) sahaja yang menyatakan bahawa mereka mampu membiayai kos perubatan. Daripada 317 orang responden tersebut, sebanyak 76.0% merupakan responden yang tinggal di kawasan bandar, manakala 24.0% selebihnya tinggal di kawasan luar bandar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12.

Selain itu juga, hasil kajian mendapati seramai 404 orang responden (67.3%) tidak mampu bagi membayar yuran pengajian mereka manakala 196 orang responden (32.6%) adalah mampu, dan majoriti responden yang tidak mampu membayar kos tersebut merupakan responden yang tinggal di kawasan bandar iaitu seramai 306 orang responden (75.7%). Seramai 98 orang responden (24.3%) yang tinggal di kawasan luar bandar turut menyatakan mereka tidak mampu bagi membayar yuran pengajian mereka. Bagi kos perbelanjaan makanan, seramai 160 orang responden (26.6%) menyatakan ketidakmampuan mereka dalam aspek ini manakala 440 orang responden (73.3%) adalah mampu di mana 117 orang responden (73.1%) adalah dari kawasan bandar dan 43 orang responden (26.9%) adalah dari luar bandar. Justeru, kajian ini dapat membuat kesimpulan awal bahawa belia di bandar menghadapi kesempitan hidup yang lebih mencabar berbanding belia luar bandar.

KESIMPULAN

Memandangkan kaji selidik terhadap kepada survei atas talian, kajian menerusi saluran lain seperti soal selidik kiriman pos atau secara bersemuka boleh dilaksanakan untuk membuat perbandingan sama ada wujudnya perbezaan dalam corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja belia di Malaysia. Walaupun kesimpulan awal kajian cenderung menunjukkan belia di bandar menghadapi kesempitan hidup yang lebih mencabar berbanding belia luar bandar, kajian ini sedar akan kekangan ketidakseimbangan taburan responden yang mempunyai lebih ramai responden

kawasan bandar berbanding luar bandar seperti yang diringkaskan dalam Jadual 12. Maklumat awal ini amat berguna sebagai tanda berjaga-jaga untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada belia di kawasan bandar. Adalah diharapkan perbandingan kajian dengan responden luar bandar dapat dilakukan untuk membuat perbandingan dan analisis yang lebih menyeluruh melalui penglibatan responden luar bandar yang lebih banyak. Walaupun impak kos sara hidup kepada belia luar bandar secara relatifnya adalah kurang serius berbanding belia bandar, belia luar bandar turut mendapat kesan contohnya terdapat belia luar bandar yang kurang mampu menampung perbelanjaan makanan untuk dirinya sendiri (43 orang belia luar bandar daripada jumlah 160 yang menyatakan tidak mampu; dan 12 orang belia luar bandar daripada jumlah 24 orang belia yang tidak tahu sama ada dirinya mampu menyara makanannya atau pun tidak). Makanan ditonjolkan dalam kesimpulan ini untuk menunjukkan betapa seriusnya himpitan peningkatan kos sara hidup kepada semua belia tanpa kira belia bandar atau belia luar bandar.

Sememangnya kos sara hidup yang meningkat merupakan cabaran hebat kepada hidup seharian belia, namun pengetahuan kewangan, kesedaran dan persediaan belia bagi menghadapi cabaran membantu belia menangani isu kos sara hidup dengan lebih baik. Justeru, inisiatif untuk menyediakan kit pengetahuan kepada belia bandar khususnya dan belia di seluruh Malaysia pada amnya harus dipertimbangkan dan dipanjangkan untuk pengetahuan dan rujukan belia. Selain itu, usaha semua pemegang taruh rentas pelaksana haruslah diambil untuk menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup ini sebelum merebak luas di luar kawalan dan mendatangkan pelbagai gejala tidak sihat berikutnya.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas bantuan geran kolaborasi penyelidikan GKP0007-SS-2016.

RUJUKAN

- Abhijeet Birari dan Umesh Patil (2014). Spending & Saving Habits of Youth in the City of Aurangabad. *The SIJ Transactions on Industrial, Financial & Business Management (IFBM)*, Vol. 2, No. 3, May 2014.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Bin Ahmad (2017). *Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA dan IPTS*. Prosiding International Conference on Global Education V, Universitas Ekasakti, Padang, 10 – 11 April 2017.

- Akta 668. (2007). *Undang-Undang Malaysia: Akta 668 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Berita Harian. (2016). *Pengguna Perlu Bijak Rangka Belanjawan Jangka Panjang*. 6 Oktober 2016. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian/20161006/281590945067243>.
- Fara Joifin. (2017). *Apa Anda Perlu Tahu Tentang Status Muflis*. 17 Disember 2017. <https://www.comparehero.my/blog/apa-anda-perlu-tahu-tentang-muflis-di-malaysia>
- Folorunsho M. AJIDE, (2015). The Spending Pattern Among The Youth In Lagos, Nigeria. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*. Volume 17, Issue 4. Ver. II (Apr. 2015), PP 66-73.
- Heng, H. L. S. dan Guan A. T. H. (2007). Examining Malaysian Household Expenditure Patterns on Food Away-From-Home. *Asian Journal of Agriculture and Development*, 4(1), 11-24.
- Kaviyarasu Elangkovan dan Ahmed Razman Abdul Latiff (2013). Bankruptcy: A Natural Phenomena Being Attacked On Malaysians. *International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS)* Volume 1, Issue 1 (2013) ISSN 2320-4044.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2015. *Dasar Belia Malaysia 2015*. Putrajaya: KBS.
- Koon Foo Yu dan Nurazrin Jupri (2015). Factors That Lead To Financial Distress Of Generation Y In Malaysia. *International Journal of Accounting & Business Management*. Vol. 3 (No.2), November, 2015.
- Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Kamarudin Ngah dan Zaliha Hj Hussin (2012). *Bankruptcy among Young Executives in Malaysia. Paper Proceeding at 2012 International Conference on Economics Marketing and Management IPEDR* Vol.28 (2012) IACSIT Press, Singapore.
- Nurauliani Jamlus Rafdi, Noor Aimi Mohamad Puad, Wan Shahdila Shah Shahr, Fadilah Mat Nor dan Wan Shazlinda Shah Shahr (2015). *Faktor-Faktor Muflis Di Kalangan Belia*.
- Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM). 16th – 17th November 2015, e-ISBN: 978-967-0850-25-2.
- Rohaniza Idris dan Hazwan Faisal Ahmad (2016). *Hutang Kad Kredit Bukan Punca Utama Bankrap*. <https://www.bharian.com.my/node/156925>
- Saunders, M., Lewis, P. & Thornbill, A. (2007). *Research Methods for Business Students*, 4th Edition. Harlow: Prentice Hall.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business 4th Edition: A Skill Building Approach*. NewYork: John Wiley & Sons, Inc.

Subhani M.I., Hasan S.A and Osman A. (2012). Spending Patterns in Youth. *American Journal of Scientific Research (AJSR)*, 2012.

Profil Penulis:

Wijaya Kamal Ramlan

*Ekonomi Perancangan dan Pembangunan / Kumpulan Penyelidikan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah
kamal85@ums.edu.my*

Janice L.H.Nga, Phd

*Ekonomi Perancangan dan Pembangunan / Kumpulan Penyelidikan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah
janice@ums.edu.my*

Rafiq Idris, Phd

*Ekonomi Perancangan dan Pembangunan / Kumpulan Penyelidikan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah
rafiq.idris@ums.edu.my*

Debbie Dyana Jun Jinideh, MEcons

*Ekonomi Perancangan dan Pembangunan / Kumpulan Penyelidikan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah
dyanajinideh@gmail.com*

PERANAN PROGRAM TELEVISYEN TERHADAP PEMBENTUKAN PEMIKIRAN BELIA

MOHD SOBHI ISHAK, AZIZAH SARKOWI, NORATI'QAH TALIB & SHARIFFAH MAMAT

ABSTRAK

Televisyen masih menjadi pilihan pengguna dan kekal relevan walaupun media sosial telah memonopoli penggunaan media massa. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauhmana motif tontonan dan program pilihan yang ditonton melalui media televisyen masih relevan dalam kalangan belia di Malaysia dalam membentuk pemikiran mereka berdasarkan beberapa faktor demografi, pendedahan tontonan, program pilihan dan sikap terhadap televisyen. Kajian ini adalah berdasarkan kerangka Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak. Sejumlah 1,990 orang belia terlibat dan menjawab borang soal selidik dalam kajian tinjauan berbentuk keratan rentas. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi berbantuan perisian SPSS. Enam (6) motif tontonan televisyen dikenalpasti, iaitu menjana pengetahuan, tabiat/masa lapang, peneman, eskapisme, rangsangan dan bersantai menjadi asas kajian. Dapatan menunjukkan kategori umur mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesemua motif tontonan televisyen kecuali menjana pengetahuan. Hampir kesemua motif tontonan televisyen juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan tahap tontonan, program pilihan dan sikap berdasarkan tanggapan terhadap realiti kandungan program yang dipaparkan. Walau bagaimanapun, apabila kategori umur dan tahap pendedahan tontonan televisyen dikawal, tabiat menonton tidak lagi mempunyai hubungan dengan tanggapan realiti kandungan program. Dapatan kajian turut menunjukkan beberapa perkaitan signifikan di antara motif tontonan televisyen dan program televisyen digemari terutamanya bagi program hiburan, drama dan sukan. Implikasi kajian ini dibincangkan dalam kerangka perspektif kajian penggunaan dan pemuasan kehendak yang dapat menjelaskan motif tontonan dan pemilihan program televisyen bersesuaian dengan pembentukan pemikiran belia masa kini.

Kata Kunci: *Motif Tontonan Televisyen, Penggunaan dan Pemuasan Kehendak, Belia*

ABSTRACT

Television is still a consumer choice and remains relevant even after social media has monopolized mass media usage. This study is conducted to identify the extent to which the viewing motives and selected programs viewed through television media are still relevant among youth in Malaysia in forming their thinking based on several demographic factors, viewing exposure, choice of programs and attitudes towards television. This study is based on the framework of Use and Gratification

Theory. A total of 1,990 youths participated and answered questionnaires in this cross sectional study. The obtained data were analyzed based on the descriptive and inferential statistics using SPSS. Six (6) television viewing motives identified namely to generate knowledge, habits/leisure, audience, escapism, stimuli and relaxation become the foundation of the study. Findings indicate that age categories have significant relationships with all television viewing motives except to generate knowledge. Almost all television viewing motives show significant positive relationships with viewing levels, programs selection and attitude based on assumptions towards the reality of the program content. However, when the age categories and levels of television viewing exposure are controlled, watching habits are no longer associated with the notion of the reality of the program content. The findings also showed that significant correlations between television viewing and television programs are particularly popular for entertainment, drama and sports programs. The implications of this study are discussed in the perspective of the use and gratification study that can explain the viewing motives and the selection of television programs in conjunction with the formation of youth contemplative thinking.

Keywords: *Viewing Televisyen Motives, Uses and Gratification, Youth.*

PENGENALAN

Kemunculan internet sebagai media baharu sering ditanggap akan mengeneipi dan memencilkan peranan media konvensional khususnya televisyen (Pillai, 2000; Gaskin & Jeirt, 2012). Namun, data-data tontonan televisyen yang dikumpul sehingga kini menunjukkan bahawa televisyen masih kekal relevan dalam kepesatan perkembangan teknologi digital berasaskan persekitaran Internet (Guo & Chan-Olmsted, 2015; Evens & Donders; 2016; MCMC, 2017). Realitinya, televisyen adalah media pilihan masyarakat awam kerana ia masih dapat memenuhi pelbagai keperluan informasi berkaitan dengan kehidupan mereka. Sejak lebih empat (4) dekad lalu televisyen telah berfungsi meningkatkan kepuasan dan kualiti kehidupan penonton dengan pelbagai genre program yang ditawarkan (Greenberg, 1974; Rubin, 1979). Oleh kerana kepelbagaian bentuk media pada waktu itu sangat terhad, televisyen adalah sumber media yang penting sebagai motif mencorakkan pengetahuan penonton. Tontonan televisyen juga merupakan aktiviti penting dalam memenuhi motif mengisi masa lapang, peneman dan santai. Televisyen turut menjadi alat penting bagi memenuhi motif eskapisme dan rangsangan. Kajian-kajian berterusan yang dijalankan di Barat mendapati motif tontonan televisyen masih kekal relevan kepada majoriti pengguna media di hampir seluruh dunia (antaranya oleh Rubin, 1981, 1983, 1984, 1985; Rubin, 2009; Lin, 1993; Hawkins *et. al.*, 2001; Askwith, 2007; Geerts, Cesar, Bulterman, 2008; Moyer-Gusé, 2010; CTAM, 2012; Enli & Syvertsen, 2016).

Statistik jumlah pemilikan televisyen di seluruh dunia dijangka terus meningkat kepada 1.68 bilion dalam tahun 2021 berbanding 1.57 bilion pada tahun

2015 (Statistica, 2017). Dalam laporan banci penduduk Malaysia pada tahun 2010 memperlihatkan peningkatan sebanyak 35% pemilikan televisyen berbanding tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Malahan, penduduk Malaysia juga didapati memperuntukkan masa menonton televisyen yang banyak dalam kehidupan seharian mereka iaitu di antara 6 hingga 7 jam (Ishak, Ismail, Mat, Kasim, Mamat & Talib, 2015; 2016) berbanding 4.5 jam di Amerika Syarikat (Statistica, 2017). Dalam kepesatan arus penggunaan aplikasi Internet dalam kehidupan peribadi dan sosial, masyarakat Malaysia didapati masih cenderung memperuntukkan masa yang tinggi untuk menonton televisyen. Keadaan ini menarik perhatian kepada penyelidik untuk memahami apakah motif tontonan dan bentuk program televisyen yang menjadikan media ini relevan sebagai pilihan belia di Malaysia. Kajian ini bertujuan membuat penilaian berterusan mengenai motif tontonan dan bentuk program pilihan yang ditonton melalui televisyen. Kajian ini bertitik tolak daripada penelitian terhadap enam (6) motif tontonan televisyen dalam kajian Greenberg (1974) dan Rubin (1979) yang berpandukan Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (*Uses and Gratification*) yang dikaji secara konsisten dan berterusan untuk memahami motif penggunaan media dalam kalangan masyarakat. Kajian ini turut membincangkan secara khusus hubungan di antara motif tontonan dengan beberapa faktor demografi, pendedahan tontonan televisyen dan sikap terhadap televisyen berdasarkan keterikatan kepada televisyen dan tanggapan paparan realiti oleh televisyen.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian awal berasaskan Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak dalam konteks penggunaan media memfokuskan kepada motif menggunakan sesuatu media untuk memenuhi kehendak pengguna (Swanson, 1977; Blumler, 1978). Tarikan utama kajian awal berkaitan tontonan televisyen pada masa itu banyak berkisar mengenai tanggapan bahawa paparan program televisyen memperlihatkan realiti kehidupan sebenar masyarakat (Greenberg, 1974). Greenberg mendapati motif tontonan televisyen adalah bagi memenuhi pemuasan kehendak yang dikategorikan kepada enam (6) motif iaitu pengetahuan, tabiat/masa lapang, peneman, eskapisme, rangsangan, dan santai. Keenam-enam motif ini seterusnya digunakan sebagai asas kajian oleh Rubin (1977, 1979, 1981, 1983, 1984, 1985). Enam (6) motif pemuasan kehendak ini seterusnya dikembangkan dalam kajian berkaitan motif tontonan televisyen secara dalam talian dan melalui media sosial (antaranya Lin, 1993; Hawkins *et. al.*, 2001; Chan-Olmsted & Chang, 2006; Askwith, 2007; Geerts, Cesar, Bulterman, 2008; Moyer-Gusee, 2010; CTAM, 2012; Guo & Chan-Olmsted, 2015).

Motif tontonan pelbagai program televisyen sebenarnya sangat dipengaruhi oleh sejauh mana tabiat tontonan televisyen telah terbina akibat pendedahan tontonan sejak usia kecil (Greenberg, 1974). Kanak-kanak seawal usia sembilan tahun didapati telah menunjukkan kecenderungan memenuhi pemuasan kehendak mereka melalui tontonan program televisyen berdasarkan pilihan program yang berbeza-beza (Greenberg, 1974). Proses ini berterusan sehinggalah mereka meningkat

remaja dan dewasa (Greenberg, 1974; Rubin, 1977, 1979; Rubin & Rubin 1982). Kanak-kanak dan remaja lelaki, dari etnik majoriti dan kelas sosial yang rendah adalah kelompok yang seringkali mereplikasikan sumber pengetahuan dan tingkah laku agresif daripada tontonan televisyen (Greenberg, 1974; Rubin, 1977, 1979, 1983 & 1984). Kanak-kanak dan remaja perempuan dari demografi yang sama pula cenderung menonton televisyen bagi memenuhi motif keinginan berfantasi, rangsangan dan eskapisme. Proses yang berlaku hasil daripada pendedahan tontonan televisyen ini berkembang secara berterusan sehingga peringkat dewasa (Rubin & Rubin, 1982, Rubin 1983, Perse & Rubin, 1990). Motif tontonan televisyen ternyata banyak dipengaruhi oleh pemilihan program untuk memenuhi kehendak penonton pada sesuatu tahap usia (Rubin, 1983, 1985; Lin, 1993; Hawkins *et. al.* 2001; Guo & Chan-Olmsted, 2015).

Motif tontonan televisyen juga mempunyai perkaitan dengan sikap mereka terhadap medium tersebut. Rasa keterikatan dengan televisyen dan tanggapan realiti paparan televisyen menunjukkan kehidupan sebenar merupakan petunjuk kepada sikap mereka (Greenberg, 1974; Rubin, 1979). Sikap positif penonton akan merangsang kecenderungan tontonan televisyen untuk memuaskan kehendak mereka. Sikap positif atau negatif penonton didapati merentas peringkat umur dan merubah motif tontonan program pilihan untuk memenuhi kehendak yang turut berubah-ubah (Greenberg, 1974; Hawkins, 1977; Blumler, 1978; Rubin, 1979). Tahap pendedahan yang berbeza juga menunjukkan motif tontonan program berbeza apabila umur semakin meningkat dari remaja kepada dewasa. Berdasarkan penelitian terhadap sorotan literatur yang dinyatakan, empat (4) hipotesis dibentuk dalam kajian ini untuk meneliti motif tontonan televisyen dalam kalangan golongan belia di Malaysia berdasarkan faktor umur, tahap pendedahan tontonan, keterikatan terhadap televisyen dan tanggapan realiti paparan televisyen seperti kehidupan sebenar seperti berikut:

- H1: Hubungan negatif yang signifikan diperhatikan di antara setiap motif tontonan televisyen dengan umur responden kajian.
- H2: Hubungan positif yang signifikan diperhatikan di antara setiap motif tontonan dengan pendedahan tontonan televisyen.
- H3: Hubungan positif yang signifikan diperhatikan di antara setiap motif tontonan dengan keterikatan kepada televisyen.
- H4: Hubungan positif yang signifikan diperhatikan di antara setiap motif tontonan dengan tanggapan paparan realiti oleh televisyen.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dilaksanakan di seluruh Malaysia menggunakan teknik persampelan rawak berstrata tak seimbang pelbagai tahap (*multistage disproportionate stratified random sampling technique*). Sebanyak 1,990 responden terlibat dipilih mengikut zon, negeri, kawasan dan etnik. Borang soal selidik dilengkapi oleh golongan belia berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

Pemboleh ubah demografi kajian ini meliputi jantina, etnik dan umur (15-20 tahun, 21-25 tahun, 26-30 tahun dan 31-40 tahun). Pemboleh ubah motif tontonan televisyen diadaptasi daripada enam (6) motif menonton televisyen yang dibina oleh Greenberg (1974) dan digunakan secara meluas dalam pelbagai kajian mengenai tontonan televisyen oleh Rubin dalam kajian-kajian beliau dalam tempoh melebihi dua (2) dekad (antaranya Rubin, 1977; 1979; 1981; 1983; 1984; 1985; Papacharissi & Rubin, 2000). Ia terdiri daripada faktor pembelajaran (6 item, $\alpha=0.81$), tabiat/masa lapang (6 item, $\alpha=0.80$), peneman (3 item, $\alpha=0.75$), eskapisme (3 item, $\alpha=0.73$), rangsangan (3 item, $\alpha=0.61$) dan santai (3 item, $\alpha=0.62$).

Pemboleh ubah tahap pendedahan kepada program televisyen adalah berdasarkan empat (4) soalan yang dikemukakan iaitu jumlah jam menonton televisyen sepanjang minggu (bagi kumpulan pelajar), jumlah jam menonton televisyen sepanjang minggu (bagi kumpulan pekerja), jumlah jam menonton televisyen semasa cuti hujung minggu dan jumlah jam menonton rancangan kegemaran. Nilai komposit min indeks item yang diperolehi dari keempat-empat soalan ini mewakili tahap pendedahan kepada program televisyen.

Program pilihan ditentukan berdasarkan 12 kategori program televisyen yang menjadi pilihan responden. Kategori tersebut ialah agama, drama, filem, sukan, sukan ekstrem, bual bicara, rancangan realiti, berita, dokumentari, hiburan, masakan dan pemasaran. Sikap terhadap televisyen pula diukur berdasarkan dua (2) indeks petunjuk iaitu indeks keterikatan dan indeks realiti. Indeks keterikatan mengukur kesukaan secara semula jadi terhadap tontonan televisyen berdasarkan tiga (3) item iaitu “menonton tv adalah salah satu perkara utama yang saya lakukan setiap hari”, “jika saya dihalang daripada menonton televisyen, saya tidak tahu apa yang hendak dilakukan” dan “jika televisyen tidak berfungsi, saya rasa kehilangannya”. Indeks realiti mengukur rasa program televisyen seumpama kehidupan sebenar berdasarkan tiga (3) item “televisyen memaparkan kandungan seumpama kehidupan sebenar”, televisyen membolehkan saya melihat bagaimana kehidupan orang di tempat lain” dan “televisyen membolehkan saya melihat apa yang berlaku di tempat lain, seumpama saya berada di tempat berkenaan”. Responden menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan empat (4) pilihan jawapan iaitu 4 = benar setiap masa, 3 = benar pada kebanyakan masa, 2 = benar pada masa-masa tertentu dan 1 = tidak benar sama sekali. Min korelasi item-indeks keterikatan ialah 0.87 dan min korelasi item-indeks realiti ialah 0.82. Kebolehpercayaan dalaman pula ialah 0.91 untuk keterikatan dan 0.89 untuk realiti.

Analisis deskriptif dijana berdasarkan perbandingan min di antara motif tontonan televisyen dengan empat (4) kategori umur belia (iaitu 15-20 tahun, 21-25 tahun, 26-30 tahun dan 31-40 tahun) bagi menentukan kecenderungan setiap tahap umur belia berkenaan memilih faktor yang mendorong mereka menonton televisyen. Ia disokong oleh analisis ANOVA Sehalu untuk menentukan motif tontonan yang signifikan berdasarkan keempat-empat kategori umur berkenaan. Analisis korelasi *pearson product-moment* pula dijalankan di antara enam (6)

motif menonton televisyen dengan pembolehubah demografi (umur, jantina dan etnik), tahap pendedahan tontonan televisyen, program pilihan dan sikap terhadap televisyen bagi menguji kesemua hipotesis kajian. Analisis korelasi separa turut dijalankan di antara motif tontonan dan faktor demografi (jantina dan etnik), program pilihan dan sikap terhadap televisyen dengan menjadikan umur dan tahap pendedahan tontonan televisyen sebagai pembolehubah kawalan. Hasil korelasi walaupun secara relatifnya kecil tetapi mencapai tahap signifikan yang baik pada aras kesignifikanan 0.05 dan 0.01.

DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif menunjukkan terdapat perbezaan kecil di antara motif tontonan berdasarkan kategori umur yang berbeza (Jadual 1). Dapatan menunjukkan nilai min dan sisihan piawai di antara setiap motif tontonan televisyen dengan keempat-empat kategori umur secara relatifnya adalah kecil. Ujian ANOVA sehala yang dijalankan pula menunjukkan bahawa motif tontonan televisyen adalah berbeza antara kumpulan umur bagi lima (5) motif tontonan selain pengetahuan iaitu santai, tabiat/masa lapang, peneman, rangsangan dan eskapisme. Penelitian analisis Post-Hoc pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara keempat-empat kumpulan umur bagi motif santai, tabiat/masa lapang dan peneman. Manakala bagi motif rangsangan dan eskapisme, hanya terdapat perbezaan yang signifikan di antara golongan awal belia (15-20 tahun) dengan golongan akhir belia (31-40 tahun). Jadual 1 memaparkan perincian deskriptif motif tontonan televisyen berdasarkan empat kategori umur belia.

Jadual 1: Motif Tontonan Televisyen Mengikut Kategori Umur

Motif Tontonan Televisyen	Umur				*Sig.
	(1) 15-20 tahun (n=661)	(2) 21-25 tahun (n=588)	(3) 26-30 tahun (n=422)	(4) 31-40 tahun (n=336)	
Pengetahuan	6.62 (1.93)	6.65 (2.05)	6.75 (2.10)	6.62 (2.23)	.761
Santai	6.37 (2.58)*	5.88 (2.60)*	5.84 (2.55)*	5.91 (2.60)*	.000
Tabiat/Masa Lapang	6.32 (2.22)*	5.99 (1.95)*	5.84 (1.95)*	5.64 (2.08)*	.000
Peneman	6.17 (2.60)*	5.70 (2.36)*	5.50 (2.48)*	5.51 (2.82)*	.007
Rangsangan	4.56 (2.74)*	4.36 (2.53)	4.47 (2.63)	4.05 (2.68)*	.032
Eskapisme	4.22 (2.72)*	3.90 (2.31)	4.02 (2.47)	3.66 (2.30)*	.001

Nota: Min (Sisihan Piawai). Min item dalam julat di antara 1=persetujuan rendah, 10=persetujuan tinggi. *Sig. $p < 0.05$

Hasil analisis korelasi Pearson *Product-Moment* di antara enam (6) motif tontonan televisyen dengan demografi (umur, jantina dan etnik), pendedahan kepada

televisyen, pilihan program dan sikap terhadap televisyen (keterikatan dengan televisyen dan realiti program seperti kehidupan sebenar) ditunjukkan dalam Jadual 2. Ujian statistik ini bertujuan menjawab kesemua hipotesis kajian yang dibentuk.

Umur merupakan faktor demografi yang dominan dan konsisten mempunyai korelasi yang signifikan dengan kesemua motif tontonan televisyen kecuali menjana pengetahuan. Televisyen digunakan dengan meluas sebagai media memenuhi motif tabiat/masa lapang ($r = .122$), peneman ($r = -.093$), santai ($r = -.065$) dan eskapisme ($r = -.064$). Televisyen juga masih relevan sebagai sumber motif rangsangan ($r = -.054$). Korelasi berbentuk negatif menunjukkan bahawa semakin meningkat umur penonton, semakin berkurangan jumlah tontonan mereka untuk memenuhi motif-motif tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa kelompok awal belia merupakan golongan yang lebih banyak terdorong menonton televisyen bagi memenuhi motif tersebut berbanding kelompok akhir belia. Jantina didapati mempunyai kaitan dengan motif menonton untuk rangsangan. Penonton lelaki ($\text{min} = 4.60$, $\text{SP} = 2.70$) didapati menonton televisyen untuk memenuhi motif rangsangan lebih tinggi berbanding penonton wanita ($\text{min} = 4.21$, $\text{SP} = 2.59$). Etnik turut mempunyai kaitan yang signifikan dengan tontonan televisyen bagi memenuhi motif pengetahuan, tabiat/masa lapang, eskapisme dan rangsangan.

Kesemua motif tontonan televisyen mempunyai kaitan positif dengan tahap pendedahan tontonan, keterikatan dengan medium ini dan tanggapan realiti program televisyen seumpama dunia sebenar. Penonton yang mempunyai pendedahan tontonan yang tinggi, menunjukkan keterikatan yang kuat dengan televisyen. Mereka yang mempunyai keyakinan bahawa kandungan program yang diperlihatkan sememangnya memaparkan realiti seperti kehidupan sebenar menunjukkan kadar tontonan televisyen yang lebih tinggi bagi memenuhi kesemua motif tersebut. Perkaitan yang kuat juga wujud di antara pendedahan televisyen dan keterikatan dengan televisyen dengan motif rangsangan dan santai. Perkaitan yang kuat juga wujud di antara pendedahan televisyen dan tanggapan realiti dengan motif tabiat/masa lapang. Dapatan turut menunjukkan wujud perkaitan kuat di antara tanggapan realiti dengan motif mendapatkan pengetahuan.

Beberapa kepuasan kehendak berdasarkan motif tontonan turut diperolehi berdasarkan pilihan program yang ditonton. Kesemua motif tontonan mempunyai kaitan yang signifikan dengan program hiburan, drama dan sukan. Tiga (3) sumber tontonan utama untuk memenuhi motif menjana pengetahuan diperolehi dari program dokumentari, hiburan dan drama. Manakala tontonan bagi memenuhi motif tabiat/mengisi masa lapang diperolehi melalui rancangan hiburan, drama dan filem. Televisyen juga ditonton untuk memenuhi motif peneman melalui program hiburan, drama dan sukan. Motif eskapisme diisi oleh program hiburan, masakan dan sukan. Manakala motif rangsangan diperolehi melalui program hiburan, sukan dan masakan. Akhir sekali, motif santai diperolehi dari program hiburan, filem dan sukan ekstrem. Dapatan terperinci seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Korelasi Motif Tontonan Televisyen

Korelasi	Motif Tontonan Televisyen					
	Pengetahuan	Tabiat/ Masa Lapang	Peneman	Eskapisme	Rangsangan	Santai
Demografi						
Umur	.007	-.122**	-.093**	-.064**	-.054*	-.065**
Jantina	.011	.028	.018	-.032	-.058**	-.007
Etnik	.061**	.046**	.002	.055**	.083**	.018
Pendedahan Tontonan TV						
Program Pilihan						
Agama	.027	.001	.036	-.040**	-.099**	.022
Drama	.070**	.107**	.094**	.043**	.054**	.064**
Filem	.051**	.062**	.026	.007	.034	.081**
Sukan	.049**	.037**	.047**	.056**	.058**	.053**
Sukan Ekstrem	.046**	.026	.033	-.017	-.001	.063**
Bual Bicara	.018	.020	-.029	-.026	-.037*	.021
Ranc. Realiti	.069**	.044*	.016	.010	.015	.052**
Berita	.068**	-.032	-.019	-.041*	0.035	-.013
Dokumentari	.104**	-.008	-.033	.006	.017	.056
Hiburan	.083**	.146**	.095*	.070**	.078**	.120**
Masakan	.063**	.042*	.029	-.063**	-.056**	.038*
Pemasaran	.015	.031	.018	-.045**	-.046**	.001
Sikap Terhadap TV						
Ikatan	.169**	.391**	.307**	.438**	.460**	.289**
Realiti	.378**	.372**	.286**	.220**	.315**	.364**

**p<0.01, *p<0.05

Oleh kerana wujud hubungan yang signifikan di antara umur dan tahap pendedahan kepada televisyen dengan hampir kesemua motif tontonan televisyen, maka dua (2) analisis tambahan dijalankan untuk menentukan pengaruh sebenar umur dan tahap pendedahan tontonan televisyen. Analisis pertama ialah dengan mengawal faktor umur dan analisis kedua mengawal faktor pendedahan tontonan televisyen. Apabila faktor umur dikawal, tahap pendedahan kepada televisyen dengan setiap motif tontonan televisyen didapati masih signifikan. Begitu juga, apabila faktor pendedahan kepada televisyen dikawal, faktor umur turut kekal signifikan.

Hasil analisis ini ditunjukkan dalam Jadual 3 memperlihatkan dapatan korelasi separa serentak motif tontonan televisyen dan beberapa pembolehubah lain apabila faktor umur dan tahap pendedahan kepada televisyen dikawal. Hasil analisis menunjukkan faktor jantina kekal signifikan dengan motif tontonan untuk memenuhi kehendak rangsangan. Manakala faktor etnik juga kekal signifikan dengan motif tontonan untuk pengetahuan, tabiat/masa lapang, eskapisme dan rangsangan. Hasil dapatan ini menunjukkan wujud hubungan yang kuat di antara faktor jantina dan etnik terhadap beberapa motif tontonan yang dinyatakan. Dapatan turut menunjukkan bahawa sikap terhadap televisyen berdasarkan keterikatan dan pandangan realiti mengenai televisyen kekal signifikan dengan kesemua motif tontonan televisyen. Kekuatan hubungan adalah kuat di antara keterikatan kepada televisyen dan motif tontonan untuk memenuhi kehendak rangsangan. Manakala tanggapan program televisyen adalah seperti kehidupan sebenar adalah kuat bagi motif tontonan untuk kehendak menjana pengetahuan.

Penelitian terhadap program pilihan pula menunjukkan apabila umur dan pendedahan tontonan dikawal, kesemua program pilihan untuk tujuan pengetahuan adalah kekal signifikan termasuk pemasaran yang kekal tidak signifikan. Manakala program agama bertukar menjadi signifikan. Bagi motif tabiat/masa lapang, kesemua program pilihan yang signifikan dan tidak signifikan kekal seperti sebelumnya. Bagi motif peneman, program agama menjadi signifikan. Bagi motif eskapisme, program hiburan kekal signifikan dalam arah positif manakala program masakan kekal signifikan dalam arah negatif. Bagi motif rangsangan, kesemua program kekal tanpa perubahan. Bagi motif santai, kesemua program kekal kecuali program dokumentari menjadi signifikan. Keseluruhannya, kesemua dapatan ini menyokong dapatan kajian Greenberg (1974) dan Rubin (1979).

Jadual 3: Korelasi Separa Faktor Motif Tontonan TV (Pembolehubah Umur dan Pendedahan TV Dikawal)

Korelasi	Motif Tontonan Televisyen					
	Pengetahuan	Tabiat/ Masa Lapang	Peneman	Eskapisme	Rangsangan	Santai
Demografi						
Jantina	0.018	0.038	0.02	-0.041	-0.075*	-0.011
Etnik	0.082*	0.077*	0.031	0.077*	0.107*	0.025
Program Pilihan						
Agama	0.044*	0.031	0.061*	-0.027	-0.111*	-0.014
Drama	0.085*	0.121*	0.099*	0.037	0.048*	0.071*
Filem	0.058*	0.05*	0.016	-0.011	0.028	0.085*
Sukan	0.055*	0.033	0.05*	0.059*	0.065*	0.066*
Sukan Ekstrem	0.057*	0.02	0.028	-0.021	-0.007	0.073*
Bual Bicara	0.021	0.037	-0.031	-0.033	-0.048*	0.03

Ranc. Realiti	0.085*	0.052*	0.019	0.004	0.013	0.062*
Berita	0.087*	-0.024	-0.009	-0.041	-0.041	-0.006
Dokumentari	0.126*	0	-0.027	0.002	0.013	0.072*
Hiburan	0.1*	0.157*	0.094*	0.063*	0.067*	0.139*
Masakan	0.074*	0.049*	0.044	-0.056*	-0.064*	0.044*
Pemasaran	0.018	0.037	0.026	-0.043	-0.052*	0.006
<hr/>						
Sikap Terhadap TV						
Ikatan	.160*	.381*	.303*	.437*	.456*	.281*
Realiti	.371*	.355*	.274*	.212*	.302*	.352*

**p<0.01, *p<0.05

PERBINCANGAN

Empat (4) hipotesis yang diuji memberikan dapatan yang hampir sama dengan kajian Greenberg (1974) dan Rubin (1979). Pertama, umur mempunyai korelasi negatif dengan setiap motif tontonan televisyen kecuali untuk tujuan menjana pengetahuan. Dapatan ini merupakan asas utama dalam kajian ini untuk melihat perbezaan antara kategori umur belia di Malaysia. Golongan awal belia didapati lebih cenderung menonton televisyen untuk pelbagai motif berbanding golongan belia yang lebih dewasa. Apabila umur dan pendedahan tontonan televisyen dikawal, golongan belia menunjukkan kecenderungan memilih program agama untuk menimba pengetahuan dan sebagai peneman. Jantina dan etnik juga memperlihatkan peningkatan kekuatan hubungan dengan motif tontonan televisyen.

Kedua, seperti dijangka bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan akan diperolehi di antara setiap motif tontonan televisyen dengan jumlah pendedahan kepada tontonan televisyen. Hipotesis ini turut menyokong kuat dan konsisten dengan dapatan kajian Greenberg (1974) dan Rubin (1979). Peningkatan motif tontonan televisyen bagi memenuhi setiap kehendak meningkat sejajar dengan peningkatan pendedahan kepada tontonan televisyen. Ini bermakna, kepuasan daripada setiap motif tontonan televisyen akan dapat dipenuhi dengan meningkatkan pendedahan kepada tontonan televisyen.

Ketiga, menepati jangkaan juga bahawa hubungan positif yang signifikan akan diperolehi di antara setiap motif tontonan televisyen dengan rasa keterikatan dengan televisyen. Hipotesis ini juga menyokong kuat dapatan yang diperolehi oleh Greenberg (1974) dan Rubin (1977; 1979; 1981; 1983, 1984). Meningkatnya setiap motif tontonan televisyen akan meningkatkan rasa keterikatan dengan televisyen. Golongan belia masih menjadikan tontonan televisyen sebagai medium dorongan bagi memenuhi motif rangsangan, eskapisme dan tabiat/masa lapang, peneman dan santai. Ini bermakna, televisyen masih relevan digunakan untuk melepaskan diri dari kebosanan dan melupakan keresahan daripada aktiviti kehidupan seharian.

Keempat, jangkaan juga dipenuhi bahawa wujud hubungan positif yang signifikan di antara motif tontonan televisyen dengan tanggapan realiti bahawa kandungan program televisyen adalah menyerupai kehidupan sebenar. Hipotesis ini menepati dapatan oleh Greenberg (1974) dan Rubin (1977; 1979; 1981; 1983, 1984). Peningkatan setiap motif tontonan televisyen akan meningkatkan tanggapan bahawa setiap kandungan program televisyen adalah refleksi kehidupan sebenar. Golongan belia menunjukkan kecenderungan yang kuat bagi memperoleh pengetahuan menerusi televisyen mengenai situasi kehidupan yang sebenar. Tidak kira umur dan tahap pendedahan terhadap televisyen, setiap motif tontonan televisyen adalah untuk memenuhi keinginan sebagaimana kehidupan sebenar.

Sungguhpun terdapat kritikan bahawa Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak bersifat terkhusus, menghasilkan dapatan kajian yang terpisah antara media dan memfokuskan dalam konteks budaya berbeza, namun hakikatnya dapatan dari setiap kajian masih kekal memberikan dapatan yang hampir sama (Rubin, 1979, Rubin & Rubin, 1982, Rubin, 1985, Ruggiero, 2000, Krcmar, 2017). Keadaan ini menunjukkan bahawa pengkonsepian Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak dengan memfokuskan kepada motif tontonan televisyen masih tepat dan kekal relevan.

Tambahan pula, hubungan antara motif tontonan untuk memenuhi kehendak pengetahuan dengan tanggapan bahawa kandungan program televisyen menggambarkan realiti kehidupan sebenar turut menunjukkan keinginan kepada program pemberitaan yang lebih realistik, program dokumentari yang lebih bermaklumat dan program hiburan yang lebih berilmu. Hubungan negatif di antara beberapa motif tontonan untuk memenuhi kehendak mengisi masa lapang, peneman, eskapisme dan santai dengan jenis program pilihan seperti berita, bual bicara dan dokumentari jelas menunjukkan bahawa golongan awal belia agak kurang berminat menjadikan televisyen sebagai medium tontonan untuk manfaat ilmu pengetahuan. Pemilihan kepada program menjana pengetahuan adalah bersifat terpilih dan merentas usia.

Kefahaman mengenai motif tontonan televisyen dan program pilihan dapat diteroka dengan lebih terperinci. Ia dapat menunjukkan pemuasan kehendak yang sebenarnya diperolehi oleh golongan belia. Pemuasan kehendak berdasarkan motif tabiat/masa lapang, peneman dan eskapisme dapat dipenuhi dari program televisyen berbentuk drama, sukan dan hiburan. Tontonan untuk mencapai motif rangsangan diperolehi dari program berbentuk agama, drama, sukan, bual bicara, hiburan, masakan dan pemasaran. Dapatan kajian ini hampir sama dengan dapatan Greenberg (1974) dan Rubin (1979) kecuali program agama tidak dikaji oleh mereka. Ciri agama adalah adalah ciri penting kajian di kebanyakan negara di Asia khususnya di Malaysia.

Kajian ini memperlihatkan bahawa motif tontonan televisyen dalam kalangan belia di Malaysia masakini masih relevan dan kekal sebagaimana tabiat

tontonan televisyen generasi belia terdahulu untuk memenuhi masa lapang, peneman, eskapisme, rangsangan dan santai. Motif tontonan televisyen sama ada pada tahap individu atau masyarakat masih sama seperti yang pernah dikaji oleh Greenberg (1974) dan Rubin (1979) masih kekal dalam konteks sama ada mengikut jantina, etnik, program pilihan dan sikap terhadap televisyen. Pandangan bahawa motif tontonan televisyen kini semakin kurang relevan adalah kurang tepat kerana masyarakat Malaysia masih menggunakannya dalam konteks tersendiri walaupun kehadiran platform Internet dengan pelbagai aplikasi dan jaringan media sosial telah merubah landskap sosial masyarakat. Televisyen dalam platform internet hanyalah merupakan perpanjangan daripada konsep televisyen yang dikehendaki oleh penonton tanpa sekatan dan limitasi ruang. Pemuasan kehendak penonton yang kekal sama, kini dapat dijangkau dan dipenuhi dalam aspek dan perspektif lebih luas. Hakikatnya setiap medium mempunyai manfaat tersendiri dalam memenuhi kehendak penonton yang semakin kompleks.

IMPLIKASI

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa kandungan program televisyen di Malaysia adalah didominasi oleh tema utama iaitu hiburan, kehidupan seharian masyarakat dan sukan. Manakala tema maklumat melalui program berita, dokumentasi dan bual bicara merupakan tema sampingan yang semakin kurang menarik perhatian penonton. Paparan mesej melalui program televisyen oleh saluran televisyen di Malaysia sebenarnya telah mengambil kira kesesuaian golongan penonton sasaran iaitu berdasarkan keupayaan pemilikan, keupayaan langganan siaran, ruang waktu tontonan, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan penonton yang secara majoritinya adalah pada tahap sederhana. Program hiburan ternyata mampu membawa mesej-mesej keriangkan untuk mengurangkan atau menghilangkan bebanan, keletihan dan tekanan yang dirasakan dalam kehidupan seharian kepada penonton sasaran. Kisah kehidupan seharian masyarakat yang dipapar melalui drama membawa mesej realiti kehidupan masyarakat di negara ini bertujuan memberi iktibar dan panduan. Namun, kadangkala penerimaan penonton tersasar apabila adaptasi kehidupan yang dipaparkan adalah melangkau realiti sebenar, sungguhpun ia bertujuan mengurangkan beban pemikiran penonton dalam mentafsir realiti. Program sukan membawa mesej penyatuan dan kerjasama dalam kehidupan bermasyarakat. Mesej sukan dianggap paling konsisten dalam membina nilai masyarakat mengenai perpaduan dan kecintaan kepada negara.

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi besar kepada pembangunan kandungan program televisyen di negara ini. Kandungan program televisyen perlu dibangunkan supaya bersesuaian mengikut kategori umur sebagai pembimbing kepada pembentukan identiti belia. Hal ini dapat membantu usaha memenuhi komponen keperluan ilmu pengetahuan dan tabiat semula jadi manusia. Golongan awal belia iaitu remaja di antara 15 hingga 20 tahun memerlukan program televisyen yang mampu membangunkan pelbagai sudut ilmu pengetahuan yang memberi manfaat kepada perkembangan intelektual belia walaupun bukan kehendak utama

mereka. Kandungan program yang memperlihatkan ilmu secara praktikal dalam kehidupan seharian perlu digerakkan sebagai permulaan sebelum diperkukuh dengan perbincangan ilmu lebih tinggi. Program televisyen untuk memenuhi motif eskapisme, rangsangan dan tabiat/masa lapang juga perlu disediakan mengikut acuan pembangunan negara.

Program dalam televisyen mengenai pembangunan atlet sukan (mengikut tema kesukanan) secara menyeluruh dari aspek fizikal, pemakanan, latihan dan sebagainya perlu dirangka dan dipaparkan secara berterusan untuk merangsang kehendak belia mempersiapkan diri untuk terlibat dalam semua jenis kejohanan sukan dari bawah hingga ke peringkat dunia. Membina sasaran dan impian besar boleh dimulakan melalui program televisyen kerana kanak-kanak dan remaja terikat dan menerima realiti kehidupan dengan mudah melalui televisyen kerana mereka adalah penonton yang setia.

Golongan pertengahan iaitu 21-25 tahun dan 26-30 tahun adalah kelompok yang menonton televisyen untuk motif mengisi masa senggang dalam kesibukan bekerja. Golongan inilah yang memuaskan kehendak mereka melalui program santai seperti hiburan, sukan dan drama. Mereka juga memerlukan program melibatkan pembangunan dan pengkayaan diri untuk kerjaya, sosial dan kemasyarakatan sebagai usaha menstabilkan kehidupan. Golongan belia berumur 31-40 tahun memerlukan program yang memberi makna kepada kehidupan yang sebenar melalui diskusi ilmu, pengkayaan nilai kemanusiaan dan kesukarelaan membangunkan generasi belia peringkat rendah. Program televisyen yang memberi panduan dalam membantu mengurus permasalahan kehidupan amat bersesuaian dengan kelompok ini.

RUMUSAN

Semua pihak perlu bersama menjayakan pembangunan kandungan media khususnya kandungan program televisyen yang dapat memberi manfaat sebenar kepada pembangunan belia di negara ini. Menyediakan segala kandungan yang dapat memenuhi semua kehendak golongan belia bukanlah penyelesaian sebenar, tetapi perancangan dan pelaksanaan setiap program harus distrategi untuk keperluan jangka panjang pembangunan belia negara. Belia yang holistik adalah identiti dan aset kemajuan masa depan Malaysia.

RUJUKAN

- Askwith, I. D. (2007). *Television 2.0: Reconceptualizing TV as an engagement medium* (Doctoral dissertation, Massachusetts Institute of Technology).
- CTAM. (2012, May 4). *How chatter matters in TV viewing*. Retrieved from <http://www.ctam.com/research/studies/pages/how-chatter-matters-in-tv-viewing.aspx>
- Enli, G., & Syvertsen, T. (2016). The End of Television-Again! How TV Is Still Influenced by Cultural Factors in the Age of Digital Intermediaries. *Media and Communication*, 4(3).
- Evens, T., & Donders, K. (2016). Television distribution: Economic dimensions, emerging policies. *Telematics and Informatics*, 33(2), 661-664.
- Gaskins, B., & Jerit, J. (2012). Internet news: Is it a replacement for traditional media outlets?. *The International Journal of Press/Politics*, 17(2), 190-213.
- Geerts, D., Cesar, P., & Bulterman, D. (2008, October). *The implications of program genres for the design of social television systems*. In Proceedings of the 1st international conference on Designing interactive user experiences for TV and video (pp. 71-80). ACM.
- Greenberg, B. S. (1974). British children and televised violence. *Public Opinion Quarterly*, 38(4), 531-547.
- Guo, M., & Chan-Olmsted, S. M. (2015). Predictors of social television viewing: How perceived program, media, and audience characteristics affect social engagement with television programming. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 59(2), 240-258.
- Hawkins, R. P., Pingree, S., Hitchon, J., Gorham, B. W., Kannaovakun, P., Gilligan, E., & Schmidt, T. (2001). Predicting selection and activity in television genre viewing. *Media Psychology*, 3(3), 237-263.
- Ishak, M.S., Mat, B., Ismail, A., Kasim, A., Mamat, S., & Talib, N. (2015). *Kajian pengaruh televisyen dan media sosial terhadap golongan belia di Malaysia*. WP. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Ishak, M.S., Mat, B., Ismail, A., Kasim, A., Mamat, S., & Talib, N. (2016). Pola Dan Motif Tontonan Televisyen Dalam Kalangan Belia Malaysia. *Malaysian Journal Of Youth Studies* 15(2), 231-246.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). *Laporan ciri-ciri isirumah 2010*. Diakses daripada https://www.dosm.gov.my/v1/images/stories/files/LatestReleases/population/Web_Release_Ciri_IR2010.pdf
- Krcmar, M. (2017). Uses and Gratifications: Basic Concepts. *The International Encyclopedia of Media Effects*.

- Lin, C. A. (1993). Modeling the gratification-seeking process of television viewing. *Human Communication Research*, 20(2), 224-244.
- MCMC (2017). *Communications and Multimedia: Facts and Figures*. Diakses daripada <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/1Q17-facts-figures.pdf>
- Moyer-Gusé, E. (2010). Preference for television programs about sexual risk: The role of program genre and perceived message intent. *Media Psychology*, 13(2), 180-199.
- Papacharissi, Z., & Rubin, A. M. (2000). Predictors of Internet use. *Journal of broadcasting & electronic media*, 44(2), 175-196.
- Perse, E. M., & Rubin, A. M. (1990). *Chronic loneliness and television use*.
- Pillai, M. G. (2000, 2 Ogos). *Can the Internet replace traditional media?* Diakses daripada <http://www.zdnet.com/article/can-the-internet-replace-traditional-media/>
- Rubin, A. M. (1977). Television usage, attitudes and viewing behaviors of children and adolescents. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 21(3), 355-369.
- Rubin, A. M. (1979). Television use by children and adolescents. *Human communication research*, 5(2), 109-120.
- Rubin, A. M. (1981). An examination of television viewing motivations. *Communication Research*, 8(2), 141-165.
- Rubin, A. M. (1983). Television uses and gratifications: The interactions of viewing patterns and motivations. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 27(1), 37-51.
- Rubin, A. M. (1984). Ritualized and instrumental television viewing. *Journal of communication*, 34(3), 67-77.
- Rubin, A. M. (1985). *Uses of daytime television soap operas by college students*.
- Rubin, A. M., & Perse, E. M. (1987). Audience activity and television news gratifications. *Communication research*, 14(1), 58-84.
- Rubin, A. M., & Rubin, R. B. (1981). Age, context and television use. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 25(1), 1-13.
- Rubin, A. M., & Rubin, R. B. (1982). Contextual age and television use. *Human Communication Research*, 8(3), 228-244.
- Rubin, N. (2009). Preserving digital public television: Not just an archive, but a new attitude to preserve public broadcasting. *Library Trends*, 57(3), 393-412.
- Ruggiero, T. E. (2000). Uses and gratifications theory in the 21st century. *Mass communication & society*, 3(1), 3-37.

Statistica (2017). *Number of TV households worldwide from 2010 to 2021* (in billions). Diakses daripada <https://www.statista.com/statistics/268695/number-of-tv-households-worldwide/>

Wagner, J. (1992). Absolute television. *Quarterly Review of Film & Video*, 14(1-2), 93-102.

Profil Penulis:

Mohd Sobhi Ishak,Phd

*Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi
Kolej Sastera & Sains,UUM
msobhiphd@gmail.com*

Azizah Sarkowi,Phd

*Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulman
azizahs@ipda.edu.my*

Norati'qah Talib

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
noratiqah@iyres.gov.my*

Shariffah Mamat

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
shariffah@iyres.gov.my*

POTENSI PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

NUR RAIHAN CHE NAWI, MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL
& STEVEN ERIC KRAUSS

ABSTRAK

Aktiviti keusahawanan sosial merupakan bidang yang mengalami peningkatan Aktiviti keusahawanan sosial merupakan bidang yang mengalami peningkatan serta diiktiraf di dunia dan juga di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit maklumat mengenai latar belakang pengalaman kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Tujuan kertas kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka latar belakang pengalaman kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Penerokaan empirikal daripada kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembangunan belia di Malaysia terutamanya dalam aspek aktiviti keusahawanan sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu pengumpulan data dengan kaedah temu bual separa berstruktur. Dapatan dari hasil kajian ini, terdapat empat tema yang dapat dipecahkan antaranya rangkaian, pengumpulan maklumat, pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial dan pengalaman bekerja.

Kata Kunci: *Pengalaman Kerjaya, Usahawan Sosial Belia, Aktiviti Keusahawanan Sosial*

ABSTRACT

Social entrepreneurship activity is a field that is currently growing worldwide and globally recognized including in Malaysia. However, there is not much information about career background of a social entrepreneur among youth in Malaysia. The purpose of this paper is to explore career background of a social entrepreneur among youth in Malaysia. Empirical exploration from this study will benefit towards youth development in Malaysia, especially in terms of social entrepreneurship activities. This study uses a qualitative approach, that is data collection with semi structured interview method. The findings of this study indicates that there are four themes that can be further subdivided, such as networking, information gathering, knowledge of social entrepreneurship activities and working experience.

Keywords: *Career Experiences, Social Entrepreneur, Social Entrepreneurship Activity*

PENGENALAN

Aktiviti keusahawanan sosial dilihat sebagai satu proses serampang dua mata dalam mengalakkan pembangunan masyarakat dan juga dalam sektor ekonomi. Oleh yang

demikian, kerajaan Malaysia turut mengorak langkah dalam mengalakkan kalangan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan memberi insiatif geran 20 juta (Berita Harian, 19 Disember 2014). Ini mungkin disebabkan kalangan belia dilihat mempunyai idea yang kreatif dan berinovatif dalam mengatasi masalah sosial atau persekitaran yang timbul. Walaupun aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih diperingkat awal (Farok, 2011; Sarif, Sarwar & Ismail, 2013; Othman & Abd. Wahid, 2014; MaGIC, 2015:2016). Penglibatan kalangan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial agak memberangsangkan iaitu sebanyak 64% belia yang berumur di bawah 40 tahun. Manakala belia berumur antara 21 – 30 tahun sebanyak 37% (MaGIC, 2016). Jika dibandingkan dengan negara luar, misalnya di United Kingdom, majoriti usahawan sosial adalah berumur antara 44 – 65 tahun (Villeneuve-Smith & Chung, 2013).

Amalan aktiviti keusahawanan sosial telah berkembang dengan pesat di luar negara tidak terkecuali di Malaysia, walaupun Malaysia masih diperingkat yang baru. Akan tetapi, aktiviti sebegini sebenarnya sudah lama dipraktikkan di Malaysia mungkin dari sudut penjenamaan perkataan yang berlainan. Bagaimanapun, sedikit kajian mengenai kerjaya untuk menjadi seorang usahawan sosial. Oleh itu, terdapat kekurangan kajian dalam kalangan belia di Malaysia berkaitan dengan keperluan kerjaya sebagai usahawan sosial. Sebagai contoh di mana kajian di Malaysia, kajian mengenai aktiviti keusahawanan sosial memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi (Li, 2010); kelangsungan hidup (Ismail & Sarwar, 2013); potensi keusahawanan sosial (Radin, Zaidatol, Suhaida & Soaib, 2013); usahawan muslim (Sarif, Sarwar & Ismail, 2013); penglibatan pelajar IPT (Hariyati, 2014); dan pembasmian kemiskinan (Zainol, David, Abdullah dan Yaacob, 2014). Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka latar belakang pengalaman kerjaya sebagai usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian telah menunjukkan bahawa aktiviti keusahawanan sosial telah menjadi fenomena global, yang mempengaruhi masyarakat melalui pendekatan inovatif untuk menyelesaikan masalah sosial (Robinson, Mair, dan Hockerts, 2009; Jaen, Fernandez-Serrano, Santos, Santos & Linan, 2017). Oleh itu, kajian ini telah dijalankan untuk meneroka latar belakang pengalaman kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia terhadap usahawan sosial belia yang secara aktif menjalankan perusahaan sosial.

SOROTAN LITERATUR

Definisi Aktiviti Keusahawan Sosial

Untuk pemahaman yang lebih jelas mengenai aktiviti keusahawanan sosial, ia sebenarnya berasal dari dua istilah berbeza, iaitu 'keusahawanan' dan 'sosial'. Terdapat cabaran yang besar dalam memahami aktiviti keusahawanan sosial, iaitu apa yang dimaksudkan dengan 'sosial' (Seelos & Mair, 2005). Istilah 'sosial' merujuk kepada inisiatif yang bertujuan membantu orang lain (Prabhu, 1999). Secara amnya, aktiviti keusahawanan sosial adalah berbeza daripada perniagaan komersial yang berdasarkan motif keuntungan (Cole, 1968). Walau bagaimanapun, Mair dan Marti (2004) berpendapat aktiviti keusahawanan sosial adalah berdasarkan tanggungjawab etika dan moral (Bornstein, 1998; Catford, 1998).

Perkataan aktiviti keusahawanan merujuk kepada aktiviti perniagaan, manakala perkataan sosial merujuk kepada aktiviti sukarelawan. Apabila digabungkan antara aktiviti keusahawanan dan aktiviti sukarelawan, akan membentuk konsep aktiviti keusahawanan sosial (Westlund & Gawell, 2012). Aktiviti keusahawanan sosial adalah gabungan antara misi sosial dan aktiviti keusahawanan yang memberi fokus dalam pembangunan ekonomi dan pada masa yang sama ia juga mewujudkan nilai sosial (Mair & Marti, 2006). Walau bagaimanapun, aktiviti ini mungkin berlaku di dalam atau di sekitar badan bukan keuntungan, perniagaan, atau sektor kerajaan (Austin, Stevenson & Wei-Skillern, 2006). Konsep aktiviti keusahawanan sosial mempunyai makna yang berbeza untuk setiap individu (Dees, 1998). Sebagai contoh, aktiviti keusahawanan sosial merujuk kepada badan bukan keuntungan yang mencari inisiatif dalam mencari strategi pembiayaan alternatif atau pengurusan dalam mewujudkan nilai sosial (Austin *et. al.*, 2006; Boschee, 1998). Sementara pendapat lain mengenai aktiviti keusahawanan sosial sebagai amalan tanggungjawab sosial terhadap perniagaan komersial (Sagawa & Siegel, 2000, Waddock, 1988). Aktiviti keusahawanan sosial juga dilihat sebagai cara untuk mengurangkan masalah sosial dan proses transformasi sosial (Alvord, Brown & Letts, 2004, Ashoka Innovators, 2000).

Dalam kajian ini, penyelidik berpendapat aktiviti keusahawanan sosial dilihat sebagai aktiviti perniagaan yang mempunyai objektif sosial. Aktiviti ini tidak memfokuskan pada keuntungan untuk kegunaan mereka sendiri tetapi keuntungan tersebut akan digunakan kembali kepada masyarakat. Dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sosial, ia memerlukan kemahiran keusahawanan dan inovasi dalam perubahan sosial. Kemahiran keusahawanan adalah elemen yang paling penting dalam pelaksanaan aktiviti keusahawanan sosial, ini disebabkan untuk memantapkan aktiviti keusahawanan supaya keuntungan yang diperolehi boleh disalurkan kepada masyarakat secara terus menerus. Inovasi dalam aktiviti keusahawanan sosial, ia bukan hanya menumpukan teknologi semata – mata, tetapi ia melibatkan idea-idea yang bernas, dan kreatif. Ini bermakna bagaimana individu menggunakan idea ini menggunakan sumber-sumber yang berkaitan dengan menyelesaikan masalah sosial. Penyelidik juga melihat aktiviti keusahawanan sosial sebagai cara alternatif untuk mencari sumber kewangan tanpa bergantung kepada pihak ketiga untuk memenuhi objektif sosial yang dapat disampaikan secara berterusan kepada masyarakat.

Pengalaman Kerjaya Terdahulu

Memulaan sesuatu perniagaan tidak dicipta secara sengaja, tetapi ia memerlukan banyak usaha dan masa untuk membina sesuatu perniagaan (Carter, Gartner, Shaver & Gatewood, 2003). Individu yang cenderung dalam bidang keusahawanan, adalah disebabkan mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi dari kerjaya terdahulu. Pengalaman kerjaya yang diperolehi dari kerjaya terdahulu oleh seseorang individu adalah modal sosial dan kompetensi yang dikenali sebagai modal kerjaya (Midlane, 2010).

Modal kerjaya bermakna 'modal' yang dimiliki oleh individu iaitu modal sosial dan kompetensi. Modal kerjaya seseorang individu diperolehi berdasarkan kepada pengalaman kerjaya terdahulu yang boleh digunakan oleh usahawan sosial. Sehubungan itu, pengalaman kerjaya dapat mencerminkan keupayaan seseorang individu yang berdasarkan 'akumulasi modal kerjaya'. Sebagai contoh, individu yang terlibat dalam bidang keusahawanan, mereka akan menggunakan pengalaman kerjaya terdahulu (modal sosial dan kompetensi) dalam menjalankan aktiviti ini. Sekiranya seseorang individu yang tidak mempunyai pengalaman dalam organisasi akan lebih sukar untuk membina rangkaian. Oleh itu, pengalaman kerjaya adalah elemen yang penting dalam memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan, serta dalam aktiviti keusahawanan sosial.

Kerjaya seseorang individu boleh berkembang dari urutan pengalaman kerjaya dari semasa ke semasa yang berkembang melalui pengumpulan maklumat, pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan rangkaian (Bird, 1994). Akan tetapi kompetensi seseorang individu mungkin berbeza disebabkan oleh skop kerja antara satu organisasi dengan organisasi yang lain (Sullivan, Carden & Martin, 1998). Walau bagaimanapun, pengalaman kerjaya iaitu modal sosial dan kompetensi boleh dipindahkan, mudah alih dan menjana nilai, boleh dipindahkan ke organisasi lain atau aktiviti keusahawanan (Terjesen, 2005). Seseorang individu yang mempunyai modal kerjaya berdasarkan pengalaman kerjaya terdahulu mempunyai nilai dalam pembentukan aktiviti keusahawanan.

Pengalaman kerjaya terdahulu merupakan sumbangan terhadap pengalaman yang berkembang dalam organisasi yang dilihat sebagai batu loncatan dalam aktiviti keusahawanan (Gib Dyer, 1994). Sehubungan itu, pengalaman kerjaya diperlukan dalam aktiviti keusahawanan sebagai 'modal' dari segi pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan rangkaian yang diperolehi dalam kerjaya sebelumnya yang mewakili untuk menjadi usahawan yang berjaya (Midlane, 2010). Pengalaman seseorang individu juga dikaitkan dengan faktor persekitaran. Menurut Wolfe & Kolb (1980), sesuatu kerjaya berkembang disebabkan oleh tekanan dan kekangan persekitaran. Ini kerana ikatan yang mengikat seseorang individu untuk bertanggungjawab memberi kesenangan kepada individu lain, seperti contoh terhadap kanak – kanak, warga tua dan juga struktur kumpulan sasar. Individu – individu ini dianggap sebagai sistem terbuka yang sentiasa berinteraksi dengan persekitaran, dan juga mencari kestabilan melalui perubahan berterusan (McIlveen & Schultheiss, 2012).

Usahawan Sosial Sebagai Kerjaya dalam Kalangan Belia

Karakteristik usahawan sosial dengan usahawan komersial adalah sama, tetapi yang membezakan mereka adalah dari segi motif keuntungan (Dees, 1998; 2002). Seseorang individu yang cenderung dalam bidang keusahawanan, adalah disebabkan mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan berdasarkan kerjaya terdahulu (Burton, Sorensen & Dobrev, 2016; Unger, Rauch, Frese, & Rosenbusch, 2011; Eesley & Roberts, 2012; Midlane, 2010). Kerjaya dalam bidang keusahawanan melibatkan individu – individu yang telah membuat keputusan untuk bekerja

sendiri sebagai punca sumber pendapatan dan mereka juga memulakan perniagaan sendiri (Coetzee & Schreuder, 2014). Menurut Inkson, Ganesh & Roper (2010) kerjaya sebagai usahawan telah digambarkan sebagai suatu peluang kerjaya baru, iaitu kerjaya protean (Arthur & Rousseau, 1996; Peiperi & Baruch, 1997). Kerjaya protean adalah konsep kerjaya pasca moden, ia lebih menumpukan kepada ‘tidak terikat’ dengan struktur organisasi. Oleh itu, kerjaya protean merupakan kerjaya alternatif dan juga berdasarkan pengalaman kerjaya terdahulu bagi seseorang individu.

Terdapat perkembangan yang positif dalam peningkatan bilangan usahawan sosial di Malaysia, di mana usahawan sosial dalam kalangan belia telah beralih dari aktiviti perniagaan komersial ke perusahaan sosial (MaGIC, 2015). Sehubungan itu, kerjaya sebagai usahawan sosial telah menarik perhatian dalam kalangan belia untuk menceburi bidang tersebut. Menurut State of Social Enterprise in Malaysia 2014/2015 (MaGIC, 2016), 61% usahawan sosial yang mempunyai latar belakang korporat bertukar menjadi usahawan sosial, 36% usahawan sosial yang berlatar belakangkan sektor sosial dan 3% adalah graduan baru. Untuk menjadi usahawan sosial, seseorang individu perlu mempunyai asas kemahiran keusahawanan untuk membangun dan memampankan perusahaan sosial, supaya aktiviti keusahawanan sosial dapat berjalan dengan lancar. Menurut Hessels, Van Gelderen dan Thurik (2008), adalah penting bagi setiap usahawan mempunyai kemahiran keusahawanan, sejajar dengan perubahan dunia masa kini.

Kebanyakan usahawan sosial di Malaysia, mereka berumur 40 tahun dan ke bawah, di mana usahawan sosial telah beralih daripada aktiviti perniagaan komersial kepada aktiviti keusahawanan sosial yang mempunyai misi sosial atau alam sekitar (MaGIC, 2015). Transformasi usahawan komersial kepada usahawan sosial adalah disebabkan oleh ketidak keberkesanan sistem dalam masyarakat dan juga faktor persekitaran. Faktor – faktor ini mendorong untuk dijadikan sebagai motivasi bagi usahawan sosial dalam membuat ‘sesuatu perubahan’ terhadap individu – individu disekitarnya (Hibbert, Hogg & Quinn, 2002).

METODOLOGI

Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan penyelidikan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Ini adalah wajar memandangkan sifat penerokaan penyelidikan kualitatif, yang membolehkan informan untuk berkongsi latar belakang pengalaman kerjaya sebagai usahawan sosial. Pada masa yang sama, penyelidik juga mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai keseluruhan proses sosial asas (Creswell, 2012; Richards & Morse, 2012).

Penyelidik menggunakan pendekatan naratif untuk menjalankan kajian ini. Pendekatan naratif adalah sesuai untuk digunakan, di mana kriteria dalam pendekatan ini adalah untuk meneroka pengalaman hidup pelakon sosial (Creswell,

2012). Dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik adalah instrumen utama untuk menjalankan sesi temu bual dan juga dalam menganalisis data. Penyelidik juga memurnikan panduan temu bual semasa menjalankan kajian rintis dan juga temu bual sebenar, bagi menggalakkan informan menjawab soalan. Temu bual mendalam telah dirakam dengan menggunakan perakam suara, yang membantu dalam memastikan data yang kaya telah direkodkan. Setiap temu bual yang dilakukan telah ditranskripkan iaitu kata demi kata dan dianalisis untuk membentuk kategori dan juga untuk mengenalpasti tema yang berkaitan dengan persoalan kajian.

Informan Kajian

Penyelidik memilih informan dalam kalangan belia yang terlibat dalam *social enterprise* dan *social business* yang dikenali sebagai usahawan sosial. Penyelidik mendapatkan maklumat informan melalui laman web yang disediakan oleh Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), carian internet, penyertaan penyelidik dalam program SEHATI dan teknik *snowballing*. Informan – informan dalam kajian ini dipilih dari pelbagai bidang dampak sosial (*social impact*) dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan, di mana kriteria tertentu digunakan. Dalam kajian ini, kriteria pemilihan informan adalah berdasarkan kepada belia yang menjalankan *social enterprise* atau *social business* sekurang – kurangnya dua tahun sebagai usahawan sosial, berumur dalam lingkungan antara 20 – 40 tahun (menggunakan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997), usahawan sosial yang mudah dihubungi, dan sukarela mengambil bahagian dalam kajian ini.

Pengumpulan dan Analisis Data

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah mengambil langkah – langkah seperti berikut dalam pengumpulan data untuk memperolehi maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Langkah pertama, penyelidik telah menghubungi informan kajian sama ada melalui email, panggilan telefon, menerusi aplikasi *WhatsApp*, dan juga di media sosial seperti *Instagram* dan *Facebook* bagi mendapatkan persetujuan penglibatan informan dalam kajian. Kemudian, penyelidik telah membuat penetapan tarikh, masa, dan tempat sesi temu bual yang telah dijalankan.

Langkah kedua, sebelum sesi temu bual yang sebenar dilakukan, penyelidik telah bertemu secara tidak formal dengan informan bagi memperkenalkan diri, dan juga membina hubungan supaya penyelidik mendapat maklumat sedikit sebanyak mengenai aktiviti keusahawanan sosial yang dijalankan oleh informan tersebut. Dan pada yang sama juga, supaya informan tidak kekok untuk berkongsi maklumat pada sesi temu bual yang sebenar.

Langkah ketiga, penyelidik hadir ke tempat yang dipersetujui untuk di temu bual. Penyelidik memperkenalkan diri, menjelaskan matlamat kajian yang dilaksanakan, dan juga bagaimana sesi temu bual dilakukan kepada informan. Penyelidik memulakan sesi temu bual dengan menanyakan soalan – soalan terbuka berdasarkan latar belakang diri informan dan juga *social enterprise* atau *social business*. Soalan terbuka ini perlu sebagai persediaan kepada penyelidik dalam sesi

temu bual yang lebih mendalam dengan menggunakan soalan separa – berstruktur. Seterusnya penyelidik menggunakan soalan – soalan separa berstruktur yang telah disediakan untuk menjawab persoalan kajian.

Setiap sesi temu bual yang dilakukan telah ditranskripikan iaitu salinan kata demi kata (*verbatim*). Kemudian penyelidik menggunakan perisian Nvivo versi ke-8 bagi tujuan menganalisis data. Penyelidik membuat naik transkripsi dalam perisian ini bagi melakukan proses permulaan kod, pembentukan kategori dan juga tema. Semasa proses membuat kod permulaan, penyelidik mengenal pasti kategori – kategori yang bakal dibentuk. Langkah ini merupakan fasa analisis yang mengambil masa panjang, di mana fasa ini juga membenarkan kemasukan kategori baru serta semakan bagi kategori yang sedia ada. Pada peringkat pertama pengekodan, penyelidik telah menamakan perkataan yang berpotensi. Seterusnya untuk peringkat kedua adalah corak pengekodan (Robson, 2002), penyelidik telah mengkategorikan kod awal ke dalam kategori yang berkaitan.

Setiap data daripada transkripsi temu bual telah dikodkan dengan menggunakan pengulangan langkah – langkah ini. Penyelidik telah mengenal pasti kategori – kategori yang berpotensi dan menyusun data – data mengikut kategori yang bersesuaian. Kategori – kategori yang dibentuk telah dihubungkan dengan tema – tema yang bersesuaian. Penyelidik berpendapat, perisian ini hanyalah alat bantuan yang memudahkan dalam proses mengurus data sahaja, dimana idea untuk menentukan kod, kategori dan tema adalah terletak pada diri penyelidik dan bukanlah pada perisian ini. Sedikit sebanyak perisian ini membantu penyelidik dalam mengurus data dengan lebih sistematik dan menjimatkan masa dalam proses menganalisa data.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Usahawan Sosial Belia

Dalam kajian ini melibatkan tujuh orang usahawan sosial belia yang terlibat aktif dalam *social enterprise* atau *social business* yang berumur antara 26 hingga 40 tahun. Hanya seorang sahaja informan yang mempunyai lima tahun pengalaman menjadi usahawan sosial, manakala yang selebihnya dua hingga tiga tahun. Informan yang terlibat dalam kajian ini melibatkan dari sektor dampak sosial seperti penjagaan kesihatan & pemakanan, akses ekonomi & pembasmian kemiskinan, pendidikan, pembangunan belia, dan isu wanita & kesihatan wanita. Jadual 1 menunjukkan ringkasan tujuh orang usahawan sosial dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Usahawan Sosial Belia

Nama Samaran	Umur	Pengalaman menjadi Usahawan Sosial (Tahun)	Sektor Dampak Sosial
Informan 1	30	5	Penjagaan kesihatan & pemakanan
Informan 2	26	3	Akses ekonomi & pembasmian kemiskinan
Informan 3	28	3	Pendidikan
Informan 4	29	2	Pembangunan belia (sukan)
Informan 5	39	2	Pembangunan belia
Informan 6	33	3	Akses ekonomi & pembasmian kemiskinan
Informan 7	40	3	Isu wanita & kesihatan wanita

Apakah Latar Belakang Pengalaman Kerjaya Usahawan Sosial dalam Kalangan Belia di Malaysia?

Bahagian ini melihat elemen – elemen penting terhadap informan – informan mengenai latar belakang pengalaman kerjaya sebagai usahawan sosial. Melalui sesi temu bual terhadap tujuh orang usahawan sosial, terdapat beberapa tema telah dikenalpasti iaitu, rangkaian, pengumpulan maklumat, pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial dan pengalaman berkerja.

Rangkaian

Hampir kesemua informan dalam kajian ini berkongsi mengenai latar belakang pengalaman kerjaya sebagai usahawan sosial dengan melihat rangkaian sebagai elemen penting. Menurut informan 5, untuk menjadi usahawan sosial, seseorang individu perlu membuat rangkaian. Beliau berkata,

“Kita tak boleh business ni atau entrepreneur ni tak boleh duduk in silo lah, kena berkawan, kena network, dan kemudian kita perlu ada a few network.”.

Begitu juga dengan informan 4 mengakui bahawa rangkaian yang dimilikinya membantu beliau dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan berkata,

“I have my circle of friends yang sememangnya usahawan. Yang buat business. So, dekat situ pun membantu, because SE is a business. Jadi dekat situ pun membantu how I develope. Saya bukan business person..”.

Menurut informan 6, rangkaian yang dimiliki dari pelbagai latar belakang turut membantu informan dalam melakukan aktiviti keusahawanan sosial, beliau menyatakan,

“Pentingnya rangkaian sebab apa – apa pun. Because even, tak kisah macam mana latar belakangkan. Memang semua orang akan bagi somethings for good course.”.

Manakala informan 2 melihat kepentingan rangkaian dapat menjimatkan kos dengan menyatakan,

“Ya. Di mana - mana perniagaan sebenarnya rangkaian adalah nombor satu. Jika saya tidak tahu orang yang seterusnya, maka saya akan menanggung kos yang lebih tinggi. Saya boleh menjimatkan wang dan juga memaksimumkan perniagaan saya dan membantu lebih banyak orang. Jika saya tahu apa yang orang lain lakukan, kita boleh bekerjasama dan melakukan sesuatu. Tanpa rangkaian, kita tidak boleh melakukan perniagaan, sangat mustahil” .

Informan 3 turut mengakui rangkaian diperlukan bagi membangunkan perusahaan sosial. Beliau menyatakan,

“Kalau kita work with industry people, seperti contoh kita bekerja dengan Metromas, Kita mempunyai industry side of things. Kita mahukan pendedahan dan kita sentiasa ingin improve ourselves, jadi rangkaian sangat penting supaya orang dapat memberi maklum balas kepada kita, itu yang kita mahu”.

Manakala informan 7, melihat rangkaian seperti ‘visa’ yang telah menghubungkan informan dengan negara – negara luar dengan menyatakan,

“Ada satu organisasi ini, mereka menyambungkan rangkaian saya ke UK, Pakistan, Afrika Selatan. Sehingga satu yayasan dari UK, WorldAid, mereka bertanya bolehkah saya turut serta untuk memperkasakan terhadap wanita di Palestin”.

Elemen yang paling penting untuk menjadi usahawan sosial adalah rangkaian. Tingkah laku keusahawanan sebagai tidak lengkap sekiranya tiada peranan rangkaian (Kwiatkowski, 2004). Rangkaian yang diperolehi oleh usahawan

sosial adalah berdasarkan pengalaman kerjaya semasa atau terdahulu yang banyak membantu mereka dalam menjayakan misi sosial. Menurut Uthøi (2005), rangkaian yang terbina ini apabila dikekalkan dan dibangunkan mampu menjadi aset penting kepada seseorang usahawan. Rangkaian ini dibina melalui nilai kepercayaan, memberi atau menerima maklumat dan juga kerjasama dalam bidang yang sama (Midlane, 2010).

Pengumpulan Maklumat

Pengumpulan maklumat dilihat usaha yang dilakukan informan kajian yang memilih kerjaya sebagai usahawan sosial. Menurut informan 1, pendekatan yang digunakan dalam pengumpulan maklumat dengan melakukan pembacaan. Beliau menyatakan,

“Ya, anda perlu mempunyai asas. Jadi saya baca buku Muhammad Yunus. Dan kemudian, saya baca buku- buku, macam ekonomi kesihatan kan. Kemudian, saya mendapat idea untuk mendapatkan orang-orang yang ada expert knowledge”.

Manakala informan 3 melakukan pendekatan dengan mencari individu yang mempunyai pengalaman dan melakukan eksperimen semasa membangunkan perusahaan sosial berkata,

“Saya berguru dengan semua orang yang nak bagi tahu. Saya bertanya pada sesiapa yang telah memulakan dan bertanya bagaimana mereka melakukannya, bagaimana mereka menguruskan syarikat mereka. Saya hanya belajar dari mereka. Semua try and error lah. Saya juga tak tahu apa yang bagus, jadi hanya try and error”.

Bagi informan 7, beliau melantik seorang jurulatih bagi mempersiapkan dirinya untuk memberi komitmen dalam aktiviti keusahawanan sosial. Beliau menyatakan,

“Saya sebenarnya berkawan dengan seorang jurulatih dari Singapura. Saya meminta pertolongannya, dimana saya merancang untuk berhenti kerja dalam tempoh enam bulan tetapi saya perlu mendapatkan sesuatu. Saya perlu belajar tentang perniagaan kerana saya tidak tahu langsung tentang menjalankan perniagaan”.

Manakala bagi informan 4, beliau menghadiri kursus latihan dalam pengumpulan maklumat. Beliau menyatakan,

“Benda-benda ni la yang membantu. Ceramah, the courses that I went through FBS semua tu, because FBS dia ajar market dekat FB, yang pergi tu banyak orang, ada pakaian, ada food, ada macam-macam perkhidmatan.”.

Begitu juga dengan informan 5 yang menghadiri bengkel seminar dengan menyatakan,

“GENA banyak kasi latihan. Dimana ia adalah berpatutan, ataupun kadang-kadang percuma. Sebab dia NGO. Kemudian, kerajaan banyak cari NGO seperti ini, dia orang akan bagitahu lah ada latihan, kerajaan pun banyak bagi latihan, jadi saya tak pernah la pergi latihan memahal”.

Pengumpulan maklumat mengenai aktiviti keusahawanan sosial adalah elemen yang boleh dikatakan penting bagi seseorang individu yang bergelar usahawan sosial untuk bergiat aktif dalam bidang ini. Pengumpulan maklumat dari mentor, menghadiri kursus latihan, melalui pembacaan akan membuka peluang serta mendedahkan laluan yang baru terhadap usahawan sosial dalam mengurus perusahaan sosial mereka. Sehubungan itu, pengumpulan maklumat dari mentor (UNICEF, 2007), menghadiri kursus latihan (Scholtz, 2011) dan sebagainya dapat memberi motivasi, maklum balas serta menyediakan tempat rujukan kepada usahawan sosial dalam kalangan belia untuk mencari inisiatif, memperkasakan diri sebagai usahawan sosial dan juga dapat memantapkan perusahaan sosial.

Pengetahuan Tentang Aktiviti Keusahawanan Sosial

Informan kajian ini terdiri daripada latar belakang bidang yang pelbagai. Pemerolehan pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial juga berbeza terhadap informan – informan ini. Informan 5 memperolehi pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial semasa penglibatan dalam program yang ditaja oleh kedutaan Amerika Syarikat berkata,

“Sebenarnya bila saya pergi tu dalam 2014. Pergi US tiga minggu, saya pergi melawat lima bandar. Lima bandar kita jumpa orang yang buat social enterprise, buat lawatan. Jadi saya mengenali banyak benda pasal social enterprise dekat US, jadi saya terbukak lah.”.

Menurut informan 7 pula yang menghadiri forum di Sweden, menyatakan,

“Kebetulan di Stockholm, Sweden, dia buat forum keusahawanan sosial untuk usahawan sosial dari negara-negara dunia ketiga. Jadi, saya dipilih dari 400 profil. 8 daripada kami dipilih dari 400 profil dari seluruh dunia. Jadi, 2 dari Uganda, 2 dari Nigeria, 1 dari Afrika Selatan, 1 dari Brazil, Nepal dan saya dari Malaysia lah”.

Bagi informan 4 yang mempunyai kerja hakiki dalam sektor sosial, salah satu perkhidmatan yang diberi adalah khidmat nasihat dalam aktiviti keusahawanan sosial berkata,

“Pengetahuan dari segi konsep SE, SB tu dulu. Fahamkan. Fahamkan dulu apa perbezaan prinsip SB. Anda perlu tahu, tetapi berbeza dengan saya. Sebab saya dalam Impian Kita secara automatik dah tau benda-benda ni”.

Informan 1 yang menjadikan Impian Kita sebagai sumber rujukan menyatakan prinsip yang beliau gunakan iaitu,

“Kita ikut konsep asas, seven principal of social business daripada Profesor Muhammad Yunus. Salah satu prinsip adalah, anda membayar orang dengan gaji pasaran atau yang lebih tinggi. Kemudian ada lagi satu, kesemua keuntungan akan kembali ke salah satu program pembasmian kemiskinan dan kesamarataan, atau program itu meningkatkan kemudahan perkhidmatan. Jadi, ambil saja beberapa prinsip tu”

Manakala bagi informan 2 memperolehi pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial semasa terpilih mengikuti program yang dianjurkan oleh agensi kerajaan . Beliau menyatakan,

“Bila kita layak untuk social enterprise acceleration program. Masa itu dia orang akan melatih, membangunkan kita. Bagaimana untuk menjadi usahawan sosial yang betul, dia akan rangkaian sini, rangkaian sana, rangkaian sini. Dari program ini anda akan membuat rangkaian lagi. Itulah cara kita membangunkan social enterprise. Program ini sangat membantu dari segi membangunkan SE dan rangkaian”.

Berbeza dengan informan 3 yang menggunakan pendekatan menulis kertas kerja semasa menyertai pertandingan geran untuk memperolehi pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial menyatakan,

“Saya ingin melihat apa yang orang mahukan dari syarikat kami. Bila dia kata, ok, you nak masuk pertandingan ni, you kena ada keperluan ni ni ni ni. Saya nak tahu keperluan itu apa. Jika kesemua pertandingan yang kami sertai tidak menang, tidak mengapa. Ini kerana saya mahu tahu apa yang diharapkan sebagai sebuah perusahaan sosial”.

Adalah penting bagi setiap individu yang mahu menceburi dalam bidang yang baru ini mempunyai pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial bagi mencapai misi sosial atau alam sekitar. Menurut Helen Haugh (2005), di United Kingdom terdapat permintaan yang tinggi terhadap kursus latihan mengenai aktiviti keusahawanan sosial. Pengetahuan yang diperolehi dari penyertaan kursus

latihan serta bantuan teknikal membantu usahawan sosial dalam kalangan belia menggunakan maklumat dan kemahiran, dalam mengurus sumber dengan berkesan (UNICEF, 2007). Supaya pengetahuan mengenai aktiviti keusahawanan sosial ini dapat digunakan bagi mencapai misi sosial dan pada masa yang sama juga dapat bersaing dengan sihat dengan perniagaan komersial yang lain (Alvord *et. al.*, 2004; Emerson & Twerksy, 1996).

Pengalaman Bekerja

Walaupun informan kajian ini terdiri daripada latar belakang yang pelbagai, mereka menggunakan pengalaman dari kerjaya terdahulu dan semasa dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial. Menurut informan 2, yang mempunyai dua (2) pengalaman berkata

“Pengalaman kerja saya dalam 15 hingga 16 tahun. Saya pernah berada dalam sektor pembuatan dan juga di hotel. Jadi, saya mempunyai dua (2) pengalaman pada masa yang sama. Saya menjalankan perniagaan dan bekerja di hotel pada masa yang sama”.

Begitu juga dengan informan 5 yang mempunyai pengalaman bekerja dalam sektor perniagaan berkata,

“Oh sebab saya dah ada pengalaman buat perniagaan ni memang membantulah. Bagaimana mengurus perniagaan, pemasaran, pemasaran jualan. Semualah mengenai perniagaan.”.

Informan kajian yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam sektor perniagaan dikatakan mempunyai nilai berharga yang boleh digunakan dalam aktiviti keusahawanan sosial (Bailey, 2012; Juliet & George, 2005).

Terdapat juga informan kajian tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam sektor perniagaan, tetapi mereka menggunakan pengalaman bekerja dan kemahiran yang dimiliki dalam mencapai misi sosial mereka. Menurut informan 4 yang bekerja dalam sektor sosial berkata,

“Berdasarkan pengalaman kami di Impian Kita. Saya terutamanya, sebagai Youth Engagement Executive. Saya mempunyai lebih daripada lima (5) tahun pengalaman. Kami telah terlibat dalam beberapa komuniti ini. Komuniti kurang bernasib baik”.

Begitu juga dengan informan 3 yang mempunyai pengalaman dalam sektor pendidikan berkata,

“Tenaga ni memang kerana pengalaman yang kita ada di sekolah la. Kerana kita fikir bahawa, pelajar tidak belajar apa-apa di

sekolah. Ini disebabkan mereka tidak berminat, atau mereka tidak melihat apa-apa yang relevan di sekolah. Jadi itu adalah idea di sebalik permulaan Tenaga, dimana Tenaga mengajar mereka dengan cara yang berbeza, dan juga mengajar bahawa mereka sebenarnya boleh membuat sesuatu daripada pembelajaran mereka”.

Seseorang individu yang mempunyai pengalaman bekerja dan kemahiran yang berbeza lebih mempunyai kecenderungan untuk bergiat dalam bidang keusahawanan dan berjaya dalam bidang tersebut (Burton, Sørensen, & Dobrev, 2016; A°stebro & Thompson, 2011; Dobrev & Barnett, 2005; Lazear, 2004, 2005). Terdapat juga individu yang mempunyai pengalaman bekerja dalam industri yang sama (Klepper & Sleeper, 2005; Sorenson & Audia, 2000) dimana pengalaman terdahulu dilihat seolah-olah dapat dikaitkan (Bruderl, Preisendorfer, & Ziegler, 1992; Chandler, 1996; Delmar & Shane, 2006; Eesley & Roberts, 2012) dan digunakan dalam perusahaan sosial.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan, telah menunjukkan elemen – elemen yang menyumbang kepada latar belakang pengalaman kerjaya sebagai usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Kalangan belia ini mempunyai elemen – elemen seperti rangkaian, pengumpulan maklumat, pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial dan pengalaman bekerja untuk menjadi usahawan sosial. Dapat dilihat usaha – usaha yang dilakukan oleh usahawan sosial dalam kalangan belia telah mewujudkan perubahan yang telah mengubah sistem secara tidak langsung dalam tempoh enam (6) tahun kebelakangan ini. Usahawan sosial dalam kalangan belia telah menyumbangkan peranan mereka dalam pembangunan komuniti, perubahan sosial dan kemahiran kepemimpinan, dan pada masa yang sama turut memperkembangkan potensi diri mereka sendiri.

Sehubungan itu, pendekatan aktiviti keusahawanan sosial dilihat sebagai satu medium dalam menyokong pembangunan belia untuk menyelesaikan isu – isu sosial dan alam sekitar dengan menggunakan pendekatan secara inovatif dan lebih mampan. Justeru itu, pendekatan aktiviti keusahawanan sosial ini dapat membawa Malaysia menjadi negara yang lebih sejahtera bagi kehidupan lapisan generasi disebabkan keharmonian sosial dan kestabilan alam sekitar yang diwujudkan melalui perusahaan sosial. Dalam keadaan sedemikian, aktiviti keusahawanan sosial dapat dilihat boleh mengubah status quo, dengan menawarkan keupayaan kalangan belia untuk mengubah kehidupan dan pada masa yang sama juga memberi impak pada sosial dan alam sekitar. Pada masa yang sama juga penglibatan belia dalam aktiviti keusahawanan sosial boleh dijadikan kerjaya alternatif bagi mengatasi penganggur dalam kalangan belia.

RUJUKAN

- Alvord, S.H., Brown, D.L. & Letts, C.W. (2004). Social entrepreneurship and social transformation: an exploratory study. *Journal of Applied Behavioral Science*, Vol. 40 No. 3, pp. 260-283.
- Arthur, M. B., & Rousseau, D. M. (1996). *The boundaryless career*. Oxford University Press.
- Ashoka Innovators for the Public. (2000). *Selecting leading social entrepreneurs*. Washington, DC: Author.
- A°stebro, T., & Thompson, P. (2011). Entrepreneurs, jacks of all trades or hobos? *Research Policy*, 40, 637–649.
- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: same, different, or both?. *Entrepreneurship theory and practice*, 30(1), 1-22.
- Bailey, J. M. (2012). *Committed to entrepreneurial activity and social mission: what is the experience of social entrepreneurship*.
- Berita Harian Online, (2014).19 Disember.
- Bird, A. (1994). Careers as repositories of knowledge: A new perspective on boundaryless careers. *Journal of Organizational Behavior*, 15(4), 325-344.
- Bornstein, D. (1998). Changing the world on a shoestring. *Atlantic Monthly*, 281(1), 34-39.
- Boschee, J. (1998). *Merging mission and money: A board member's guide to social entrepreneurship*.
- Bruderl, J., Preisendorfer, P., & Ziegler, R. (1992). Survival chances of newly founded business organizations. *American Sociological Review*, 57(2), 227–242.
- Burton, M. D., Sørensen, J. B., & Dobrev, S. D. (2016). A careers perspective on entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 40(2), 237-247.
- Carter, N. M., Gartner, W. B., Shaver, K. G., & Gatewood, E. J. (2003). The career reasons of nascent entrepreneurs. *Journal of Business Venturing*, 18 (1), 13-39.
- Catford, J. (1998). Social entrepreneurs are vital for health promotion—but they need supportive environments too. *Health Promotion International*, 13 (2), 95-97.
- Chandler, G.N. (1996). Business similarity as a moderator of the relationship between pre-ownership experience and venture performance. *Entrepreneurship*

Theory and Practice, 20, 51–65.

- Coetzee M., Schreuder D. (2014). Career Anchors as a Meta-Capacity in Organizational Career Development. In: Coetzee M. (eds) *Psycho-social Career Meta-capacities*. Springer, Cham.
- Cole, H., (1968). The Entrepreneur: Introductory Remarks, *American Review of Economics*, LVIII-2, 1968, p.64-71.
- Creswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Dasar Pembangunan Belia Negara (1997). Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Dees, J. G. (1998). *The meaning of social entrepreneurship*. Retrieved from <http://www.redalmarza.cl/ing/pdf/TheMeaningofsocialEntrepreneurship.pdf>
- Dees, J. G., Emerson, J., & Economy, P. (2002). *Enterprising nonprofits: A toolkit for social entrepreneurs* (Vol. 186). John Wiley & Sons.
- Delmar, F., & Shane, S. (2006). Does experience matter? The effect of founding team experience on the survival and sales of newly founded ventures. *Strategic Organization*, 4, 215–247.
- Dobrev, S.D., & Barnett, W.P. (2005). Organizational roles and transition to entrepreneurship. *Academy of Management Journal*, 48(3), 433–449.
- Eesley, C. E. and Roberts, E. B. (2012), Are You Experienced or Are You Talented?: When Does Innate Talent versus Experience Explain Entrepreneurial Performance?. *Strategic Entrepreneurship Journal*, 6: 207–219.
- Emerson, J., & Twersky, F. (Eds.). (1996). New social entrepreneurs: The success, challenge and lessons of non-profit enterprise creation. *The Homeless Economic Fund*, the Roberts Foundation.
- Farok, Z. (2011). *Social enterprise in Malaysia: The UMK experience*. In Paper presented at the Asian Solidarity Economy Forum, Seri Cempaka Suites (Menara PGRM), Kuala Lumpur.
- Gibb Dyer, W. Jr. (1994). Toward a theory of entrepreneurial careers. *Entrepreneurship theory and practice*. 19(2). 7-21.
- Hariyaty, A. W. (2014). *Keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Malaysia.
- Helen Haugh, (2005). A research agenda for social entrepreneurship. *Social Enterprise Journal*. Vol. 1 Issue: 1.
- Hessels, J., Van Gelderen, M., & Thurik, R. (2008). Entrepreneurial aspirations,

- motivations, and their drivers. *Small Business Economics*, 31(3), 323-339.
- Hibbert, S. A., Hogg, G., & Quinn, T. (2002). Consumer response to social entrepreneurship: The case of the Big Issue in Scotland. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 7(3), 288-301.
- Inkson K, Ganesh S, Roper, J and Gunz, H. (2010). *The boundaryless career: A productive concept that may have outlived its usefulness*. Academy of Management Best Paper Proceedings.
- Ismail, Y., & Sarwar, A. A. M. (2013). Creating wealth through social entrepreneurship: a case study from Malaysia. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, 3(3), 345-353.
- Jaén, I., Fernández-Serrano, J., Santos, F. J., & Liñán, F. (2017). *Cultural Values and Social Entrepreneurship: A Cross-Country Efficiency Analysis*. In *Social Entrepreneurship in Non-Profit and Profit Sectors* (pp. 31-51). Springer International Publishing.
- Juliet, R., & George, C. (2005). Leadership, learning and human resource management the meanings of social entrepreneurship today. *Corporate Governance*, 5-3. 95- 104.
- Klepper, S., & Sleeper, S. (2005). Entry by spinoffs. *Management Science*, 51(8), 1291-1306.
- Kwiatkowski, S. (2004). *Social and intellectual dimensions of entrepreneurship*. Higher education in Europe, 29(2), 205-220.
- Li, C. C. (2010). *Social entreprie and economic development notes*. SEED 1 UMK, Pantai Seri Tujuh, Tumpat.
- Lazear, E.P. (2004). Balanced skills and entrepreneurship. *American Economic Review*, 94, 208-211.
- Lazear, E.P. (2005). Entrepreneurship. *Journal of Labor Economics*, 23(4), 649-680.
- Mair, J., & Marti, I. (2004). Social entrepreneurship: What are we talking about? *A framework for future research* (No. D/546). IESE Business School.
- Mair, J., & Marti, I. (2006). Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction, and delight. *Journal of world business*, 41(1), 36-44.
- Malaysian Global Innovation & Creativity (MaGIC, 2015). *Malaysian Social Entrepreneurship Blueprint 2015 – 2018. Unleashing the power of social entrepreneurship*.
- Malaysian Global Innovation & Creativity (MaGIC, 2016). *State Of Social Enterprise In Malaysia 2014/2015*.
- McIlveen, P., & Schultheiss, D. (Eds.). (2012). Social constructionism in vocational psychology and career development (Vol. 4). *Springer Science & Business*

Media.

- Midlane, R. (2010). *Mid-career management transition: from corporate manager to entrepreneur* (Doctoral dissertation, University of Pretoria).
- Othman, N., & Ab Wahid, H. (2014). Social entrepreneurship among participants in the students in free enterprise program. *Education+ Training*, 56 (8/9), 852-869.
- Peiperl, M., & Baruch, Y. (1997). Back to square zero: The post-corporate career. *Organizational dynamics*, 25(4), 7-22.
- Prabhu, G. N. (1999). Social entrepreneurial leadership. *Career development international*, 4(3), 140-145.
- Radin Siti Aisyah R. A. R., Zaidatol Akmaliah L. P., Suhaida A. K., Soaib A. (2013). In *Potensi Keusahawanan Sosial di Malaysia*. Proceedings of the Seminar Penyelidikan Pendidikan & Pembangunan Sumber Manusia, Serdang, Malaysia, October 10, 2013. Faculty of Educational Studies.; Universiti Putra Malaysia: Sedang.
- Richards, L. & Morse, J. M. (2012). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. SAGE Publication.
- Robinson, J., Mair, J., & Hockerts, K. (Eds.). (2009). *International perspectives on social entrepreneurship*. Palgrave Macmillan.
- Robson, C. (2002). *The analysis of qualitative data*. Blackwell.
- Sagawa, S., & Segal, E. (2000). Common interest, common good: Creating value through business and social sector partnerships. *California Management Review*, 42(2), 105-122.
- Sarif, S. M., Sarwar, A., & Ismail, Y. (2013). Practice of social entrepreneurship among the Muslim entrepreneurs in Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research*, 14(11), 1463-1470.
- Scholtz, L. (2011). *Impact of social entrepreneur's education and Business Skills Training on the success of non-profit organisation* (Doctoral dissertation).
- Seelos, C., & Mair, J. (2005). Social entrepreneurship: Creating new business models to serve the poor. *Business horizons*, 48(3), 241-246.
- Sorenson, O., & Audia, P.G. (2000). The social structure of entrepreneurial activity: Geographic concentration of footwear production in the United States, 1940-1989. *American Journal of Sociology*, 106(2), 424-462.
- Sullivan, S. E., Carden, W. A., & Martin, D. F. (1998). Careers in the next millennium: Directions for future research. *Human Resource Management Review*, 8(2), 165-185.
- Terjesen, S. (2005). Senior women managers' transition to entrepreneurship: Leveraging embedded career capital. *Career Development International*,

- 10(3), 246-259.
- Ulhøi, J. P. (2005). The social dimensions of entrepreneurship. *Technovation*, 25(8), 939-946.
- UNICEF. (2007). *Adolescents and Civil Engagement: Social Entrepreneurship and Young People*. New York, ADAP UNICEF.
- Unger, J.M., Rauch, A., Frese, M., & Rosenbusch, N. (2011). Human capital and entrepreneurial success: A meta-analytical review. *Journal of Business Venturing*, 26, 341–358.
- Villeneuve-Smith, F and Chung, C (2013). *Social enterprise UK: The people's business*. Social Enterprise UK, London
- Westlund, H., & Gawell, M. (2012). Building social capital for social entrepreneurship. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 83(1), 101-116.
- Waddock, S. A. (1988). Building successful social partnerships. *MIT Sloan Management Review*, 29(4), 17.
- Wolfe, D. M., & Kolb, D. A. (1980). *Beyond specialization: The quest for integration in midcareer. Work, Family, and Career*, edited by CB Derr. Praeger.
- Zainol, F. A., Daud, W. N. W., Abdullah, Z., & Yaacob, M. R. (2014). *Social Entrepreneurship and Organizational Effectiveness: The way forward to solve Urban Poverty*.

Profil Penulis:

Nur Raihan Che Nawi

Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia,
raihannurche@gmail.com

Mohd Mursyid Arshad, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
m_mursyid@upm.edu.my

Ismi Arif Ismail, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
ismi@upm.edu.my

Steven Eric Krauss, PhD

Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia,
lateef@upm.edu.my

KESAN PENGLIBATAN BELIA MALAYSIA DALAM KEUSAHAWANAN SOSIAL

SHAKIRAH NOOR AZLAN & NURSHAFEEQAH MOHD ZIN

ABSTRAK

Mutakhir ini konsep keusahawanan telah diperluaskan skop aplikasinya kepada konteks yang melibatkan pencapaian matlamat sosial dan bukan keuntungan. Konsep ini di label sebagai keusahawanan sosial, yang berfokuskan kepada matlamat sosial berbanding keuntungan. Konsep keusahawanan sosial adalah di dilaksanakan oleh individu yang mempunyai ciri keusahawanan seperti inovatif, proaktif, pengambilan risiko dan utamanya adalah berfokus kepada pencapaian aspirasi sosial. Keusahawanan sosial ini boleh dilaksanakan oleh setiap lapisan masyarakat dan tidak terlepas kepada golongan belia. Penglibatan belia dalam keusahawanan sosial bukan sahaja mampu melahirkan belia yang boleh mengendalikan sebuah perusahaan, juga mempunyai tanggungjawab sosial, mesra persekitaran dan mesra budaya, sekali gus menjadi agen penyelesaian kepada keruncingan masalah masyarakat. Keusahawanan sosial merupakan respon kepada masalah sosial masyarakat seperti pengangguran, kemiskinan, fragmentasi komuniti dan kelaparan yang semakin kronik untuk mencapai keadilan sosial sejagat. Masalah sosial masyarakat ini perlu diatasi terutamanya di kalangan belia. Ini kerana belia merupakan pewaris dalam mencapai kemajuan negara di mata dunia. Oleh yang demikian, kertas kajian ini disediakan bagi menjelaskan konsep keusahawanan sosial serta perlaksanaannya di kalangan belia di Malaysia. Selain dari itu, kertas kajian ini akan menerangkan pengaruh keusahawanan sosial dalam melahirkan belia berwawasan serta mencapai matlamat negara. Ini kerana keterlibatan belia dalam keusahawanan belia ini dapat melahirkan belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai tambah untuk berdaya saing dan produktiviti yang dihasilkan. Keadaan ini dapat membina belia yang berkepimpinan dan mampu membawa nama Malaysia ke mata dunia. Secara kesimpulannya, kertas kerja ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai konsep keusahawanan sosial dan kesan penglibatannya di kalangan belia dan negara berdasarkan kajian-kajian lepas. Metodologi yang digunakan adalah kajian yang sistematik yang mana hasil kajian lepas dianalisis dan diteliti bagi menyajikan fakta yang lebih komprehensif dan berimbang.

Kata Kunci: *Keusahawanan Sosial, Masalah Sosial, Belia Berwawasan, Pembangunan Negara.*

ABSTRACT

In recent years, the concept of entrepreneurship has been expanded into social driven instead of profit driven and known as social entrepreneurship. Social Entrepreneurship is a concept that can be optimized by every level of the community

especially the youth. This type of entrepreneurship is usually executed by individuals that possess the Characteristic of an entrepreneur, such as innovative, proactive, risk taker and highly focused in reaching the social objective. The involvement of youth in social entrepreneurship will not only produce youth entrepreneurs that excel in the business management, but also social responsibility, environmentally friendly and culturally-friendly, thus consequently becoming the solution agent to the social problems. Social entrepreneurship is the answer to the society's social problems such as unemployment, poverty, community fragmentation and increasing chronic hunger in achieving social justice. The social problems among youth must not be taken lightly as they are the future leaders. This paper's main aim is to explain the concept of Social entrepreneurship and its effect of execution among the Malaysian Youth. It also discusses the influence of social entrepreneurship on developing youth. Youth engagement in entrepreneurship is vital as it can produce knowledgeable and skilled youth who may add value to competitiveness and productivity. This can equip youth with leadership abilities and uplift Malaysia into the eyes of the world. In conclusion, this paper is expected to provide a clearer understanding of the concept of social entrepreneurship and the impact of its involvement amongst youths and the country based on previous studies. The methodology used is a systematic review and analysis on past research results and present them in a more comprehensive and balanced fact.

Keywords: *Social Entrepreneurship, Social Problem, Youth Vision, Country Development*

PENDAHULUAN

Aspek masalah sosial masyarakat sering kali dikaitkan dengan tanggungjawab sektor kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (non-governmental organization (NGO) (Norhayati *et. al.*, 2012) NGO yang dimaksudkan adalah seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM). IKRAM telah banyak melaksanakan usaha dalam mengatasi masalah sosial dan kebajikan masyarakat. Kini, masalah sosial ini juga dapat diatasi menerusi keusahawanan sosial. Keusahawanan sosial bukan sahaja memastikan keuntungan di perolehi semata, namun ianya adalah mampu bagi menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Menurut pandangan Jain (2012), keusahawanan sosial merupakan respon kepada masalah sosial masyarakat seperti pengangguran, kemiskinan, fragmentasi komuniti dan kelaparan yang semakin kronik dalam mencapai keadilan sosial sejagat. Ini turut disokong oleh Kostetska dan Berezyak (2014), yang percaya bahawa keusahawanan sosial merupakan aplikasi prinsip keusahawanan traditional dan turut memfokuskan kepada masalah sosial masyarakat yang telah dinyatakan. Justeru, dengan kefahaman mengenai konsep keusahawanan sosial ini dapat menggalakkan penglibatan golongan belia dalam keusahawanan sosial di Malaysia ini.

DEFINISI DAN KONSEP KEUSAHAWANAN SOSIAL

Keusahawanan sosial merupakan satu fenomena baru di negara yang maju (Santos, 2012). Di Amerika Syarikat, mengikut Kajian Suruhanjaya Pemantauan Keusahawanan Global (2005), sebanyak 3.2% peniaga adalah melibatkan diri dalam keusahawanan sosial (Harding 2006). Dapatan kajian ini adalah dijalankan dikalangan belia. Ini menunjukkan bahawa keusahawanan sosial adalah relevan dan dapat dipraktikkan oleh golongan belia. Berbeza di Malaysia, keusahawanan sosial adalah masih baru. Amalan keusahawanan ini tidak begitu meluas di kalangan usahawan belia di Malaysia (Shahrilzaily, 2017). Ini adalah kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan yang jelas dalam bidang ini.

Menurut Nur dan Akmaliah (2013), keusahawanan sosial merupakan suatu aplikasi perniagaan inovatif untuk menyelesaikan masalah sosial. Manakala Suraiya dan Ahmad (2015) menyatakan bahawa keusahawanan sosial adalah pendekatan yang menggabungkan peranan dan tanggungjawab yang dahulunya dilaksanakan secara terasing oleh kerajaan, swasta dan badan kebajikan. Ini kerana konsep keusahawanan sosial adalah di samping mendapat keuntungan, usahawan juga dapat membantu dalam menyelesaikan masalah sosial masyarakat. Keuntungan yang dimiliki daripada hasil perniagaan adalah digunakan untuk kebajikan masyarakat (Mohd *et. al.*, 2014). Keusahawanan sosial ini memberikan impak dalam menyelesaikan masalah sosial masyarakat.

Keusahawanan sosial merupakan evolusi dari cabang keusahawanan komersil (Anis, 2015). Keusahawanan sosial merupakan konsep penciptaan kekayaan melalui pulangan kewangan dan juga pulangan sosial. Konsep ini adalah berbeza dengan keusahawanan komersial yang hanya menumpukan kepada penciptaan kekayaan yang berdasarkan pulangan kewangan semata. Malah, menurut Roberts dan Woods (2005) keusahawanan sosial ialah pembinaan, penilaian dan mengejar peluang untuk perubahan sosial transformatif dijalankan oleh individu yang berdedikasi dan berwawasan.

Ilmu keusahawanan komersial adalah bertumpukan kepada dua (2) aspek utama iaitu perspektif ekonomi dan pengurusan (Anis, 2015). Berdasarkan dua (2) aspek ini, maka lahirlah terma seperti penciptaan nilai, inovasi, peluang dan kepelbagaian sumber bagi menerangkan mengenai ilmu keusahawanan. Bagaimanapun, pelopor dalam ilmu keusahawanan ini seperti Jean-Baptiste Say, Joseph Schumpeter, Peter Drucker, Israel Kirzner dan Stevenson menerangkan mengenai konsep ilmu keusahawanan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Ini menunjukkan bahawa peranan usahawan itu sendiri.

Berdasarkan Jadual 1, Jean -Baptiste Say (Steiner, 2002). percaya bahawa keusahawanan adalah bermula dengan penciptaan nilai. Penciptaan nilai ini merupakan penciptaan perusahaan baru yang memberikan manfaat kepada pengguna. Ilmu bagi mencipta perusahaan baharu adalah berdasarkan falsafah ini. Malahan,

menurut Mitra (2011), dengan adanya usahawan yang menerokai perusahaan baru, maka akan menyumbang kepada kemakmuran negara. Maka, keusahawanan sosial adalah mengadaptasi untuk kelestarian sosial masyarakat sejagat. Ini turut disokong oleh Praszkiec dan Nowak (2012) yang percaya bahawa keusahawanan sosial adalah misi yang memenuhi dua objektif utama iaitu objektif komersial dan sosial. Dua (2) objektif utama ini menunjukkan bahawa dalam keusahawanan sosial, selain memperolehi keuntungan dan juga menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Selain itu, Schumpeter (1947) menyatakan bahawa ilmu keusahawanan merupakan pengetahuan bagi melakukan inovasi dan juga perubahan. Beliau percaya bahawa ilmu keusahawanan adalah berfokuskan kepada penambahbaikan produk dan perkhidmatan mengikut keadaan semasa. Selain itu, produk dan perkhidmatan yang disediakan akan memberikan kesenangan dan mempunyai permintaan daripada pengguna. Martin dan Osberg (2007) menyatakan bahawa inovasi akan menyebabkan terhasilnya produk yang dapat mengurangkan risiko, perkhidmatan dan produk yang dikeluarkan adalah mengikut aliran semasa dan keuntungan yang akan diperolehi adalah memadai. Konsep inovasi keusahawanan ini telah digunakan dalam keusahawanan sosial. Dalam keusahawanan sosial, inovasi sosial yang diberikan perhatian. Inovasi sosial ialah merujuk kepada usahawan sebagai agen sosial yang merubah landskap masyarakat (Sivathanu dan Bhise, 2013).

Jadual 1: Tradisi Keusahawanan- Perspektif dan Peranan

Pelopor	Fokus	Peranan Keusahawanan Sosial
Jean-Baptiste Say (1971)	Penciptaan nilai	Mengguna pakai misi yang boleh menjuruskan kepada penciptaan dan kelestarian nilai sosial.
Joseph Schumpeter (1947)	Inovasi dan agen perubahan	Pendekatan kepada proses inovasi secara berterusan, mengadaptasi dan pembelajaran. Menjadi agen perubahan untuk inovasi sosial.
Peter Drucker/Israel Kirzner (1935)	Peluang	Mengenal pasti untuk mengambil peluang untuk kecapaian misi.
Stevenson (2006)	Kepelbagaian Sumber	Bertindak tanpa mengambil kira sumber semasa yang terhad.

(Sumber: Martin dan Osberg, 2007; Abu-Saifan, 2012)

Dalam jadual 1, juga menunjukkan bahawa pendapat yang dinyatakan oleh Peter Drucker adalah berbeza dengan Joseph Schumpeter. Ini kerana Peter Drucker merupakan seorang guru dalam bidang pengurusan. Menurut Martin dan Osberg (2007), Peter Drucker mempercayai bahawa usahawan adalah seseorang yang bijak mengambil peluang terhadap perubahan yang berlaku. Ini juga menyerupai pendapat oleh Israel Kirzner. Beliau juga bersetuju bahawa peranan usahawan adalah sentiasa berwaspada kepada perubahan yang berlaku dan sentiasa mengambil peluang pasaran yang sedia ada (Abu-Saifan, 2012). Maka, seorang usahawan haruslah sentiasa berwaspada dan sentiasa bersedia mengikuti perubahan yang sedia ada. Seorang usahawan juga perlu mempunyai strategi dan perancangan yang rapi bagi memastikan setiap perubahan yang dibuat adalah memberikan keuntungan bukan menanggung kerugian. Konsep sebegini juga digunakan dalam keusahawan sosial yang mana usahawan sosial perlu memastikan tercapainya objektif iaitu komersial dan sosial. Usahawan sosial harus memastikan bahawa keuntungan adalah diperolehi dan masalah masyarakat juga dapat ditangani.

Seterusnya adalah falsafah keusahawanan yang dikeluarkan oleh Stevenson yang menyatakan bahawa usahawan adalah tertumpu kepada kebijaksanaan seseorang dalam menggunakan kepelbagaian sumber dengan sepenuhnya. Sumber yang digunakan dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang memberikan kebaikan kepada pengguna dan dapat dikomersilkan bagi memperolehi keuntungan. Dalam konsep keusahawan sosial, falsafah ini digunakan dengan menyatakan bahawa usahawan sosial perlu sentiasa bertindak bagi memastikan mencapai misi yang dingini dengan menggunakan segala sumber yang ada dengan sepenuhnya (Volkman *et. al.*, 2012). Smith (2015) telah mencadangkan bahawa usahawan sosial boleh menggunakan teknik 'bootstrapping' yang mana usahawan sosial boleh meminjam premis untuk menjalankan aktiviti perniagaan menggunakan jaringan perniagaan. Ini bagi menyelesaikan masalah kewangan dan operasi perniagaan. Disamping itu, jaringan perniagaan yang banyak perlu dibuat bagi memastikan konsep keusahawanan sosial dapat dijalankan dan memperolehi keuntungan dan menyelesaikan masalah setempat. Jaringan perniagaan juga boleh dibuat bersama badan kerajaan dan juga badan bukan kerajaan.

Berdasarkan pernyataan yang telah diterangkan, jelas menunjukkan bahawa ilmu keusahawanan sosial adalah menggunakan ilmu keusahawanan sebagai asas. Keusahawanan komersial menjelaskan terdapat empat aspek utama iaitu, penciptaan nilai, inovasi dan agen perubahan, peluang dan kepelbagaian sumber. Empat (4) aspek ini telah mempengaruhi kepada keusahawanan sosial. Namun, keusahawanan sosial juga telah menekankan kearah konsep bukan sahaja keuntungan semata, namun juga menfokuskan ke arah membantu masyarakat keseluruhannya.

Selain dapat menyelesaikan masalah sosial masyarakat, keusahawanan sosial juga memberikan kesan yang baik kepada sistem ekonomi. Ini kerana menerusi keusahawanan sosial, ianya mampu mewujudkan industri baru, memperkenalkan model perniagaan yang baru dan mampu memanfaatkan kelebihan yang dimiliki


oleh masyarakat yang terabai (Filipe, 2012). Ini turut disokong oleh Vasakaria (2008), yang menyatakan bahawa nilai yang diutamakan oleh keusahawanan sosial tidak boleh diukur berdasarkan nilai keuntungan atau kepuasan pelanggan. Ianya perlu difokuskan kepada apakah masalah sosial yang telah dapat diatasi menerusi keusahawanan sosial yang telah dijalankan.

Keusahawanan sosial juga merupakan satu kaedah yang inovatif dalam transformasi sosial masyarakat (Nur Saadah dan Akmaliah, 2013; Suraiya dan Ahmad, 2015). Ia merupakan model keusahawanan yang tidak hanya mementingkan keuntungan, malah menekankan kepada pewujudan masyarakat yang berimpak positif dan saksama (Shahrilzaily, 2017). Konsep keusahawanan sosial merupakan suatu konsep keusahawanan yang digunakan sebagai satu aplikasi dalam memberikan kesan bagi mengatasi masalah sosial dalam masyarakat, namun konsep asal keusahawanan masih dikekalkan.

Malah, menurut Marwan (2014), konsep utama keusahawanan sosial menekankan empat (4) aspek iaitu, mengenal pasti peluang, inovasi sosial, perniagaan sosial dan nilai sosial. Dalam aspek mengenal pasti peluang ialah apabila seorang yang mempunyai jiwa usahawan melihat permasalahan yang berlaku dalam masyarakat adalah diselesaikan dengan cara yang lebih baik dan memberikan manfaat dalam tempoh masa yang panjang. Konsep yang kedua adalah inovasi sosial. Konsep ini adalah satu tindakan yang berinovatif, yang baharu, berkesan dan efisien. Tindakan ini termasuklah dari segi proses, produk, sistem, idea dan perkhidmatan.

Konsep yang ketiga adalah perniagaan sosial. Perniagaan sosial merupakan suatu keadaan yang mana tidak bermatlamat kepada memiliki sebanyak pendapatan yang paling tinggi dari perniagaan. Sebaliknya, capaian yang paling utama adalah untuk membantu masyarakat dalam meningkatkan taraf kehidupan. Dua ciri utama perniagaan sosial adalah untuk memberi manfaat kepada golongan yang ingin dibantu dan pendapatan yang diperolehi adalah digunakan bagi memastikan organisasi terus kekal dan dapat berdaya saing. Ini penting bagi memastikan perniagaan ini dapat meneruskan membantu golongan masyarakat yang memerlukan. Konsep yang terakhir adalah nilai sosial. Nilai sosial yang ditumpukan adalah untuk meningkatkan keperluan asas insani. Ini memberi maksud bagi membasmi kemiskinan, menyediakan peluang pendidikan, memberikan rawatan kesihatan, memberikan bekalan air bersih, menyediakan peluang pekerjaan dan memberikan keadilan sosial untuk masyarakat sejagat.

Rajah 1 Konsep Utama Keusahawanan Sosial (Marwan, 2015)



Namun begitu mengikut kajian-kajian lepas menyatakan bahawa dalam melahirkan seorang usahawan sosial, perlu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ini termasuklah ciri dari segi psikologi, sosiologi, sosial psikologi dan keagamaan (Anis, 2015). Rogers (2003) menyatakan bahawa dari segi psikologi, seseorang individu akan mempunyai rasa keperhatinan terhadap masyarakat adalah hasil daripada interaksi individu dengan masyarakat (Hewitt, 2007). Ini akan menyebabkan rasa bertanggungjawab dalam diri individu itu bagi membantu masyarakat agar hidup lebih sempurna. Dalam aspek sosiologi, menyatakan bahawa aksi seseorang itu dikonstruksi melalui masyarakat mengikut peradaban masa (Cuff *et. al.*, 1990; Csikszentmihalyi, 1996; Townley dan Middleton, 1989). Keadaan ini akan menimbulkan perasaan ingin membantu masyarakat di samping memperolehi keuntungan tersendiri dalam jangka masa yang panjang.

Selain itu, psikologi sosial menyatakan bahawa hubungan antara individu dan masyarakat yang sentiasa bergantung telah membentuk individu tersebut (Hewitt dan Shulman, 1979; Hollway, 2007). Ini akan melahirkan individu yang boleh berinteraksi, saling bantu membantu dikala susah dan senang dan sentiasa memastikan diri sendiri dan perskitataran dalam keadaan baik dan harmoni. Dari aspek agama dan kepercayaan melahirkan individu yang mempunyai jiwa yang murni, merasakan keperluan untuk membantu orang lain, sabar dan memahami erti kehidupan (Hamid *et. al.*, 2018). Ini kerana individu adalah dicipta untuk saling memberi kebaikan kepada orang lain. Selain itu Jadual 2 dibawah menunjukkan beberapa ciri-ciri usahawan sosial berdasarkan kajian-kajian yang lepas.

Jadual 2: Definisi Usahawan Sosial dan Keusahawanan Sosial

Sumber	Definisi	Karakter Utama
Bornstein (1998)	Usahawan sosial bagi merealisasikan idea baru yang menggabungkan wawasan yang ingin dicapai dan berkeaktiviti dalam penyelesaian masalah, mempunyai etika dan inginkan berlakunya perubahan.	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai misi yang jelas • Konsisten
Thompson <i>et. al.</i> , (2000)	Usahawan sosial adalah individu yang menyedari terdapat peluang bagi memenuhi kepuasan masyarakat yang tidak dapat diselesaikan melalui sistem kebajikan negeri dan sumber yang diberikan (secara amnya adalah kewangan dan premis). Individu ini akan menggunakan peluang ini bagi membuat perubahan untuk membantu masyarakat dan mendapat keuntungan perniagaan.	<ul style="list-style-type: none"> • Emosi yang baik • Mempunyai nilai sosial
Dees (1998)	Usahawan sosial memainkan peranan menukar ejen dalam sektor sosial dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Menukar misi bagi mengekalkan nilai sosial • Mengiktiraf dan tidak peluang baru bagi merealisasikan misi • Terlibat dalam proses inovasi yang berterusan, besesuaian dan mempunyai nilai • Bertindak dengan berani tanpa menjadikan sumber yang terhad sebagai penghalang • Mempunyai rasa akauntabiliti terhadap masyarakat di kawasan dan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang beroleh manfaat seluruhnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan perubahan • Bertanggungjawab • Berdedikasi • Berpada dalam bersosial
Brinckerhoff (2000)	Usahawan sosial adalah seseorang yang mengambil risiko yang munasabah bagi memastikan kemaslahatan masyarakat dalam negara tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Berfikiran Terbuka
Leadbeater (1997)	Usahawan sosial adalah seorang yang berinovatif dan bertransformasi yang menjadikan beliau seorang yang boleh memimpin, memberikan pendapat yang baik, pengurus, oprtunis dalam mencapai wawasan dan membina empayar. Beliau memahami masalah sosial, mengatur strategi bagi mengatasinya dan sentiasa berusaha bagi menangani masalah ini.	<ul style="list-style-type: none"> • Tersusun • Berkepimpinan

Zahra <i>et. al.</i> , (2006)	Keusahawanan sosial merangkumi aktiviti dan proses yang dijalankan untuk menemui, mentakrifkan dan mengeksploitasi peluang untuk meningkatkan kekayaan sosial dengan mewujudkan usaha baru atau mengurus organisasi sedia ada di Malaysia dengan cara yang inovatif.	<ul style="list-style-type: none"> • Pengasas • Berinisiatif dalam melakukan sesuatu perkerjaan. • Menyedari peluang yang ada untuk membina empayar perniagaan
Ashoka (2012)	Usahawan sosial adalah individu yang dapat memberikan penyelesaian yang inovatif kepada masyarakat, terutama bagi menangani masalah sosial yang paling mendesak. Individu ini mempunyai misi yang tersendiri dan sentiasa berusaha bagi merealisasikannya. Namun, individu ini mempunyai ciri yang sentiasa perihatin terhadap keadaan sekeliling dalam meralisasikan misi tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai visi dan matlamat yang jelas. • Komited dalam menjalankan pekerjaan.

(Sumber : Abu Saifan, 2012, mukasurat 24)

Jelas disini bahawa untuk menjadi seorang usahawan sosial, perlu ada ciri-ciri keusahawanan yang asas. Malahan dalam menceburi usahawan sosial, individu itu perlulaj sentiasa memastikan bahawa perniagaan yang dibina bukan sahaja boleh membantu masyarakat sekeliling, malahan boleh terus maju. Individu yang menjalankan usahawan sosial perlu juga bersikap positif demi perusahaan yang dijelankannya. Bagi memastikan usahawan akan terus memastikan usahawan sosial terus maju, prinsip sebagai seorang usahawan sosial perlu dijadikan panduan

PRINSIP KEUSAHAWANAN SOSIAL


Ismail (2015) telah menggariskan tujuh prinsip (7) keusahawan sosial. Prinsip ini adalah bagi memastikan keusahawanan yang dilakukan adalah benar-benar untuk mengatasi masalah umum masyarakat disamping memperolehi keuntungan. Pertama; keusahawanan yang dijalankan adalah bermatlamatkan mengatasi kemiskinan atau menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Ini termasuklah permasalahan pendidikan, kesihatan, alam sekitar, capaian teknologi dan sebagainya. Permasalahan ini adalah yang mengancam kesejahteraan hidup manusia, bukannya bermotifkan bagi memaksimumkan keuntungan kewangan kepada entiti perniagaan tersebut. Keduanya adalah, empayar yang dibina hendklah mampu berdikari dari aspek kewangan dan ekonomi. Ini adalah penting bagi memastikan bahawa empayar ini dapat diteruskan dalam jangka yang panjang. Ketiganya adalah pelabur yang melabur dalam bidang keusahawan ini akan memperolehi wang dilaburkan sahaja. Tiada pulangan dividen. Ini kerana pulangan dividen yang diperolehi akan digunakan semula bagi memastikan modal perniagaan adalah mencukupi.

Prinsip yang keempat dalam keusahawan sosial adalah keuntugan yang dimiliki dalam perniagaan adalah digunakan bagi mengembangkan lagi perniagaan,

bukan diserahkan kepada pelabur yang telah membuat pelaburan. Prinsip kelima adalah pengusaha harus memastikan bahawa pekerja yang bekerja dalam bidang keusahawanan sosial ini adalah bekerja dalam suasana yang baik, selesa dan upah yang diberikan adalah berpatutan. Keselematan juga adalah terjamin. Kebajikan pekerja juga dititikberatkan. Pekerja juga harus disediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran agar perniagaan keusahawanan sosial ini terus maju dan dapat membantu ramai lagi masyarakat yang memerlukan. Prinsip yang keenam adalah perniagaan keusahawanan sosial ini mestilah sentiasa peka dengan alam persekitaran. Ini kerana perniagaan ini juga perlu melakukan perubahan selari dengan arus perkembangan semasa. Terakhirnya adalah keusahawanan sosial ini haruslah dijalankan ini adalah dijalankan oleh individu yang mempunyai perasaan gembira dan sentiasa memahami tujuan asal keusahawanan sosial yang bermatlamatkan dalam membantu masyarakat sekeliling.

Selain dari itu, Gumusay (2015) menyifatkan terdapat tiga (3) mazhab utama dalam memahami konsep keusahawanan sosial. Mazhab pertama adalah Mazhab Austria adalah mengeksplotasi peluang. Mazhab seterusnya adalah Mazhab Chicago yang mana keusahawanan menekankan aspek penerimaan risiko dan menerima ketidak tentuan. Mazhab yang terakhir adalah Mazhab German yang menyifatkan bahawa keushawanan sosial berfokuskan kepada gabungan aspek baharu dan kreativiti. Gabungan kesemua konsep ini menyatakan bahawa usahawan sosial adalah individu yang mengeksplotasikan peluang menerusi gabungan semula sumber-sumber yang wujud dan bersedia menanggung risiko apabila eplotasi ini gagal (Noor, 2015).

Rajah 2 Prinsip Keusahawanan Sosial (Ismail, 2015)



KESAN KEUSAHAWANAN SOSIAL KEPADA BELIA MALAYSIA

Justeru, keusahawanan sosial merupakan satu (1) bidang yang memberikan kesan yang baik kepada belia yang melibatkan diri dalam bidang ini. Malah, penglibatan dalam keusahawanan sosial ini memberikan kesan yang dapat dirasai oleh persekitaran seluruhnya. Antaranya adalah membentuk belia yang membuat pertimbangan yang terbaik. Ini kerana penglibatan dalam keusahawanan sosial memerlukan seseorang itu dapat menyeimbangkan dua aspek iaitu hasil ekonomi dan impak sosial (Dacin *et. al.*, 2011). Ini dapat membentuk belia bagi melakukan sesuatu perkara yang memberikan impak yang baik dan memberikan impak yang baik dan dirasai oleh masyarakat keseluruhannya.

Selain itu, dengan menceburkan diri dalam keusahawanan sosial juga membentuk peribadi belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi. Berdasarkan pengkaji yang lepas, dengan melibatkan diri dalam usahawan sosial, dapat membentuk belia yang mempunyai kredibiliti peribadi, integriti dan memikul komitmen (Borins, 2000; Lewis, 1980; Waddock dan Post, 1991; Weerawardena dan Mort, 2006). Ini kerana usahawan sosial adalah dengan menumpukan kepada nilai-nilai sosial masyarakat, bukannya pada keuntungan yang diperoleh semata. Apabila belia melibatkan diri dalam usahawan sosial, ini akan melatih belia untuk menjadi pemimpin yang berkaliber pada masa akan datang.

Menurut Fakhru *et. al.*, (2014), keusahawanan sosial mempunyai tiga (3) ciri utama dalam menjalankan pengusahaan. Ciri tersebut adalah inovasi, proaktif dan pengambilan risiko. Inovasi dalam keusahawanan sosial adalah dengan penggunaan kaedah perniagaan yang inovatif untuk menyelesaikan masalah sosial (Nur dan Khairul, 2013). Proaktif pula ialah dengan pengusahaan yang sentiasa mempunyai kesungguhan yang berterusan bagi mencapai misi. Manakala pengusaha tersebut haruslah bersedia bagi menghadapi risiko dalam perniagaan. Ini kerana kesukaran dalam perniagaan perlu diatasi dan diteruskan, selagi mana masalah sosial tidak dapat diselesaikan. Ketiga-tiga ciri ini dapat membentuk kepada membentuk peribadi belia yang unggul bagi memimpin negara pada masa akan datang.


Penglibatan belia dalam usahawan sosial melahirkan belia yang bertanggungjawab dan sentiasa mengambil berat keadaan sekeliling. Ini kerana menurut Sullivan *et. al.*, (2003), tujuan utama penglibatan dalam usahawan sosial adalah bagi menyelesaikan masalah sosial semata. Ini menunjukkan penghakiman seimbang sumber kepada semua golongan masyarakat dan mewujudkan peluang bagi membasmu masalah nilai sosial di kalangan masyarakat. Objektif ini dapat dicapai dengan penglibatan belia yang berwawasan bagi mencapai kemakmuran pada masa hadapan. Golongan belia yang terlibat dalam keusahawanan sosial ini adalah bagi mencapai ruang dan peluang untuk mendidik diri bagi mentadbir negara pada masa akan datang.

PENUTUP

Dengan menceburi bidang keusahawanan sosial di kalangan belia, maka akan lahir belia berwawasan yang mampu untuk mentadbir ciri-ciri kepimpinan dan kewibawaan yang lengkap serta mantap demi mencapai misi dan visi negara untuk menjadi negara maju. Kajian oleh Mair dan Marti (2006) menggariskan bahawa terdapat beberapa istimewa pada usahawan sosial iaitu kepimpinan yang tinggi dan minat yang mendalam hingga membentuk visi keusahawanan dan pegangan etika yang teguh. Nilai-nilai yang terbentuk dalam diri usahawan-usahawan sosial inilah yang membezakan keusahawanan sosial dari fenomena keusahawanan yang lain

Keusahawanan sosial merupakan salah satu cabang keusahawanan yang mendapat perhatian di kalangan belia. Konsep keusahawanan yang menggabungkan perniagaan dan kesukarelawanan yang bermatlamatkan sosial yang positif juga menjadi salah satu tarikan kepada belia dalam menyumbang kepada negara dan bukan hanya bergantung kepada kerajaan semata-mata. Yang Berhormat Khairy Jamaluddin (2015) berkata, keusahawanan sosial yang mencantumkan elemen perniagaan dan usaha memperbaiki masyarakat serta kesukarelawanan semakin mendapat perhatian di seluruh dunia dan sangat berpotensi menjadi hala tuju kerjaya dalam kalangan belia Malaysia.

Rajah 3: Kesan Penglibatan Belia dalam Keusahawanan Sosial di Malaysia



RUJUKAN

- Abu-Saifan S. (2012). Social entrepreneurship: definition and boundaries. *Technology Innovation Management Review*. February 2012:22-27.
- Anis Amira AB Rahman (2015) Perspektif Keusahawanan Sosial : Satu Input Kepada Pendidikan Keusahawanan Sosial Islam; *Konsep Keusahawanan Sosial Islam : Suatu Pengenalan*. Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, pp. 69-86.
- Ashoka. (2012). "What is a social entrepreneur?" http://www.ashoka.org/social_entrepreneur
- Borins, S. (2000). Loose cannons and rule breakers, or enterprising leaders? Some evidence about innovative public managers. *Public Administration Review*, 60: 498–507.
- Bornstein, D. (1998) Changing the world on a shoestring. *Alic Monthly*, 281(1);34-39.
- Brinckerhoff, P. C. (2000). *Social entrepreneurship: The art of mission-based venture development*, New York: John Wiley & Sons.
- Csikszentmihalyi M. (1996). *Creativity : flow and the psychology of discovery and invention*, New York: HarperCollinsPublishers.
- Cuff E.C., Sharrock W.W. and Francis D.W. (1990). *Perspectives in sociology*, New York: Routledge.
- Dacin, Dacin, & Tracey (2011). *Social Entrepreneurship: A Critique and Future Directions Organization Science* 22(5) pp. 1203-1213.
- Dees, J. G. (1998 January–February). Enterprising nonprofits. *Harvard Business Review*, 76: 55–67
- Fakhrul Anwar Zainol, Wan Norhayate Wan Daud, Zulhamri Abdullah, Mohd Rafi Yaacob (2014). Enhancing Social Entrepreneurship Model for Social Entrepreneurs: A Case of AL-FALAH Foundation. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Science*,3(5): 107-113.
- Filipe M. Santos (2012). A Positive Theory of Social Entrepreneurship. *Journal of Business Ethics*,111 (3):335-351.
- Gumusay, A. A. (2014). Entrepreneurship from Islamic perspective. *Journal of Business Ethics*. January 2015 .<http://www.researchgate.net/publication/262566347>. (23 Mac 2015).
- Hamid, S. S. B. A., Mohamad, A. M., Ahmad, A., & Nahar, N. (2018). Penguasaan Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama (Mastery of Jawi Writing among the Students in Religious School). *International Journal of Religion Research in Education*, 1(1).

- Harding, R. (2006). *Social entrepreneurship monitor*. London: Global Entrepreneurship Monitor. Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IYRES) Profil Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Belia <https://www.ippbm.gov.my/index.php/ms/penyelidikan/hasil-penyelidikan-2>
- Hewitt, J. P., & Shulman, D. (1979). *Self and society: A symbolic interactionist social psychology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Hollway W. (2007). *Social psychology: Past and present*. In: Hollway W, Lucey H and Phoenix A (eds) *Social psychology matters*. Maidenhead: Open University Press <https://www.bharian.com.my/node/40891> (10 Jun 2018)
- Ismail, M. (2015). *Agenda mendepani cabaran pembangunan abad ke 21: suatu perbincangan mengenai konsep keusahawanan sosial*; Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan,. 47-68.
- Jain M. (2012.) Social Entrepreneurship-Using Business Methods To Solve Social Problems: The Case Of Kotwara. *Decision* 39(3), 168-177.
- Johanna & Marti (2006) Social Entrepreneurship Research: A Source Of explanation, Prediction, And Delight, *Journal of World Business*, 41;36-44.
- Joyce Koe Hwee Nga and Gomathi Shamuganathan (2010), The Influence of Personality Traits and Demographic Factors on Social Entrepreneurship Start Up, *Journal of Business Ethics*, 95(2); 259-282.
- Kostetka I, Berezyak I (2014) *Social Entrepreneurship As An Innovative Solution Mechanism Of Social Problems Of Society. Management Theory And Studies For Rural Business And Infrastructure Development* 36(3), 569-577.
- Leadbeater, C. (1997). *The rise of the social entrepreneur*. London: Demos
- Lewis, E. (1980). *Public entrepreneurship: Toward a theory of bureaucratic power*. Bloomington, IN: Indiana University Press.
- Mair, J., & Marti, I. (2006). Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction and delight. *Journal of World Business*, 41, 36-44.
- Martin, R. L., & Osberg, S. (2007). Social entrepreneurship: The case for definition (Vol. 5, No. 2, pp. 28-39). Stanford: *Stanford social innovation review*.
- Marwan Ismail (2014). *Pembangunan komuniti menerusi keusahawanan sosial : kajian kes mengenai organisasi bukan kerajaan di Malaysia*. International Conference on Social Entrepreneurship ICSE 7- 9 Nov 2014
- Mitra, J. (2011). *Entrepreneurship, Innovation and Regional Development an Introduction*. Hoboken, Taylor & Francis.
- Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar dan Shuhairimi Abdullah (2014) Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam; *Journal of Human Development and Communication* ,3, [129-141]

- Noor Hisham Md Nawī (2015) Konsep Keusahawanan Sosial Islam : Suatu Pengamatan Awal; *Konsep Keusahawanan Sosial Islam : Suatu Pengenalan*. Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, pp. 123-138. ISBN 9789670955049
- Norhayati Baharin, Ishak Yusof dan Rahmah Ismail (2012). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia*, PROSIDING PERKEM VII, JILID 1 (2012) 209 – 227, ISSN: 2231-962X.
- Nur Sa'adah & Muhamad Khairul Akmaliah Adham(2013). Social Entrepreneurship as Transformative Service for Societal Well-Being (Keusahawanan Sosial sebagai Perkhidmatan Transformatif untuk Kesejahteraan Sosial), *Jurnal Pengurusan*,39111 – 118
- Praszkier, R. and Nowak, A. (2012). *Social Entrepreneurship: Theory and Practice*, Cambridge University Press, New York.
- Roberts, D., & Woods, C. (2005). Changing the world on a shoestring: The concept of social entrepreneurship. *University of Auckland Business Review*, 7(1), 45-51.
- Rogers S.W. (2003). *Social psychology experimental and critical approaches*, Philadelphia: Open University.
- Say, J. B. (1971). *A treatise on political economy*. Transaction Publishers.
- Schumpeter, J. A. (1947). The creative response in economic history. *The journal of economic history*, 7(2), 149-159.
- Shahrilzaily Bin Ab Karim (2017) Amalan Keusahawanan Sosial Di Malaysia : Konsep Dan Definisi (Practice Of Social Entrepreneurship In Malaysia : Concepts And Definitions) *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*,1(1);133-142.
- Sivathanu B. and Bhise P. (2013). Challenges for social entrepreneurship. *International Journal of Application or innovation in engineering and management. National Conference On Recent Advances in Technology and Management*
- Smith, D. (2015). *Exploring innovation*. London, McGraw-Hill Higher Education.
- Steiner, P. (2002). Jean-Baptiste say: The entrepreneur, the free. *Studies in the History of French Political Economy: From Bodin to Walras*, 196.
- Sullivan Mort, G., Weerawardena, J., & Carnegie, K. (2003). Social entrepreneurship: Towards conceptualization. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 8(1):76–88.
- Suraiya Ishak & Ahmad Rafli Che Omar (2015) Keusahawanan Sosial Sebagai Satu Pendekatan Inovatif Ke Arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian Kes Di Malaysia; *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space* 11(8):38 – 51.

- Thompson, J. L., Alvy, G., & Lees, A. (2000). Social entrepreneurship: A new look at the people and the potential. *Management Decision*, 38: 328–338.
- Townley C. and Middleton M. (1989). Sociological perspectives. In: McNeil P and Townley C (eds) *Fundamentals of sociology*. London: Century Hutchinson Ltd.
- Vasakaria V (2008) A study on social entrepreneurship and the characteristics of social entrepreneurs. *ICFAI Journal of Management Research*, 7(4), 32-40.
- Volkman, C. K., Tokarski, K. O., & Ernst, K. (2012). *Social entrepreneurship and social business an introduction and discussion with case studies*. Wiesbaden, Springer Gabler.
- Waddock, S. A., & Post, J. E. (1991). Social entrepreneurs and catalytic change. *Public Administration Review*, 51: 393–407.
- Weerawardena, J., & Sullivan Mort, G. (2006). Investigating social entrepreneurship: A multidimensional model. *Journal of World Business*, 41: 21-35.

www.ikram.org.my

- Zahra, S. A., Sapienza, H. J., & Davidsson, P. (2006). Entrepreneurship and dynamic capabilities: A review, model and research agenda. *Journal of Management studies*, 43(4), 917-955.

Profil Penulis:

Shakirah Binti Noor Azlan

Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
shakirahazlan@gmail.com

Nurshafiqah binti Mohd Zin

Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI SUKARELAWAN MALAYSIA

HAPSAH MD YUSOF, NUR AFIFAH BAHARUM, NURUL AIN MOHD DAUD, NORAZANI AHMAD & FAUZIAH MOHD SAAD

ABSTRAK

Penglibatan belia dalam aktiviti sukarela dapat membantu usaha Negara ke arah memupuk sikap positif untuk membantu masyarakat, menanam penghayatan nilai-nilai murni serta mengukuh identiti diri. Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan dapatan kajian mengenai penglibatan belia di Malaysia dalam aktiviti sukarela bagi tempoh 10 tahun (2008-2017) berdasarkan sorotan literatur secara sistematik. Dapatan kajian telah mengenalpasti empat tema yang terhasil iaitu faktor-faktor penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, variasi keterlibatan belia dalam konteks aktiviti sukarela, deskripsi profil demografi penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, dan model-model konseptual yang mendasari kajian-kajian sukarelawan dalam lingkungan Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, perbincangan mengenai implikasi praktis, teori, dan kajian akan datang turut dibahaskan.

Kata Kunci: *Belia, Sukarelawan, Aktiviti sukarela, Model Sukarelawan, Analisis Sistematik,*

ABTRACT

Involvement of youth in volunteering activities can help foster the nation's efforts to instil positive attitudes towards helping the society, moral values and strengthen their identities. The purpose of the paper is to examine the involvement of youth in volunteerism in Malaysia for a period of 10 years (2008-2017) using a systematic review. The findings of the study indicated four themes that comprise of factors underlying youth involvement in volunteering activities, variations of youth involvement in volunteering activities, demographic profile of youth involvement in volunteering activities, and the conceptual models that underpin the volunteering studies in Malaysia. Based on the findings, several discussions, implications and future research are put forward.

Keywords: *Youth, Volunteer, Volunteer Activity, Volunteer Model, Systematic Review,*

PENGENALAN

Belia merupakan agen utama dalam perubahan sosial. Belia kini tidak hanya berperanan sebagai tenaga utama untuk membangunkan negara, malahan belia diharapkan untuk menghasilkan cetusan idea-idea yang terkini serta berkeupayaan dalam melaksanakan pembaharuan sosial. Kini, hampir 10 juta dari rakyat Malaysia terdiri daripada golongan belia. Aktiviti sukarelaan merupakan kerja-kerja amal

dan kebajikan yang dijalankan oleh seseorang individu atau secara berkumpulan terhadap golongan yang memerlukan bantuan (Syed Hussain & Yasin, 2016a). Keterlibatan belia dalam aktiviti sukarela akan memupuk belia bersikap altruism serta menghasilkan modal insan yang menghayati nilai kasih sayang sesama insan serta peka dan sensitif terhadap keperluan individu lain. Oleh itu, suatu ulasan sistematik ini dilaksanakan berdasarkan persoalan kajian “bagaimanakah penglibatan belia di Malaysia dalam aktiviti sukarela” supaya pengkaji akan datang akan lebih memahami fenomena sukarelawan dalam kalangan belia dan seterusnya pihak yang tertentu dapat merancang program dengan lebih giat untuk menarik minat para belia kepada aktiviti sukarela.

OBJEKTIF

Analisis sistematik bertujuan untuk menilai dan membuat sintesis dari dapatan kajian lalu bagi memperoleh gambaran yang jelas tentang penglibatan belia dalam aktiviti sukarela bagi tempoh 10 tahun (2008-2017). Kajian ini, membincangkan profil demografi penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, faktor penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, variasi keterlibatan belia dalam konteks aktiviti sukarela dan model-model konseptual yang mendasari kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia.

Skop Analisis

Ulasan sistematik ini dijalankan merujuk kepada skop belia, sukarelawan dan penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Kajian-kajian yang diteliti merupakan kajian yang dijalankan terhadap golongan belia di Malaysia.

METODOLOGI


Pelbagai kaedah telah diaplikasikan oleh pengkaji untuk memperoleh kajian-kajian lampau yang berkaitan secara komprehensif berdasarkan persoalan kajian “bagaimanakah penglibatan belia di Malaysia dalam aktiviti sukarela?”. Pencarian pengkalan data dilaksanakan mengikut skop analisis yang dipilih. Pencarian secara komprehensif meliputi *Malaysian Journal of Youth Studies*. Selain tu, pencarian juga dijalankan menerusi laman sesawang yang menghimpunkan artikel kajian seperti di *EBCOhost*, *ProQuest*, *Springerlink*, *Taylor & Francis Online*, *JSTOR*, *Mendeley*, *Google Scholar*, *Research Gate* dan Respiratory Perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi. Kata kunci pencarian dalam mendapatkan kajian-kajian lalu adalah sukarelawan atau kesukarelawan atau sukarela atau kerja sukarela, sukarela DAN belia atau remaja atau awal dewasa atau dewasa muda atau generasi muda DAN Malaysia. Proses pencarian kajian lepas di gambarkan seperti Rajah 1.

Skop Analisis dan Kriteria Inklusif dan Eksklusif

Kriteria pemilihan artikel berdasarkan persoalan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria inklusif adalah artikel yang membincangkan penglibatan belia di Malaysia dalam aktiviti sukarela. Artikel yang terpilih merujuk kepada skop kajian

berkaitan dengan belia, sukarelawan dan penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Selain itu, pemilihan kajian lepas juga terhad kepada penerbitan penulisan bagi 10 tahun (2008 – 2017). Manakala, artikel yang dikeluarkan adalah tidak memenuhi kriteria seperti penulisan buku, penulisan kajian tidak sepadan dengan tema, populasi kajian tidak memenuhi kriteria iaitu belia, dan kajian telah dilaksanakan bukan pada tempoh yang ditetapkan oleh pengkaji.

Rajah 1: Gambaran Proses Keseluruhan Pencarian Kajian Lepas



Skop Metodologi Kajian

Berdasarkan 104 artikel yang dianalisis, terdapat beberapa artikel yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan seperti tidak mempamerkan metodologi yang jelas, penulisan yang menyatakan pandangan peribadi penulis dan penulisan kajian yang tidak sistematik (rujuk Rajah 1). Perbincangan dapatan kajian juga meneliti penggunaan instrumen yang kerap digunakan oleh pengkaji di Malaysia dalam mengkaji penglibatan sukarelawan selain perbincangan tema-tema yang terhasil daripada dua puluh tiga kajian yang terpilih.

Instrumen Kajian

Daripada 21 artikel bagi kajian kuantitatif, terdapat beberapa artikel yang tidak menyatakan dengan jelas jenis soal selidik yang digunakan, namun begitu, lima (5) kajian yang menggunakan Volunteer Functions Inventory (VFI) terdiri daripada penerbitan artikel (Che Nawi & Asmuni, 2013; Ismail, Samat, Parnabas, Abdullah, & Abdul Hamid, 2014; Mohd Khir, Abdul Aziz, & Muhammad Nizam, 2016; Muhamad & Mohd Alauddin, 2013; Nazilah, Rozmi, & Fauziah, 2014). Satu kajian yang dijalankan oleh Nazilah, Rozmi, & Fauziah (2016) menggunakan soal selidik *Job Descriptive Index* (JDI). Beberapa kajian yang mana pengkaji membina soal selidik yang baru hasil pembacaan kajian lepas dan perbincangan antara penyelidik (Wan Afthanorhan & Ahmad, 2013; Yusoff, Abd Rahman, Wan Mohamed, & Nik Wan, 2015).

Volunteer Functions Inventory (VFI) merupakan soal selidik yang dibina oleh Clary, Synder, Ridge, Copeland, Stukas, Haugen & Miene (1998) bertujuan untuk menguji motif kefungsian yang ada dalam individu untuk memilih menjadi sukarelawan. Terdapat enam (6) motif kefungsian iaitu motif perlindungan (cara untuk mengurangkan perasaan negatif dan mengatasi masalah peribadi), nilai (cara untuk meluahkan atau bertindak terhadap nilai-nilai murni dan kemanusiaan), kerjaya (cara untuk meningkatkan prospek kerjaya melalui aktiviti sukarela), sosial (merujuk kepada cara untuk membangunkan dan mengukuhkan hubungan sosial), pemahaman (cara untuk memperolehi pengetahuan, kemahiran dan keupayaan) dan peningkatan atau pembaikan (cara untuk membantu membangunkan dan memperkembangkan psikologi seseorang) (Muhamad & Mohd Alauddin, 2013).

Keputusan Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, terdapat empat (4) tema yang mendasari kajian-kajian belia dan sukarelawan di Malaysia iaitu deskripsi profil demografi penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, faktor-faktor penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, variasi keterlibatan belia dalam aktiviti sukarela, dan model konseptual penglibatan individu dalam aktiviti sukarela.

Deskripsi Profil Demografi Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarela

Kajian melibatkan golongan belia dalam kalangan masyarakat adalah pelbagai seperti penglibatan golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi dalam aktiviti sukarela (Hamzah *et. al.* 2011; Ibrahim, Amin, & Sivabalan, 2015; Nazilah *et. al.*,

2016; Rabun, Hussin, Ridzuan, & Ab Rahman, 2017). Selain itu, terdapat beberapa pengkaji mengklasifikasikan kelompok belia yang berkhidmat sebagai sukarelawan secara sepenuh masa (Che Nawi & Asmuni, 2013; Ismail *et. al.*, 2014; Muhamad & Mohd Alauddin, 2013) dan juga kelompok belia dalam kalangan felda (Arif Shah, Suandi, Hamzah, & Ismail, 2015; Mohd Khir *et. al.*, 2016). Keseluruhannya, kebanyakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu menggunakan populasi mahasiswa di institusi pengajian tinggi sebagai subjek kajian.

Merujuk kepada profil demografi, terdapat beberapa dapatan kajian menunjukkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dipengaruhi oleh faktor jantina dan tahun pengajian (Ibrahim *et. al.*, 2015; Saleem, Hassali, Ibrahim, Rasheedy, & Aljadhey, 2015). Sebaliknya, kajian yang dijalankan oleh Mohd Arshad, Hussin, & Rabun (2015) mendapati tidak terdapat perbezaan jantina dalam penglibatan aktiviti sukarela. Namun begitu, sosio demografi yang berbeza tidak menunjukkan perbezaan signifikan terhadap motivasi dalam kalangan sukarelawan untuk melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan (Che Nawi & Asmuni, 2013). Kajian yang dijalankan oleh Yusoff, Abd Rahman, Wan Mohamed, & Nik Wan (2015) mendapati lingkungan umur (15 tahun ke 44 tahun) dan pekerjaan berperanan sebagai motivasi dalam penglibatan bagi aktiviti sukarela.

Faktor-faktor Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarela

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terdapat pelbagai faktor yang mendorong penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Diantaranya adalah keinginan belia untuk menggunakan masa terluang dengan bermakna, ingin memperolehi pengalaman baru, ingin meningkatkan keyakinan diri serta meningkatkan penghargaan sendiri serta mencapai kestabilan emosi, juga ingin memahami realiti kehidupan yang sebenar (Hamzah, Suandi, & Hamzah, 2015). Selain itu, motif nilai dan pemahaman iaitu keinginan untuk mengetahui keperluan semasa dan kemahiran yang diperlukan oleh belia menjadi penyumbang kepada penglibatan belia dalam aktiviti sukarela (Che Nawi & Asmuni, 2013; Muhamad & Mohd Alauddin, 2013). Dalam kajian Che Nawi & Asmuni (2013) juga mendapati faktor perlindungan menjadi faktor motivasi utama dalam penglibatan sukarelawan. Faktor ingin membantu dan memperolehi pengalaman baru pendorong dalam penglibatan aktiviti kesukarelawan di samping berasa seronok dan mendapat kepuasan daripada penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan (Ibrahim *et. al.*, 2015). Hal ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Syed Hussain & Yasin (2016b) yang mendapati responden kajian yang terdiri daripada belia merasakan tidak seronok melakukan aktiviti sukarela.

Faktor motivasi juga mempengaruhi penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan (Hamzah *et. al.*, 2015; Ismail *et. al.*, 2014). Ismail, Samat, Parnabas, Abdullah, & Abdul Hamid (2014) menjelaskan bahawa faktor motivasi terhasil daripada objektif dan integrasi sosial iaitu keinginan menolong orang lain dan merasakan aktiviti sukarela ini memberikan keuntungan pada dirinya sendiri. Kajian Arif Shah *et. al.* (2015) menunjukkan kepercayaan sukarelawan mempunyai pengaruh yang kuat kepada penglibatan dalam aktiviti sukarela.

Selain itu, faktor kepuasan kerja dalam aspek pemimpin dan peluang untuk mempromosikan diri juga membawa kepada penglibatan dalam aktiviti sukarela yang mana secara keseluruhan berada pada tahap sederhana ke tinggi (Nazilah et al., 2016). Kajian yang dijalankan oleh Hamzah *et. al.*, (2011) menunjukkan penglibatan pelajar di IPTA dalam aktiviti sukarela disebabkan oleh faktor agama, masyarakat, ganjaran, sokongan, kerjaya, kecenderungan, tahap pengetahuan kepada kerja sukarela dan tahap pengetahuan kepada organisasi sukarelawan. Di samping itu, kajian Nazilah *et. al.*, (2014) menunjukkan motif egoistik bagi tuntutan keperluan kerjaya, perlindungan diri dan keperluan sosial berada pada tahap tinggi dalam kalangan sukarelawan. Motif egoistik dalam diri belia juga membawa kepada faktor penglibatan belia terhadap aktiviti sukarela yang mana perasaan responden untuk melindungi diri mereka daripada kesunyian menunjukkan penyebab utama mereka terlibat dengan dalam aktiviti sukarela.

Dalam kajian Ali Sallam, Safizal, & Osman (2015); Hamzah, Suandi, & Hamzah (2015); Mohd Arshad & Hussin (2014) menunjukkan niat kesukarelaan membawa kepada penglibatan belia dalam aktiviti sukarela yang mana dalam kajian Ali Sallam, Safizal, & Osman (2015) mendapati penerimaan kawalan tingkah laku, sikap dan norma subjektif mempunyai pengaruh yang signifikan kepada niat kesukarelaan. Keinginan untuk memberikan bantuan kemanusiaan dan membantu masyarakat yang memerlukan juga membawa kepada penglibatan belia dalam aktiviti sukarela (Mohd Arshad *et. al.*, 2015). Hamzah, Suandi, & Hamzah (2016) mendapati terdapat enam profil teras kepada pemilihan serta penglibatan aktif sukarelawan dalam menentukan matlamat serta objektif pertubuhan organisasi kesukarelaan iaitu khidmat komuniti, altruisme, kecenderungan menderma, amalan nilai murni, perjuangan sejagat, dan pembangunan sendiri yang aman khidmat komuniti serta amalan nilai murni menjadi prediktor utama.

Yusoff, Abd Rahman, Nik Wan, & Wan Mohamed (2015) mendapati tanggungjawab sosial dan kepuasan diri membawa kepada motivasi sukarelawan dalam penglibatan diri dengan aktiviti sukarela iaitu kajian yang dilaksanakan terhadap sukarelawan ketika banjir di Kelantan pada tahun 2014. Selain itu, dapatan menunjukkan penglibatan sukarelawan dimotivasikan oleh rasa prihatin dan ingin berkhidmat kepada komuniti. Manakala, kajian yang dijalankan oleh Mohd Khir, Abdul Aziz, & Muhammad Nizam (2016) mendapati faktor utama penglibatan belia dalam aktiviti sukarela adalah faktor pemahaman ke atas aktiviti yang dijalankan dan diikuti dengan motif nilai dan motif sosial. Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang dibincangkan menggambarkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mendorong penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan di Malaysia.

Variasi Keterlibatan Belia dalam Aktiviti Sukarela


Variasi keterlibatan belia dalam aktiviti sukarela banyak dibincangkan oleh ramai pengkaji. Kajian yang telah dijalankan oleh Ibrahim, Amin, & Sivabalan (2015) ke atas mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan tempoh keterlibatan mahasiswa yang pernah mengikuti aktiviti kesukarelaan adalah

masih baru iaitu kurang daripada enam (6) bulan penglibatan. Satu kajian yang dijalankan kepada pelajar Universiti Malaya mendapati tahap komitmen pelajar terhadap kesukarelawanan berada pada tahap yang sederhana (Rabun *et. al.*, 2017). Selain itu, penghayatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan juga dibincangkan dalam kajian yang terdahulu yang mana tahap penghayatan yang diuji mengikut enam konstruk penghayatan iaitu konstruk kefahaman, perasaan, kepercayaan, amalan, sikap dan motivasi. Keseluruhannya penghayatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan berada pada tahap yang memuaskan kecuali konstruk perasaan dan motivasi pada tahap yang rendah (Syed Hussain & Yasin, 2016b).

Hasil kajian yang dijalankan oleh Suanda *et. al.*, (2012) mendapati tahap semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar adalah pada tahap sederhana namun berpotensi tinggi untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti sukarela. Aktiviti sukarela yang menjadi tumpuan oleh belia dalam aktiviti sukan, kemasyarakatan dan badan beruniform. Manakala kajian Mohd Khir, Abdul Aziz & Muhammad Nizam (2016) mendapati jenis aktiviti utama yang disertai belia dalam aktiviti kesukarelawanan adalah aktiviti sukarela berbentuk sukan dan diikuti dengan aktiviti khidmat sosial, masyarakat dan kegamaan (Mohd Arshad & Hussin, 2014). Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan ini dapat memberikan impak yang positif dan membawa kepada peningkatan dalam meningkatkan kesedaran, muhasabah diri, menjalani gaya hidup sihat, menjadi prihatin terhadap keperluan individu lain, meningkatkan kemahiran dan meluaskan kenalan (Alias & Balakrishnan, 2016).


Satu kajian yang dijalankan oleh Yusoff, Abd Rahman, Nik Wan, & Wan Mohamed (2015) berkaitan dengan hubungan sosial dan motif untuk sukarelawan mendapati sukarelawan muda merasakan faktor pemahaman dan motif kerjaya adalah sangat penting yang mempengaruhi mereka berbanding sukarelawan yang lebih tua. Sukarelawan yang berusia 25 dan ke atas adalah lebih mempertimbangkan motif peningkatan iaitu membaiki diri berbeza dengan sukarelawan yang lebih tua merasakan aktiviti sukarela boleh membantu mereka meningkatkan keyakinan diri dan membina perkembangan peribadi. Sukarelawan berusia 35 tahun ke atas lebih mementingkan motif sosial berbanding sukarelawan lebih muda yang mana sukarelawan lebih tua berminat dan selesa dalam membuat kerja sukarela bersama jaringan kawan yang sedia ada dan tidak untuk mencari kawan baru. Usia sukarelawan tidak memberikan kesan kepada motif nilai, tetapi sebagai tanggungjawab untuk membantu. Keseluruhannya, terdapat kepelbagaian dalam bentuk penglibatan belia dalam aktiviti sukarela.

Model-model konseptual yang mendasari kajian-kajian mengenai kesukarelawanan di Malaysia

Rajah 1: Model Tingkah Laku Terancang

Sumber : *Madden, T. J., Ellen, P. S., & Ajzen, I. (1992). A comparison of the theory of planned behavior and the theory of reasoned action. Personality and Social Psychology Bulletin, 18(1), 3–9.*

Kebanyakan artikel yang diteliti menggunakan pendekatan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1985) dalam membincangkan kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengan sukarelawan. Teori ini menekankan kepada tingkah laku yang diinginkan dipengaruhi dengan sikap, norma subjektif dan juga kawalan tingkah laku diterima yang membawa kepada tingkah laku yang khusus (Madden *et. al.*, 1992).

Rajah 2: Model Teori Fungsional

Terdapat pengkaji yang menggunakan teori fungsional yang digariskan oleh (Clary *et. al.*, 1998) yang membincangkan kesukarelawan adalah satu proses yang mana kesukarelawan merupakan satu terma hasil daripada motivasi peribadi. Pendekatan fungsional menekankan bahawa ketekalan penglibatan sukarelawan bergantung kepada situasi individu. Hal ini merujuk apabila aktiviti sukarela itu bertepatan dengan motivasi mereka, mereka akan berasa lebih puas dan lebih seronok dengan perkhidmatan mereka dan berkecenderungan untuk berkhidmat atau terlibat dengan aktiviti sukarela (Clary *et. al.*, 1998).

PERBINCANGAN

Ulasan kajian lepas mempamerkan penekanan terhadap faktor penglibatan generasi belia terhadap aktiviti sukarela. Hasil penelitian menunjukkan aspek demografi tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Manakala terdapat pelbagai faktor lain yang mendorong kepada penglibatan belia

dengan aktiviti sukarelawan. Kepelbagaian penglibatan belia dalam aktiviti sukarela dapat dilihat sama ada berbentuk sukan dan khidmat kemasyarakatan. Secara keseluruhan, penelitian dalam kajian yang dijalankan didasari oleh konseptual yang dibentuk oleh pengkaji yang mana di pengaruhi oleh teori-teori yang menjadi panduan. Antara teori yang mendasari kajian yang lalu adalah teori fungsional (Muhamad & Mohd Alauddin, 2013; Nazilah *et. al.*, 2014), teori tingkahlaku beralasan (Mohd Arshad & Hussin, 2014), teori tingkah laku terancang (Ali Sallam *et. al.*, 2015; Arif Shah *et. al.*, 2015; Hamzah *et. al.*, 2015) dan teori pemilihan sosioemosi (Yusoff, Abd Rahman, Wan Mohamed, *et. al.*, 2015).

CADANGAN

Bersesuaian dengan keperluan sukarelawan pada masa kini, seharusnya sukarelawan adalah terdiri daripada generasi muda yang masih mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang sukarelawan. Namun begitu, ulasan sistematik ini hanya terhad kepada skop skop belia, sukarelawan dan penglibatan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk memperluaskan skop ulasan sistematik dengan melibatkan kajian yang dijalankan di luar negara. Oleh itu, hasil dapatan luar negara boleh diaplikasikan dalam Malaysia. Seterusnya, perancangan untuk menarik minat generasi muda dalam aktiviti sukarela hendaklah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Diharapkan segala kajian yang telah dijalankan pada masa lalu tidak dibiarkan begitu sahaja. Pengkaji akan datang boleh menggunakan dapatan kajian masa lalu untuk membuat perancangan bersesuaian dengan faktor yang menyumbang kepada penglibatan generasi muda dalam aktiviti sukarela.

IMPLIKASI

Perancangan hendaklah bersesuaian dengan apa yang generasi muda ingin peroleh daripada sesuatu aktiviti sukarela yang dianjurkan. Hal ini membantu untuk meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti sukarelawan dan seterusnya berterusan untuk memberikan perkhidmatan sebagai sukarelawan negara. Latihan yang khusus kepada para sukarelawan yang sedia ada diperlukan sebagai memastikan dapat melahirkan pelapis sukarelawan yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan meneruskan minat individu berkenaan dengan aktiviti sukarelawan.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (2014). *Maklumat Dadah 2015*. Kementerian Dalam Negeri. Diakses daripada <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/BUKU-MAKLUMAT-DADAH-2015-1.pdf>
- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behavior. *In Action control* (pp. 11-39). Springer Berlin Heidelberg.

- Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2016). Impak kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Satu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25–43. Diakses daripada [http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/10208/\(page 25-43\) IMPAK KESUKARELAWANAN.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/10208/(page%2025-43)IMPAK%20KESUKARELAWANAN.pdf)
- Ali Sallam, A. A., Safizal, M., & Osman, A. (2015). The key drivers of volunteering intention among undergraduate Malaysia students. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, III(2), 1–13.
- Arif Shah, J., Suandi, T., Hamzah, S. R., & Ismail, I. A. (2015). Why youths choose to become volunteers: From the perspective of belief. *Athens Journal of Social Science*, 2(1), 51–64.
- Che Nawi, N. R., & Asmuni, A. (2013). *Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di Yayasan Salam Malaysia*. In Graduate Research in Education Seminar (GREduc 2013). Diakses daripada [http://www.greduc2013.upm.edu.my/PDF Files/Greduc014 Nur Raihan.pdf](http://www.greduc2013.upm.edu.my/PDF%20Files/Greduc014%20Nur%20Raihan.pdf)
- Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and Assessing the Motivations of Volunteers: A Functional Approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516–1530. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.74.6.1516>
- Hamzah, S. R., Suandi, T., & Hamzah, A. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–10.
- Hamzah, S. R., Suandi, T., & Hamzah, A. (2016). *Profil teras pertubuhan sukarela belia di Malaysia*, (February). Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/289515789_PROFIL_TERAS_PERTUBUHAN_SUKARELA_BELIA_DI_MALAYSIA
- Hamzah, S. R., Suandi, T., Mohd Daud, K., Hamzah, Mohammad Rezal, Bahari, A., Ahmad Shah, W. M., Ismail, M. H., Ali, I. (2011). *Knowledge, attitude and spirit of volunteerism among studen in public institution of higher learning*. In international Conference on Youth Development 2011.
- Ibrahim, F., Amin, A. S., & Sivabalan, T. (2015). Penglibatan dan motivasi kesukarelawanan: ke arah memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(1), 84–96.
- Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2017). Diakses daripada <http://www.iyres.gov.my/index.php/ms/>
- Ismail, S., Samat, N. A., Parnabas, V., Abdullah, N. M., & Abdul Hamid, N. (2014). *Youth volunteerism in Chow Kit Malaysia: Factors of involvement*. In International Conference on Global Trends in Academic Research (Vol. 1, pp. 219–224). Diakses daripada <http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:No+Title#0>

- Madden, T. J., Ellen, P. S., & Ajzen, I. (1992). A Comparison of the theory of planned behavior and the theory of reasoned action. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 18(1), 3–9. <https://doi.org/10.1177/0146167292181001>
- Mohd Arshad, M. R., & Hussin, Z. (2014). Family volunteering and youth volunteerism. *Journal of Administrative Science*, 11(2). Diakses daripada http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/33470/12.pdf
- Mohd Arshad, M. R., Hussin, Z., & Rabun, M. N. (2015). Gender Differences among Youth in Volunteerism. *Journal of Administrative Science*, 12(2), 1–8.
- Mohd Khir, A., Abdul Aziz, N. A., & Muhammad Nizam, N. S. (2016). *Motivasi dan tahap penglibatan belia felda dalam kesukarelawanan di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/319482034_Motivasi_dan_Tahap_Penglibatan_Belia_Felda_dalam_Kesukarelawanan_di_Felda_Bukit_Rokan_Negeri_Sembilan
- Muhamad, T. A., & Mohd Alauddin, A. N. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51–59. Diakses daripada <http://www.ukm.my/jurpend/index.html%5Cnhttp://journalarticle.ukm.my/8003/>
- Nazilah, A., Rozmi, I., & Fauziah, I. (2014). The role of egoistic motives for Malaysian college student involvement in volunteering activities. *Asian Social Science*, 10(19), 173–179. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n19p173>
- Nazilah, A., Rozmi, I., & Fauziah, I. (2016). Job satisfaction among college student volunteers. *Asian Social Science*, 12(9), 139–143. <https://doi.org/10.5539/ass.v12n9p139>
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic Reviews in the Social Sciences: A Practical Guide*. Cebma.Org. <https://doi.org/10.1027/1016-9040.11.3.244>
- Rabun, M. N., Hussin, Z., Ridzuan, M. R., & Ab Rahman, N. A. S. (2017). Exploring university students' TM level of commitment towards volunteerism, 14(1), 1–12.
- Saleem, F., Hassali, M. A., Ibrahim, Z. S., Rasheedy, A. A. L., & Aljadhey, H. (2015). Perceptions and attitudes of pharmacy students towards volunteering at health promotional programs: a cross-sectional study from Malaysia. *Journal of Community Health*, 40(2), 285–290. <https://doi.org/10.1007/s10900-014-9930-y>
- Suanda, J., Hamzah, M. R., Bahari, A., Ku Daud, K. A., Hamzah, S. R., & Suandi, T. (2012). *Semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa melayu di IPTA: satu tinjauan ke arah pembentukan pendidikan kesukarelawan*. In Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SepMA) 2012.
- Syed Hussain, T. P. R., & Yasin, L. (2016a). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia: Suatu pemerhatian konseptual. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(9), 161–172.

- Syed Hussain, T. P. R., & Yasin, L. (2016b). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia : Satu kajian empirikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183–194.
- Wan Afthanorhan, W. M. A., & Ahmad, S. (2013). Modelling the multigroup moderator-mediator on motivation among youth in higher education institution towards volunteerism program. *International Journal of Scientific & Engineering Research*, 4(7), 0–4.
- Yusoff, R., Abd Rahman, S. A., Nik Wan, N. Z., & Wan Mohamed, W. N. (2015). *Understanding the motivations of social responsibility among volunteers : A case study of flood disaster in Kelantan 2014*. In The 6th International Conference on Governance, Fraud, Ethics and Social Responsibility 2015 (iConGFESR 2015) UNDERSTANDING (Vol. 2015, p. 7).
- Yusoff, R., Abd Rahman, S. A., Wan Mohamed, W. N., & Nik Wan, N. Z. (2015). *Age and motives for volunteering : from socioemotional selectivity theory perspective*. In Proceedings of the Academic Symposium of Social Science.

Profil Penulis:

Hapsah Md Yusof

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
hapsah@fpm.upsi.edu.my

Nur Afifah Baharum

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Nurul 'Ain Mohd Daud

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Norazani Ahmad

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Fauziah Mohd Saad

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

PENCARIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF DALAM KALANGAN REMAJA DI SARAWAK

ALBENY JOSLYN PANTING, HASLINDA ABDULLAH, ISMI ARIF ISMAIL
& SAMSILAH ROSLAN

ABSTRAK

Pencarian maklumat kesihatan seksual dan reproduktif (KSR) merupakan salah satu aspek penting dalam konteks pendidikan kesihatan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana remaja mengakses sumber maklumat berkaitan dengan tingkah laku mencari maklumat KSR di Sarawak. Kajian keratan rentas telah dijalankan di tiga lokasi di Sarawak iaitu di Kuching, Sibu dan Miri dengan saiz sampel sejumlah 1,146 orang yang berumur di antara 16 hingga 19 tahun. Pensampelan berbilang peringkat yang digunakan adalah berdasarkan kerangka pensampelan yang menyenaraikan daerah, perumahan dan kampung. Proses ini menggunakan sekurang-kurangnya lima peringkat proses persampelan dari pemilihan daerah sehingga kepada pemilihan responden dari setiap isirumah terpilih secara rawak. Data dikumpul menggunakan soal-selidik berstruktur. Kadar respons kajian ini adalah 95% (N=1,086). Keputusan kajian menunjukkan responden yang pernah mencari maklumat KSR dalam tempoh tiga bulan yang lepas ialah 43% (n = 467). Sebab utama mencari maklumat KSR adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran. Jenis maklumat yang paling utama dicari ialah berkenaan dengan penjagaan kesihatan diri. Tiga sumber utama maklumat KSR yang sangat kerap digunakan ialah melalui internet, rakan sebaya dan media cetak. Sumber maklumat KSR yang sangat diyakini ialah personel kesihatan, guru sekolah dan internet. Penemuan kajian mencadangkan keperluan untuk melihat kekuatan sumber-sumber maklumat dalam membangunkan strategi promosi kesihatan berkaitan KSR yang berkesan bagi golongan remaja di Sarawak.

Kata Kunci: Kesihatan, Maklumat, Remaja, Seksual, Sarawak

ABSTRACT

The search for sexual and reproductive health (SRH) information is one of the important aspects in the context of health education. The purpose of this study is to find out how adolescents access sources of information related to SRH information seeking behavior in Sarawak. A cross-sectional study was conducted in three locations in Sarawak namely Kuching, Sibu and Miri with a sample size of 1,146, involving adolescents aged 16 to 19 years old. The multi-stage sampling utilized in this study is based on a sampling framework that lists districts, housing and villages. This process used at least five stages of the sampling process from the selection of districts to the selection of the respondent from each randomly selected household. The data were collected using structured questionnaires. The response rate was 95% (N=1,086). The results showed that respondents searched for SRH

information in the last three months were 43% ($n = 467$). The main reason for seeking SRH information was to increase knowledge and awareness. The most sought after type of information was self health-care. Three major sources of sexual and reproductive health information were reported namely through the internet, peers and print media. The most reliable sources of information reported were health personnel, schoolteacher and internet. Research findings suggest the need to look at the strengths of information sources in developing effective SRH promotion strategies for adolescents in Sarawak.

Keywords: Adolescent, Information, Health, Sexual, Sarawak

PENGENALAN

Peringkat remaja adalah satu peringkat kehidupan yang kritikal di mana seseorang itu mempunyai peluang untuk membangunkan keupayaan kendirinya dalam merealisasikan potensi mereka sepenuhnya ke arah mencapai kehidupan yang sihat dan sejahtera (Ki-Moon, 2016). Di samping itu, ia juga adalah satu peringkat dimana seseorang itu mudah dipengaruhi oleh kawan-kawan serta rakan-sebaya ke arah terjerumus dalam kancah yang tidak sihat serta boleh memberikan kesan negatif kepada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi sesebuah negara (KKM, 2010). Oleh itu, pentingnya golongan remaja mempunyai pengetahuan dan kesedaran diri yang positif untuk mengelakkan diri dari terjerumus dalam kancah gejala sosial dan cara hidup yang tidak sihat.

Sejak kebelakangan ini, isu gejala sosial yang berkaitan dengan tingkah laku seks sebelum kahwin (*pre-marital sex*) dalam kalangan remaja di Malaysia menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Prevalens tahun 1996 menunjukkan peningkatan daripada 1.8% kepada 2.2% pada tahun 2004; 6.4% pada 2010 (Awaluddin, 2015), 8.3% pada 2012 (KKM, 2013) dan sedikit penurunan kepada 7.3% pada 2016 (KKM, 2017). Manakala tingkah laku umur mula melakukan seks (*sexual debut*) secara puratanya dilaporkan dilakukan dalam usia 15 tahun (KKM, 2013) dan seawal 12 tahun (KKM, 2017).

Golongan remaja juga berisiko untuk mendapat jangkitan HIV melalui penglibatan dalam tingkah laku berisiko seperti melakukan seks yang tidak selamat (misalnya tidak menggunakan kondom) (KKM, 2011). Data berkaitan corak jangkitan HIV di Malaysia juga menunjukkan cara jangkitan berubah kepada hubungan seksual berbanding dengan corak jangkitan di awal tahun 1990-an yang lebih kepada intravena (*intravenous drug users*) dalam kalangan penagih dadah (WHO, 2013a). Di samping itu, ia juga merupakan antara penyebab kepada masalah kesihatan dan sosial yang lain seperti meningkatkan risiko mendapat jangkitan penyakit melalui hubungan seksual seperti sifilis dan gonorea; isu pelacuran dalam kalangan remaja, remaja hamil di luar nikah, pembuangan bayi, penyalahgunaan bahan seperti dadah dan penglibatan dalam *cybersex* (KKM, 2007).

Menurut Blum *et. al.*, (2012) seseorang remaja yang mempunyai tahap kesihatan seksual dan reproduktif (KSR) yang baik mempunyai keupayaan untuk membuat pilihan dan keputusan yang bijak dalam menangani tingkah laku berisiko. Dalam konteks ini, pencarian maklumat berkaitan KSR merupakan salah satu kaedah utama untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran seseorang remaja berkenaan KSR (Rahim & Pawanteh, 2001). Keperluan untuk mempertingkatkan kesedaran remaja berkaitan aspek KSR dapat dilihat dalam kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) (2016) yang mendapati kewujudan tahap kesedaran yang rendah dan membimbangkan berkenaan komponen utama KSR iaitu hanya 33.7% remaja tahu bahawa seseorang gadis itu boleh hamil walaupun melakukan hubungan seks kali pertama dan hanya 33.3% remaja mengetahui bahawa kondom boleh mencegah penyakit kelamin. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tingkah laku pencarian maklumat dalam kalangan remaja di Sarawak berkaitan dengan KSR. Secara spesifik, kajian ini mengukur dua perkara iaitu kekerapan dalam menggunakan sumber-sumber maklumat dan mengenalpasti sejauh mana keyakinan responden terhadap saluran maklumat KSR yang digunakan.

SOROTAN LITERATUR

Kesihatan seksual dan reproduktif (KSR) merujuk kepada aspek-aspek seperti kesejahteraan fizikal, mental dan sosial yang berkaitan dengan seksualiti seseorang (WHO, 2012). Ia melibatkan kemampuan untuk memahami dan membuat pertimbangan terhadap risiko-risiko yang memudaratkan, tanggungjawab, bebas daripada paksaan, diskriminasi dan keganasan (KKM, 2010). Manakala tahap KSR seseorang remaja dapat ditingkatkan melalui pendekatan promosi kesihatan yang menasaskan kepada aspek persekitaran, pengetahuan, kesedaran dan keupayaan seseorang untuk mengambil langkah-langkah pencegahan ke arah cara hidup sihat (Bandura, 2004) yang bertujuan untuk mengurangkan penglibatan mereka dalam tingkah laku yang berisiko melalui penggemblengan peranan komuniti, sekolah, anggota kesihatan (health care providers), ketua-ketua agama dan ibu bapa (WHO, 2009).

Secara umumnya, seseorang itu mencari maklumat kesihatan dengan tujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan yang melibatkan kemahiran dan keupayaan dalam mencari, memahami, menilai dan menggunakan sesuatu maklumat tersebut untuk membuat pilihan yang bijak demi untuk mengurangkan risiko-risiko masalah kesihatan serta meningkatkan kualiti hidup (Zarcadoolas, Pleasant & Greer, 2003). Dalam konteks kajian ini, maklumat KSR merujuk kepada aspek akil-baligh, pencegahan penyakit melalui hubungan seks (*sexually transmitted infection*) atau STI, jangkitan HIV/AIDS, hubungan seks yang selamat, kaedah kontraseptif, pengetahuan mengenai bagaimana seseorang wanita boleh hamil serta sistem pembiakan manusia. Tingkah laku pencarian maklumat pula merujuk kepada sesuatu amalan yang bertujuan untuk mencari maklumat dengan kaedah tertentu serta dari sumber-sumber tertentu (Wilson, 1999). Manakala sumber maklumat

KSR pula merujuk kepada kekerapan individu untuk mendapatkan, menerima dan menggunakan maklumat daripada pelbagai punca dan saluran maklumat yang dipilih (Rahim & Herman, 1996).

Teori Sense Making (Dervin, 1992) mengandaikan seseorang yang ingin mencari maklumat akan berbuat demikian apabila merasakan wujud jurang antara keperluan maklumat yang sedia ada dengan keinginan untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang baharu dan tindakan untuk mencari sesuatu maklumat tersebut akan berhenti, sekiranya maklumat yang dicari dapat memenuhi keperluan seseorang itu iaitu mampu mendekatkan jurang keperluan maklumat yang sedia dengan keperluan sebenar. Di samping itu, Teori Proses Keluarga (*Family process theory*) mengandaikan bahawa kekerapan proses berkomunikasi di antara ibubapa dan remaja berkaitan isu-isu penting dalam kehidupan seseorang remaja terutamanya topik-topik yang berkaitan dengan KSR yang berlandaskan kepada amalan komunikasi yang terbuka; akan menggalakkan lebih banyak perbincangan yang sihat berkenaan KSR, serta menggalakkan remaja mendapatkan lebih banyak maklumat yang berguna daripada ibubapa mengenai KSR (Whitaker & Miller, 2000).

Di samping itu, sumber maklumat KSR mempunyai kaitan dengan tingkah laku seksual seseorang remaja. Ini dapat dilihat dalam kajian Bleakley *et. al.*, (2009) menunjukkan sumber maklumat yang berlainan menyalurkan maklumat yang berbeza mengenai KSR dan ini berpotensi mempengaruhi pandangan dan tingkah laku seksual seseorang remaja kerana kesedaran mengenai KSR adalah berdasarkan maklumat dan fakta yang diperolehi melalui proses sosialisasi dan pendidikan. Manakala dalam aspek pendidikan kesihatan yang berkaitan dengan KSR, kedua-dua proses sosialisasi dan pendidikan merupakan kaedah-kaedah berguna yang diperlukan dalam memupuk kemahiran dan gaya hidup seseorang remaja yang sihat (KKM, 2007).

Selain itu, kajian Zhang *et. al.*, (2007) dalam kalangan remaja yang belum berkahwin yang berumur 15 hingga 19 tahun berkaitan dengan sumber maklumat berkenaan topik akil-baligh, seksualiti dan penyakit melalui hubungan seks yang dijalankan di Changchun City, China; mendapati remaja yang tidak aktif secara seksual kebanyakannya memilih guru sekolah dan ibubapa manakala remaja yang aktif seks memilih rakan sebaya sebagai sumber maklumat. Dalam kajian yang sama juga didapati sumber pengetahuan berkenaan topik-topik tertentu dalam KSR adalah berbeza mengikut tahap sensitiviti yang dikaitkan dengan topik-topik tersebut misalnya maklumat berkenaan topik yang kurang tahap sensitivitinya (misalnya akil-baligh) kebanyakannya diperolehi dari guru; manakala topik yang tinggi tahap sensitivitinya (misalnya seksualiti dan HIV / AIDS) diperolehi dari media-massa (Zhang *et. al.*, 2007).

Faktor keagamaan juga mempengaruhi keputusan seseorang memilih sesuatu sumber maklumat mengenai KSR. Ini dapat dilihat dalam kajian Coleman (2008) yang dijalankan di London yang bertujuan untuk mengenalpasti sumber-

sumber dalam menyampaikan maklumat tentang KSR dalam kalangan remaja sekolah yang berusia di antara 15 hingga 18 tahun. Kajian Coleman (2008) mendapati responden yang beragama Hindu menunjukkan kecenderungan yang kurang dalam membuat pilihan dari sumber-sumber maklumat seperti rakan sebaya atau rakan-rakan dari kalangan sesama agama berbanding dengan responden yang beragama Islam.

Manakala penemuan kajian Mokhtar *et. al.*, (2009) mengenai sikap remaja di Singapura berkaitan pencarian maklumat kesihatan mendapati sebilangan besar responden memilih ibubapa berbanding dengan lain-lain sumber maklumat seperti personel kesihatan atau perubatan, guru sekolah, kawan-kawan dan rakan sebaya. Dari segi kecukupan maklumat kesihatan pula, majoriti responden lebih mempercayai personel kesihatan seperti doktor dalam aspek mendapatkan maklumat berkaitan penyakit atau masalah kesihatan tetapi majoriti responden mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh personel kesihatan tersebut boleh diperolehi oleh mereka sendiri sekiranya mereka mencarinya melalui saluran lain seperti internet (Mokhtar *et. al.*, 2009).

Di Malaysia, kajian-kajian yang berkaitan dengan pencarian maklumat KSR dalam kalangan remaja menunjukkan rakan-rakan dan ibubapa adalah di antara pilihan utama. Antaranya ialah Kajian Kebangsaan Kesihatan Reproductif dan Seksualiti Remaja (WHO, 2007) yang mendapati remaja berkomunikasi dengan ibu, guru dan sahabat tentang topik akil-baligh, kehamilan dan kontraseptif tetapi bagi topik berkenaan hubungan seksual, kebanyakan remaja berkomunikasi dengan rakan-rakan. Dapatan yang hampir sama juga diperolehi dalam kajian rentas dalam kalangan 1,034 pelajar sekolah menengah di Kelantan yang mendapati bahawa sumber utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan KSR ialah melalui rakan-rakan dan hanya beberapa orang memilih guru dan ibu bapa (Rahman *et. al.*, 2011). Begitu juga dengan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) (2014) di Sarawak berkenaan aspek faktor pelindung dan tingkah laku berisiko; juga mendapati kawan-kawan dan rakan sebaya sebagai sumber utama dalam pencarian maklumat KSR. Manakala kajian Moh-Nor *et. al.*, (2013) berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan komputer di Sarawak mendapati responden masih menggunakan media tradisional seperti TV, radio dan suratkhbar sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat kesihatan. Selain itu, penemuan kajian Kamrani *et. al.*, (2011) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Lembah Klang menunjukkan bahawa ibu adalah pilihan pertama dalam pencarian maklumat KSR terutamanya berkenaan topik akil-baligh.

Hasil Tinjauan Kesihatan Seksual dan Reproductif Belia Malaysia (Durex, 2016) dalam kalangan 1,071 belia yang berumur di antara 18 hingga 29 tahun di seluruh Malaysia mendapati 79% responden menyatakan bahawa sumber utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan KSR adalah dari sekolah, internet dan kawan-kawan. Kajian Durex (2016) juga menunjukkan 62% responden menyatakan bahawa mereka tidak mendapat maklumat yang mencukupi berkaitan KSR. Selain

itu, penemuan kajian juga mendapati 79% responden sedar akan bahaya penyakit-penyakit akibat jangkitan melalui hubungan seks (STIs) tetapi majoriti tidak menyedari penyakit-penyakit STIs yang lain selain daripada HIV/AIDS.

Namun begitu, terdapat hasil kajian yang menunjukkan wujud beberapa faktor halangan kepada pencarian maklumat KRS dalam kalangan remaja di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat dalam penemuan kajian Wong (2012) dalam kalangan 1,695 pelajar wanita di sebuah universiti awam di Malaysia berhubung pengetahuan dan sikap berkenaan sistem pembiakan manusia, kontraseptif dan isu-isu seks sebelum kahwin yang mendapati lebih daripada separuh responden melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai akses kepada sumber maklumat yang berkaitan dengan amalan hubungan seks yang selamat, kontraseptif dan kehamilan atas alasan tidak tahu di mana hendak mendapatkan maklumat tersebut. Responden melaporkan yang mereka tidak bercadang mencari maklumat tersebut disebabkan anggapan bahawa mereka belum berkahwin, lantas tidak memerlukan maklumat tersebut (Wong, 2012).

Dalam konteks ini, Rahim dan Pawanteh (2001) berpendapat bahawa sebilangan besar masyarakat awam di Malaysia beranggapan bahawa mereka adalah sihat dan tidak menghadapi sebarang masalah kesihatan lantas mereka tidak nampak sebarang keperluan untuk mencari maklumat kesihatan secara aktif. Bagi golongan remaja, mereka menganggap diri mereka kurang berisiko untuk mendapat penyakit atau masalah kesihatan serta tidak menganggap aspek kesihatan sebagai isu utama dalam kehidupan mereka (Rahim dan Pawanteh, 2001). Manakala dari segi pendidikan KSR di sekolah, kajian Talib *et. al.*, (2012) berkenaan penilaian keberkesanan pengajaran KSR di sekolah menengah mendapati 85% responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti mengakui proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan KSR semasa mereka di sekolah menengah dahulu adalah tidak jelas dan terhad.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan utama yang melihat hubungan di antara faktor pelindung dan tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja di Sarawak. Kajian rentas telah dijalankan di tiga (3) lokasi iaitu di Kuching, Sibu dan Miri sebagai mewakili populasi remaja di Negeri Sarawak. Pengiraan saiz sampel adalah berdasarkan kepada Naing, *et. al.*, (2006) dan sebab utama menggunakan formula ini ialah kerana keperluan untuk memasukkan prevalens keterlibatan remaja yang pernah melakukan hubungan seks sebagai satu indikator penting untuk mengukur saiz sampel bagi sesuatu kajian yang ingin mengenalpasti prevalens. Saiz sampel kajian adalah berjumlah 1,146 orang.

Pensampelan berbilang peringkat yang telah digunakan melibatkan lima (5) peringkat persampelan iaitu pemilihan daerah, majlis tempatan, zon pimpinan ketua kaum, taman perumahan/kampung dan isirumah. Remaja yang layak

sebagai responden dipilih daripada setiap isirumah yang terpilih secara rawak. Kriteria inklusi kajian ialah remaja berumur 16 hingga 19 tahun; bersetuju untuk turut serta dan mendapat keizinan (informed consent) dari ibubapa atau penjaga bagi yang berumur bawah 18 tahun; remaja yang masih menuntut dan lepasan sekolah yang belum bekerja atau sudah bekerja. Remaja yang sudah berkahwin dikecualikan sebagai responden.

Data dikumpul menggunakan soal-selidik berstruktur dalam Bahasa Malaysia dan responden diberi pilihan untuk menjawab sendiri soalan soal-selidik atau ditemubual secara bersemuka. Pengumpulan data dilakukan dalam bulan Ogos hingga November 2016. Item-item untuk membentuk konstruk sumber pencarian maklumat KSR diubahsuai dari Cleland, Ingham dan Stone (2005). Contoh soalan yang mengukur penggunaan sumber maklumat ialah “Berapa kerapkah anda menggunakan sumber maklumat seperti berikut untuk mendapatkan maklumat KSR dalam tempoh 6 bulan yang lepas”. Terdapat empat (4) skala pilihan iaitu daripada “tidak pernah -1”, “kadang-kadang (sekurang-kurangnya 1 kali sebulan) - 2”, “kerap (sekurang-kurangnya 1-3 kali seminggu) - 3” dan “sangat kerap (sekurang-kurangnya 1 kali setiap hari) - 4”. Semakin tinggi nilai skor menunjukkan kekerapan penggunaan sumber maklumat KSR yang dipilih.

Contoh soalan mengukur tahap keyakinan pula, “Sejauh manakah anda yakin terhadap sumber-sumber maklumat seperti berikut (senarai sumber maklumat) untuk mendapatkan maklumat kesihatan seksual dan reproduktif dalam tempoh enam (6) bulan yang lepas. Pilihan skala jawapan bermula dari “sangat tidak yakin -1”, “tidak yakin - 2”, “yakin - 3” dan “sangat yakin - 4”. Semakin tinggi nilai skor menunjukkan keyakinan terhadap sumber maklumat KSR yang dipilih adalah semakin tinggi.

Validasi soalan soal-selidik dilakukan menerusi kajian rintis dalam kalangan remaja di Samarahan, Sarawak. Untuk konstruk pencarian sumber maklumat KSR, nilai Cronbach Alpha ialah 0.81 di mana nilai ini adalah tinggi dan sesuai. Kadar respons dalam kajian ini adalah 95% (N=1,086). Data dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS for Windows versi 21.

Disebabkan kajian ini melibatkan soalan-soalan yang berkaitan dengan amalan seks seseorang remaja, beberapa langkah untuk mengurangkan perasaan malu dalam kalangan responden dalam menggalakkan mereka memberikan jawapan yang ikhlas ialah dengan menerangkan sebaik-baiknya tujuan, tatacara dan aspek kerahsiaan penyelidikan ini berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam borang lembaran keizinan (informed consent) kepada ibubapa/penjaga (bagi responden di bawah 18 tahun) dan responden itu sendiri. Selain itu, responden diberi pilihan untuk tidak menjawab mana-mana soalan yang mereka rasakan sensitif.

Kajian ini mendapat kelulusan etika dari Jawatankuasa Etika, Universiti Putra Malaysia dan Medical Research Ethics Council (MREC), Kementerian

Kesihatan Malaysia. Manakala kelulusan untuk menjalankan kajian di Sarawak diperolehi dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Unit Perancang Negeri Sarawak, Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Bagi responden di bawah 18 tahun, kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga diperolehi terlebih dahulu dengan mengisi borang persetujuan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Ciri-ciri demografi sejumlah 1,086 responden yang terlibat dalam kajian adalah seperti dalam Jadual 1. Majoriti responden (71%) berumur dalam lingkungan 16 hingga 18 tahun dengan bilangan responden perempuan sejumlah 57.4%, mengatasi lelaki (42.6%). Responden dari etnik Iban adalah yang terbesar (35.8%), diikuti oleh Melayu (26.7%) dan Cina (19.5%). Dari segi agama, responden yang beragama Kristian adalah 45.9%, diikuti oleh Islam (30.2%) dan Buddha (10%). Hampir 50% responden melaporkan ibubapa atau penjaga mereka mempunyai jumlah pendapatan bulanan di bawah RM2,000.00. Didapati majoriti responden masih menuntut (80%) dan kebanyakannya masih di sekolah menengah (77.7%).

Jadual 1: Ciri-Ciri Demografi

Ciri-Ciri Demografi	N=1086	N	%
Umur:	13 – 15	79	7
	16 – 18	771	71
	19 – 21	236	21
Jantina:	Lelaki	463	42.6
	Perempuan	623	57.4
Etnik:	Iban	389	35.8
	Cina	212	19.5
	Melayu	290	26.7
	Bidayuh	79	7.3
	Orang ulu	42	3.9
	Lain-lain	74	6.8
Agama:	Islam	328	30.2
	Kristian	499	45.9
	Buddha	109	10.0
	Kepercayaan tradisi kaum China	78	7.2
	Agama suku kaum	55	5.1
	Tiada Agama	15	1.4

Anggaran Jumlah Pendapatan Ibubapa Sebulan:	Kurang dari RM 1000	230	21.2
	RM 1001 - RM 2000	315	29.0
	RM 2001 - RM 3000	212	19.5
	RM 3001 - RM 4000	121	11.1
	RM 4001 - RM 5000	95	8.7
	RM 5001 - RM 6000	48	4.4
	RM 6001 & ke atas	65	6.0
Status:	Menuntut	864	80
	Bekerja	137	12
	Menganggur	84	8
Menuntut (n=864):	Sekolah menengah	671	77.7
	Kolej/Institut	187	21.6
	Universiti	6	0.7

Pencarian Maklumat Kesihatan Seksual dan Reproduktif

Jadual 2 menunjukkan maklumat pencarian maklumat KSR dalam tempoh enam (6) bulan yang lepas. Sejumlah 43% (n=467) responden menyatakan mereka pernah mencari maklumat manakala 57% (n=619) lagi melaporkan tidak pernah. Bagi yang pernah mencari maklumat KSR, sejumlah 81.6% bercadang mencari maklumat KSR dalam tempoh enam (6) bulan akan datang manakala 18.4% lagi tidak bercadang berbuat demikian. Manakala bagi yang tidak pernah mencari maklumat KSR dalam tempoh enam bulan yang lepas, sejumlah 53% bercadang berbuat demikian manakala 47% lagi tidak bercadang mencari maklumat KSR dalam tempoh enam bulan akan datang.

Jadual 2: Peratusan responden yang pernah mencari maklumat KSR dalam tempoh 6 bulan yang lepas dan yang berniat mencari maklumat KSR dalam tempoh 6 bulan akan datang

		Berniat mencari maklumat KSR dalam tempoh 6 bulan akan datang	
		Ya (%)	Tidak (%)
Pernah mencari maklumat KSR 6 bulan lepas	Ya/ 467 (43%)	381 (81.6)	86 (18.4)
	Tidak/ 619 (57%)	328 (53)	291 (47)
Jumlah	1086	709	377

Jenis Maklumat Kesihatan Seksual dan Reproduktif

Jadual 3 menunjukkan jenis maklumat KSR utama yang dicari. Dapatan kajian menunjukkan maklumat KSR yang dicari ialah berkaitan dengan langkah penjagaan kesihatan diri (51.6%), pencegahan (13.9%) dan cara jangkitan penyakit berkaitan KSR (25.9%). Manakala antara dua (2) sebab utama responden mencari maklumat ialah untuk meningkatkan pengetahuan (56.5%) dan persediaan untuk menghadapi alam dewasa (22.3%).

Jadual 3: Jenis Maklumat KSR Yang Dicari dan Sebab-Sebab

		N	%
Jenis maklumat:	Cara jangkitan penyakit berkaitan KSR	121	25.9
	Pencegahan	65	13.9
	Rawatan	33	7.1
	Langkah penjagaan kesihatan diri	241	51.6
	Lain-lain	7	1.5
Sebab-sebab:	Untuk meningkatkan pengetahuan	264	56.5
	Ada masalah kesihatan berkaitan KSR	14	3.0
	Keperluan keagamaan	24	5.1
	Persediaan menghadapi alam dewasa	104	22.3
	Bimbang dijangkiti	23	4.9
	Tugasan sekolah/kolej/universiti	35	7.5

Kekerapan Menggunakan Sumber Maklumat Kesihatan Seksual dan Reproduktif

Jadual 4 menunjukkan kekerapan responden menggunakan sumber-sumber maklumat berkenaan KSR. Bagi sumber maklumat KSR yang sangat kerap digunakan, masing-masing tiga (3) sumber maklumat utama yang dipilih ialah internet (22.5%), rakan sebaya (20.3%) dan media cetak (10.7%). Manakala, bagi penggunaan sumber maklumat KSR secara kerap, responden memilih internet (29.7%) diikuti oleh rakan sebaya (27%) dan media cetak (24%). Bagi penggunaan secara kadang-kadang, responden menyatakan guru sekolah (40%), ibubapa (39.6%) dan media cetak (38.5%). Sebaliknya responden menyatakan beberapa sumber-sumber maklumat KSR utama yang tidak pernah digunakan iaitu adik-beradik (58%), guru agama (53%) dan ibubapa (46%).

Jadual 4: Keckerapan Penggunaan Sumber Maklumat Kesihatan Seksual dan Reprodktif

n=467	Tidak Pernah		Kadang-Kadang		Kerap		Sangat Kerap	
	n	%	N	%	n	%	n	%
Ibubapa	215	46	185	39.6	45	9.6	22	4.7
Guru Agama	249	53	152	32.5	51	10.9	15	3.2
Guru Sekolah	184	39	188	40	78	16.7	17	3.6
Adik-beradik	273	58	127	27	54	11.5	13	2.7
Personel Kesihatan	188	40	193	41	68	14.6	18	3.8
Media Elektronik	133	28	155	33	112	23.9	66	14
Media Cetak	124	26.5	180	38.5	113	24	50	10.7
Rakan Sebaya	78	16.7	167	35.7	127	27	95	20.3
Internet	69	14.7	154	32.9	139	29.7	105	22.5

Keyakinan Terhadap Sumber Maklumat Kesihatan Seksual dan Reprodktif

Jadual 5 menunjukkan tahap keyakinan responden terhadap sumber-sumber maklumat berkenaan KSR. Didapati responden memilih personel kesihatan (42.2%) sebagai sumber yang sangat diyakini, diikuti oleh guru sekolah (20.9%) dan internet (19.7%). Manakala bagi responden yang memilih respon yakin pula, media elektronik (52.5%), internet (50.1%) dan ibubapa (49.7%). Sebaliknya responden menyatakan respon tidak yakin terhadap rakan sebaya (34.9%), adik beradik (31.3%) dan media cetak (30.8%). Bagi respon sangat tidak yakin, responden memilih adik beradik (30.6%), guru agama (17.6%) dan ibubapa (17.4%).

Jadual 5: Keyakinan Terhadap Penggunaan Sumber Maklumat Kesihatan Seksual dan Reprodktif

n=467	Sangat Tidak Yakin		Tidak Yakin		Yakin		Sangat Yakin	
	n	%	N	%	n	%	n	%
Ibubapa	81	17.4	67	14.4	232	49.7	87	18.6
Guru Agama	82	17.6	89	19.1	220	47.1	76	16.3
Guru Sekolah	60	12.8	84	17.9	225	48.2	98	20.9
Adik Beradik	143	30.6	146	31.3	155	33.2	23	4.9
Personel Kesihatan	33	7.1	37	7.9	200	42.8	197	42.2
Media Elektronik	52	11	122	26.1	245	52.5	48	10.3
Media Cetak	45	9.6	144	30.8	231	49.5	47	10.1
Rakan Sebaya	51	10.9	163	34.9	205	43.9	48	10.3
Internet	40	8.6	101	21.6	234	50.1	92	19.7

PERBINCANGAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tingkah laku pencarian maklumat dalam kalangan remaja di Sarawak mengenai KSR. Dapatan kajian mendapati hampir separuh responden mengakui bahawa mereka tidak pernah mencari maklumat KSR dalam tempoh enam (6) bulan yang lepas. Manakala, bagi kumpulan ini juga hampir separuh mengakui bahawa mereka tidak mempunyai niat untuk mendapatkan maklumat KSR dalam tempoh enam (6) bulan akan datang. Bagi yang pernah mencari maklumat KSR sebilangan besar menyatakan niat untuk mencari KSR dalam tempoh enam (6) bulan yang akan datang. Penemuan ini mungkin boleh dihuraikan berdasarkan *Teori Sense Making* (Dervin, 1992) yang mengandaikan seseorang yang ingin mencari maklumat akan berbuat demikian sekiranya wujud jurang antara keperluan maklumat yang sedia ada dengan keinginan untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang baharu.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga mungkin dapat dihuraikan dalam konteks kajian Wong (2012) yang mendapati sebilangan besar responden tidak tahu di mana punca atau sumber untuk mendapatkan maklumat KSR kerana menganggap mereka belum berkahwin dan tidak memerlukan maklumat berkaitan KSR. Penemuan kajian ini juga selari dengan pandangan Rahim dan Pawanteh (2001) yang berpendapat bahawa golongan remaja di Malaysia tidak aktif mencari maklumat kesihatan kerana mereka menganggap isu kesihatan bukanlah isu utama dalam kehidupan mereka kerana menganggap diri mereka kurang berisiko untuk mendapat penyakit atau masalah kesihatan. Dalam konteks promosi kesihatan KSR, dapatan kajian dewasa ini menunjukkan bahawa status pencarian maklumat KSR dalam kalangan remaja di Sarawak adalah masih kurang. Ini disebabkan Blum, *et. al.*, (2012), berpendapat bahawa golongan remaja perlu mempunyai maklumat dan kesedaran yang betul tentang KSR iaitu yang dapat membantu mereka dalam membuat pertimbangan yang bijak dan bertanggungjawab berkenaan tingkah laku seksual mereka. Di antara langkah-langkah yang mungkin boleh dilaksanakan untuk mengurangkan jurang pencarian maklumat KSR ini ialah melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan berkaitan KSR yang berkesan serta dimulakan di peringkat awal remaja lagi (Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - UNICEF, 2010).

Bagi responden yang pernah mencari maklumat KSR, jenis maklumat utama yang dicari ialah berkaitan dengan langkah-langkah penjagaan kesihatan diri, cara jangkitan penyakit berkaitan dengan KSR serta langkah-langkah pencegahan. Manakala, sebab utama mencari maklumat KSR ialah untuk meningkatkan pengetahuan diri dan sebagai persediaan menghadapi alam dewasa. Penemuan kajian dewasa ini menunjukkan bahawa kepelbagaian jenis maklumat KSR yang dicari merupakan satu keperluan yang berguna dalam konteks perancangan aktiviti promosi kesihatan berkaitan KSR dengan penekanan kepada merangka mesej-mesej spesifik berkaitan KSR supaya ia mudah difahami dan diterima oleh golongan remaja (WHO, 2013b).

Penemuan kajian menunjukkan bahawa sumber-sumber utama maklumat KSR yang sangat kerap digunakan iaitu melalui internet, rakan sebaya dan media cetak. Dapatan kajian ini selari dengan indeks belia Malaysia yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) (2015) yang mendapati bahawa purata seseorang remaja melayari internet sehari ialah di antara 3 hingga 4 jam sehari berbanding 1 hingga 2 jam membaca suratkhbar. Dapatan kajian ini juga selari dengan penemuan kajian Rahman *et. al.*, (2011) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kelantan yang mendapati bahawa sumber utama untuk mendapatkan maklumat KSR ialah melalui rakan serta kajian LPPKN (2014) dalam kalangan remaja di Sarawak mengenai aspek faktor pelindung dan tingkah laku berisiko mendapati bahawa sumber utama maklumat KSR ialah kawan-kawan dan rakan sebaya.

Penemuan kajian ini juga selari dengan dapatan Tinjauan Kesihatan Seksual dan Reproduksi Belia Malaysia (Durex, 2016), terutamanya yang mendapati internet sebagai salah satu sumber utama maklumat KSR. Selain itu, sebab-sebab pemilihan internet sebagai sumber utama maklumat KSR mungkin boleh dilihat dalam kajian Ghazali & Omar (2015) berkaitan aspek motivasi dan pencarian maklumat dalam kalangan belia Malaysia yang mendapati penggunaan peranti-peranti seperti telefon pintar, komputer riba dan i-pad yang akses kepada saluran internet menjadi pilihan utama disebabkan kaedah penggunaannya yang mudah, sistem yang mudah difahami, mudah mendapatkan capaian bahan maklumat dan boleh berinteraksi. Penemuan kajian dewasa ini yang menunjukkan kepelbagaian sumber-sumber maklumat KSR ini adalah selaras dengan strategi promosi KSR yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia khusus kepada golongan remaja seperti program pendidik rakan sebaya yang dikenali sebagai PROSTAR atau Program Doktor Muda, perkhidmatan maklumat kesihatan dalam talian (Infosihat KKM) dan penerbitan risalah berkaitan KSR (KKM, 2005).

Penemuan kajian menunjukkan responden memilih personel kesihatan sebagai sumber yang sangat diyakini, diikuti oleh guru sekolah dan internet. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mokhtar *et. al.*, (2009) berkaitan pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan remaja di Singapura yang lebih yakin kepada personel kesihatan seperti doktor dalam aspek mendapatkan maklumat penyakit atau masalah kesihatan yang mereka hadapi walaupun mereka sendiri dapat mencari maklumat tersebut menggunakan saluran lain seperti internet. Walaupun penemuan kajian dewasa ini mendapati bahawa sumber-sumber maklumat berkaitan KSR yang paling diyakini seperti personel kesihatan dan guru sekolah adalah sumber KSR yang sah sebagaimana yang disarankan dalam program-program promosi kesihatan berkaitan KSR (WHO, 2009) tetapi pilihan berkaitan internet perlu dilihat secara berhati-hati kerana tidak semua maklumat berkaitan KSR dalam internet adalah sah, mencukupi dan sesuai dengan peringkat umur seseorang remaja dalam mendidik mereka berkaitan KSR (Rosen *et. al.*, 2017; Kanuga & Rosenfeld, 2004).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian dewasa ini mendapati sumber-sumber maklumat KSR seperti ibubapa, adik-beradik dan guru agama dilaporkan

sebagai tidak pernah digunakan dan yang sangat tidak diyakini. Namun, kajian menunjukkan peranan ibubapa dan adik-beradik dalam proses komunikasi dalam sesebuah keluarga berkaitan KSR amatlah penting (Khalaf *et. al.*, 2013). Ini disebabkan Teori Proses Keluarga (Family process theory) menekankan pentingnya hubungan komunikasi yang terbuka sesama ahli dalam sesebuah keluarga khususnya dalam membincangkan isu-isu seperti KSR (Whitaker & Miller, 2000). Di samping itu, kajian Abu Bakar Ah *et. al.*, (2012) mengenai program pencegahan berasaskan keibubapaan untuk bertindakbalas dengan masalah-masalah berkaitan KSR dalam kalangan remaja mencadangkan pentingnya elemen-elemen seperti strategi komunikasi dalam penyaluran maklumat KSR yang positif serta berkesan di antara ibubapa-remaja serta penerapan nilai-nilai kerohanian dimasukkan dalam program promosi KSR.

Perlu dinyatakan disini, disebabkan kajian ini meneroka tingkah laku responden dalam konteks hubungannya dengan KSR, terdapat kemungkinannya responden tidak menjawab soalan soal-selidik dengan jujur kerana faktor bias seperti *social desirability* (Podsakoff *et. al.*, 2003), iaitu merujuk kepada kecenderungan responden untuk memberikan jawapan yang hanya sesuai dengan norma dan penerimaan sosial mereka sahaja. Walaupun langkah-langkah untuk mengurangkannya dilakukan dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang telah diterangkan dalam metod kajian ini. Ini disebabkan penyelidikan berkaitan tingkah laku seksual dianggap sensitif dalam konteks masyarakat Malaysia disebabkan isu-isu seperti hubungan seks luar nikah dilihat sebagai bertentangan dengan kehendak budaya dan agama sesebuah masyarakat serta terdapat kemungkinan individu-individu yang terpilih sebagai responden tidak mendedahkan pengalaman sebenar mereka dalam isu-isu hubungan seks luar nikah tersebut (Wong, 2012). Adalah disarankan kajian-kajian di masa hadapan mencari kaedah yang lebih baik bagi mengurangkan masalah ini.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, remaja Sarawak lebih memilih internet, rakan sebaya dan media cetak sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan KSR berbanding dengan sumber-sumber lain. Manakala personel kesihatan adalah sumber maklumat yang paling diyakini selain guru sekolah dan internet. Didapati sumber maklumat KSR seperti ibubapa, adik-beradik dan guru agama dilaporkan sebagai tidak pernah digunakan dan yang sangat tidak diyakini. Penemuan kajian ini mencadangkan keperluan untuk melihat potensi bagi setiap sumber-sumber maklumat KSR yang menjadi pilihan dalam konteks membangunkan strategi promosi kesihatan berkaitan KSR yang berkesan kepada golongan remaja di Sarawak.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia kerana memberi keizinan untuk menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

- Abu Bakar Ah, S. H., Omar, N., Mohd Azam, S. B., Azman, Z. (2013). Program pencegahan berasas keibubapaan untuk bertindakbalas dengan masalah hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *The Malaysia Journal of Social Administration*, 9(1), 1-28
- Awaluddin, S. M., Ahmad, N. A., Saleh, N. M., Aris, T., Kasim, N. M., Muhamad Sapri, N. A., Nik Abdul Rashid, N. (2015). Prevalence of sexual activity in older Malaysian adolescents and associated factors. *Journal of Public Health Aspects*, 2.
- Bandura, A. (2004). Health promotion by social cognitive means. *Health Education & Behavior*, 31, 143-164.
- Bleakley, A., Hennessy, M., Fishbein, M., Coles Jr, H. C., & Jordan, A. (2009). *How sources of sexual information relate to adolescents' belief about sex. Am J Health Behav.*, 33(1), 37-48.
- Blum, R. W., Bastos, F. I., Kabiru, C. W., Le, L. C. (2012). *Adolescent health in the 21st century. Lancet*, 379, 1567-1568.
- Coleman, L. M. (2008). Sexual health knowledge, attitudes and behaviours: variations among a religiously diverse sample of young people in London, UK. *Ethnicity & Health*, 13 (1).
- Cleland, J., Ingham, J., & Stone, R. (2005). *World Health Organisation*. Retrieved www.who.int/reproductivehealth/topics/adolescence/questionnaire/en/
- Dervin, B. (1992). *From the mind's eye of the user: The sense-making qualitative-quantitative methodology*. In Glazier, J. and Powell, R. R. *Qualitative research in information management*(p. 61-84). Englewood, CA: Libraries Unlimited
- Durex Malaysia. (2016). *Kajian kesihatan seksual dan reproduktif belia Malaysia*. Retrieved www.durex.com.my
- Ghazali, A. H. A. & Omar, S. Z. (2015). Motivation in information searching through "mobile news" by Malaysian youth. *Journalism and Mass Communication*. Vol 5 (6), 263-269.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM 2015)*. Putrajaya.
- Kamrani, M. A., Sharifah-Zainiyah, S. Y., & Ahmad, Z. (2011). Source of information on sexual and reproductive health among secondary schools' girls in the Klang valley. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 11(1), 29-35.
- Kanuga, M., Rosenfeld, W. D. (2004). Adolescent sexuality and the internet: the good, the bad, and the URL. *Journal of Pediatric & Adolescent Gynecology*. 17 (2), 117-124.

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2005). *Garis panduan pelaksanaan perkhidmatan kesihatan remaja di peringkat kesihatan primer*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2007). *National Adolescent Health Plan of Action 2006 - 2020*. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2010). *Country Health Plan 10th Malaysia Plan 2011-2015*. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2011). *National strategic plan on HIV and AIDS 2011-2015*. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2013). *National Health and Morbidity Survey Report*. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2017). *Adolescent Health Survey Report*. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia.
- Khalaf, Z. F., Low, W. Y., Khoei, E. M., Ghorbani B. (2013). Sexuality education in Malaysia: Perceived issues and barriers by professionals. *Asia-Pacific Journal of Public Health*. 1-9
- Ki-Moon, B. (2016). *Sustainability-engaging future generations now*. The Lancet. May 2016
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2014). *Kajian faktor risiko dan pelindung terhadap kesihatan reproduktif dan seksual remaja di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2016). *Fifth Malaysian Population and Family Survey (MPFS-5) 2014*. Kuala Lumpur.
- Mohd-Nor, R., Chapun, T. E., Justin Wah, C. R. (2013). Malaysian rural community as consumer of health information and their use of ICT. *Jurnal Komunikasi*. 29 (1), 1 - 27
- Mokhtar, I. A., Goh, J. E., Li, K. J., Tham, C. X. (2009). Medical and health information seeking among Singapore Youths: An exploratory study. *Singapore Journal of Library & Information Management*. 38. 49 - 75
- Naing L., Winn, T. & Rusli, B. N. (2006). *Sample Size Calculator for Prevalence Studies*. Retrieved http://www.kck.usm.my/ppsg/stats_resources.htm
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2007). Sexual and reproductive health of adolescents and youth in Malaysia. *A review of literature and projects 2005*. Retrieved <http://www.who.int>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2009). *Promoting adolescent sexual and reproductive health through schools in low income countries: an information brief*. Retrieved http://whqlibdoc.who.int/hq/2009/WHO_FCH_CAH_ADH_09.03_eng.pdf

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2012). *Health education: theoretical concepts, effective strategies and core components*. Cairo: World Health Organization.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2013a). *Global Health Observatory*. Retrieved World Health Organization: <http://www.who.int/gho/hiv/en/index.html>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). 2013b. *Health of Adolescents in Malaysia*. World Health Organization Western Pacific Region. Retrieved <http://www.wpro.who.int>
- Podsakoff, P. M., Mackenzie, S. B., Lee, J.-Y., & Podsakoff, N. P. (2003). Common Method Biases in Behavioral Research: A Critical Review of the Literature and Recommended Remedies. *Journal of Applied Psychology*, 88(5), 879-903.
- Rahim, S. A., & Herman, I. (1996). *Remaja dan AIDS. Media, Nilai, Personaliti, dan Tingkah Laku*. Kementerian Kesihatan Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim, S. A., & Pawanteh, L. (2001). *Penilaian intervensi sosial PROSTAR terhadap kesedaran AIDS di kalangan remaja*. Ministry of Health Malaysia and Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, A. R. A., Ibrahim, M. I., Ali, S. H., Salleh, H., & Wan Muda, W. (2015). Factors associated with attitude toward premarital sexual activities among school-going adolescents in Kelantan, Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 27(2).
- Rosen, A. J., Rosen, F. T., Tinnemann, P., Muller-Riemenschneider, F. (2017). Sexual health and the internet: cross-sectional study of online preference among adolescents. *Journal of Medical Internet Research*. 19(11).
- Talib, J., Mamat, M., Ibrahim, M., & Mohamad, Z. (2012). Analysis on sex education in schools across Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 59, 340-348.
- UNICEF. (2010). *Malaysia's MDG 2010 report underlines growing inequalities despite national progress*. Retrieved <http://www.unicef.int>.
- Whitetaker, D., & Miller, K. (2000). Parent-adolescent discussions about sex and condoms: impact on peer influences of sexual risk behavior. *Journal of Adolescent Research*, 15, 251-273.
- Wilson, T. D. (1999). Model in information behaviour research. *Journal of Documentation* 55(3): 249-270
- Wong, L. P. (2012). An exploration of knowledge, attitudes and behaviours of young multiethnic Muslim-majority society in Malaysia in relation to reproductive and premarital sexual practices. *BMC Public Health*, 12, 865.

- Zarcadoolas, C., Pleasant, A., & Greer, D. S. (2003). Elaborating a definition of health literacy: A commentary. *Journal of Health Communication*, 8(1), 119-120.
- Zhang, L., Li, X., & Shah, I. H. (2007). Where do Chinese adolescents obtain knowledge of sex? Implications for sex education in China. *Health Education*, 107(4), 351-363.

Profil Penulis:

Albeny Joslyn Panting

*Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Rumah Sakit Bangsar
50590 Kuala Lumpur.
albeny@moh.gov.my*

Haslinda Abdullah

*Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
lynn@upm.edu.my*

Ismi Arif Ismail

*Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
ismi@upm.edu.my*

Samsilah Roslan

*Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
samsilah@upm.edu.my*

EFIKASI KENDIRI DAN KECENDERUNGAN TINGKAH LAKU PROSOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA DI SELANGOR

NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM, AZLINA MOHD KHIR
& NOBAYA AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa di Selangor. Objektif khusus kajian ini adalah untuk i) memperihalkan sosio demografi responden; ii) mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan kecenderungan tingkah laku prososial responden dan iii) menentukan perbezaan efikasi sendiri dan kecenderungan tingkah laku prososial berdasarkan gender. Seramai 464 responden yang terdiri daripada mahasiswa universiti awam di Selangor terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih melalui kaedah persampelan rawak berkelompok. Data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden. General Self-Efficacy Scale telah digunakan untuk mengukur tahap efikasi sendiri, manakala Prosocial Tendencies Measure digunakan bagi mengukur tahap kecenderungan tingkah laku prososial. Kedua-dua alat ukuran ini mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's alpha 0.855 dan 0.871. Analisis statistik yang digunakan adalah analisis deskriptif dan Ujian-t. Hasil kajian menunjukkan tahap efikasi sendiri responden berada pada tahap yang tinggi manakala tahap kecenderungan tingkah laku prososial responden berada pada tahap yang sederhana. Kajian mendapati dimensi utama kecenderungan tingkah laku prososial responden adalah anonymous dan diikuti dimensi mematuhi, mengerikan, emosi, altruistik dan orang ramai. Kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi sendiri antara lelaki dan perempuan. Manakala, kecenderungan tingkah laku prososial bagi dimensi altruistik mempunyai perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan ($t = 3.20$ $p < 0.05$). Mahasiswa lelaki mempunyai tahap kecenderungan tingkah laku prososial altruistik yang lebih tinggi berbanding perempuan. Kesimpulannya, tingkah laku prososial perlu dipupuk dalam kalangan mahasiswa agar dapat membangunkan sebuah masyarakat yang sentiasa berani dan mempunyai sifat sukarela dalam membantu individu-individu yang berada dalam kesusahan.

Kata Kunci: *Efikasi Kendiri, Kecenderungan Tingkah Laku Prososial, Mahasiswa*

ABSTRACT

This study aims to identify the level of self efficacy and tendency of prosocial behavior among university students in Selangor. The main objectives of this study are to: i) describe the respondent's socio-demographic; ii) to identify the level of self-efficacy and the tendency of respondent's prosocial behavior and iii) to determine the differences in self efficacy and tendency of prosocial behavior based on gender. A total of 464 respondents from public university students in Selangor were involved

in this study. Respondents were selected through group random sampling method. Data were collected using questionnaires administered by respondents. General Self-Efficacy Scale were used in measuring the level of self-efficacy, while Prosocial Tendencies Measure were used to measure the extent of prosocial behavior tendencies. Both instruments have the reliability coefficients of Cronbach's alpha 0.855 and 0.871. The statistical analysis used were descriptive analysis and t-test. The results showed that the level of self-efficacy of respondents was high, while the level of respondents' behavioral tendency was moderate. This study found that the main dimensions of respondent's prosocial behavior trends were anonymous and followed by dimensions of compliant, dire, emotion, altruistic and the public. Studies show that there is no significant difference in self-efficacy between men and women. Meanwhile, the tendency for prosocial behavior for altruistic dimensions has a significant difference between males and females ($t = 3.20$ $p < 0.05$). The male students have higher level of altruistic prosocial behavior than female students. In conclusion, prosocial behavior should be nurtured among students to develop a courageous and voluntary society in assisting individuals in distress.

Keyword: *Self- Efficacy, Tendency of Prosocial Behavior, Students*

PENGENALAN

Statistik bilangan belia telah meningkat dengan pesat dan mencapai hampir separuh daripada jumlah penduduk negara ini. Terdapat kira-kira 11,977,100 rakyat Malaysia berada dalam kategori belia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Berdasarkan jumlah populasi belia yang besar ini, kerajaan Malaysia telah meletakkan pembangunan belia sebagai keutamaan dan menyalurkan peruntukan yang besar untuk melaksanakan program-program pembangunan belia. Kemunculan konsep Generasi Y adalah salah satu daripada isu-isu yang sedang dibincangkan dalam kajian-kajian belia. Konsep Generasi Y telah biasa digunakan di negara-negara barat tetapi ia tidak dikaji secara meluas oleh para ilmuwan tempatan dan tidak dibincangkan oleh banyak agensi pembangunan belia di Malaysia (George & Lee, 2011). Generasi belia khususnya golongan mahasiswa pada hari ini merupakan modal insan dan entiti yang penting dalam pembentukan masa hadapan sesebuah negara dan institusi masyarakat. Mahasiswa juga merupakan aset dominan yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Justeru, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam menyediakan negara dengan modal insan yang berkualiti serta memiliki sahsiah terpuji, mempunyai kemahiran yang tinggi dan mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mengisi arus pemodenan menuju Wawasan 2020 (KPM, 2012). Bagi menghasilkan anjakan pencapaian seperti yang dihasratkan, manfaat kemajuan negara perlu disebarkan secara lebih menyeluruh, terutamanya kepada kumpulan belia khususnya pelajar sekolah dan mahasiswa bagi menjamin hasil yang berkualiti.

Untuk merealisasikan pencapaian yang diharapkan ini, golongan mahasiswa harus mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dan bertingkah laku prososial untuk

bersiap sedia membentuk pentadbiran negara pada masa hadapan. Efikasi sendiri merujuk kepada satu bentuk kepercayaan seseorang terhadap kebolehan diri untuk menggerakkan sumber kognitif, motivasi diri dengan cara yang dianggap paling sesuai dengan kehendak tugas. Menurut Ma'arof (2001) efikasi sendiri adalah persepsi oleh manusia mengenai keupayaannya sendiri untuk melakukan sesuatu dengan cekap dan berjaya dalam mengatasi semua masalah yang hadir dalam hidup. Manakala, tingkah laku prososial adalah suatu perbuatan menolong, memberi dan mengambil berat yang dilakukan oleh seseorang tanpa ada rasa terpaksa dan bukan kerana ada kepentingan untuk diri mereka sendiri (Ma'arof, 2001). Kepentingan tingkah laku prososial dan motivasi psikologi telah menjadi tarikan dan dikenal pasti menjadi faktor utama untuk mengharmonikan hubungan antara individu atau hubungan dalam sesuatu kumpulan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa.

SOROTAN LITERATUR

Secara saintifiknya, efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan individu memilih kemampuan dirinya untuk mencapai tujuan yang tertentu. Menurut Wright, Jenkins-guarnieri, dan Murdock (2012) efikasi sendiri sebagai satu set kepercayaan individu mengenai keupayaan mereka bagi melaksanakan tugas yang diberikan serta kemahiran seseorang itu untuk berjaya melaksanakan tugasannya. Kenyataan ini membawa maksud persepsi diri kita terhadap tahap kebolehan diri untuk melakukan sesuatu perkara bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Jika kita percaya bahawa diri kita boleh melakukan perkara atau aktiviti tersebut, ia akan membawa kepada peningkatan terhadap tahap efikasi sendiri kita manakala jika tidak, keadaan ini akan menjejaskan tahap efikasi sendiri kita. Prinsip asas teori efikasi sendiri adalah pencapaian dan motivasi individu yang ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri (Bandura, 1986). Individu akan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang mereka mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding dengan aktiviti lain (Van der Bill & Shortridge-Baggett, 2002). Dalam kajian oleh Caroli dan Sagone (2013) mendapati bahawa belia yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi mempunyai kecekapan dalam berempati, menyelesaikan masalah dan bertingkah laku prososial dalam keadaan yang kritikal.

Perbuatan membantu individu lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran serta berkemungkinan bagi orang yang membantu itu akan menghadapi risiko yang tinggi merujuk kepada tingkah laku prososial (Baron & Byrne, 2003). Tingkah laku prososial juga berkait rapat dengan altruisme iaitu mengambil berat mengenai kebajikan orang lain dengan niat yang ikhlas dan memenuhi keperluan orang lain tanpa mengharapkan sebarang bentuk balasan daripada tindakannya itu (Taylor *et. al.*, 2009). Tingkah laku prososial boleh terjadi kerana sikap bertanggungjawab serta tahap moral yang tinggi yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup orang yang menerima bantuan. Beberapa jenis tingkah laku prososial berlaku dalam konteks yang berbeza, seperti semasa keadaan kecemasan,

dalam keadaan mengerikan atau keadaan yang melibatkan emosi. Ia juga boleh menjadi hasil daripada keinginan yang membawa kepada tingkah laku prososial individu tersebut. Tambahan pula, jenis tingkah laku prososial mungkin berbeza mengikut umur dan jantina lelaki dan perempuan (Eisenberg *et. al.*, 2006; Fabes *et. al.*, 1999). Dalam kajian Siti Hawa (2002) menunjukkan lebih ramai golongan muda yang terdiri daripada pelajar sekolah, kolej dan universiti terlibat dengan aktiviti sukarela terutamanya dalam khidmat masyarakat dan penglibatan secara tidak langsung dapat memupuk tingkah laku prososial serta mereka akan mempunyai kesedaran untuk menghulurkan bantuan kepada individu yang memerlukan.

METODOLOGI

Subjek dan Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan 464 orang mahasiswa Universiti Awam yang terletak di Selangor, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Saiz populasi ialah seramai 114,230 orang mahasiswa menurut statistik yang diperolehi daripada Unit Pengurusan Data, Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelaras Dasar, Kementerian Pendidikan Tinggi. Berpandukan kepada Krejcie dan Morgan (1970), apabila saiz populasi belia adalah 114,230 orang, maka saiz sampel yang perlu diambil adalah sebanyak 464. Pemilihan responden bagi kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok. Responden dipilih secara rawak berdasarkan jumlah dan kelompok fakulti di empat buah Universiti Awam yang terlibat dalam kajian ini.

Instrumen dan Prosedur

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga (3) bahagian iaitu 1) Maklumat Latar Belakang Responden, 2) *General Self-Efficacy Scale* oleh Matthias Jerusalem dan Ralf Schwarzer (1995) dan 3) *Prosocial Tendencies Measure* oleh Carlo dan Randall (2002). Kedua-dua instrumen ini mempunyai nilai Alpha Cronbach's 0.855 dan 0.871. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri. Dalam bahagian maklumat latar belakang responden mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, umur, status perkahwinan, tempat tinggal, tahap pendidikan semasa dan PNGK. Efikasi sendiri diukur dengan menggunakan instrumen *General Self-Efficacy Scale* dan terdapat 10 soalan di dalam alat ukur ini yang menggunakan 4 skala likert bermula dengan skala 1 (sangat setuju) sehingga skala 4 (sangat tidak setuju). Bagi mengukur kecenderungan tingkah laku prososial pula, pengkaji menggunakan instrumen *Prosocial Tendencies Measure* yang mengandungi 23 item dan mewakili 6 dimensi iaitu Altruistik, Mematuhi, Emosi, Mengerikan, Orang Ramai dan Anonymous. Jadual 1 di bawah menunjukkan nombor soalan dan jumlah item mengikut dimensi *Prosocial Tendencies Measure*.

Jadual 1 : Prosocial Tendencies Measure

Dimensi	No Soalan	Jumlah Item
Altruistik	4, 10, 16, 20, 23	5
Mematuhi	7, 18	2
Emosi	2, 12, 17, 21	4
Mengerikan	6, 9, 14	3
Orang ramai	1, 3, 5, 13	4
Anonymous	8, 11, 15, 19, 22	5

Penyelidik menggunakan skala likert 1 hingga 5 untuk nilai jawapan bagi setiap soalan yang dikemukakan. Responden perlu memilih jawapan berdasarkan kecenderungan dalam dirinya terhadap soalan-soalan tersebut. Skala yang digunakan adalah seperti berikut :

- 1 = Tidak menggambarkan diri saya langsung
- 2 = Terdapat sedikit persamaan dengan diri saya
- 3 = Sedikit sebanyak menggambarkan diri saya
- 4 = Banyak persamaan dengan diri saya
- 5 = Menggambarkan diri saya dengan tepat

Analisis Data

Kesemua data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for the Social Science* (SPSS 21). Ujian statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Menurut Mohd Majid (2009) penganalisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat. Hasil kajian telah dianalisa dalam bentuk min, medium dan peratusan. Ujian-t digunakan untuk membanding pembolehubah berdasarkan gender responden.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Deskriptif

Latar belakang responden

Jadual 2 membentangkan maklumat demografi responden yang meliputi jantina, umur, status perkahwinan dan tempat tinggal. Jumlah responden lelaki adalah seramai 232 orang (50%), manakala jumlah responden perempuan adalah 232 orang (50%). Responden kajian ini terdiri daripada mahasiswa yang berusia dalam lingkungan 19 sehingga 28 tahun. Majoriti responden berumur antara 19 tahun hingga 23 tahun (72.2%), manakala selebihnya (27.8%) berumur dalam lingkungan 24 hingga 28 tahun. Nilai min bagi umur responden adalah 22.50 (S.P. = 1.73).

Jadual 2 : Latar Belakang Responden

Pembolehubah	n	(%)
Jantina		
Lelaki	232	(50)
Perempuan	232	(50)
Umur		
19 - 23	335	(72.2)
24 - 28	129	(27.8)
Min = 22.50		
Sisihan Piawaian = 1.73		
Status perkahwinan		
Bujang	413	(89.0)
Berkahwin	51	(11.0)
Tempat tinggal		
Bandar	285	(61.4)
Luar bandar	179	(38.6)

Mengenai status perkahwinan mahasiswa, hampir keseluruhan responden (89.0%) masih bujang, manakala, seramai 51 orang responden (11.0%) yang sudah berkahwin. Seterusnya mengenai lokasi tempat tinggal, seramai 285 orang (61.4%) responden menetap di bandar dan yang menetap di luar bandar adalah seramai 179 orang (38.6%).

Analisis Inferensi

Tahap Efikasi Kendiri dalam kalangan Mahasiswa di Selangor

Efikasi kendiri diukur dengan menggunakan *General Self-Efficacy Scale* oleh Matthias Jerusalem dan Ralf Schwarzer (1995). Berdasarkan hasil analisis kajian dalam Jadual 3, didapati bahawa efikasi kendiri responden berada pada skor tahap tinggi (56.7%), diikuti tahap sederhana (42.7%) dan tahap rendah iaitu (0.6%). Secara keseluruhan nilai purata efikasi kendiri responden adalah 30.67 (S.P. = 4.71). Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri responden berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden percaya akan kemampuan diri mereka dan mempunyai keyakinan untuk melakukan tindakan yang sepatutnya untuk mencapai sesuatu matlamat (Bandura, Adams, Hardy & Howelss, 1980).

Hasil kajian ini dapat dikaitkan dengan kajian oleh Caroli dan Sagone (2013) yang mendapati bahawa belia yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi mempunyai kecekapan dalam berempati, menyelesaikan masalah dan bertingkah laku prososial dalam keadaan yang kritikal. Selain itu, efikasi kendiri dibuktikan boleh menjadi peramal yang dapat meningkatkan tahap kendiri dalam mencapai sesuatu matlamat individu tersebut. Menurut Bandura, individu yang

percaya mereka tidak yakin dalam menghadapi masalah dalam persekitaran mereka akan cenderung untuk tidak membenarkan potensi diri mereka meningkat dan keadaan ini akan menyukarkan mereka untuk bertingkah laku prososial pada masa akan datang.

Jadual 3 : Efikasi Kendiri dalam kalangan Mahasiswa di Selangor

Tahap	n	%	Purata	S.P	Min	Mak
Rendah (10-20)	3	0.6	30.67	4.71	18.00	40.00
Sederhana (21-29)	198	42.7				
Tinggi (30-40)	263	56.7				
Total	464	100.0				

Dimensi Kecenderungan Tingkah Laku Prososial

Berdasarkan instrumen kajian yang digunakan iaitu *Prosocial Tendencies Measure* yang dibina oleh Carlo dan Randall (2002), terdapat enam (6) dimensi kecenderungan tingkah laku prososial yang boleh diukur iaitu dimensi altruistik, mematuhi, emosi, mengerikan, orang ramai dan anonymous. Jadual 4, memaparkan hasil analisis enam dimensi kecenderungan tingkah laku prososial yang mempunyai nilai min pemberat serta sisihan piawai yang berbeza.

Jadual 4 : Dimensi Kecenderungan Tingkah Laku Prososial

Dimensi	Min	Sisihan Piawaian
Anonymous	3.55	3.98
Mematuhi	3.47	1.75
Mengerikan	3.31	2.41
Emosi	3.31	3.20
Altruistik	2.51	4.31
Orang ramai	2.38	3.81

Dimensi *anonymous* mempunyai nilai min pemberat yang tertinggi iaitu 3.55 (S.P. = 3.98), diikuti dengan dimensi mematuhi (min = 3.47; S.P.= 1.75), dimensi mengerikan (min = 3.31; S.P.= 2.41) dan seterusnya dimensi emosi (min = 3.31; S.P.= 3.20) Hasil kajian mendapati keempat-empat dimensi ini mempunyai nilai min melebihi 3 yang menunjukkan responden memiliki kecenderungan yang sederhana untuk melakukan tingkah laku prososial dalam keadaan atau situasi yang mereka bakal hadapi. Dua dimensi yang mempunyai skala markah terendah adalah dimensi altruistik (min = 2.51; S.P.= 4.31) dan dimensi orang ramai (min = 2.38; S.P.= 3.81). Melalui hasil analisis yang tertera dalam jadual menunjukkan bahawa mahasiswa kurang kecenderungan tingkah laku prososial dalam dua (2) dimensi tersebut.

Tahap Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor

Hasil analisis kajian dalam Jadual 5 menunjukkan majoriti responden (73.3%) mempunyai skor tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang sederhana dengan nilai purata 69.81 (S.P. = 12.987), diikuti dengan skor tahap rendah (13.6%) dan tahap tinggi (13.1%). Hasil daripada kajian ini menunjukkan responden yang berada pada tahap yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku prososial, manakala responden yang berada pada tahap yang rendah menunjukkan responden kurang kecenderungan untuk melakukan tingkah laku prososial.

Jadual 5 : Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor

Tahap	n	%	Purata	S.P	Min	Mak
Rendah (23-54)	340	13.6	69.81	12.987	33.00	110.00
Sederhana (55-72)	61	73.3				
Tinggi (73-115)	63	13.1				
Total	464	100.0				

Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Carlo & Randall (2002) yang menunjukkan tahap tingkah laku prososial yang tinggi akan menjadikan individu tersebut menjadi lebih bertanggungjawab dan bersimpati kepada individu yang memerlukan bantuan.

Perbezaan Efikasi Kendiri dan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Perbezaan Efikasi Kendiri dalam kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Jadual 6 memaparkan hasil ujian-t yang telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan efikasi kendiri mahasiswa berdasarkan gender menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan. Hasil kajian ini disokong oleh Abd-Elmotaieb & Saha (2013) yang mendapati bahawa efikasi kendiri mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan gender.

Jadual 6 : Perbezaan Efikasi Kendiri dalam Kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Efikasi Kendiri	Min	S.P	t(dk)	Signifikan, P
Altruistik				
Lelaki	30.65	4.63	- 0.069 (462)	0.825
Perempuan	30.6	4.79		

Perbezaan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Analisis ujian-t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan enam (6) dimensi kecenderungan tingkah laku prososial iaitu altruistik, mematuhi, emosi, mengerikan, orang ramai dan *anonymous* dalam kalangan mahasiswa berdasarkan gender. Berdasarkan Jadual 7, hasil analisis daripada ujian-t yang digunakan mendapati nilai bagi kecenderungan tingkah laku prososial altruistik mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan gender (Purata lelaki = 13.22, S.P. lelaki = 4.31 ; Purata perempuan = 11.96, S.P. perempuan = 4.21 ; $t(462) = 3.20$, $p = 0.00$). Dalam kajian meta-analitik oleh Eagly dan Crowley (1986) mengenai perbezaan tingkah laku prososial berdasarkan jantina mendapati bahawa lelaki secara keseluruhan lebih cenderung untuk membantu daripada perempuan dan perempuan mendapat lebih banyak bantuan daripada lelaki.

Jadual 7: Perbezaan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial (Altruistik, Mematuhi, Emosi, Mengerikan, Orang Ramai dan *Anonymous*) dalam Kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Kecenderungan Tingkah Laku Prososial	Min	S.P	t(dk)	Signifikan, P
Altruistik				
Lelaki	13.22	4.31	3.20(462)	0.001*
Perempuan	11.96	4.21		
Mematuhi				
Lelaki	7.03	1.81	1.01(462)	0.314
Perempuan	6.87	1.68		
Emosi				
Lelaki	13.30	3.15	0.43(462)	0.671
Perempuan	13.18	3.18		
Mengerikan				
Lelaki	10.07	2.32	1.21(462)	0.226
Perempuan	9.80	2.50		
Orang Ramai				
Lelaki	9.86	3.93	1.91(462)	0.057
Perempuan	9.19	3.66		
Anonymous				
Lelaki	17.77	3.91	-0.13(462)	0.898
Perempuan	17.20	4.05		

Nota : * $p < 0.05$; ** $p < 0.01$

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa mahasiswa yang dikaji mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi kerana pada peringkat ini mereka sudah pun mempunyai kepekaan mengenai kemampuan diri mereka untuk melakukan tingkah laku mengikut norma masyarakat dan tidak menggunakan kemahiran yang ada pada diri dengan melakukan perkara yang negatif. Selain itu, tahap kecenderungan tingkah laku prososial mahasiswa berada pada tahap yang sederhana dan mendapati dimensi utama kecenderungan tingkah laku prososial mereka adalah anonymous. Ini mungkin berlaku kerana mereka lebih selesa membantu dalam keadaan yang tidak dikenali dan tidak mengharapkan sebarang bentuk ganjaran daripada individu yang dibantu. Secara keseluruhannya, golongan belia khususnya mahasiswa di Malaysia dilihat mempunyai nilai altruistik yang membolehkan mereka bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian. Tahap tingkah laku prososial belia ini boleh dipertingkatkan lagi dengan mewujudkan pelbagai saluran bagi mereka melibatkan diri menjadi sukarelawan, seperti contoh iM4U yang ditubuhkan bagi para belia menonjolkan potensi dan kemahiran yang boleh disumbangkan kepada masyarakat. Justeru penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarela memainkan peranan yang sangat penting dan ia menjadi motivasi untuk menjadi seorang model insan yang terbaik. Sebagai seorang mahasiswa yang penuh dengan ilmu dan kemahiran, mereka perlu mengaplikasikan ilmu tersebut kepada masyarakat kerana mereka yang akan mencorakkan tampuk kepimpinan negara kelak dan harus sedar akan harapan yang disandarkan kepada mereka.

RUJUKAN

- Abd-Elmoteleb, M. & Saha, S. K. (2013). The Role of Academic Self-Efficacy as a Mediator Variable between Perceived Academic Climate and Academic Performance. *Journal of Education and Learning*, 2(3), 117–129.
- Azizi, A. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84, 191-205.
- Bandura, A., Adams, N. E., Hardy, A. B., & Howells, G. N. (1980). Tests of the generality of self-efficacy theory. *Cognitive Therapy and Research*, 4, 39-66.
- Bihm, E., Gaudet, I., & Sale, O. (1979). Altruistic responses under conditions of anonymity. *The Journal of Social Psychology*, 109(1), 25-30.
- Boice, K., & Goldman, M. (1981). Helping behavior as affected by type of request and identity of caller. *The Journal of Social Psychology*, 115(1), 95-101.
- Carlo, G. and A. Randall, B. (2002). The Development of a Measure of Prosocial Behaviors for Late Adolescents, *Journal of Youth and Adolescence* pp.31-44.

- Carlo, G., Hausmann, A., Christiansen, S., & Randall, B. A. (2003). Sociocognitive and behavioral correlates of a measure of prosocial tendencies for adolescents. *The Journal of Early Adolescence*, 23(1), 107-134.
- Caroli, M. & Sagone, E. (2013). Self-efficacy and Prosocial Tendencies in Italian Adolescents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 92, pp.239-245.
- Eagly, A. H., & Crowley, M. (1986). Gender and helping behavior: A meta-analytic review of the social psychological literature. *Psychological bulletin*, 100(3), 283.
- Einolf, C. J. (2001). Gender Differences in the Correlates of Volunteering and Charitable Giving. *Nonprofit and Volunteering Quarterly*, 40, 1092-1114.
- Eisenberg, N., Fabes, R. A., & Spinrad, T. L. (2006). Prosocial development. In: Eisenberg N, Damon W, editors. *Handbook of child psychology*. Vol. 3. Social, emotional, and personaliy development. 6th edition Wiley; New York: 2006. (pp. 646-718).
- Erdle, S., Sansom, M., Cole, M. R. & Heapy, N. (1992). Sex differences in personality correlates of helping behaviour. *Individual Differences*, 13, 931-936.
- Fabes, R. A., Carlo, G., Kupanoff, K., & Laible, D. (1999). Early adolescence and prosocial/moral behavior I: The role of individual processes. *The Journal of Early Adolescence*, 19(1), 5-16.
- Feinman, S. (1978). *When does sex affect altruistic response?*. *Psychological Reports*.
- George, S. J., & Lee, Y. F., (2011). Penggunaan konsep Generasi Y di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 4 . pp. 20-32.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). "Determining sample size for research activities". *Educational and Psychological Measurement*.
- Ma'rof, R. (2001). *Psikologi Sosial*, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Majid, K. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-8. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noor Shahirah, M, N., & Azlina, M. K. (2016). *Kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa di Selangor*. In: International Conference on Youth (ICYOUTH) 2016. Institute for Social Science Studies, Universiti Putra Malaysia, pp.407-410.
- Schwarzer, R., & Jerusalem, M. (1995). *Generalizad self-efficacy scale*. In J. Weinman, S. Wright, & M. Johnston, Measures in health psychology: A user's portfolio. causal and control beliefs. Windsor: NFER-Nelson.
- Siti Hawa, A. (2002). *Volunteerism and the Development of Malaysian Social Care System*. School of Health Science, University Science Malaysia.

Van der Bijl, J. J., & Shortridge-Baggett, L. M. (2002). The theory and measurement of the self-efficacy construct. In E. A. Lentz & L. M. Shortridge-Baggett (Eds.), *Self-efficacy in nursing: Research and measurement perspectives* (pp. 9-28). New York.

Wright, S. L., Jenkins-guarnieri, M. A., & Murdock, J. L. (2012). College Students: *Journal Of Career Development*. doi:10.1177/0894845312455509.

Profil Penulis:

Noor Shahirah Muhammad Nizam

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
Shahirahnizam95@yahoo.com*

Azlina Binti Mohd Khir, PhD

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
m_azlina@upm.edu.my*

Nobaya Ahmad, PhD

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
nobaya@upm.edu.my*

CABARAN PENGLIBATAN BELIA OKU DALAM PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN

AHMAD SHAMSURI MUHAMAD & MUHAMAD NADHIR ABDUL NASIR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan bagi terlibat aktif dengan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili golongan tersebut di Malaysia. Kajian memfokuskan kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (Society of the Blind in Malaysia) (SBM) yang merupakan sebuah organisasi bantu diri kebangsaan yang mewakili golongan cacat penglihatan. Peserta kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan seramai 21 orang peserta dari tujuh buah cawangan SBM telah terlibat sebagai peserta kajian. Data kajian dikumpul melalui kaedah perbincangan kumpulan berfokus. Dapatan kajian menunjukkan enam tema utama yang menjadi cabaran kepada belia cacat penglihatan untuk terlibat aktif dengan organisasi iaitu kepimpinan dan pengurusan, publisiti dan penyampaian maklumat, perencanaan program, isu pengangkutan, isu pekerjaan serta faktor keluarga dan masyarakat. Selain itu, kajian turut mengemukakan cadangan peserta kajian bagi meningkatkan penglibatan belia cacat penglihatan dalam Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia.

Kata Kunci: *Belia Cacat Penglihatan, Belia Cacat Penglihatan di Malaysia, Cabaran Belia Cacat Penglihatan Di Malaysia, Organisasi Bantu Diri, Pertubuhan Bukan Kerajaan*

ABSTRACT

This study aims to understand the issues and challenges faced by youth with visual impairment to actively involved in non-governmental organizations representing persons with visual impairment in Malaysia. The study focuses on Society of the Blind in Malaysia (SBM) - a national self-help organization representing persons with visual impairment in this country. The participants were selected using purposive sampling method and total of 21 participants from seven SBM's branches involved in this study. Data were collected using focus group discussion method. The findings show six key themes faced by youth with visual impairment to involve actively in non government organizations such as leadership and management, publicity and information delivery, program planning, transportation issues, employment issues and factors related to their family and community . Additionally, studies also included suggestions from respondents to increase involvement of youth with visual impairment in Society of the Blind in Malaysia.

Keywords: *Youth With Visual Impairment, Youth With Visual Impairment In Malaysia, Challenges Faced By Youth With Visual Impairment In Malaysia, Self Help Organization, Non Government Organization*

PENGENALAN

Belia mempunyai peranan besar dalam pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai pemimpin masa kini dan masa hadapan, belia perlu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman berorganisasi bagi menjadikan mereka seorang pemimpin yang mampu memainkan peranan mereka dengan sebaik mungkin.

Penglibatan dalam organisasi membuka peluang kepada golongan belia untuk mengembangkan potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, bekerjasama serta membantu untuk mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya selain dapat menghindar serta membendung terjebak dalam tingkah laku anti-sosial dan membimbing serta memulihkan pesalah juvana (Brewis, Hill & Stevens, 2010; Hill & Russell, 2009). Kajian The National Youth Agency (2006) pula mendapati bahawa penglibatan belia dalam organisasi sukarela akan meningkatkan keyakinan serta harga diri, nilai bertanggungjawab, merasa berkepentingan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang dibantu, membangunkan pelbagai kemahiran komunikasi, sikap kepimpinan, kerjasama, daya penyelesaian masalah/konflik, mengembalikan semula keyakinan terhadap pembelajaran dan kehidupan. Ini kerana penglibatan dalam organisasi memerlukan perancangan rapi dalam aspek masa dan hubungan dengan orang sekeliling serta meningkatkan keupayaan dan potensi untuk terus bekerja dengan masyarakat.

Brennan, Barnett dan Lesmeister (2007), menyatakan bahawa belia yang terlibat dalam pembangunan masyarakat mempunyai potensi dalam penyelesaian masalah dan berkemahiran membuat keputusan serta cemerlang menjadi seorang pemimpin. Ini disokong oleh Wilson (2000) yang berpendapat bahawa semangat berorganisasi adalah antara nilai teras yang perlu ada dan harus disemai dalam kalangan generasi muda kerana golongan inilah yang akan menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara.

Namun begitu, kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2011) yang dilaksanakan ke atas 5,223 belia di seluruh Malaysia menunjukkan bahawa tahap penglibatan belia Malaysia dalam aktiviti berorganisasi masih berada ditahap yang kurang memuaskan. Bagi kategori belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun, sebanyak 3.1 peratus terlibat dalam Kelab Perkhidmatan, 6.2 peratus dalam Persatuan Rekreasi, 9.6 peratus dalam Persatuan Kebajikan dan Persatuan Alam Sekitar menunjukkan sebanyak 5.8 peratus. Bagi kategori umur 26 hingga 40 tahun pula, hasil kajian mendapati 2.4 peratus belia terlibat dalam Kelab Perkhidmatan, 4.0 peratus dalam Persatuan Rekreasi, 12.9 peratus dalam Persatuan Kebajikan dan 3.1 peratus terlibat dalam Persatuan Alam Sekitar (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011).

Senario ini turut berlaku dalam kalangan belia cacat penglihatan yang mana tahap penglibatan golongan ini dalam organisasi bantu diri bagi orang cacat

penglihatan masih lagi berada di tahap yang kurang memuaskan. Organisasi-organisasi bantu diri yang berkenaan menghadapi kesukaran merekrut ahli baru dalam kalangan belia dan cabaran dalam mengekalkan penglibatan mereka dalam organisasi (Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhamad Nadhir Abdul Nasir, 2015).

Situasi ini agak membimbangkan kerana penyertaan dalam organisasi merupakan salah satu cara mendapatkan sokongan sosial dan ianya mampu memberi manfaat kepada individu terlibat. Kajian Kef (2002) yang melibatkan 316 orang belia cacat penglihatan mendapati bahawa sokongan sosial berhubung secara positif dengan estim diri, tahap kesejahteraan yang tinggi dan kekurangan tahap kesunyian. kajian tersebut juga mendapati bahawa sokongan sosial daripada rakan-rakan cacat penglihatan adalah lebih penting daripada sokongan keluarga dalam proses penyesuaian dan kesejahteraan belia cacat penglihatan.

Kajian Harimukthi dan Dewi (2014) pula mendapati bahawa organisasi bantu diri bukan sahaja dapat memberi sokongan emosi dalam kalangan ahli, malah ianya turut memberi latihan pemulihan dan mengajar kemahiran bagi membolehkan individu cacat penglihatan hidup berdikari.

Bagi memahami isu ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan dalam melibatkan diri dengan organisasi bantu diri bagi orang cacat penglihatan. Organisasi yang menjadi fokus kajian ini ialah Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia yang juga dikenali dengan Society of the Blind in Malaysia (SBM).

Penyataan Masalah

Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia atau Society of the Blind in Malaysia (SBM) merupakan sebuah pertubuhan bantu diri yang ditubuh dan dipimpin oleh komuniti cacat penglihatan. Keahlian biasa pertubuhan ini terbuka kepada individu cacat penglihatan berusia 18 tahun keatas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala keahlian bersekutu pertubuhan ini pula terbuka kepada mereka yang tidak mengalami kecacatan penglihatan (Ivan, 2017). Ditubuhkan secara rasmi pada 25 Mac 1964 sebagai Selangor Society of the Blind, pertubuhan ini telah berkembang ke seluruh negara dan namanya telah ditukar kepada Society of the Blind in Malaysia pada tahun 1986 (Ivan, 2017). Sehingga kini SBM telah mempunyai dua belas cawangan dengan keahlian biasa dan bersekutu hampir mencecah seramai 6000 orang (Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhammad Nadhir Abdul Nasir, 2015).

Menyedari pentingnya peranan belia dalam meneruskan kesinambungan pertubuhan ini, (SBM) telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Belia pada Jun 2010. Matlamat utama penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk menggalakkan penglibatan aktif belia cacat penglihatan dalam (SBM) serta mempersiapkan mereka sebagai bakal pemimpin pada masa hadapan (Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhammad Nadhir Abdul Nasir, 2015). Melalui Projek Pemetaan Belia (SBM)

Fasa 1 yang telah dijalankan antara bulan Ogos sehingga November 2014, didapati bahawa jumlah ahli belia yang berdaftar dengan (SBM) hanya mewakili sebanyak 29.9 peratus daripada jumlah keseluruhan ahli biasa SBM iaitu seramai 3258 orang (Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhammad Nadhir Abdul Nasir, 2015). Hal ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan kajian bagi memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan belia cacat penglihatan untuk mereka terlibat aktif dengan (SBM).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan bagi terlibat aktif dengan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM).

METODOLOGI

Kajian ini mengguna pakai kaedah kajian kualitatif. Ianya bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan bagi terlibat aktif dengan SBM. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan melalui pencalonan dari cawangan-cawangan SBM menggunakan borang yang disediakan. Borang-borang tersebut disaring dan pengkaji telah memilih seramai 21 orang peserta kajian dari tujuh (7) buah cawangan SBM. Kaedah persampelan bertujuan ini digunakan agar peserta yang dipilih dapat memberi maklumat yang bersesuaian bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2008).

Bagi mengumpul data kajian, kaedah perbincangan kumpulan fokus telah digunakan dan peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan. Dalam sesi perbincangan tersebut, para peserta diminta untuk mengemukakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia di cawangan masing-masing bagi terlibat aktif dengan SBM. Perbincangan yang dilakukan adalah bersifat tidak berstruktur, iaitu tiada set soalan panduan digunakan.

Analisis Data

Kaedah analisis tema digunakan bagi menggembelng data kajian ke dalam bentuk yang lebih sistematik. Kaedah analisis tema dilakukan dengan mengumpulkan input-input yang memiliki mesej serupa ke dalam kumpulan-kumpulan tema tertentu.

Isu dan Cabaran dalam Kalangan Belia Cacat Penglihatan bagi Terlibat Aktif Dengan SBM

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan bagi terlibat aktif di cawangan-cawangan SBM dapat dibahagikan kepada enam tema utama iaitu barisan kepimpinan dan pengurusan organisasi, publisiti dan penyampaian maklumat, perancangan program, isu pengangkutan, isu pekerjaan, dan faktor masyarakat. Perbincangan lanjut akan dilakukan pada bahagian-bahagian kecil di bawah.

Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi

Isu berkait kepimpinan dan pengurusan organisasi merupakan antara tema utama yang diketengahkan oleh para peserta dalam sesi perbincangan kumpulan fokus. Tema ini merangkumi konflik dalam organisasi, jurang antara ahli jawatankuasa cawangan dengan belia cacat penglihatan dan pengurusan organisasi yang kurang cekap. Menurut para peserta kajian, konflik dalam kalangan kepimpinan di sesetengah cawangan menyebabkan sesetengah dari belia cacat penglihatan kurang berminat untuk melibatkan diri secara aktif dengan organisasi. Konflik yang berlaku menyebabkan timbulnya persepsi dalam kalangan mereka yang (SBM) lebih bersifat “politik persatuan”. Peserta kajian turut menyatakan terdapat juga barisan kepimpinan yang dilihat “terpisah” dengan golongan belia cacat penglihatan. Ini menyebabkan suara dan idea yang diketengahkan oleh para belia dalam pertubuhan jarang mendapat sambutan dalam kalangan barisan kepimpinan yang didominasi oleh golongan yang lebih berusia. Selain itu, di bawah tema ini juga peserta turut menyentuh tentang kecekapan pengurusan organisasi. Ianya merangkumi hal ehwal pentadbiran, pengendalian aktiviti, dan perhubungan dengan agensi-agensi awam dan swasta.

Peserta berpendapat bahawa sekiranya isu kepimpinan dan pengurusan organisasi ini tidak diatasi, maka cawangan yang berkenaan tidak akan dapat menjalankan fungsi-fungsi mereka dan seterusnya melemahkan organisasi secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, para peserta mencadangkan agar barisan kepimpinan di cawangan-cawangan dapat menjalin hubungan yang lebih erat dengan golongan belia di cawangan masing-masing. Perkara ini boleh dicapai menerusi sesi dialog dan pertemuan berkala dengan kelompok usia tersebut. Barisan kepimpinan juga perlu meraikan dan menggalakkan pemberian idea-idea daripada golongan belia. Penglibatan golongan belia, baik dalam barisan kepimpinan mahupun dalam program, perlulah seimbang. Dalam konteks pengurusan organisasi pula, barisan kepimpinan dicadangkan untuk menitik beratkan budaya kerja cekap dalam organisasi. Perancangan yang telah dilakukan oleh barisan kepimpinan terdahulu mestilah diteruskan mengikut kehendak dan situasi semasa.

Publisiti dan Penyampaian Maklumat

Cabaran kedua yang banyak diutarakan oleh para peserta kajian adalah melibatkan publisiti, promosi dan penyampaian maklumat oleh cawangan-cawangan SBM. Para peserta merasakan kaedah publisiti yang diggunakan masih kurang berkesan dalam menarik minat belia cacat penglihatan untuk terlibat aktif dengan SBM. Kaedah penyampaian maklumat yang digunakan juga kadangkala kurang berjaya dalam mensasarkan kelompok belia cacat penglihatan.

Oleh itu, para peserta mencadangkan agar cawangan-cawangan dapat memperkasa usaha publisiti dan promosi bagi meningkatkan penglibatan golongan belia cacat penglihatan. Antara langkah yang boleh diambil adalah seperti membuat program di sekolah-sekolah pendidikan khas dan sekolah-sekolah integrasi bagi murid cacat penglihatan, aktiviti bersama masyarakat dan pemerksaan radio atas

talian (SBM). Dari segi penyampaian maklumat pula, para peserta mencadangkan agar cawangan-cawangan SBM dapat menggiatkan lagi komunikasi melalui media sosial seperti Facebook dan Youtube.

Perencanaan Program

Cabaran ketiga yang dibangkitkan oleh para peserta adalah berkenaan perencanaan program oleh cawangan-cawangan SBM. Mereka melihat program-program yang dirangka sebelum ini kurang menepati cita rasa dan minat golongan belia. Hal ini secara langsung menyebabkan kurangnya penglibatan aktif dalam kalangan ahli belia dalam program-program yang dijalankan.

Peserta mencadangkan agar perancangan program oleh pihak cawangan perlu turut mengambil kira minat dan kecenderungan belia cacat penglihatan seperti menentengahkan aktiviti rekreasi, sukan dan kesenian. Pihak cawangan juga dicadangkan agar melibatkan golongan belia dalam merancang bentuk-bentuk program bagi golongan tersebut.

Isu Pengangkutan

Isu pengangkutan turut dilihat sebagai cabaran utama bagi belia cacat penglihatan untuk terlibat secara aktif dalam program-program di peringkat cawangan-cawangan SBM. Hal ini dialami terutamanya bagi mereka yang tinggal berjauhan dengan bandar-bandar besar. Pengangkutan awam yang kurang efisien menyebabkan kebanyakan ahli sukar mendapatkan pengangkutan untuk ke lokasi program atau mereka terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi.

Sebagai langkah mengatasi isu ini, para peserta mencadangkan agar pihak cawangan-cawangan SBM menggiatkan aktiviti advokasi bagi memperjuangkan pengangkutan awam yang aksesibel kepada semua. Pihak cawangan juga boleh menjalinkan kerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan pengangkutan awam agar diberi diskaun kepada ahli SBM. Selain itu, penambahbaikan garis panduan tuntutan kos perjalanan (SBM) turut dicadangkan bagi mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh golongan belia.

Isu Pekerjaan

Faktor pekerjaan turut dilihat sebagai cabaran terhadap penglibatan golongan belia dalam SBM. Ramai dalam kalangan belia cacat penglihatan bekerja di bandar-bandar utama di luar daripada negeri tempat mereka menjadi ahli. Hal ini seterusnya menyulitkan mereka untuk hadir ke program-program yang dianjurkan oleh cawangan mereka. Selain itu, kebanyakan belia cacat penglihatan bekerja sebagai juru urut. Hujung minggu merupakan hari bekerja yang penting yang mana permintaan terhadap perkhidmatan mereka agak tinggi berbanding dengan hari-hari lain. Maka, sukar bagi mereka untuk menyertai aktiviti persatuan yang selalunya diadakan pada hujung minggu.

Sebagai langkah penyelesaian, para peserta mencadangkan agar pihak SBM bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan bagi mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak di seluruh negara agar mereka lebih dekat dengan negeri tempat mereka berdaftar sebagai ahli. Penerokaan bidang pekerjaan baru yang bersesuaian dengan belia cacat penglihatan turut dicadangkan agar mereka tidak terlalu bergantung kepada pekerjaan sebagai juru urut.

Faktor Ahli Keluarga dan Masyarakat

Akhir sekali, ahli keluarga dan masyarakat turut menyumbang kepada dilema yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan. Terdapat sebilangan ibu bapa yang enggan membenarkan anak-anak mereka menganggotai apatah lagi menyertai program-program yang dijalankan oleh cawangan-cawangan SBM. Sifat “overprotective” ini didorong oleh faktor persepsi negatif dalam kalangan ibu bapa dan rasa tidak percaya terhadap kemampuan anak mereka.

Bagi mengatasi isu ini, peserta kajian mencadangkan agar cawangan-cawangan SBM perlu menggiatkan usaha advokasi bagi menimbulkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak cacat penglihatan agar mereka lebih faham dan peka tentang peri pentingnya penglibatan anak-anak mereka dalam pertubuhan bantu diri seperti SBM.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan diatas, jelaslah bahawa belia cacat penglihatan menghadapi pelbagai isu dan cabaran untuk terlibat aktif dengan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM). Cabaran ini bukan sahaja datang dari dalam organisasi di cawangan-cawangan SBM, malah cabaran turut timbul dalam dimensi persekitaran (misalnya, masalah pengangkutan dan persepsi ibu bapa).

Selain itu, pelbagai langkah penyelesaian telah diutarakan oleh para peserta bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh belia cacat penglihatan di cawangan-cawangan SBM. Langkah-langkah tersebut perlu diambil perhatian oleh organisasi bagi memastikan tahap penglibatan belia cacat penglihatan dapat dipertingkatkan. Dalam masa yang sama, belia cacat penglihatan juga perlu mengambil inisiatif sendiri untuk terlibat aktif seterusnya sama-sama menyumbang kepada pembangunan organisasi dan komuniti cacat penglihatan di negara ini.

RUJUKAN

- Ahmad Shamsuri Muhamad & Muhammad Nadhir Abdul Nasir. (2015). *Projek Pemetaan Belia SBM Fasa 1*. Majalah Wawasan SBM Edisi September-Disember 2017, 5-9.
- Brennan, M. A., Barnett, R. V., & Lesmeister, M. (2007). Enhancing local capacity and youth involvement in the community development process. *Journal of Community Development*, 38(4), 13-27.

- Brewis, G., Hill, M., & Stevens, D. (2010). *Valuing volunteer management*. London: Institute for Volunteering Research.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Harimukthi, M. T., & Dewi, K. S. (2014). Eksplorasi Kesejahteraan Psikologis Individu Dewasa Awal Penyandang Tunanetra. *Jurnal Psikologi Undip*, 13(1), 64-77.
- Hill, M., & Russell, J. (2009). *Young people, volunteering and youth projects: A rapid review of recent evidence*. London: IVR.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2011). *Kajian Pemetaan Belia Malaysia 2011*, diperolehi dari <https://www.ipbpm.gov.my/dokumen/faktabelia/06.Kelab&persatuan.pdf>
- Ivan, H., T., C. (2017). Remembering Lee Ah Kow, First President Of SBM. *NCBM Outreach*, 86, 33-38.
- Kef, S. (2002). Psychosocial adjustment and the meaning of social support for visually impaired adolescents. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 96(1), 22-37.
- National Youth Agency. (2006). *Young people's volunteering and skills development*. [Electronic Version]. Retrieved from <http://dera.ioe.ac.uk/6643/1/RW103.pdf>
- Wilson, J. (2000). *Volunteering Annu. Rev. Sociol*, 26(1), 215–240.

Profil Penulis:

Ahmad Shamsuri Muhamad, Ph.D

*Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
shamsuri.muhamad@um.edu.my*

Muhamad Nadhir Abdul Nasir

*Calon Ijazah Sarjana Antropologi dan Sisiologi
Universiti Malaya*

KETAGIHAN TELEFON PINTAR DALAM KALANGAN MAHASISWA

NORBAIDURAH ITHNAIN, SHAZLI EZZAT GHAZALI &
NORRAFIZAH JAAFAR

ABSTRAK

Ketagihan telefon pintar kini menjadi fenomena global kerana turut menyumbang kepada masalah kesihatan fizikal, mental dan psikososial dalam kalangan belia universiti. Bagaimanapun, kajian berkaitan fenomena ini masih kurang dijalankan di Malaysia. Objektif kajian keratan rentas ini untuk mengenal pasti trend penggunaan telefon pintar dan menentukan perbezaan ketagihan telefon pintar dengan jantina, pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan sehari dalam kalangan belia universiti di salah sebuah universiti awam di Kuala Lumpur. Seramai 369 orang belia tahun pertama terlibat dalam kajian ini. Smartphone Addiction Scale (SAS-M) versi Bahasa Melayu telah digunakan untuk mengukur tahap ketagihan telefon pintar; terdiri daripada enam subskala iaitu hubungan berorientasikan ruang siber, gangguan kehidupan seharian, keutamaan, penggunaan yang berlebihan, penglibatan positif dan penarikan. Analisa deskriptif, ujian T Tidak Bersandar dan Anova Sehalu digunakan bagi menjawab objektif kajian. Majoriti (78.3%) memiliki telefon pintar lebih daripada setahun dan 70.0% menggunakannya lebih daripada empat jam sehari. Selain itu, 57.2% menggunakannya untuk melayari laman sosial dan 78.9% memperuntukkan kurang daripada RM50 sebulan bagi perbelanjaan telefon. Subskala penggunaan yang berlebihan mencatatkan nilai min tertinggi diikuti gangguan kehidupan seharian dan hubungan berorientasikan ruang siber. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara ketagihan telefon pintar dengan jantina ($p > 0.05$), tetapi terdapat perbezaan dengan pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan sehari ($p < 0.05$). Belia yang mempunyai pendapatan keluarga kurang daripada RM1000 dan menggunakan telefon pintar lebih daripada empat jam sehari mencatatkan skor ketagihan yang lebih tinggi. Penemuan ini memberi indikasi bahawa fenomena ketagihan telefon pintar wujud dalam kalangan belia universiti di Malaysia. Walaupun telefon pintar turut memberi manfaat, penggunaan yang berlebihan tanpa kawalan boleh mengakibatkan belia ketagih dan berisiko mengalami kesan negatif terhadap kesihatan. Oleh itu, perhatian dan kerjasama daripada pelbagai pihak amat diperlukan. Program pendidikan kesihatan dan intervensi yang bersesuaian haruslah dilaksanakan bagi menangani ketagihan telefon pintar seterusnya, memperkasa belia ke arah pengamalan tingkah laku yang lebih sihat.

Kata Kunci: *Ketagihan Telefon Pintar, Belia Universiti, Kesihatan*

ABSTRACT

Smartphone addiction is now becoming a global phenomenon as it also contributes to physical, mental and psychosocial health problems among youth in universities.

However, studies on this phenomenon are still lacking in Malaysia. The aims of this cross-sectional study were to identify the trend of smartphone usage and to determine the differences of smartphone addiction between gender, family income and daily usage among youth in one of the local public universities in Kuala Lumpur. A total of 369 first-year students participated in this study. A Malay version of Smartphone Addiction Scale (SAS-M) has been used to measure the level of smartphone addiction; comprised of six subscales namely cyberspace-oriented relationship, daily life disturbance, primacy, overuse, positive anticipation, and withdrawal. Descriptive analysis, Independent T-test and One Way Anova was performed in the study. The majority (78.3%) of youth own smartphone more than a year and 70.0% use it more than four hours per day. Besides that, 57.2% used it to browse social networking sites, 78.9% allocates less than RM50 per month for phone expenses. Subscale of overuse recorded the highest mean value, followed by daily life disturbance and cyberspace-oriented relationship. Findings also revealed there was no significant difference between smartphone addiction and gender ($p > 0.05$), but there were differences between family income and daily usage ($p < 0.05$). Youths with less than RM 1,000 family income and use the smartphone more than four hours per day, showed the highest score of addiction. These outcomes indicated that the phenomenon of smartphone addiction also exists among university students in Malaysia. Even though smartphone is beneficial, an excessive use without control may expose youth to addiction and risk of negative health effect. Hence, attention and cooperation from various parties are necessary. Appropriate health education programs and intervention should be implemented to deal with smartphone addiction and empower youth to practice healthy behaviors.

Keywords: Smartphone Addiction, Youth, University, Health

PENDAHULUAN

Era teknologi maklumat dan komunikasi kini semakin berkembang maju. Perhubungan dan pertukaran maklumat lebih cepat berbanding sebelum ini (Hassanzadeh & Rezaei, 2011). Malahan kemunculan teknologi komunikasi tanpa wayar seperti telefon pintar telah menjadi sinonim dengan masyarakat kita. Telefon pintar adalah peranti mudah alih yang mampu memproses pelbagai maklumat berbanding telefon biasa dan mempunyai ciri unik seperti internet, laman rangkaian sosial, permainan, mesej, video, aplikasi, multimedia dan navigasi. Walau bagaimanapun, di sebalik kebaikan dan keperluan telefon pintar dalam kehidupan seharian, kajian mendapati terdapat individu yang menggunakan peranti ini tanpa kawalan dan berlebihan mendorong kepada ketagihan telefon pintar (Akhouri & Kehksha, 2016; Al-Barashdi, Bouazza, & Jabur, 2015; Al-Barashdi *et. al.*, 2016; Aljomaa *et. al.*, 2016; Alosaimi *et. al.*, 2016; Choi 2015; Darcin *et. al.*, 2016; Hatice *et. al.*, 2016; Haug *et. al.*, 2015; Kim, 2013; Kwon *et. al.*, 2013; Lee *et. al.*, 2015; Mok 2014; Park & Lee, 2014).

Pelajar universiti juga adalah sebahagian daripada pengguna telefon pintar.

Al-Barashdi *et. al.*, (2016) telah menjalankan kajian kualitatif bagi mengenalpasti sebab ketagihan telefon pintar dalam kalangan pelajar universiti menunjukkan mereka mengabaikan kesan buruk ketagihan ini kerana lebih mengutamakan kebaikan penggunaannya, obses dengan gajet tersebut dan menafikan bukti tentang bahaya ketagihan telefon pintar kepada kesihatan. Akan tetapi, masalah berkaitan penggunaan telefon pintar yang berlebihan dan tidak dikawal ini kini menjadi implikasi kepada kesihatan awam (Peraman & Parasuraman 2016: WHO 2015) dan sangat kritikal untuk diabaikan Kwon *et. al.*, (2013). Penggunaan telefon pintar yang berlebihan boleh mengundang kepada pelbagai masalah kesihatan fizikal seperti masalah otot serviks (Lee *et. al.*, 2014), sakit kepala dan gangguan tidur (Mortazavi, Atefi & Kholghi, 2011; Munezawa *et. al.*, 2011). Penggunaan telefon pintar yang berlebihan juga turut mengganggu aktiviti fizikal dan kecergasan kardiorespiratori (Lepp *et. al.*, 2013).

Selain daripada itu, ketagihan telefon pintar juga memberi kesan kepada kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti (Akhouri *et. al.*, 2016; Amidtaher *et. al.*, 2016; Kang 2016). Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan antara ketagihan telefon pintar dengan kebimbangan dan kemurungan (Augner & Hacker, 2012; Demirci, Akgonul, & Akpınar 2015; Hwang, Yoo & Cho 2012; Kang & Park 2012; Park & Lee 2014). Selain daripada itu, kemudahan mengakses internet di telefon pintar juga memberi impak kepada kesihatan psikososial remaja kerana mereka mempunyai peluang untuk melayari laman pornografi, bermesej, berkongsi gambar lucu dan melayari permainan online tanpa batasan (Ahern & Mechling 2013). Tambahan, masalah berkaitan penggunaan telefon pintar yang berlebihan ini turut menyumbang kepada beberapa gangguan psikologi seperti ringxiety (Subba 2013) dan Nomophobia (Pavithra, Suwarna & Muhadeva 2015). Menurut Avvanavar *et. al.*, (2008), gangguan *ringxiety* ini berlaku apabila seseorang individu mendengar bunyi telefon sedangkan tidak berbunyi. King *et. al.*, (2013) menyatakan gangguan Nomophobia berlaku apabila seseorang individu itu merasa bimbang atau tidak selesa sekiranya jauh dengan telefon pintar.

Terdapat beberapa kajian tempatan yang mengkaji tentang masalah berkaitan penggunaan telefon pintar berlebihan seperti Kumar (2011) yang menyatakan majoriti pelajar universiti swasta di Malaysia bersetuju telefon pintar boleh menyebabkan pening kepala, hilang daya perhatian mental dan gangguan tidur. Meskipun demikian, isu ini masih baru dan kurang penyelidikan secara saintifik di jalankan di Malaysia. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, masalah ketagihan telefon pintar turut menimbulkan kebimbangan pakar psikologi, pensyarah akademik dan tokoh wartawan Negara kerana ketagihan ini melibatkan segenap lapisan masyarakat terutamanya belia dan sehubungan dengan itu masalah ini perlu diberi perhatian serius kerana boleh menggugat kehidupan seharian (Berita Harian, 2016; Kosmo, 2014; Utusan Malaysia, 2016). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan mengenal pasti trend penggunaan telefon pintar dan menentukan perbezaan ketagihan telefon pintar dengan jantina, pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan sehari dalam kalangan belia universiti di salah sebuah universiti awam di Kuala Lumpur.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian dan Pensampelan

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan secara keratan rentas dengan menggunakan borang soal selidik sendiri dan melibatkan 369 orang pelajar sarjana muda tahun pertama di salah sebuah universiti awam di Kuala Lumpur dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Tujuan pelajar tahun pertama dipilih kerana ini adalah salah satu langkah awal mengenalpasti risiko ketagihan telefon pintar sebelum mereka terdedah kepada kesan yang lebih teruk. Kajian ini telah memperoleh kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti dan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (NMRR). Borang persetujuan penyertaan kajian telah diambil terlebih dahulu sebelum responden melengkapkan borang soal selidik kajian.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik kajian merangkumi maklumat demografi seperti umur, jantina, bangsa, fakulti, pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan telefon pintar sehari. Manakala, Skala Ketagihan Telefon Pintar yang diadaptasi daripada Kwon *et. al.*, (2013) telah digunakan bagi mengenalpasti tahap ketagihan telefon pintar responden. Skala ini mempunyai 33 soalan yang terbahagi kepada enam (6) subskala utama iaitu hubungan berorientasikan ruang siber (7 soalan), gangguan kehidupan seharian, keutamaan (6 soalan), penggunaan yang berlebihan (7 soalan), jangkaan positif (4 soalan) dan penarikan (4 soalan). Kebolehpercayaan skala ini adalah sangat tinggi iaitu 0.97. Kajian ini menggunakan instrumen yang sama dan telah di validasi dalam Bahasa Melayu oleh Ching *et. al.*, (2015) dalam kalangan pelajar universiti di salah sebuah universiti tempatan di Malaysia dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai Alpha Cronbach 0.94. Instrumen ini menggunakan 6 skala point dari 1 (Sangat tidak setuju) kepada 6 (sangat setuju). Jumlah skor SAS-M adalah di antara 33 – 198. Semakin tinggi skor, semakin tinggi tahap ketagihan mereka.

Analisis Statistik

Sebelum data dianalisis, pembersihan data telah dijalankan terlebih dahulu dan bagi data yang nilai z terkeluar dari julat $z = \pm 3.29$ telah dikesualikan daripada dianalisis. Taburan data menunjukkan data tertabur secara normal dengan nilai pencongan berada dalam julat ± 1 . Manakala, perisian SPSS versi 21.0 telah digunakan bagi menganalisis data kajian ini. Bagi data kategorikal, analisis deskriptif dilaporkan dalam kekerapan dan peratusan, Manakala bagi data selanjar, data dilaporkan dalam bentuk purata dan sisihan piawai ($\text{Min} \pm \text{S.P}$). Analisis inferensi parametrik iaitu Ujian T Tidak Bersandar digunakan bagi menjelaskan perbezaan antara ketagihan telefon pintar dengan jantina dan Ujian ANOVA Satu Hala digunakan bagi menjelaskan perbezaan antara ketagihan telefon pintar dengan pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan telefon pintar sehari.

DAPATAN

Profil Demografi Responden

Seramai 369 orang pelajar telah terlibat dengan kajian ini. Jadual 1 menunjukkan responden kajian berumur antara 18 hingga 30 tahun dengan nilai min 19.32 dan sisihan piawai 0.98 dengan majoriti responden adalah perempuan 81.0%. Komposisi mengikut kaum pula terdiri daripada kaum Melayu sebanyak 57.5% dan diikuti kaum Cina 29.5%, India 11.1% dan lain-lain 1.9%. Selain daripada itu, 42.0% responden mempunyai pendapatan keluarga RM4000 dan ke atas.

Jadual 1: Profil demografi responden

Pembolehubah	Bilangan (n)	Peratus (%)
Umur	Min = 19.32, S.P = 0.98	
Lelaki	70	19.0
Perempuan	299	81.0
Bangsa		
Melayu	212	57.5
Cina	109	29.5
Indian	41	11.1
Lain-lain	7	1.9
Pendapatan Keluarga Bulanan		
Kurang RM1000	43	12.5
RM1000-1999	40	11.6
RM2000-2999	55	15.9
RM3000-3999	52	15.1
RM4000 ke atas	155	44.9
Tempoh Pemilikan Telefon Pintar		
Kurang dari setahun	37	10.0
Setahun	43	11.7
Lebih dari setahun	289	78.3
Tempoh Penggunaan Telefon Pintar Sehari		
Kurang 1 jam	9	2.4
1-3 jam	98	26.6
4-6jam	166	45.0
7-9jam	54	14.6
Lebih 9jam	42	11.4
Kegunaan Telefon Pintar Yang Paling Utama		
Panggilan Telefon/sms	75	23.8
Laman Rangkaian Sosial	211	67.0
Aplikasi/Permainan	14	4.4

Berita/maklumat	11	3.5
Lain-lain	4	1.3
Perbelanjaan Telefon Pintar Sebulan (RM)		
Kurang daripada RM 50	291	78.9
RM 51 dan ke atas	78	21.1

Ketagihan Telefon Pintar

Jadual 2 meringkaskan keputusan analisis deskriptif nilai min dan sisihan piawai bagi maklum balas responden untuk ketagihan telefon pintar berdasarkan subskala dan item secara keseluruhan. Purata skor ketagihan telefon pintar adalah (Min = 102.52, S.P = 21.07). Subskala penggunaan yang berlebihan mencatatkan nilai min paling tinggi (Min = 24.31, S.P = 6.14) diikuti subskala gangguan kehidupan seharian tinggi (Min = 19.39, S.P = 5.39) dan subskala hubungan berorientasikan ruang siber (Min = 18.51, S.P = 5.94).

Jadual 2: Ringkasan Min dan Sisihan Piawai Ketagihan Telefon Pintar (n=369)

Subskala	Min	S.P
Penggunaan yang berlebihan	24.31	6.14
Gangguan kehidupan seharian	19.39	5.39
Hubungan berorientasikan ruang siber	18.51	5.94
Jangkaan positif	15.05	3.83
Keutamaan	14.59	5.02
Penarikan	10.66	4.01
Keseluruhan Item	102.52	21.07

Perbezaan Skor Ketagihan Telefon Pintar dengan Jantina, Pendapatan Keluarga dan Tempoh Penggunaan Telefon Pintar Sehari

Ujian T tidak bersandar telah digunakan untuk membandingkan skor ketagihan telefon pintar berdasarkan jantina. Berdasarkan Jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi perbandingan ketagihan telefon pintar bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan, $t(367) = -1.224, p=0.222$.

Jadual 4: Perbezaan Ketagihan Telefon Pintar dengan Jantina

Pembolehubah	Min (S.P)		Perbezaan min (95% CI)	Nilai-t (df)	Nilai p
	Lelaki	Perempuan			
Ketagihan Telefon Pintar	99.75 (19.02)	103.17 (21.49)	-3.420 (-8.917, 2.076)	-1.224 (367)	0.222

Ujian ANOVA satu hala digunakan untuk mengenalpasti perbezaan ketagihan telefon pintar dengan kumpulan pendapatan keluarga dan tempoh penggunaan telefon pintar sehari. Jadual 5 menunjukkan terdapat terdapat perbezaan yang signifikan skor ketagihan telefon pintar dengan pendapatan keluarga dengan nilai $F(4,340) = 2.509$, $p = 0.042$ dan tempoh penggunaan telefon pintar sehari dengan nilai $F(4,340) = 5.724$, $p < 0.001$.

Jadual 5: Perbezaan Ketagihan Telefon Pintar dengan Pendapatan Keluarga dan Tempoh Penggunaan Sehari

Pembolehubah		Min (S.P)	Nilai-F (df)	Nilai p
Pendapatan Keluarga	Kurang RM1000	111.09 (20.894)	2.509 (4,340)	0.042*
	RM1000 – 1999	105.40 (21.505)		
	RM2000 – 2999	100.95 (20.244)		
	RM3000 – 3999	99.85 (24.436)		
	RM 4000 ke atas	100.87 (19.869)		
Tempoh Penggunaan Sehari	Kurang 1 jam	99.67 (32.272)	5.724 (4,364)	<0.000*
	1-3 jam	96.31 (23.710)		
	4-6jam	101.98 (19.301)		
	7-9jam	111.61 (17.592)		
	lebih 9jam	108.07 (17.741)		

* $p < 0.05$

Analisis ujian Post-Hoc:

- Terdapat perbezaan signifikan bagi kumpulan pendapatan Kurang RM1000 vs Pendapatan RM4000 ke atas ($p < 0.05$), manakala tidak terdapat perbezaan signifikan bagi kumpulan lain nilai ($p > 0.05$).
- Terdapat perbezaan signifikan bagi Kumpulan 1-3 jam vs 7 – 9 jam, Kumpulan 4-6 jam vs 7-9 jam dan Kumpulan 1-3 jam vs lebih 9 jam ($p < 0.05$), manakala tidak terdapat perbezaan bagi kumpulan lain nilai ($p > 0.05$).

PERBINCANGAN

Penembusan telefon pintar yang kini semakin meningkat telah mendorong kepada perkembangan penggunaan telefon pintar terutamanya dalam kalangan golongan belia. Penggunaan telefon pintar ini dilihat sebagai satu kelaziman bagi kebanyakan belia kerana mereka adalah golongan pencetus kepada trend digital terutama bagi kebanyakan inovasi dalam gajet masing-masing. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden memiliki telefon pintar lebih daripada setahun dan responden kajian ini memperuntukkan kurang daripada RM50 sebulan bagi perbelanjaan telefon pintar dan ianya adalah peruntukan *standard* bagi perbelanjaan telefon di Malaysia. Penemuan ini selari dengan Sheeren dan Rozumah (2009) yang mendapati pelajar

membelanjakan jumlah wang yang sederhana bagi penggunaan telefon pintar.

Bagi tempoh penggunaan telefon pintar dalam sehari, 45.0% pelajar memperuntukkan 4-6 jam sehari melayari telefon pintar. Dapatan kajian ini selari dengan Hatice *et. al.*, (2016) yang mendapati 40.1% pelajar menghabiskan masa empat (4) sehingga enam (6) jam sehari. Walau bagaimanapun, terdapat 30% responden kajian ini yang memperuntukkan masa lebih tujuh jam ke atas dan angka ini agak membimbangkan. Kibona & Mgaya (2015) menegaskan, peruntukan masa lebih daripada 5 jam untuk telefon pintar adalah tidak wajar bagi seseorang pelajar yang mengutamakan isu sosial jika dibandingkan dengan isu akademik kerana ia memberi kesan kepada pencapaian prestasi akademik walhal masa mereka di universiti adalah untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran, bukannya menghabiskan masa dengan interaksi sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan sebagainya

Khalid, Qader & Omar (2015) menyatakan bahawa pengguna telefon pintar kini menggunakan gajet mereka untuk perhubungan sosial. Pernyataan ini disokong dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan kebanyakan daripada responden kajian ini menggunakan telefon pintar untuk melayari laman rangkaian sosial. Hal ini turut disokong oleh Balakrishnan & Raj (2012) dan North, Johnston & Ophoff (2014) yang melaporkan bahawa dua (2) faktor utama penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar universiti adalah untuk bersosial dan privasi. Kajian yang dijalankan oleh Nee & Fan (2013) dalam kalangan remaja Malaysia menunjukkan mereka adalah pengguna laman rangkaian sosial yang aktif dan dapatan kajian tersebut menyatakan semakin tinggi penggunaan laman rangkaian sosial, semakin rendah kesejahteraan psikologi mereka. Sementara itu, Roberts, Yaya & Manolis (2014) dan Salehan & Negahban (2013) menyatakan penggunaan laman rangkaian sosial yang berlebihan boleh mendorong kepada ketagihan telefon pintar.

Ketagihan Telefon Pintar

Purata skor ketagihan telefon pintar bagi kajian ini adalah 103 dan angka ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan kajian oleh Hatice *et. al.*, (2016) dan Demirci, Akgonul, & Akpinar (2015) yang menggunakan instrumen yang sama. Kajian ini mendapati, subskala penggunaan yang berlebihan mencatatkan nilai min paling tinggi berbanding subskala lain. Dalam kajian yang dijalankan oleh Park *et. al.*, (2015), penggunaan telefon pintar yang berlebihan boleh mengundang masalah fizikal kepada seseorang individu seperti mengalami tekanan yang besar ke atas tulang belakang serviks, sehingga mengubah serviks keluk dan sakit ambang otot di sekitar leher. Dalam pada itu Demirci, Demirci & Akgonul (2016) mendapati aduan mengenai pening kepala yang lama dan kerap adalah lebih banyak daripada kalangan pengguna telefon pintar yang berlebihan berbanding pengguna biasa. Subskala gangguan kehidupan seharian dalam kajian ini mencatatkan nilai skor min kedua tertinggi. Singh & Yadav (2015) turut menyenaraikan isu berkaitan penggunaan telefon pintar boleh mengganggu kehidupan seharian seperti kurang tidur, sakit belakang dan sakit pergelangan tangan.

Perbezaan Ketagihan Telefon Pintar dengan Jantina, Pendapatan Keluarga dan Tempoh Penggunaan Telefon Pintar Sehari

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi perbandingan ketagihan telefon pintar bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hatice *et. al.*, (2016) dan Oluwole (2014) turut mendapati bahawa jantina tidak mempunyai kaitan dengan ketagihan telefon pintar. Bagi perbezaan = ketagihan telefon pintar secara keseluruhan dengan pendapatan keluarga, dapatan kajian ini telah mendapati terdapat perbezaan yang signifikan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1000 mendapat skor ketagihan yang lebih tinggi berbanding pendapatan RM4000 ke atas. Merujuk kepada Munasinghe (2016), pendapatan keluarga adalah salah satu faktor yang mempengaruhi ketagihan telefon pintar. Hasil kajian ini disokong dengan kajian lepas yang mendapati pelajar yang daripada keluarga berpendapatan rendah menghabiskan masa dengan lebih lama dengan telefon pintar (Aljomaa *et. al.*, 2016; Brown, Campbell & Ling, 2011; Sahin *et. al.*, 2013). Merujuk kepada Brown, Campbell & Ling (2011), golongan ini menggunakan telefon pintar untuk keyakinan diri, menonjolkan diri, melarikan diri daripada tekanan kewangan dan merekalah yang lebih terdedah kepada bahaya kesihatan.

Selain daripada itu, keputusan analisis kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan skor ketagihan telefon pintar dengan tempoh penggunaan telefon pintar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas yang melaporkan terdapat perbezaan ketagihan telefon pintar dengan tempoh masa penggunaan telefon pintar sehari (Aljomaa *et. al.*, 2016; Gokcearslan *et. al.*, 2016; Haug *et. al.*, 2015; Sahin *et. al.*, 2013).

Dalam kajian-kajian lepas, telah dinyatakan bahawa tempoh penggunaan telefon pintar yang lama memberi kesan negatif kepada pelajar. Sebagai contoh, Gupta, Garg & Arora (2016) menyatakan seseorang individu itu akan cenderung mengalami masalah kesukaran bangun pagi, penat, penurunan semangat untuk belajar, ponteng kelas dan lambat hadir ke kelas akibat penggunaan telefon pintar yang lama (Gupta, Garg & Arora 2016). Selain daripada itu, Lepp *et. al.*, (2013) menegaskan bahawa penggunaan telefon yang terlalu lama mendorong kepada tingkah laku yang tidak aktif. Hal ini turut disokong Kim, Kim & Jee (2015) yang mendapati pelajar universiti yang meluangkan masa dengan lebih lama dengan telefon kurang berjalan setiap hari, jisim otot menurun dan jisim lemak meningkat. Selain daripada itu, Sheereen dan Ruzumah (2009) yang telah menjalankan kajian dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia mendapati pelajar yang meluangkan lebih masa dengan telefon lebih terdedah kepada gangguan psikologikal. Hal ini dapat dirumuskan bahawa masalah penggunaan telefon pintar yang lebih lama ini perlu di ambil berat supaya tidak memberi kesan kepada pelajar. Kajian selanjutnya boleh dijalankan bagi melihat kesan penggunaan telefon pintar yang lebih lama dalam kalangan pelajar universiti.

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan menunjukkan pelajar yang terdiri keluarga yang berpendapatan rendah dan menggunakan telefon pintar dengan tempoh yang lama berisiko mengalami pelbagai kesan negatif terhadap kesihatan akibat daripada ketagihan telefon pintar. Kajian ini memberi indikasi awal bahawa fenomena ketagihan telefon pintar tidak hanya berlaku di luar negara tetapi turut wujud dalam kalangan belia universiti di Malaysia. Walaupun penggunaan telefon pintar mempunyai pelbagai manfaat, penggunaan yang tidak terkawal akan menyumbang kesan negatif kepada seseorang individu dalam konteks kesihatan fizikal, kesihatan mental dan kesihatan psikososial yang perlu diambil berat oleh semua pihak berkaitan. Justeru itu, program pendidikan kesihatan dan intervensi bersesuaian perlulah dirangka dan dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan pelajar menangani masalah ketagihan telefon pintar dan seterusnya memperkasa serta menggalakkan pelajar ke arah pengamalan tingkah laku yang lebih sihat.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Kementerian Kesihatan Malaysia di atas kelulusan menerbitkan kertas kajian ini. Ucapan terima kasih juga dizahirkan kepada pihak universiti atas kebenaran pengumpulan data dan kepada semua pelajar yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini serta semua pihak yang menyokong dan menyumbang secara langsung atau tidak langsung.

RUJUKAN

- Ahern, N. & Mechling, B. (2013). Sexting: Serious problems for youth. *Journal of Psychosocial Nursing and Mental Health Services*, 51(7),22-30.
- Akhouri, D., & Kehksha. (2016). *A comparative study of addiction of simple phone and smart phone and its effect on mental health : the dark side of technology* 3(6),2011–2014.
- Al-Barashdi, H. S., Bouazza, A., Jabur, N. H. & Al-Zubaidi, A. S. (2016). Smartphone addiction reasons and solutions from the perspective of Sultan Qaboos university undergraduates : A Qualitative Study. *International Journal of Psychology & Behavior Analysis*, 2(113).
- Al-Barashdi, H.S, Bouazza, A., & Jabur, N. (2015). Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research and Reports*, 4(3), 210–225.
- Aljomaa, S. S., Mohammad, M. F., Albursan, I. S., Bakhiet, S. F. & Abduljabbar, A. S. (2016). Smartphone addiction among university students in the light of some variables. *Computers in Human Behavior*, 61,155–164.

- Alosaimi, F. D., Alyahya, H., Alshahwan, H., Al Mahyijari, N. & Shaik, S. A. (2016). Smartphone addiction among university students in Riyadh, Saudi Arabia. *Saudi Medical Journal*, 37(6),675–683.
- Amidtaher, M., Saadatmand, S., Moghadam, Z., Fathi, G. & Afshar, R. (2016). The relationship between mobile cellphone dependency, mental health and academic achievement. *American Journal of Educational Research*, 4(5), 408–411.
- Augner, C. & Hacker, G. W. (2012). Associations between problematic mobile phone use and psychological parameters in young adults. *International Journal of Public Health* 57(2),437–441.
- Avvannavar, S.M., NandaKumar, B.S., Shrihari, S. & Are, R.B. (2008). Mobile phones: an anthropological review of its evolutionary impact. *The Journal of International Social Research*, 1(5), 82-103.
- Balakrishnan, V. & Loo, H.-S. (2012). Mobile phone and short message service appropriation, usage and behavioral issues among university students. *Journal of Social Sciences*, 8(3), 364–371.
- Berita Harian. (2016). *Ketagihan guna telefon bimbit satu penyakit mental*. 9 Julai.
- Brown, K., Campbell, S. W., & Ling, R. (2011). Mobile phones bridging the digital divide for teens in the US? *Future Internet*. 144-158.
- Ching, S.M., Yee A, Ramachandran V, Sazlly Lim, S.M., Wan Sulaiman, W.A., & Foo, Y.L. (2015). *Validation of a Malay version of the smartphone addiction scale among medical students in Malaysia*. PLoS ONE, 10(10), 1–11.
- Choi N. (2015). The development of a smartphone addiction prevention program and its evaluation for young women. *Advanced Science and Technology Letters*, (103). 101-104.
- Darcin, A. E., Kose, S., Noyan, C. O., Nurmedov, S., Yılmaz, O. & Dilbaz, N. (2016). Smartphone addiction and its relationship with social anxiety and loneliness. *Behaviour & Information Technology*, 35(7), 520-525.
- Demirci, K., Akgonul, M., & Akpinar, A. (2015). Relationship of smartphone use severity with sleep quality, depression and anxiety in university students. *Journal of Behavioral Addictions*, 4(2), 85 – 92.
- Demirci, S., Demirci, K. & Akgonul, M. (2016). *Headache in smartphone users : A cross-sectional study* 4(1), 1–5.
- Gokcearslan, S., Mumcu, F. K., Haşlaman, T. & Çevik, Y. D. (2016). Modelling smartphone addiction: The role of smartphone usage, self-regulation, general self-efficacy and cyberloafing in university students. *Computers in Human Behavior*, 63, 639–649.

- Gupta, N., Garg, S. & Arora, K. (2016). Pattern of mobile phone usage and its effects on psychological health, sleep, and academic performance in students of a medical university. *National Journal of Physiology, Pharmacy and Pharmacology*, 6(2), 132–139.
- Hassanzadeh R. & Rezaei A. (2011). Effect of sex, course and age on SMS addiction in students. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 10(5), 619
- Hatice, Y., Sut, K., Kurt, S., Ozdilek, S., & Hatice, A. (2016). *Effects of smartphone addiction level on social and educational life in Health Sciences Students*.
- Haug, S., Castro, R. P., Kwon, M., Filler, A., Kowatsch, T., & Schaub, M. P. (2015). Smartphone use and smartphone addiction among young people in Switzerland. *Journal of Behavioral Addictions*, 4(4), 299–307.
- Hwang, K. H., Yoo, Y. S. & Cho, O. H. (2012). Smartphone overuse and upper extremity pain, anxiety, depression, and interpersonal relationships among college students. *The Journal of the Korea Contents Association*, 12(10), 365–375.
- Kang, H.J. (2016). The relationships among smartphone use, mental health and physical health - Focusing on smartphone users' attitudes. *Journal of Digital Convergence*, 14(3), 483–488.
- Kang, H.Y & Park, C.H. (2012). Smartphone addiction scale, factor analysis, cross-validation, preoccupation, life difficulty, usual, excessiveness, relationship. *Korea Journal Psychology Gen*, 31(2), 563–80.
- Khalid, I., Qader, A. & Omar, A. B. (2015). Smart phones usage among the millennial generation in Malaysia. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(14), 1-4.
- Kibona, L. & Mgaya, G. (2015). Smartphones' Effects on Academic Performance of Higher Learning Students. *Journal of Multidisciplinary Engineering Science and Technology*, 2(4), 3159–40.
- Kim H. (2013). Exercise rehabilitation for smartphone addiction. *Journal of Exercise Rehabilitation*, 9, 500–505
- Kim, S.-E., Kim, J.-W. & Jee, Y.-S. (2015). Relationship between smartphone addiction and physical activity in Chinese international students in Korea. *Journal of Behavioral Addictions*, 4(3), 200–205.
- Kim, S.-Y. & Koo, S.-J. (2016). Effect of duration of smartphone use on muscle fatigue and pain caused by forward head posture in adults. *Journal of Physical Therapy Science*, 28(6), 1669–1672.
- King, A. L. S., A. M. Valen, A. C. O. Silva, T. Baczynski, M. R. Carvalho & A. E. Nardi. (2013). Nomophobia: Dependency on virtual environments or social phobia? *Computer Human Behavior*, 29(1), 140-144.
- Kosmo. (2014). *Ketagihan telefon membimbangkan*. 6 Disember.

- Kumar L. R. (2011). Awareness of mobile phone hazards among university students in a Malaysian medical school. *Health*, 3(7), 406–415.
- Kwon M., Lee J.Y, Won W.Y, Park J.W, Min J.A, & Hahn C. (2013). *Development and validation of a smartphone addiction scale (SAS)*. PLoS ONE 8(2).
- Lee, H., Ahn, H., Choi, S. & Choi, W. (2014). The SAMS: Smartphone Addiction Management System and Verification. *Journal of Medical Systems*, 38(1),1–10.
- Lee, H.C., Hong, M.H., Oh, C.K., Shim, S.H., Jun, Y.J., Lee, S.B., Lee, K.K., Paik, K.C., Baek, H.S., & Lim, M.H. (2015). Smart-phone addiction, depression/ anxiety, and self-esteem with attention-deficit hyperactivity disorder in Korean children. *Journal of Korean Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 26(3),159-164.
- Mok J. Y., Choi S. W., Kim D. J., Choi J. S., Lee J., Ahn H., Choi E. J., & Song W. Y. (2014). Latent class analysis on internet and smartphone addiction in college students. *Neuropsychiatric Disease and Treatment*, 10, 817–828.
- Mortazavi, S. M., Atefi, M., & Kholghi, F. (2011). The pattern of mobile phone use and prevalence of self-reported symptoms in elementary and junior high school students in Shiraz, Iran. *Iran Journal Medical Science*, 36(2), 96-103.
- Munezawa, T., Kaneita, Y., Osaki, Y., Kanda, H., Minowa, M., Suzuki, K., Higuchi, S. et al., (2011). The association between use of mobile phones after lights out and sleep disturbances among Japanese adolescents: a nationwide cross-sectional survey. *Sleep*, 34(8),1013–1020.
- Nee, K. G. & Fan, W. S. (2013). *My online friends understand me better – the impact of social networking site usage on adolescent social ties and mental health*. Networked Media Content Seminar 2013 -Growing Social : Empowerment through Engagement.
- North, D., Johnston, K. & Ophoff, J. (2014). The Use of Mobile Phones by South African University Students. *Issues in Informing Science and Information Technology*, 11,115–138.
- Oluwole, F.A. (2014). Effects of Mobile Phone Withdrawal, Gender and Academic Level on Mobile Phone Dependency Among Mass Communication Students in AjayiCrowther University, Oyo, Oyo State, Nigeria. *Cross-Cultural Communication*, 10(5),104-109.
- Park, N. & Lee, H. (2014). *Nature of Youth Smartphone Addiction in Korea Diverse Dimensions of Smartphone Use and Individual Traits* 100–132.
- Pavithra, MB, Suwarna, M., & Muhadeva, M.T.S. (2015). A study on Nomophobia - mobile phone dependence among students of a medical. *National Journal of Community Medicine*, 6(2),340–344.

- Peraman, R. & Parasuraman, S. (2016). Mobile phone mania: Arising global threat in public health. *Journal of Natural Science, Biology and Medicine*, 7(2),198.
- Roberts, J. A., Yaya, L. H. P. & Manolis, C. (2014). The invisible addiction: cell-phone activities and addiction among male and female college students. *Journal of Behavioral Addictions*, 3(4), 254–265.
- Sahin, S., Ozdemir, K., Unsal, A. & Temiz, N. (2013). Evaluation of mobile phone addiction level and sleep quality in university students. *Pakistan Journal of Medical Sciences*, 29(4), 913–918.
- Salehan, M. & Negahban, A. (2013). Social networking on smartphones: When mobile phones become addictive. *Computers in Human Behavior*, 29(6), 2632–2639.
- Shereen N.Z, & Rozumah B. (2009). Mobile Phone use amongst students in a university in Malaysia: Its correlates and relationship to psychological health. *European Journal of Scientific Research*, 37(2);206–218.
- Singh, J. D. & Yadav, R. A. (2015). Health Complications Caused by Excessive Use of Smartphones. *Global Journal of Multidisciplinary Studies*, 4(02),1–7.
- Subba, S. H. (2013). Ringxiety and the mobile phone usage pattern among the students of a medical college in South India. *Journal of Clinical and Diagnostic Research*.
- Utusan Malaysia (2016). *Nomofobia jadikan pengguna hamba gajet*. Utusan Malaysia.
- WHO. (2015). *Public Health Implications of Excessive Use of the Internet, Computers, Smartphones and Similar Electronic Devices Meeting report*, Main Meeting Hall, Foundation for Promotion of Cancer Research National Cancer Research Centre, Tokyo, Japan 27-29 August 2014.

Profil Penulis:

Norbaidurah Ithnain

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur
durrah@moh.gov.my

Dr Shazli Ezzat Ghazali

Program Psikologi Kesihatan
Fakulti Sains Kesihatan, UKM

Norrafizah Jaafar

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur

FAKTOR KETERLIBATAN BELIA DALAM ISU GAY DI KUALA LUMPUR

AZLINA MOHD KHIR & CHE W HASHIMI RAFSANJANI CHE W RAKSAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan latar belakang informan dan meneroka pengaruh yang menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay di Kuala Lumpur. Seramai enam orang belia yang terlibat dalam kajian ini dipilih melalui teknik persampelan snowball. Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam secara tidak berstruktur. Data dianalisis dengan teknik menterjemah rakaman temubual bersama informan dalam bentuk persembahan kes. Hasil kajian mendapati terdapat dua pengaruh yang menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay iaitu pengaruh dalaman dan pengaruh luaran. Pengaruh dalaman meliputi aspek naluri menyukai lelaki, pengaruh masa lampau, kurang penghayatan agama dan mempunyai fahaman atau pemikiran yang terbuka terhadap gay. Manakala pengaruh luaran meliputi pengaruh ruang dan peluang, pengaruh internet, pengaruh persekitaran keluarga yang feminin serta pengaruh rakan sebaya. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi input yang signifikan berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu terlibat dalam gejala gay. Semua pihak yang bertanggungjawab seperti ibu bapa, sekolah, badan-badan NGO dan kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam membanteras gejala yang tidak bermoral ini agar negara dapat melahirkan generasi yang seimbang dari segi fizikal, emosi, rohani dan intelek.

Kata Kunci: *Gejala Gay, Belia, Pengaruh Dalaman, Pengaruh Luaran, Kuala Lumpur*

ABSTRACT

This study aims to describe the background of informants and explore the influences that cause them to be involved in gay activities in Kuala Lumpur. A total of six youths participated in this study and were selected by using snowball sampling technique. This study employs in-depth interview with unstructured questions. Data are analyzed by translating the recorded interviews with informants in the form of case presentation. Findings revealed that there are two influences causing the informants involvement in gay activities. One is the internal influences and the other is external influences. Internal influences include instinct of homosexuality, the influence of past experiences, lack of religious practices and ideology or open-mindedness towards gay. While external influences include the influence of space and opportunity, the influence of the internet, the influence of more femininity in family environment and the influence of peers. Overall, this study provides significant input on the factors that affect individuals involvement in gay activities. All responsible parties such as parents, schools, NGOs and government should play

an important role in combating this immoral phenomenon so that the country can produce a balanced physical, emotional, spiritual and intellectual generation.

Keywords: *Gay, Youth, Internal Influences, External Influences, Kuala Lumpur*

PENGENALAN

Dewasa ini pelbagai masalah sosial telah menular dalam kehidupan masyarakat kesan daripada globalisasi. Salah satu masalah yang semakin menjadi virus dalam pembudayaan cara hidup masyarakat adalah gaya hidup homoseksual. Homoseksual adalah satu istilah yang berasal dari perkataan Greek iaitu 'homo' yang membawa maksud 'sama', merujuk kepada perasaan dan tarikan seksual seseorang terhadap kaum sejenis atau yang sama jantina (Ciccarelli & White, 2012). Homoseksual juga didefinisikan sebagai satu cara hidup sejenis yang menyukai antara satu sama lain dalam pergaulan, corak hidup, dan unsur-unsur seksualiti sejenis (Syarifah Rohaniah, 2011). Bagi lelaki yang homoseksual, mereka dikenali sebagai gay, manakala bagi wanita homoseksual dikenali sebagai lesbian. Gaya hidup sebagai gay mahupun lesbian ini mencetuskan pelbagai kontroversi dalam masyarakat dunia hari ini kerana ia memberi pelbagai kesan negatif kepada individu dan masyarakat.

Gejala homoseksual ini menjadi satu isu yang mengemparkan masyarakat di Malaysia ekoran daripada perjuangan Seksualiti Merdeka pada tahun 2011. Sebanyak 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu-individu cuba mempromosikan program Seksualiti Merdeka 2011 dengan tujuan untuk mempertahankan hak golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) agar diterima dalam kalangan masyarakat negara ini yang dianggap hak manusia sejagat (Utusan Online, 2 November 2011). Walau bagaimanapun pihak keselamatan telah mengharamkan semua program berkenaan isu ini yang mempromosikan seks bebas, berikutan bantahan meluas pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi agama Islam dan bukan Islam (mstar.com.my, 4 November 2011).

Gejala homoseksual ini telah memberi pelbagai kesan negatif kepada pengamalannya mahupun masyarakat. Menurut sumber daripada Global AIDS Response Progress Report Malaysia 2015, berlaku peningkatan trend jangkitan HIV melalui hubungan seksual tanpa perlindungan sama ada bagi golongan heteroseksual mahupun homoseksual. Malah, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (2014) menunjukkan berlaku peningkatan kes HIV bagi faktor risiko homoseksual iaitu daripada 301 kes pada tahun 2010 kepada 984 kes pada tahun 2014. Keadaan ini menggambarkan bahawa pengamal homoseksual sangat berisiko untuk dijangkiti HIV dan populasi mereka terus meningkat dari tahun ke tahun. Malah menurut laporan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), golongan gay atau homoseksual kini telah mencecah puluhan ribu orang (Amran & Noriah, 2014).

Terdapat pelbagai faktor yang dapat dikaitkan dengan kemunculan golongan gay ini di serata dunia yang mana melibatkan faktor kekeluargaan, keadaan

psikologi individu secara naluri, genetik dan biologi, termasuklah ruang budaya internet dalam masyarakat (Friedman, 1998). Media sosial seperti *Facebook* juga menjadi platform penting bagi golongan ini untuk mencari kenalan baru sesama mereka di samping aplikasi-aplikasi yang diwujudkan bagi golongan gay dengan hanya dimuat turun melalui telefon pintar. Selain itu, penubuhan sauna-sauna khas bagi golongan gay seperti menggalakkan lagi gejala yang tidak normal dan tidak bermoral ini.

Justeru, kajian secara kualitatif ini dilakukan bertujuan untuk menghuraikan latar belakang informan dan meneroka pengaruh yang menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay. Dengan meneroka dan memahami pengaruh atau punca sebenar informan terlibat dengan gejala gay ini, pihak yang bertanggungjawab dapat meneliti, merancang dan mengatasi masalah yang kian parah ini agar ianya dapat dibendung dan tidak terus menular dalam budaya masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Pengamalan cara hidup homoseksual banyak dipengaruhi oleh dalaman seseorang individu dan juga persekitaran (Amran & Salleh, 2015). Terdapat penyelidik lepas seperti Friedman (1988) menyatakan bahawa keadaan psikologi individu secara naluri, genetik dan biologi yang menyebabkan seseorang cenderung menjadi pengamal homoseksual khususnya gay. Grimbois *et. al.*, (2010), Swaab (2004) dan Levay (2011), turut menyatakan bahawa orientasi seksual sama ada heteroseksual mahupun homoseksual adalah dipengaruhi dan ditentukan secara biologi. Malah, di Amerika Syarikat kepercayaan bahawa orientasi seksual berasaskan genetik sangat berkait dengan toleransi yang lebih baik terhadap lelaki gay dan kepercayaan bahawa mereka berhak mendapat hak yang sama dengan orang lain (Mitchell & Dezarn, 2014). Kajian yang dilakukan Mitchell dan Dezarn (2014) ke atas 224 pelajar kolej di Eastern Kentucky University mendapati responden yang percaya bahawa isu gay diperjelaskan oleh faktor genetik lebih bertoleransi terhadap lelaki gay berbanding responden yang percaya isu gay tersebut dipengaruhi oleh faktor persekitaran atau pilihan. Menurut Hegarty (2002), kepercayaan bahawa keinginan seksual sesama jantina disebabkan oleh faktor biologi adalah suatu kepercayaan yang pro kepada gay. Selain daripada faktor genetik dan biologi, Friedman (1988) turut menekankan faktor kekeluargaan di samping ruang budaya internet dalam masyarakat yang turut menyumbang kepada gejala songsang ini. Menurut Friedman lagi, dalam aspek kekeluargaan, perkembangan anak-anak yang cenderung kepada homoseksual mahupun heteroseksual adalah berbeza. Anak-anak yang hidup dalam kalangan homoseksual mengalami kebimbangan, kesukaran dan kekurangan dalam aspek rol model oleh bapa dalam sesebuah keluarga.

Kini, kewujudan budaya homoseksual terutamanya di dunia dan di Malaysia banyak dikaitkan dengan keadaan sosial dan peranan media massa (Amran & Salleh, 2015). Kedua-dua elemen ini memberi kesan yang hebat kepada pembudayaan kehidupan berdasarkan penilaian individu terhadap dirinya. Kajian oleh Suriati,

Jabil, dan Azilah (2009) yang mengkaji bagaimana peranan infrastruktur komuniti di dalam dan sekitar institusi pengajian tinggi di Malaysia membina pengukuhan identiti golongan transgender mendapati kebanyakan responden menggunakan infrastruktur tersebut bagi mengukuhkan gaya hidup mereka. Kafe siber, pusat membeli belah, farmasi dan premis menjual buku adalah antara lokasi tumpuan golongan ini. Keadaan ini menjelaskan hubungan positif mengenai infrastruktur komuniti dengan golongan mereka dan menganggap ini sebagai satu sistem sokongan kepada mereka. Selain itu, Suriati *et. al.* (2009) turut mencadangkan bahawa sifat terbuka terhadap fenomena ini mengakibatkan fenomena ini terus meluas dengan pertambahan golongan ini dalam kalangan masyarakat umum.

Turut membimbangkan apabila melimpahnya laman sembang yang mempromosikan aktiviti songsang terutamanya menerusi *Facebook*. Ia menggambarkan bahawa persoalan adab manusia semakin terancam, yakni sedang dicabar agar pengamal budaya keliru itu diberikan pengiktirafan dan hak secara bebas memilih kerana ia adalah prinsip yang dijamin menerusi tafsiran kebebasan asasi (Utusan Online, 16 Mac 2012). Tanpa segan silu mereka secara terang-terangan mengaku sebagai golongan gay di media massa dan melebarkan sayap mencari kenalan-kenalan baru sesama mereka dengan menggunakan aplikasi seperti 'Hornet', dan 'Grindr' yang diwujudkan khas bagi golongan gay dengan hanya dimuat turun melalui telefon pintar.

Selain itu, terdapat pengkaji yang mengaitkan pengaruh masa silam atau pengalaman pahit pada fasa perkembangan sebelumnya dengan gejala homoseksual ini. Kes-kes terpencil seperti terlalu kecewa dalam percintaan dengan kekasih yang merupakan perempuan membawa peralihan kesukaan kepada sesama jantina, sehingga budaya ini menjadi panduan kehidupan peribadinya (Syarifah Rohaniah, 2011). Di samping itu, Hughes (2006) mendapati sebanyak 28 peratus lelaki yang homoseksual mempunyai pengalaman pahit sebagai mangsa penderaan seksual sewaktu zaman kanak-kanak. Menurut Amran dan Suriati (2013), kesan daripada penderaan seksual tersebut menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menerima apa yang dilakukan oleh dirinya sehingga mempengaruhi gaya hidup mereka apabila dewasa.

Dari aspek psikologi, kebanyakan pengkaji melihat seseorang yang homoseksual merasakan bahawa mereka terperangkap dalam diri yang salah dari segi orientasi seksualnya yang mana naluri dan tuntutan dalaman diri mereka hanya dipenuhi oleh sesama jantina (Wan Azmi, 1991; Amran & Suriati, 2013). Bahkan golongan homoseksual merasakan mereka dilahirkan secara psikologi sebegini yang tertarik untuk disentuh, dipeluk dan ditegur sapa oleh golongan lelaki yang selalu berkunjung ke rumah mereka semasa kecil (Nor Mazlina *et. al.*, 2011). Ini dikukuhkan lagi dengan pendekatan psikodinamik yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud yang menekankan kepada naluri semula jadi manusia. Personaliti manusia yang dibina daripada tiga(3) sistem yang saling berinteraksi iaitu id, ego dan super-ego sangat mempengaruhi tingkah laku manusia untuk bertindak rasional

mahupun sebaliknya. Id merupakan tempat di mana terletak naluri-naluri atau keinginan dan gesaan yang secara berterusan memerlukan pengluhan (Ma'rof & Haslinda, 2004). Ia bertindak berlandaskan kepada prinsip kenikmatan. Apabila naluri muncul maka id cuba memuaskannya. Ego pula merupakan bahagian personaliti yang rasional, logikal dan realistik. Ego beroperasi berdasarkan prinsip realiti. Manakala super-ego merupakan pengawal moral, di mana batasan ke atas id dan ego dikenakan oleh superego. Oleh itu, golongan homoseksual sering dikaitkan dengan perbuatan memenuhi tuntutan id tanpa menghiraukan super-ego.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian kes. Kajian kes merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengkaji individu atau institusi secara mendalam dan terperinci dalam konteksnya tersendiri. Seramai enam (6) orang belia yang berumur antara 19 hingga 28 tahun dan terlibat dalam gejala gay di Kuala Lumpur telah dijadikan informan untuk kajian ini. Pemilihan informan adalah melalui teknik persampelan *snowball*. Teknik persampelan *snowball* adalah teknik yang dilakukan bagi memperoleh maklumat daripada informan untuk mendapatkan informan yang seterusnya. Informan kajian diminta untuk mencadangkan informan seterusnya yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai berdasarkan kajian yang dijalankan.

Teknik pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini adalah temubual secara mendalam dan tidak berstruktur. Temubual tidak berstruktur membolehkan informan meluahkan sesuatu pengalaman dan pandangan secara terperinci dan mendalam. Temubual ini sesuai dalam kajian kes kerana ianya membenarkan soalan terbuka dan proses menjawab (*open-ended question and answering*) antara pengkaji dan informan dengan menekankan penerokaan terhadap sesuatu yang dianggap penting terutamanya satu fenomena. Perakam suara telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data dan maklumat yang ingin dikumpul. Data dianalisis dengan teknik menterjemah rakaman temubual bersama informan dalam cara persembahan kes. Tema serta kod-kod yang tertentu diberikan kepada semua maklumat yang berkaitan dan maklumat tersebut dianalisis berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Informan

Maklumat latar belakang informan dipaparkan dalam Jadual 1. Lima (5) daripada enam (6) informan berumur dalam lingkungan 20 hingga 29 tahun, manakala seorang informan berumur kurang daripada 20 tahun. Selain itu, didapati lima (5) orang informan adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu manakala seorang informan adalah beragama Kristian dan berbangsa Suluk.

Seterusnya, seorang sahaja informan berasal dari Kuala Lumpur manakala lima (5) lagi informan berasal dari luar Kuala Lumpur. Dalam konteks turutan

dan bilangan adik beradik, dua (2) orang informan adalah anak tunggal, dua (2) orang informan adalah anak pertama dan selebihnya merupakan anak kedua dan kelima dalam keluarga. Bagi tahap pendidikan, semua informan dalam kajian ini mempunyai pendidikan pada tahap tertiar sama ada A-Level, diploma mahupun ijazah pertama.

Dalam konteks pekerjaan, empat (4) daripada enam (6) informan mempunyai pekerjaan yang tetap manakala dua (2) lagi informan masih belajar. Pendapatan bulanan informan yang bekerja adalah dalam lingkungan RM2000 hingga RM3000.

Jadual 1: Latar Belakang Informan

Latar belakang	Informan					
	A	B	C	D	E	F
Umur	25	19	27	26	24	28
Asal	Kota Tinggi	Ranau	Kuala Lumpur	Kota Bharu	Shah Alam	Klang
Agama	Islam	Kristian	Islam	Islam	Islam	Islam
Bangsa	Melayu	Suluk	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu
Turutan adik Beradik	1 drpd. 5	1 drpd. 1	2 drpd. 3	1 drpd. 2	5 drpd. 5	1 drpd. 1
Pendidikan	Diploma	A-Level	Ijazah	Diploma	Ijazah	Ijazah
Pekerjaan	Kerani Bank	Pelajar	Eksekutif	Pegawai	Pelajar	Guru
Pendapatan	RM2000	-	RM2500	RM2100	-	RM3000

Pengaruh Gejala Gay dalam kalangan Belia

Dapatan kajian mendapati dua (2) tema telah dikenal pasti sebagai pengaruh utama yang menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay. Tema tersebut ialah pengaruh dalaman dan pengaruh luaran yang menyebabkan informan secara langsung dan tidak langsung terjerumus ke arah seksualiti songsang atau dalam erti kata lain adalah gay.

TEMA PERTAMA: PENGARUH DALAMAN

Pengaruh dalaman ini melibatkan aspek dalam diri sendiri yang mendorong ke arah kehidupan songsang tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah meneroka beberapa pengaruh dalaman hasil temubual pengkaji dengan beberapa informan. Antara pengaruh dalaman tersebut adalah naluri menyukai lelaki, pengaruh masa lampau, pengaruh kurang penghayatan agama dan mempunyai fahaman atau pemikiran yang terbuka terhadap gay. Sub-tema bagi pengaruh dalaman dibincangkan seperti di bawah.

Sub-Tema: Naluri Menyukai Lelaki

Pengaruh dalaman ini lebih berkait rapat dengan aspek dalam diri sendiri atau kehendak diri. Terdapat informan yang menyatakan bahawa mereka menjadi gay kerana naluri menyukai lelaki yang tinggi. Sebanyak dua (2) orang informan sedar akan naluri mereka yang kuat terhadap kaum sejenis dan menyukai kaum sejenis apabila mencapai akil baligh yang mana terbukti melalui kata-kata mereka sendiri:

“Saya mula suka kat lelaki waktu awal-awal capai umur...Waktu tu saya sekolah menengah tingkatan dua kalau tidak silap...Waktu mula-mula mimpi basah, saya mimpi main seks dengan senior lelaki sekolah saya...Best giler! Kalau boleh saya nak mimpi macam tu lagi...sejak dari tu saya dah start melancap bayangkan budak-budak laki di sekolah” (Informan A)

“Saya mula suka kat budak-budak laki since saya mimpi basah waktu tengah tidur malam...saya tidak pasti budak lelaki tu siapa... saya rasa seronok...tapi pelik sebab mimpi main dengan lelaki” (Informan D)

Berdasarkan kenyataan di atas, ia menunjukkan kedua-dua informan mempunyai naluri menyukai lelaki semenjak mencapai akil baligh dan seterusnya pengaruh tersebut mendorong mereka untuk terlibat dalam gejala homoseksual ini. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Wan Azmi (1991) serta Amran dan Suriati (2013) yang mendapati naluri dan tuntutan seseorang yang homoseksual hanya dipenuhi oleh sesama jantina. Malah mereka bertindak mengikut nafsu berlandaskan prinsip kenikmatan (id) tanpa menghiraukan super-ego yang menekankan prinsip moral.

Sub-Tema: Pengaruh Masa Lampau

Seseorang yang mempunyai pengalaman masa lampau yang pahit dan ‘hitam’ akan memberi kesan negatif kepada dirinya. Mereka mungkin menyimpan satu perasaan dendam terhadap apa yang berlaku dan juga mungkin akan bertingkah laku seperti mana yang dialami untuk mengadaptasi peristiwa tersebut di masa hadapan. Pengalaman masa lampau seperti pernah diliwat pada usia muda atau zaman kanak-kanak menjadi titik permulaan dan turut mendorong informan terlibat dalam gejala gay. Berdasarkan hasil temubual, pengkaji mendapati dua daripada enam orang informan telah dicabul atau diliwat ketika di zaman remaja. Seorang informan telah dicabul oleh warden asrama ketika berusia 15 tahun, manakala seorang informan lagi telah diliwat oleh bapa saudaranya ketika berusia 12 tahun. Ini dibuktikan hasil daripada temubual bersama informan tersebut:

“Dulu saya ni belajar kat sekolah asrama...Waktu tu saya baru tingkatan tiga...Saya ingat lagi, time tu cuti sekolah, so saya dengan budak-budak bola tak balik kampung sebab sebelah petang ada training...Jadi malam tu, datang warden nie tidur sebelah saya, peluk-peluk saya...Lama-lama warden tu makin ‘ganas’...hmmm...Saya jadi takut sampai tak tahu nak buat apa...” (Informan A)

“Waktu tu saya baru 12 tahun dan waktu tu juga saya kat kampung... Time tu cuti sekolah so parents hantar saya balik kampung. Saya tidur sebilik dengan pakcik saya...Hmmm...Pakcik

dah mula buat perkara yang saya rasa sangat tak selesa time tu... Saya pulak tak leh nak lawan sebab pakcik saya besar...Sampai satu tahap tu, pakcik dah mula liwat saya...Sakitnya tu sampai saya tak leh nak cakap apa-apa...Apa yang saya boleh buat time tu, saya hanya diam sebab takut..." (Informan F)

Kajian ini menyokong Amran dan Suriati (2013) yang menyatakan bahawa kesan penderaan seksual sewaktu zaman kanak-kanak mempengaruhi gaya hidup mereka apabila dewasa. Selain itu, pengalaman lampau seperti putus cinta dan kecewa dengan kaum wanita juga menyumbang kepada perasaan suka kepada kaum sejenis. Walaupun keadaan ini merupakan kes-kes terpencil seperti mana yang diutarakan oleh Syarifah Rohaniah (2011), namun ia selari dengan hasil temubual bersama informan:

"Aku ni dulu banyak kali main cinta dengan budak-budak perempuan ni... Last-last aku kena tinggal. Aku pun bercinta lagi...hmmm, jodoh tak panjang, putus juga pertunangan kami... Nak tau sebab apa? Sebab bekas tunang aku tu main kayu tiga... Last-last member lelaki aku ni juga yang nasihat aku, ajak keluar untuk cari ketenangan katanya...Ntah macam mana aku boleh tersuka kat member aku tu sendiri...Mungkin sebab baik sangat kot, rasa macam disayangi pulak..." (Informan C)

Informan yang beberapa kali putus cinta bersama kaum wanita akan berasa kecewa dan putus asa dalam percintaan, dan akhirnya beralih arah kepada pasangan sejenis bagi mengelakkan peristiwa yang sama berulang lagi. Ini ditambah dengan kehadiran kenalan lelaki yang begitu mengambil berat dan menunjukkan kasih sayang dalam keadaan informan berhadapan dengan kekecewaan. Justeru, penyelidik mendapati pengalaman masa lampau seperti kecewa dengan cinta wanita dan menjadi mangsa penderaan seksual seperti diliwat juga antara pengaruh dalaman yang menyumbang kepada penglibatan dalam gejala gay.

Sub-Tema: Pengaruh Kurang Penghayatan Agama

Penghayatan agama adalah penting dalam memandu manusia bertingkah laku secara baik dan bermoral. Banyak masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah disebabkan oleh kurangnya penghayatan kepada agama. Malah, agama dan keimanan merupakan benteng yang paling kukuh dalam mengawal hawa nafsu serta mendidik individu untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Melalui kajian ini, penyelidik mendapati dua daripada enam informan mengaitkan isu agama dalam membincangkan masalah gay yang mereka hadapi iaitu:

"My mom and dad sendiri tak pernah jejak kaki ke Gereja, apatah lagi nak bawa saya pergi gereja... Jadi saya langsung tak peduli soal agama..." (Informan B)

“Saya memang lahir dari keluarga yang mempunyai pegangan agama yang kuat...Nak-nak ayah saya, ustaz kat sekolah...Saya pernah beberapa kali khatam Al-Quran...Hmm tapi, semua tu saya tak hayati dalam hidup... Solat pun kadang-kadang tak cukup...”
(Informan D)

Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas menunjukkan bahawa aspek keagamaan yang rendah dan lemah antara pengaruh yang menyebabkan informan terjerumus dalam gejala gay. Penghayatan agama dalam kehidupan harian seharusnya menjadi satu perkara yang wajib dalam kehidupan. Individu yang berpegang dengan agama akan dapat memastikan baik dan buruk sesuatu perkara sebelum bertindak untuk melakukannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa informan yang kurang berpegang teguh kepada agama menyebabkan mereka terpesong dari batas kehidupan yang normal sebagai seorang manusia.

Sub-Tema: Mempunyai Fahaman Atau Pemikiran Yang Terbuka Terhadap Gay

Pemikiran atau fahaman yang salah terhadap sesuatu perkara boleh menyebabkan timbulnya sesuatu masalah. Terdapat informan yang menyatakan bahawa menjadi gay adalah normal dan ianya merupakan hak asasi manusia. Disebabkan itu, informan melibatkan diri dalam gejala gay. Sebagai contoh, seorang informan menyatakan:

“Saya jadi gay dan saya rasa itu normal...Tak salah pun jadi gay, semua ini hak masing-masing... Hak asasi manusia kan, janji kau tak kacau aku, aku tak kacau kau...Ermmm macam itulah konsepnya...” (Informan B)

Pemikiran atau pemahaman yang terbuka terhadap gay adalah antara pengaruh yang menyebabkan berlakunya gejala gay. Informan yang berpendirian sebegini kelihatan berani dan yakin dengan tingkah laku homoseksualnya. Ini kerana tingkah laku informan sangat dipengaruhi oleh pemikiran dan kepercayaannya bahawa gay itu adalah normal dan hak masing-masing.

TEMA KEDUA: PENGARUH LUARAN

Pengaruh luaran melibatkan aspek di luar diri sendiri yang mendorong kepada berlakunya gejala gay yang dikaji ini. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa sub-tema pengaruh luaran hasil daripada temubual bersama informan iaitu pengaruh ruang dan peluang, pengaruh internet, pengaruh persekitaran keluarga yang feminin serta pengaruh pergaulan rakan sebaya. Sub-tema bagi pengaruh luaran dibincangkan seperti di bawah.

Sub-Tema: Pengaruh Ruang Dan Peluang

Dewasa ini, semakin banyak ruang dan peluang bagi generasi belia terutamanya di Kuala Lumpur untuk terlibat dalam gejala gay. Pembangunan fizikal yang pesat di ibu kota antara salah satu punca gejala gay ini berleluasa. Penubuhan hotel-hotel, pusat membeli belah, kelab-kelab malam terutamanya kelab malam untuk golongan

gay semakin berkembang. Premis-premis ini yang beroperasi sehingga larut pagi memberi ruang dan peluang kepada golongan belia untuk terjebak dengan gejala gay ini. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui respon informan seperti berikut:

“Saya pergi ke rumah-rumah urut yang ada di sekitar KL...Ermn saya pergi dan cari rumah urut yang memang khas untuk golongan gay... Bukan apa, sebab saya nak rasa sendiri macam mana suasana kat rumah urut tu...Bila dah pergi sekali, rasa ketagih... so jap-jap nak pergi lagi... Kiranya berulang kali jugak lah saya pergi rumah urut gay tu...Jadi dari situ jugak lah saya dah mula buat seks dengan budak laki...” (Informan B)

“Bila hujung minggu je, saya mesti turun KL...Yelah, kat KL je pun senang dan banyak tempat-tempat macam ni... Kat lain memang susah nak cari... Turun KL pun semata-mata nak pergi kelab malam gay...Sekali masuk kelab malam tu, mesti nak masuk lagi...Dah masuk, macam-macam ada... Nak tengok abang sado yang tak pakai baju ke, nak tengok yang separuh bogel, semua ada...” (Informan D)

“Cikgu sekolah saya sendiri pernah ajak saya main kat hotel...Hotel murah-murah banyak, nak-nak kat tengah bandar tu...Sekali check-in, baru 50, 60 ringgit...Saya tak bayar, tapi cikgu yang bayar... Saya cuma ikut cikgu sebab nak main...” (Informan E)

Berdasarkan kenyataan di atas dapat dilihat bahawa terdapat banyak ruang dan peluang yang amat mudah dicapai bagi golongan belia ini melibatkan diri dalam gejala gay. Seperti mana yang diketahui, ruang dan peluang ini melibatkan infrastruktur seperti hotel bajet, kelab malam, rumah urut dan sebagainya. Oleh yang demikian, keadaan ini jika tidak terkawal akan membimbangkan semua pihak sekaligus meruntuhkan akhlak generasi yang bakal membangun di masa hadapan.

Sub-Tema: Pengaruh Internet

Salah satu pengaruh yang mendorong kepada peningkatan gejala gay adalah internet. Dua daripada informan menyatakan bahawa mereka melayari video-video lucu dengan hanya melayari internet bagi memenuhi kepuasan dan kehendak nafsu. Mereka juga menggunakan aplikasi gay yang boleh dimuat turun melalui Google Play Store bagi menambah kenalan, bertukar pendapat, dan sebagainya. Kenyataan ini telah diakui oleh kedua-dua informan tersebut melalui temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji iaitu:

“Saya suka tengok video-video lucu ni... Zaman sekarang lagi senang, buka je google, lepas tu search...Nak yang macam mana, semua ada... Yang lesbian, gay, straight, semua ada...” (Informan B)

“Kat Google Play Store tu, ada satu aplikasi yang memang khas untuk golongan gay...Ermmm, apps tu kami panggil Hornet... Cuma sign in, lepas tu boleh cari kenalan baru...Yang pasti semua kenalan dalam tu gay...Sebab memang apps untuk kaum gay...” (Informan D)

“Saya ada satu apps ni, namanya Grindr...Apps ni best sebab boleh kenal-kenal dengan orang baru...Nak cari yang hensem, jambu, kurus, sado semua ada dalam Grindr tu...Hmm cuma kena download apps tu dari Google Play Store je...” (Informan B)

Penggunaan internet khususnya media sosial tanpa kawalan mendatangkan banyak keburukan. Ini dapat dilihat apabila informan melayari internet untuk menonton video-video lucu. Bukan itu sahaja, aplikasi khas bagi golongan gay dan boleh dimuat turun melalui Google Play Store itu telah memberi peluang kepada informan untuk menambah kenalan sesama mereka. Keadaan ini mendatangkan keburukan dan membawa kesan negatif kepada belia hari ini. Jika perkara ini tidak dapat dibendung, dikhawatiri bilangan belia yang terlibat dengan gejala negatif ini terus meningkat dari semasa ke semasa.

Sub-Tema: Pengaruh Rakan Sebaya

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat dua informan yang dipengaruhi oleh rakan sebaya untuk melibatkan diri dalam gejala gay. Salah seorang informan tersebut menyatakan dirinya dipengaruhi oleh rakan sebilik sewaktu di universiti. Rakan sebilik informan yang juga merupakan seorang gay telah mengajar informan mengenai kehidupan sebagai seorang gay. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan tersebut :

“Masa mula-mula masuk universiti, roommate saya tu gay jugak rupanya...Terkejut juga pada awalnya, tapi saya boleh terima... Kawan saya tulah yang banyak ajar saya pasal gay ni...Ermm ajar saya macam mana nak kenal budak-budak gay, ajar saya macam mana nak cari kenalan, dan macam-macam lagi lah...” (Informan D)

Informan yang seterusnya juga menyatakan bahawa dirinya berjumpa dan berkawan dengan ramai rakan-rakan gay terutamanya ketika berada di universiti. Hasil pergaulan inilah yang menjadikan informan lebih cenderung untuk terlibat dengan gejala gay. Ini kerana informan belajar banyak perkara mengenai gay dengan rakan-rakan tersebut dan selalu terikut akan ajakan rakan-rakannya. Ini dibuktikan melalui kenyataan informan seperti berikut:

“Start masuk universiti, saya dah mula berkawan dengan budak-budak gay ni...Ramai, memang ramai...Ermmm, kat kelas saya pun ada budak-budak gay...Berkawan dengan dia orang memang best, bukan apa, mereka ni memahami...Jadi apa yang kita nak

buat dia orang akan faham... Bila budak-budak ni ajak pergi kelab ke, sauna ke, saya ikut je... Janji benda tu seronok... Bukan senang nak ada kawan macam ni..." (Informan F)

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa rakan sebaya adalah antara pengaruh yang boleh menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay. Rakan sebaya juga dianggap sebagai orang yang rapat dengan informan dan sekaligus menjadikan informan terikat-ikot atau terpengaruh dengan mereka. Oleh itu, pemilihan rakan sebaya yang baik akan membawa kepada kehidupan yang positif.

Sub-Tema: Pengaruh Persekitaran Keluarga Yang Feminin

Pengkaji mendapati terdapat informan yang dibesarkan dalam suasana persekitaran yang feminin. Ini kerana informan tersebut mempunyai adik beradik perempuan sahaja malah informan tersebut adalah anak bongsu. Suasana feminin ini yang mencetuskan sifat kewanitaan dalam diri informan. Antara kenyataan yang dipetik ialah:

"Saya membesar dalam persekitaran yang feminin... Saya cuma ada empat orang kakak lepas tu saya pula anak bongsu... Waktu kecik-kecik dulu, mak selalu pakaikan saya baju-baju kakak... Nampak cantik jugak... Saya pun suka main dengan anak patung Barbie Doll... Sebab mak yang belikan... Saya mana pernah main video player, bola sepak pun saya tak reti... Kaki bangku kot... Hmm sebab itulah saya nak jadi cantik dan rasa feminin dalam diri saya ni semakin lama semakin kuat sampai la saya besar panjang ni..." (Informan E)

Kajian ini mendapati persekitaran di mana anak-anak dibesarkan sangat mempengaruhi tingkah laku anak-anak apabila dewasa kelak. Ibu bapa seharusnya menitikberatkan tanggungjawab dalam membentuk tingkah laku anak yang selaras dengan peranan gender anak mereka. Sekiranya konflik identiti ini berlaku ia boleh menyumbang kepada pelbagai masalah dan salah satunya adalah gejala gay bagi anak-anak lelaki yang diasuh seperti anak perempuan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian mendapati gejala homoseksual khususnya gay telah berleluasa dalam masyarakat kita hari ini. Pelbagai faktor sebenarnya yang mempengaruhi seseorang individu untuk terjebak dengan amalan songsang ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati pengaruh gejala gay boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengaruh dalaman dan pengaruh luaran. Pengaruh dalaman meliputi aspek naluri menyukai lelaki, pengaruh masa lampau iaitu pernah kecewa dengan cinta wanita dan mangsa penderaan seksual, kurangnya penghayatan agama dan mempunyai fahaman atau pemikiran yang terbuka terhadap

gay. Manakala pengaruh luaran meliputi pengaruh ruang dan peluang, pengaruh internet, pengaruh rakan sebaya serta pengaruh persekitaran keluarga yang feminin. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia memberi input yang signifikan kepada semua pihak termasuk individu, badan-badan NGO, institusi-institusi keagamaan dan bukan keagamaan, mahupun pihak kerajaan dalam meneliti perkara-perkara yang mempengaruhi seseorang individu terlibat dalam gejala gay ini. Justeru, semua pihak yang bertanggungjawab seperti ibu bapa, sekolah, badan-badan NGO dan kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam membanteras gejala yang tidak bermoral ini agar negara dapat melahirkan generasi yang seimbang dari segi fizikal, emosi, rohani dan intelek.

RUJUKAN

- Amran, H. & Suriati, G. (2013). Sexual abuse and childhood traumatic experience: A case study on the psychological health of transsexuals in Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*, 1(1), 33-42.
- Amran, H. & Noriah, M. (2014). Alternatif keagamaan dan kaunseling; Sebagai rawatan utama mengatasi permasalahan homoseksualiti. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 79-92.
- Amran, H. & Salleh, A. (2015). Kefahaman terhadap aspek pendefinisian dan ciri utama golongan homoseksual. e-Bangi: *Journal of Social Science and Humanities*, 10(1), 195-207.
- Ciccarelli, S. K. & White, J. N. (2012). *Psychology: An Exploration*. Pearson Higher Ed.
- Friedman, R.C. (1998). Homosexuality. *Journal of Psychological Association*. 69-79.
- Grimbos, T., Dawood, K., Burriss, R. P., Zucker, K. J., & Puts, D. A. (2010). Sexual orientation and the second to fourth finger length ratio: A meta-analysis in men and women. *Behavioral Neuroscience*, 124, 278-287.
- Haider-Markel, D. P., & Joslyn, M. R. (2008). Beliefs about the origins of homosexuality and support for gay rights: An empirical test of attribution theory. *Public Opinion Quarterly*, 72, 291-310.
- Hegarty, P. (2002). 'It's not a choice, it's the way we're built': Symbolic beliefs about sexual orientation in the U.S. and Britain. *Journal of Community & Applied Social Psychology*, 12, 153-166.
- Hughes, J. R. (2006). A general review of recent reports on homosexuality and lesbian. *Sexual Disability*, 24, 195-205.
- Levay, S. (2011). From mice to men: Biological factors in the development of sexuality. *Frontiers in Neuroendocrinology*, 32, 110-113.

- Ma'rof, R. & Haslinda, A. (2004). *Psikologi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mitchell, R. W. & Dezarn, L. (2014). Does Knowing Why Someone is Gay Influence Tolerance? Genetic, Environmental, Choice, and “Reparative” Explanations. *Sexuality & Culture* (2014) 18, 994–1009
- Mstar (2011). *Seksualiti Merdeka diharamkan*. 4 November 2011. Farah Fazanna Zulzaha. (<http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2011/11/04/seksualiti-merdeka-diharamkan/#GR0f8X2m8AVOdCOx.99>). [Dimuat turun pada 10 November 2016].
- Nor Mazlina, G., Edris, A. & Cheong, C. L. (2011). *Gay Disclosure: Consequences and Coping Strategies*. Kertas Kerja Pembentangan Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS 2011.
- Suriati, G., Jabil, M., & Azila, M. N. (2009). *Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Swaab, D. F. (2004). Sexual differentiation of the human brain: Relevance for gender identity, transsexualism and sexual orientation. *Gynecological Endocrinology*, 19(6), 301–312
- Syarifah Rohaniah, S. M. (2001). *Effeminacy among Male University Students Of Malaysia: What are the Underlying Contributing Factors*. Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS 2011.
- Utusan Online (2011). *20 NGO anjur Seksualiti Merdeka*. 2 November 2011. Azhari Zainooddin & Muhamad Aimy Ahmad. (http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1102&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm#ixzz4v7JAOIcV) [Dimuat turun pada 10 November 2016].
- Utusan Online (2012). *Promosi Budaya Gay: Runtuhnya Proses Mengadabkan Insan*. 16 Mac 2012. Aziz Jamaludin Mhd Tahir. (<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/promosi-budaya-gay-runtuhnya-proses-mengadabkan-insan-1.295745>). [Dimuat turun pada 10 November 2016].
- Wan Azmi, R. (1991). *Dilema Mak Nyah: Suatu ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Profil Penulis:

Azlina Mohd Khir, PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia, UPM

m_azlina@ upm.edu.my

Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan

Bachelor Sains Pembangunan Manusia

Fakulti Ekologi Manusia, UPM

PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DI KOLEJ KOMUNITI

NOR HIDAYAH MOHAMED, SITI RABA'AH HAMZAH, ISMI ARIF ISMAIL
& BAHAMAN ABU SAMAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menentukan tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia. Pembangunan belia positif merupakan pendekatan berasaskan teori yang menekankan kekuatan, potensi dan minat yang dimiliki oleh belia berbanding kekurangan dan kelemahan yang mereka ada. Pelajar kolej komuniti sering dilihat secara negatif kerana kelemahan mereka dalam bidang akademik menjadikan pendekatan ini wajar untuk dikaji terhadap mereka yang juga memiliki kelebihan dan kekuatan tersendiri. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan terhadap 677 orang pelajar di kolej komuniti secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan borang soal selidik tabdir sendiri dan diadaptasi daripada instrument The Bridge-Positive Youth Development oleh Lopez et al., (2014). Analisis kajian menunjukkan tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti adalah tinggi (82.4%) dengan nilai min = 4.034 dan sisihan piawai = 0.414. Keputusan ini membuktikan bahawa belia di kolej komuniti mempunyai atribut pembangunan belia positif iaitu kompeten, keyakinan, karakter, berhubungan dan prihatin dan belas kasihan serta mampu dibangunkan seiring dengan teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Malaysia.

Kata Kunci: *Pembangunan belia, Pembangunan belia positif, kolej komuniti, belia, 5C*

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the level of positive youth development among Community College students in Malaysia. Positive youth development is a theoretical based approach that emphasizes the strengths, potentials and interests that students possessed compared to their deficiencies and weaknesses. This approach is suitable to Community College students since they are not academically inclined but they still have their own talents and potentials. Therefore, a quantitative study has been conducted towards 677 students in Community College and analysed descriptively. This study uses a self-administered questionnaire which was adapted from The Bridge-Positive Youth Development instrument by Lopez et al., (2014). The analysis shows that the level of positive youth development among Community College students is high (82.4%) with mean = 4.034 and standard deviation = 0.414. The finding proves that youth in community colleges have the attributes of positive youth development that are competent, confident, character, caring and compassion and able to be developed in line with the Malaysian Youth Policy.

Keywords: *Youth development, positive youth development, community college, youth, 5C*

PENGENALAN

Pembangunan belia positif merupakan terma yang diwujudkan hasil kajian saintis pembangunan belia berdasarkan kajian perbandingan dan evolusi biologi mengenai potensi yang dimiliki oleh belia untuk berubah secara sistematik dan fleksibel dalam pembangunan mereka (Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner, 1992). Setiap belia mempunyai kekuatan dan aset tersendiri yang perlu dipupuk dan disemai untuk memastikan aset mereka dipraktikkan dengan kaedah yang signifikan terhadap keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Aset dalaman dan aset luaran yang dibangunkan (Scales, 2011; Benson, Scales, Hamilton & Sesma, 2006) mampu membangun dan mengembangkan (Theokas *et. al.*, 2005) potensi belia.

Setiap belia mempunyai kekuatan dan potensi tersendiri dan perlu dibangunkan. Belia di kolej komuniti tidak terkecuali daripada memiliki potensi ini. Walaupun majoriti belia yang melanjutkan pengajian di kolej komuniti tidak mempunyai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik (Jusoh, 2017; Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012), namun kelemahan ini tidak perlu diutamakan sebaliknya kekuatan, potensi, bakat dan kelebihan yang mereka ada yang perlu ditonjolkan (Lerner, 2015; Shek & Merrick, 2015; Benson *et. al.*, 2012; Scales, 2011; Larson, 2006). Persepsi negatif masyarakat awam terhadap bidang teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia masih wujud walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak bertanggungjawab (Mustapha, 2017; Husin, Muhammad, Hasan & Omar, 2017; Alavi, Sail & Awang, 2013). Masyarakat memandang bidang ini hanya layak disertai oleh pelajar yang tercicir dalam bidang akademik (Buntat *et. al.*, 2017; Ismail & Abidin, 2014) serta tidak layak melanjutkan pengajian ke universiti.

Kolej komuniti merupakan antara institusi yang menawarkan bidang TVET dengan memberi peluang kepada pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertiar walaupun mereka tidak mempunyai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik (Jusoh, 2017; Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012). Satu pendekatan yang inklusif perlu dalam memastikan kelebihan dan kekuatan pelajar ini diserlahkan berbanding kelemahan dalam bidang akademik yang sinonim dengan mereka. Kajian lepas menunjukkan pendekatan pembangunan belia positif merupakan pendekatan berasaskan teori yang tidak mengutamakan defisit belia, malah mengutamakan potensi, bakat dan kemahiran yang belia miliki (Tolan *et. al.*, 2016). Hasrat pelan pendidikan Pengajian Tinggi (2015) yang ingin melahirkan belia yang mempunyai minda kelas pertama yang holistik, beretika dan berkualiti menjadikan pendekatan atau model pembangunan belia positif (Dasar Belia Malaysia, 2015) ini relevan dijadikan panduan dalam pembangunan pelajar kolej komuniti.

Model pembangunan belia positif mampu menilai kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh pelajar kolej komuniti di Malaysia melalui kerangka kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana pembangunan belia terkemuka. Kajian ini akan menumpukan kepada mengenalpasti tahap pembangunan belia positif sedia ada dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Pelbagai pendekatan daripada pelbagai pakar pembangunan belia mendefinisi dan mengaplikasi pendekatan pembangunan belia positif dalam mengukur pembangunan seseorang individu (Lerner *et. al.*, 2011). Kajian ini menggunakan model pembangunan belia positif 5C yang merupakan rangka kerja pembangunan belia yang paling kukuh dan telah diuji serta disahkan secara jangka pendek dan longitudinal terhadap belia khususnya di Amerika (Heck & Subramaniam; Bowers *et. al.*, 2010; Holsen *et. al.*, 2016).

Sejarah dan Teori Pembangunan Belia Positif

Pembangunan belia positif mula diperkenalkan pada awal tahun 1990 di Amerika Syarikat apabila para sarjana di sana menyedari bahawa lebih banyak penyelidikan dilakukan untuk membahaskan pembangunan psikopatologi, iaitu penglibatan belia dalam penagihan dadah, keganasan, bunuh diri dan pelbagai tingkah laku berisiko yang lain berbanding penyelidikan yang kurang untuk pembangunan belia supaya lebih bermotivasi, kompeten, berkeyakinan dan sebagainya (Larson, 2000). Pada hujung tahun 1970 dan 1980, model pembangunan kesihatan yang diwujudkan adalah berfokus kepada rawatan, intervensi dan prevensi pelbagai isu dan masalah yang dilakukan oleh belia (Pittman *et. al.*, 2003). Pendedahan belia dengan pelbagai isu dan masalah tidak dapat dinafikan kerana mereka sentiasa terdedah dengan pelbagai halangan sepanjang perjalanan ke alam dewasa yang berpunca daripada diri mereka sendiri, keluarga, masyarakat luar, bebanan di sekolah dan sebagainya (Roth & Brooks Gunn, 2003a; 2003b).

Belia juga tidak dapat dipastikan untuk tidak akan terlibat sepenuhnya dengan pelbagai masalah sepanjang proses pembangunan mereka mencapai alam dewasa (Pittman *et. al.*, 2001). Oleh yang demikian, pendekatan pembangunan belia positif diperkenalkan bagi memastikan belia sentiasa dibangunkan dengan potensi dan fleksibiliti yang ada dalam dirinya dan penyelidikan dalam bidang pembangunan belia positif dipergiat di samping mengurangkan penyelidikan dalam kekurangan individu belia.

The Positive Youth Development perspective is an orientation to young people that has arisen because of interest among developmental scientist in using developmental systems, or dynamic, models of human behaviour and development for understanding (1) the plasticity of human development and (2) the importance of relations between individuals and their real world ecological settings as bases of variation in the course of human development

(Silbereisen & Lerner, 2007)

Pembangunan belia positif ditunjangi Teori Ekologi Pembangunan Manusia yang diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner (1979) yang menunjukkan proses dwiarah yang berlaku antara individu dengan konteks persekitarannya. Teori ini menjelaskan dengan lebih teliti proses (Process) yang berlaku antara organisma dengan persekitaran yang mempengaruhi Individu (Person) antara tetapan yang paling hampir sehingga Konteks (Context) persekitaran yang jauh dan Masa (Time) yang proksimal proses berlaku (Bronfenbrenner, 1995; 1999; Bronfenbrenner & Ceci, 1994). Teori ini juga dikenali sebagai PPCT yang melibatkan Proses (Process), Individu (Person), Konteks (Context) dan Masa (Time). Teori yang berpusatkan individu yang dipengaruhi oleh lima sistem (Mikrosistem, Mesosistem, Ekosistem, Makrosistem dan Kronosistem) yang disepadukan dalam bentuk sarang menyimpulkan bahawa manusia tidak berkembang dengan sendiri dan dipengaruhi oleh persekitaran di sekelilingnya dan persekitaran tersebut dipupuk bersamanya sejak dari kecil.

Mikrosistem yang merupakan sistem yang paling hampir dengan seseorang individu terdiri daripada ibu bapa, adik beradik, rakan-rakan dan sekolah merupakan persekitaran pertama dan paling cepat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak semasa kecil. Persekitaran pertama ini merupakan peringkat yang paling penting memandangkan perkembangan kognitif (Piaget, 1972) semasa kecil amat mudah dan cepat untuk menerima, memerhati dan meniru (Bandura, 1986) sebarang tingkah laku orang sekeliling. Impak positif dan negatif akan diterima dan diserap oleh kanak-kanak bergantung kepada ekologi tingkah laku positif atau negatif yang dipamer dan ditunjukkan oleh persekitarannya. Apabila dua (2) komponen dalam mikrosistem berhubung antara satu sama lain, sistem kedua, iaitu mesosistem akan wujud. Sebagai contoh, apabila keluarga berhubung dengan sekolah, keluarga dengan rakan-rakan, sekolah dengan organisasi luar dan sebagainya.

Sistem seterusnya ialah eksosistem yang merupakan persekitaran luar di mana mereka yang terlibat berperanan dalam pembangunan seseorang kanak-kanak atau individu. Sebagai contoh, peranan persatuan ibu bapa dan guru juga membantu dalam perkembangan seseorang individu di sekolah. Makrosistem pula merujuk kepada suatu sistem yang dapat mempengaruhi elemen-elemen sosiobudaya dan kedudukan sosioekonomi terhadap perkembangan individu. Seterusnya kronosistem merupakan proses sosiosejarah dan peristiwa yang berlaku sepanjang perkembangan seseorang individu dalam zaman tertentu.

Teori Ekologi Pembangunan Manusia yang mendasari kewujudan perspektif pembangunan belia positif kemudiannya dikembangkan lagi dengan memperkenalkan Teori Sains Pembangunan (*Developmental Science Theory*) yang mengaitkan potensi yang dimiliki oleh belia untuk berubah dalam tingkah laku adalah disebabkan oleh hasil hubungan yang wujud dan saling berpengaruh antara individu yang membangun dengan karakteristik biologi, psikologi, keluarga, masyarakat, budaya, ekologi fizikal serta faktor sejarah (Lerner et al., 2005; Lerner & Castellino, 2002). Oleh yang demikian, Teori Sains Pembangunan adalah pembangunan manusia yang bersifat dwiarah, iaitu proses perhubungan dua hala

antara individu dengan konteks (Lerner *et. al.*, 2005). Pengaruh aset ekologi terhadap tingkah laku individu akan menghasilkan belia yang mempunyai ciri-ciri belia berkembang maju, 5C iaitu Kompetensi (*Competence*), Keyakinan (*Confidence*), Berhubungan (*Connection*), Karakter (*Character*) and Prihatin dan belas kasihan (*Caring & Compassion*) (Eccles & Gootman, 2002; Lerner, Fisher & Weinberg, 2000) dan seterusnya akan meyumbang (Pittman, Irby & Ferber, 2001) kepada aset ekologi itu semula dan mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kalangan belia.

Teori-teori yang mendasari pembangunan belia positif ini menunjukkan belia akan membangun apabila berhubung dengan komponen kontekstual, seterusnya atribut-atribut tertentu akan wujud terutamanya atribut 5C yang telah dikaji dan dibuktikan secara teori dan di antara atribut yang kukuh dan paling kerap dijadikan rujukan oleh pakar pembangunan belia seluruh dunia. Atribut 5C ini juga mampu dijadikan sebagai model dalam mengukur pembangunan belia positif dalam diri seseorang individu belia (Hamilton, 1999).

Model Pembangunan Belia Positif 5C

Model pembangunan belia positif 5C telah dibangunkan beberapa tahun yang lalu dengan sumbangan kajian yang signifikan yang bertujuan untuk mengenal pasti karakteristik atau atribut belia untuk berkembang maju. Pada tahun 1989, Carnegie Council on Adolescent Development melaporkan, untuk mencapai belia yang sihat dan membangun, individu belia perlu memiliki ciri-ciri berikut supaya mereka berjaya apabila dewasa nanti. Ciri-ciri tersebut ialah: 1) Reflektif intelektual; 2) Melaksanakan kerja-kerja yang bermakna sepanjang masa; 3) Menjadi rakyat yang baik; 4) Mengambil berat dan beretika; dan 5) Sihat. Rentetan daripada itu, pada tahun 1990, International Youth Foundation telah menggariskan bahawa individu belia perlu memiliki ciri-ciri 4C (Pittman, Irby & Ferber, 2001). Karakteristik 4C ini telah berjaya melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan Competence (literasi, keboleherjaan, kemahiran, kebolehan untuk menyumbang); Connection (mengambil berat hubungan sesama manusia melalui pementoran, kaunseling dll.); Character (Nilai kebertanggungjawaban, jujur, kesaksamaan dll.); Confidence (estim sendiri dan harapan).

Pada tahun 1995, Lerner telah mengenal pasti 'C' yang seterusnya yang perlu ditambah untuk belia terus membangun iaitu Caring (Prihatin) terhadap komuniti. Model 5C (*Confidence, Competence, Connection, Character and Caring & Compassion*) ini telah dikenal pasti dalam lebih 2000 artikel dalam sains pembangunan (Lerner, Fisher & Weinberg, 2000; Heck & Subramaniam, 2009). Seterusnya, apabila belia memiliki ciri-ciri 5C, belia akan membangun dan seterusnya mampu menyumbang kepada diri dan konteks mereka. Oleh yang demikian 'C' yang keenam akan wujud, iaitu *Contribution* (Pittman *et. al.*, 2003). Kajian teoritikal selanjutnya telah mengenal pasti 5C memberi kesan pembangunan individu dan juga kontekstual boleh membangunkan belia dengan sihat dan berkembang (Lerner, Dowling & Anderson, 2003). Definisi 5C juga telah didefinisikan semula oleh Roth & Brooks-Gunn (2003a; 2003b) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 1: Definisi 5C Daripada Pembangunan Belia Positif

Elemen C	Definisi
<i>Competence</i> (Kompetensi)	Pandangan positif daripada tindakan seseorang dalam bidang-bidang tertentu seperti kompetensi sosial, akademik, kognitif dan vokasional.
Confidence (Keyakinan)	Kekuatan dalaman terhadap diri sendiri, kekuatan diri, efikasi diri, ' <i>global self regard</i> ', kepercayaan diri sendiri.
<i>Connection</i> (Berhubungan)	Ikatan dengan orang lain dan institusi yang berlaku dalam dwiarah, iaitu antara individu dengan rakan-rakan, keluarga, sekolah dan masyarakat di mana kedua-dua pihak menyumbang kepada hubungan tersebut.
<i>Character</i> (Karakter)	Hormat pada peraturan masyarakat dan budaya, memiliki standard untuk tingkah laku yang betul, rasa betul dan salah (moral) dan integriti.
<i>Caring & Compassion</i> (Prihatin dan belas kasihan)	Rasa simpati dan empati terhadap orang lain
<i>Contribution</i> (Sumbangan)	Sumbangan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara

Sumber : Roth, J. L., & Brooks-Gunn, J. (2003a). Youth development programs: Risk, prevention and policy. *Journal of Adolescent Health*, 32(3), 170-182.

Pembangunan Belia Positif dan Belia di Kolej Komuniti

Pembangunan belia positif merupakan pendekatan yang sangat relevan diuji dalam kalangan pelajar kolej komuniti memandangkan pelajar kolej komuniti merupakan aset penting negara yang akan bersama-sama terlibat menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11, 2015). Sejak penubuhannya 15 tahun yang lalu, institusi ini telah melatih hampir 80,000 graduan dalam pelbagai bidang termasuklah kejuruteraan, hospitaliti, perdagangan dan sebagainya. Malaysia perlu menghasilkan modal insan kelas pertama yang holistik, berpengetahuan dan berkebolehan dalam menghadapi pelbagai cabaran, beretika, kompetitif dan mempunyai jati diri yang kukuh dalam usaha mencapai wawasan 2020 (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara fasa 1, 2008; fasa 2, 2012). Terkini, hasrat Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi (2015) yang pertama dan keempat adalah untuk menghasilkan graduan yang holistik, keusahawanan dan seimbang serta menghasilkan pelajar TVET yang berkualiti.

Integrasi kedua-dua lonjakan ini adalah untuk menghasilkan pelajar TVET yang berkualiti, holistik, seimbang dan seterusnya membangun secara sihat dan positif. Pembangunan belia positif merupakan model pembangunan belia yang berupaya untuk dijadikan sebagai panduan atau model untuk mengenal pasti

pembangunan belia sebagai proses pembangunan semula jadi; pembangunan belia sebagai satu falsafah atau pendekatan terhadap program belia dan; sebagai praktis dalam pelaksanaan program-program belia yang berkesan (Hamilton, 1999). Pelajar-pelajar di kolej komuniti merupakan belia yang sentiasa membangun dan melalui proses pembangunan dan akan terus berkembang menjadi agen, sumber dan aset kepada konteks sosiologi sekitarnya. Kajian lepas menunjukkan pembangunan belia positif merupakan pendekatan yang mampu membangunkan belia ke arah berkembang maju dan sebagai persediaan apabila mereka dewasa. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengukur tahap pembangunan belia positif dalam kalangan mereka, seterusnya menjawab persoalan adakah pelajar yang menceburi bidang teknikal ini mempunyai atribut 5C seiring dengan kajian sarjana lepas yang merupakan kekuatan yang mereka miliki dan perlu diserlahkan.

METODOLOGI

Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan borang soal selidik tadbir sendiri untuk mengukur tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Pembangunan belia positif diukur dengan menggunakan inventori *The Bridge-Positive Youth Development* oleh Lopez *et. al.*, (2014) yang terdiri daripada 24 item. Item-item ini mengukur lima (5) dimensi iaitu kompetensi, keyakinan, perwatakan, berhubungan serta prihatin dan belas kasihan yang merupakan atribut 5C (*Competence, Confidence, Connection, Character, Caring & Compassion*).

Prosedur Persampelan yang digunakan untuk mendapatkan sampel adalah dengan menggunakan kaedah persampelan kluster/kelompok (*cluster sampling*) memandangkan populasi untuk kajian ini adalah besar dan melibatkan kawasan yang luas (Acharya *et. al.*, 2013; Piaw, 2011; Idris, 2010; Cohen *et. al.*, 2007). Setiap individu di dalam populasi mempunyai peluang yang sama dan bebas untuk dipilih di dalam kajian (Hussin, Ali & Noor, 2014; Creswell, 2013; Konting, 1998). Oleh sebab kolej komuniti di seluruh Malaysia berjumlah sebanyak 89 buah (Bahagian Pembangunan Pelajar, 2016) dan tidak tertumpu kepada satu-satu wilayah/zon, maka persampelan dijalankan dengan mengklusterkan setiap kolej mengikut wilayah/zon untuk memudahkan penyelidik mengenal pasti kolej yang terlibat. Penyelidik telah memilih dua (2) buah kolej di setiap wilayah dan ini menjadikan sepuluh (10) buah kolej komuniti terpilih di seluruh negara apabila terdapat lima (5) wilayah yang dipertimbangkan iaitu wilayah Utara, Selatan, Timur, Barat Dan Borneo. Pemilihan sepuluh (10) buah kolej adalah berdasarkan bilangan pelajar yang melebihi 200 orang dan kolej-kolej yang terpilih merupakan kolej yang telah beroperasi lebih dari 10 tahun.

Persampelan berkelompok dijalankan ke atas 89 buah kolej komuniti di seluruh negara. Pemilihan rawak peringkat pertama adalah dengan memilih secara rawak dua (2) buah daripada 89 buah kolej. Seterusnya, penyelidik memilih secara rawak 60 orang pelajar setiap kolej, menjadikan seramai 120 orang pelajar bagi setiap zon untuk dua (2) buah kolej komuniti bagi pemilihan rawak peringkat

kedua. Disebabkan penyelidik menjalankan persampelan rawak sebanyak dua (2) kali, maka penyelidik telah menggunakan persampelan kelompok dua (2) tingkat (Cresswell, 2013; Piaw, 2011).

Selepas mengenal pasti kolej yang dikaji, penyelidik menetapkan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 60 orang pelajar semester 2 dan ke atas bagi setiap kolej. Kolej-kolej yang dipilih merupakan kolej rintis dan telah beroperasi selama lebih daripada 10 tahun. Kolej Komuniti Sungai Petani, Sabak Bernam, Kuala Terengganu, Kuching dan Tawau merupakan antara kolej komuniti rintis dan telah beroperasi selama 16 tahun; Kolej Komuniti Kepala Batas telah beroperasi sejak tahun 2002; Kolej Komuniti Pasir Salak dan Kolej Komuniti Jasin telah memulakan operasi pada tahun 2003; Kolej Komuniti Pasir Gudang dan Kolej Komuniti Kok Lanas telah beroperasi sejak tahun 2006 (KITKK, 2015; 2013); Julat pengoperasian kolej yang disampelkan adalah di antara tahun 2001 sehingga tahun 2016, iaitu minimum masa pengoperasian ialah 11 tahun dan maksimum pengoperasian selama 16 tahun. Tempoh masa pengoperasian yang lama menjadikan kolej-kolej ini matang dalam pengurusan dan telah ramai graduan yang dihasilkan serta terlibat di dalam pelbagai industri di luar sana.

Penentuan saiz sampel yang sesuai sangat penting dalam membuat keputusan tentang populasi (Chuan, 2006; Barlett, Kotrlík, & Higgins, 2001). Berdasarkan kaedah penentuan saiz sampel yang dicadangkan oleh Cohen et al., (2003), seramai 677 orang responden terlibat dalam kajian yang terdiri daripada 10 buah kolej komuniti daripada lima (5) zon (utara, selatan, timur, barat dan borneo). Skala 5 poin digunakan untuk mengukur pembangunan belia positif, iaitu dari julat 1 (Sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) di mana melalui skor 1 hingga 5, purata untuk skor pembangunan belia positif dikira. Purata setiap skor dibandingkan dengan tiga tahap, iaitu rendah (1.00 – 2.33), sederhana (2.34 – 3.67) dan tinggi (3.68 – 5.00).

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada menentukan tahap pembangunan belia positif di samping mendefinisikan pembangunan belia positif secara terperinci. Responden kajian hanya tertumpu kepada pelajar kolej komuniti di Malaysia memandangkan kajian terhadap kolej komuniti amnya dan pelajar kolej komuniti khususnya masih terhad di negara ini. Penubuhan kolej komuniti yang baru menjangkau 15 tahun menyebabkan limitasi terhadap rujukan mengenai institusi ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif memandangkan responden melibatkan pelajar di seluruh Malaysia yang hampir menjangkau 13,000 orang dan enrolmen seramai 18,000 orang pelajar (KITKK, 2015).

Pemilihan kolej komuniti adalah berdasarkan kepada pengklusteran lima (5) wilayah dari seluruh semenanjung dan Borneo, Malaysia. Hanya dua buah kolej dipilih di setiap wilayah berbanding 89 buah kolej komuniti di seluruh negara. Kajian ini dibataskan kepada pelajar di kolej komuniti yang berada di semester dua

(2) atau tiga (3) sahaja memandangkan mereka telah melalui dan berpengalaman dengan sistem pengajian di kolej komuniti. Walau bagaimanapun penyelidik tidak menghadkan responden daripada program tertentu apabila terdapat 39 program sijil dan 16 program diploma di kolej komuniti (KITKK, 2015). Ini adalah kerana semua pelajar sepenuh masa di kolej komuniti merupakan belia yang sedang dibangunkan dan berpotensi untuk menjadi belia yang positif dan berkembang maju (Benson & Scales, 2011). Penyelidik hanya memfokuskan kajian di kolej komuniti sahaja dan tidak melibatkan institusi lain di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi atau kementerian lain memandangkan kajian di kolej komuniti masih terbatas dan perlu dikembangkan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden Kajian

Profil responden kajian menerangkan maklumat mengenai demografi seperti jantina, bangsa, agama, tempat tinggal dan umur. Jadual 2 menunjukkan 47.3% merupakan pelajar lelaki dan selebihnya (52.7%) responden merupakan pelajar perempuan. Majoriti pelajar berbangsa Melayu (84%) dan selebihnya berbangsa Cina (1.2%), India (2.5%) dan lain-lain bangsa seperti Kadazan, Iban, Bidayuh dan sebagainya (12.3%). Sementara itu, daripada keseluruhan responden, (91.1%) merupakan pelajar yang beragama Islam yang merupakan majoriti agama yang dianuti, manakala selebihnya beragama Buddha (0.6%), agama Hindu (2.4%), agama Kristian (5.8%) dan lain-lain agama (0.1%).

Dapatan kajian mendapati lebih daripada separuh pelajar di kolej komuniti tinggal di bandar (57.2%) manakala selebihnya tinggal di luar bandar, pekan dan lain-lain (42.8%). Di samping itu, umur pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah sekitar 18 hingga 23 tahun (96.6%). Oleh itu, data ini menunjukkan majoriti pelajar di kolej komuniti terdiri daripada kalangan belia selari dengan Dasar Belia Malaysia (2015) yang menyatakan bahawa had umur belia adalah di antara 15 hingga 30 tahun, manakala belia yang berumur antara 19 hingga 24 tahun merupakan belia pertengahan (Hamzah *et. al.*, 2007). Oleh yang demikian, majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini merupakan belia pertengahan.

Jadual 2: Maklumat Demografi Responden Kajian (N=677)

Demografi	Kategori	Kekekapan	Peratus
Jantina	Lelaki	320	47.3
	Perempuan	357	52.7
Bangsa	Melayu	569	84.0
	Cina	8	1.2
	India	17	2.5
	Lain-lain	83	12.3

Agama	Islam	617	91.1
	Buddha	4	0.6
	Hindu	16	2.4
	Kristian	39	5.8
	Lain-lain	1	0.1
Tempat dibesarkan	Bandar	384	56.7
	Pekan	123	18.2
	Luar Bandar	170	25.1
Tempat Tinggal Sekarang	Bandar	387	57.2
	Luar Bandar	129	19.1
	Pekan	159	23.5
	Lain-lain 2	0.3	
Umur	18-23	654	96.6
	24-29	10	1.5

Tahap Pembangunan Belia Positif

Jadual 3 menunjukkan responden mempunyai tahap pembangunan belia positif yang tinggi (82.4%), sederhana (17.4%) dan rendah (0.1%). Dapatan kajian juga menunjukkan purata skor pembangunan belia positif ialah 4.034 di mana nilainya tinggi daripada titik tengah 3 (mid-point 3) dan sisihan piawai ialah 0.414. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai tahap pembangunan belia positif yang tinggi.

Jadual 3: Tahap Pembangunan Belia Positif (N=677)

Tahap Pembangunan Belia Positif	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Rendah (1.0 – 2.33)	1	0.1	4.034	0.414
Sederhana (2.34 – 3.67)	118	17.4		
Tinggi (3.68 – 5.00)	558	82.4		

Daripada data dalam Jadual 3, hampir keseluruhan pelajar di kolej komuniti mempunyai tahap pembangunan belia positif sederhana dan tinggi. Ini bermakna mereka mempunyai ciri-ciri 5C yang merupakan atribut yang dibincangkan dalam kajian ini. Data statistik daripada item soal selidik menunjukkan, pelajar mahir dalam bidang yang mereka ceburi (72.5%) dan berusaha bersungguh-sungguh dalam pengajian (90.2%). Ini selari dengan matlamat kolej komuniti untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran dan kompeten, iaitu sebagai peneraju pendidikan dan latihan TVET menjelang 2025 (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2012; KITKK, 2015). Walaupun pelajar di kolej komuniti merupakan belia yang tercicir daripada pendidikan formal, tetapi mereka perlu diberi peluang untuk melengkapkan diri dengan pelbagai bidang kemahiran sebagai persediaan

untuk mereka berkhidmat selepas tamat pengajian nanti. Soal selidik pembangunan belia positif mendapati responden mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap diri mereka sebagaimana yang didefinisikan oleh Roth & Brooks-Gunn (2003a; 2003b), keyakinan merupakan kekuatan dalaman terhadap diri sendiri, kekuatan diri, efikasi diri dan kepercayaan diri sendiri. Keyakinan terhadap diri sendiri ini merupakan sumber kekuatan kepada belia di kolej komuniti untuk terus maju dan berkembang. Mereka yakin dan suka dengan diri mereka sendiri (84.2%) dan berbangga dengan diri mereka (78.4%).

Elemen ketiga dalam pembangunan belia positif yang diasaskan oleh Lerner dan rakan-rakannya (2005; 2003) ialah *Connection* atau berhubung. Data kajian mendapati pensyarah/guru sentiasa membantu pelajar (93%) dan responden sentiasa berbincang dengan guru/pensyarah (64.7%). Ini bermakna, hubungan dua hala berlaku dengan baik antara pelajar dengan guru/pensyarah juga individu lain di kolej komuniti. Keadaan ini selari dengan definisi berhubung, iaitu ikatan dengan orang lain dan institusi yang berlaku secara dwiarah antara individu dengan individu yang lain dan kedua-dua pihak menyumbang kepada hubungan tersebut. Seterusnya atribut 'C' yang keempat dalam pembangunan belia positif ialah *Character* atau karakter. Definisi karakter yang dimaksudkan ini ialah hormat kepada peraturan masyarakat dan budaya, memiliki standard untuk tingkah laku yang betul, serta berintegriti. Pelajar berkarakter ialah mereka tidak cepat berputus asa (76.2%) dan mereka mematuhi peraturan di institusi/kolej (73.6%). Dapatan ini menunjukkan pelajar memiliki standard dan tingkah laku yang betul yang berpotensi untuk membangun, menjadi belia yang berkembang maju selaras dengan peranan pembangunan belia positif. Begitu juga dengan data yang menunjukkan bahawa pelajar di kolej komuniti bersetuju dengan atribut prihatin dan belas kasihan (*caring & compassion*) apabila mereka suka membantu orang lain (86%) mereka sangat mengambil berat dan bersikap simpati dan empati terhadap orang lain.

Pemilihan kelima-lima atribut 5C ini menunjukkan pelajar di kolej komuniti mempunyai potensi untuk dibangunkan selari dengan Dasar Belia Malaysia (2015) yang cuba mengaplikasikan matlamat 8C, iaitu: 1. *Caring* (Penyayang); 2. *Competent* (Cekap); 3. *Character* (Karakter); 4. *Confident* (Keyakinan); 5. *Cooperation* (Kerjasama); 6. *Considerate* (Bertimbang rasa); 7. *Competitive* (Kompetitif); dan 8. *Contribution* (Sumbangan) terhadap belia di Malaysia bersesuaian dengan konteks dan budaya di Malaysia. Tahap pembangunan belia positif yang tinggi ini juga mengesahkan kajian aplikasi model 5C terhadap belia di Norway yang dilakukan oleh Holsen *et. al.*, (2016) yang menyatakan walaupun pembangunan belia positif tidak semestinya boleh diaplikasikan dalam semua konteks atau budaya, tetapi ciri-ciri pembangunan belia positif wujud pada belia dalam negara selain United States (US). Oleh yang demikian, belia di Malaysia juga mempunyai tahap pembangunan belia positif (5C) yang tinggi yang mampu menjamin pembangunan dan kejayaan zaman dewasa mereka.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan pelajar di kolej komuniti membangun secara semula jadi dan positif apabila tahap pembangunan belia positif menunjukkan tahap sederhana dan tinggi. Tahap pembangunan belia positif yang tinggi ini menunjukkan pelajar di kolej komuniti mempunyai atribut 5C, iaitu mereka adalah pelajar yang kompeten, berkeyakinan, berkarakter, berhubungan dengan orang lain serta mempunyai perasaan simpati dan mengambil berat terhadap orang lain. Kekuatan dan potensi ini yang perlu diberi perhatian berbanding retorik yang menyatakan pelajar kolej komuniti merupakan pelajar yang mempunyai kekurangan dan tidak cenderung kepada akademik. Atribut pembangunan belia positif yang dimiliki ini perlu diketengahkan dan dipupuk supaya pelajar kolej komuniti tidak dipandang negatif dan tersisih oleh masyarakat. Mereka sebenarnya layak dibangunkan seiring dengan hasrat Dasar Belia Malaysia dan Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi yang ingin melahirkan belia yang mempunyai atribut 8C serta pelajar yang holistik dan berkualiti.

RUJUKAN

- Acharya, A. S., Prakash, A., Saxena, P., & Nigam, A. (2013). Sampling: Why and how of it. *Indian Journal of Medical Specialties*, 4(2), 330-333.
- Alavi, K., Sail, R. M., & Awang, A. H. (2013). Image of technical education and vocational training from the perspective of parents and teachers. *Journal of Technical Education and Training*, 5(1), 68-88.
- Bahagian Pembangunan Pelajar, JPKK (2016). *Data Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti*. Muat turun 23 Jun 2016 daripada hidayahkhalid@mohe.gov.my
- Bandura, A. (1986). The explanatory and predictive scope of self-efficacy theory. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 4(3), 359-373. doi: 10.1521/jscp.1986.4.3.359
- Barlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Benson, P. L., & Scales, P. C. (2011). Developmental assets. In R. J. R. Levesque (Ed.), *Encyclopedia of Adolescence* (pp. 667-683). New York: Springer. doi: 10.1007/978-1-4419-1695-2_200.
- Benson, P. L., Leffert, N., Scales, P. C., & Blyth, D. A. (2012). Beyond the "village" rhetoric: Creating healthy communities for children and adolescents. *Applied Developmental Science*, 16(1), 3-23. doi: 10.1080/10888691.2012.642771.
- Benson, P. L., Scales, P. C., Hamilton, S. F., & Sesma, A. (2006). Positive Youth Development: Theory, Research, and Applications. In W. Damon & R.M. Lerner (Ed.), *Handbook of Child Psychology* (6th ed., Vol. 1, pp. 894-941) New York: John Wiley & Sons, Inc. doi: 10.1002/9780470147658.chpsy0116.

- Bowers, E. P., Li, Y., Kiely, M. K., Brittan, A., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2010). The five Cs model of positive youth development: A longitudinal analysis of confirmatory factor structure and measurement invariance. *Journal of Youth and Adolescence*, 39(7), 720-735. doi: 10.1177/0165025416645668.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1995). Developmental ecology through space and time: A future perspective. *Examining lives in context: Perspectives on the Ecology of Human Development*, 619(647), 10176-018.
- Bronfenbrenner, U. (1999). Environments in developmental perspective: Theoretical and operational models. *Measuring environment across the life span: Emerging Methods and Concepts*, 3(28), 37-43.
- Bronfenbrenner, U., & Ceci, S. J. (1994). Nature-nurture reconceptualized in developmental perspective: A bioecological model. *Psychological Review*, 101(4), 568-586.
- Buntat, Y., Sihes, A. J., Jabor, M., Hassan, W., Maziaty, W. N., & Ahmad, A. A. (2016). Transforming technical and vocational education and training education in Malaysia: Issues and challenges. *Advanced Science Letters*, 22(12), 4010-4013.
- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7, 78-86.
- Cohen, J., Cohen, P., West, S. G., & Aiken, L. S. (2003). *Applied Multiple Regression/Correlation Analysis For The Behavioral Sciences*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods In Education*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage publications.
- Dasar Belia Malaysia, (2015). *Ringkasan Eksekutif: Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Eccles, J.S., & Gootman, J.A. (Eds.). (2002). *Community Programs to Promote Youth*. Washington, DC: National Academy.
- Geldhof, G. J., Bowers, E. P., Boyd, M. J., Mueller, M. K., Napolitano, C. M., Schmid, K. L., Lerner, J.V., & Lerner, R. M. (2014). Creation of short and very short measures of the five Cs of positive youth development. *Journal of Research on Adolescence*, 24(1), 163-176. doi: 10.1111/jora.12039.
- Hamilton, S. F. (1999). *A Three-Part Definition Of Youth Development*. (Unpublished manuscript). Cornell University College of Human Ecology, Ithaca, NY.

- Hamzah, A., Krauss, S. E., Noah, S. M., Suandi, T., Juhari, R., Manap, J., Mastor, K.A., Mahmoud, A., & Kassan, H. (2007). *Muslim Religiosity and Personality Assessment: Prototype for Nation Building. Serdang : Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)*.
- Heck, K.E., & Subramaniam, A. (2009). *Youth Development Frameworks*. [Monograph]. Davis,CA: 4-H Center for Youth Development, University of California.
- Holsen, I., Geldhof, J., Larsen, T., & Aardal, E. (2016). The five Cs of positive youth development in Norway: Assessment and associations with positive and negative outcomes. *International Journal of Behavioral Development*, 41(5), 559-569. doi: 10.1177/0165025416645668.
- Hussin, A., Mohamad, M., Hassan, R., & Omar, A. J. (2017). Technical Vocational Education Training Branding from Perspective of Stakeholder (Parent) in Malaysia. *Advanced Science Letters*, 23(2), 1216-1219.
- Hussin, F., Ali, J., & Noor, M. S. Z. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia).
- Ismail, A., & Abidin, N. Z. (2014). Issues and challenges of technical and vocational education and training in Malaysia towards human capital development. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 19(2), 7-11.
- Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, (2012). *Empowerment Of Community Colleges 2013 – 2015*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Jusoh, I. (2017). *TVET Marketability Higher Than Academic Field*. Retrieved February, 17, 2017, from <http://english.astroawani.com/malaysia-news/tvet-marketability-higher-academic-field-idris-jusoh-141147>.
- KITKK (2013). *Koleksi Informasi Terkini Kolej Komuniti*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.
- KITKK (2015). *Koleksi Informasi Terkini Kolej Komuniti*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.
- Konting, M. M. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Larson, R. (2006). Positive youth development, willful adolescents, and mentoring. *Journal of Community Psychology*, 34(6), 677-689. doi: 10.1002/jcop.20123.
- Larson, R. W. (2000). Toward a psychology of positive youth development. *American Psychologist*, 55(1), 170-183. doi: 10.1037/0003-066X.55.1.170.

- Lerner, R. M. (1992). Dialectics, developmental contextualism, and the further enhancement of theory about puberty and psychosocial development. *The Journal of Early Adolescence*, 12(4), 366-388. doi: 10.1177/0272431692012004002.
- Lerner, R. M. (2015). Promoting positive human development and social justice: Integrating theory, research and application in contemporary developmental science. *International Journal of Psychology*, 50(3), 165-173. doi: 10.1002/ijop.12162.
- Lerner, R. M., & Castellino, D. R. (2002). Contemporary developmental theory and adolescence: Developmental systems and applied developmental science. *Journal of Adolescent Health*, 31(6), 122-135. doi: 10.1016/S1054-139X(02)00495-0.
- Lerner, R. M., Almerigi, J. B., Theokas, C., & Lerner, J. V. (2005). Positive youth development a view of the issues. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1), 10-16. doi: 10.1177/0272431604273211.
- Lerner, R. M., Dowling, E. M., & Anderson, P. M. (2003). Positive youth development: Thriving as the basis of personhood and civil society. *Applied Developmental Science*, 7(3), 172-180. doi: 10.1207/S1532480XADS0703_8.
- Lerner, R. M., Fisher, C. B., & Weinberg, R. A. (2000). Toward a science for and of the people: Promoting civil society through the application of developmental science. *Child Development*, 71(1), 11-20. doi: 10.1111/1467-8624.00113.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Lewin-Bizan, S., Bowers, E. P., Boyd, M. J., Mueller, M. K., Schmid, K.L., & Napolitano, C. M. (2011). Positive youth development: Processes, programs, and problematics. *Journal of Youth Development*, 6(3), 38-62. doi: 10.5195/jyd.2011.174.
- Lopez, A., Yoder, J. R., Brisson, D., Lechuga-Pena, S., & Jenson, J. M. (2014). Development and validation of a positive youth development measure: The Bridge-Positive Youth Development. *Research on Social Work Practice*, 25(6), 726-736. doi: 10.1177/1049731514534899.
- Mustapha R.B. (2017) Skills Training and Vocational Education in Malaysia. In: Samuel M., Tee M., Symaco L. (Eds.), *Education in Malaysia. Education in the Asia-Pacific Region: Issues, Concerns and Prospects, Vol. 39* (pp. 137-153). Singapore: Springer.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, (2015). *Ringkasan Eksekutif PPPM (PT)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007). *Perletakan Asas Melangkaui 2020 (Fasa 1)*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2012). *Inspiring Higher Education Transformation (2011-2015, Phase 2)*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- Piaget, J. (1972). Intellectual evolution from adolescence to adulthood. *Human Development*, 15(1), 1-12. doi: 10.1159/000112531.
- Piaw, C.Y. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill Education.
- Pittman, K., Irby, M., & Ferber, T. (2001). Unfinished Business: Further Reflections on a Decade of Promoting Youth Development. In P. L. Benson, K. J. Pittman (Eds.), *Trends in Youth Development: Visions, Realities and Challenges* (pp. 4-50). Norwell, MA: Kluwer Academic.
- Pittman, K., Irby, M., Tolman, J., Yohalem, N., & Ferber, T. (2003). *Preventing Problems, Promoting Development, Encouraging Engagement: Competing Priorities or Inseparable Goals?*. Washington, DC: Impact Strategies Inc.
- Rancangan Malaysia Kesebelas, (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat*. Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya: Percetakan Nasional Berhad.
- Roth, J. L., & Brooks-Gunn, J. (2003a). Youth development programs: Risk, prevention and policy. *Journal of Adolescent Health*, 32(3), 170-182.
- Roth, J. L., & Brooks-Gunn, J. (2003b). What exactly is a youth development program? Answers from research and practice. *Applied Developmental Science*, 7(2), 94-111.
- Scales, P. C. (2011). Youth developmental assets in global perspective: Results from international adaptations of the developmental assets profile. *Child Indicators Research*, 4(4), 619-645.
- Shek, D. T., & Merrick, J. (2015). Positive youth development. *International Journal of Child Health and Human Development*, 8(2), 101-109.
- Silbereisen, R. K., & Lerner, R. M. (2007). *Approaches to Positive Youth Development*. London: Sage Publication Ltd.
- Theokas, C., Almerigi, J. B., Lerner, R. M., Dowling, E. M., Benson, P. L., Scales, P. C., & von Eye, A. (2005). Conceptualizing and modeling individual and ecological asset components of thriving in early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1), 113-143.
- Tolan, P., Ross, K., Arkin, N., Godine, N., & Clark, E. (2016). Toward an integrated approach to positive development: Implications for intervention. *Applied Developmental Science*, 20(3), 214-236.

Profil Penulis:

Nor Hidayah Mohamed

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
hidayahbknp@yahoo.com*

Siti Raba'ah Hamzah, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM*

Ismi Arif Ismail, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM*

Bahaman Abu Samah, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM*

PENGARUH PENDAPATAN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

SAYED MUHAMMAD AIMAN SAYED ABUL KHAIR, AHMAD FADZIL
AHMAD SHUHAILI, MOHAMMAD EZZANI ISWAN ISMAIL & DAENG
AHMAD LUQMAN AHMAD TERMIZI

ABSTRAK

Malaysia perlu menyahut cabaran untuk meningkatkan pendapatan golongan sederhana kepada golongan kelas menengah bagi memastikan negara dapat bersaing di mata dunia. Golongan sederhana ini diklasifikasikan kepada golongan yang berpendapatan daripada RM 1100 hingga RM 2000 sebulan. Manakala, golongan kelas menengah adalah berpendapatan RM 3000 hingga RM 6000 sebulan. Salah satu cara bagi menyahut cabaran ini adalah menerusi penerusan pendidikan setelah tamat peringkat menengah. Kajian ini bertujuan untuk mengukur prestasi akademik pelajar yang berasal daripada golongan sederhana di Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US). Selain itu, kajian ini adalah bagi meneliti kedinamikan pendapatan isi rumah sebagai salah satu faktor penyebab naik-turun prestasi akademik di kalangan belia. Tambahan, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti hubungan prestasi akademik dengan inisiatif pihak universiti dalam membina-upayakan golongan sederhana ini. Kajian ini melibatkan empat UA dan dua US bagi menunjukkan perbandingan berdasarkan ciri strata sosial yang telah ditentukan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah menerusi sesi percambahan fikiran, wawancara kumpulan fokus serta pemerhatian terhadap aspek profil sejarah hidup pelajar terpilih telah dilakukan. Dapatan kajian kemudiannya telah dianalisa menggunakan perisian Response Surface Methodology (RSM) versi 8 dan ANOVA. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa wujudnya pemisahan taraf sosioekonomi di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Taraf sosioekonomi ini telah mempengaruhi prestasi pelajar terbabit. Kajian juga mendapati bahawa program inisiatif universiti seperti Kedai ISiswa, bantuan waqaf, kupon makanan dan kiosk pelajar merupakan usaha lain dalam membantu dan memberi nilai tambah kepada kualiti pembelajaran mereka. Antara cadangan bagi mengatasi keadaan ini adalah dengan menyediakan pakej khas bantuan akademik, peluang pekerjaan kontrak, kelas bersama biz-kaunselor, sokongan kaunseling serta lain-lain insentif.

Kata Kunci: Golongan Sederhana, Universiti, Mahasiswa, Akademik

ABSTRACT

Malaysia needs to take on the challenge of raising the middle class's income to the upper-middle class to ensure the country can compete globally. The middle class is classified as households earning from RM1100 to RM2000 per month. Meanwhile, the upper-middle class is with a household income of RM3000 to RM6000 per

month. One of the ways to respond to this challenge is through continuing education after graduating high school, or tertiary education. The majority of the middle class live in urban areas and come from small families. However, they do not continue their studies after graduating high school. This study aims to measure the academic performance of students from the middle class at Public Universities (UA) and Private Universities (US). Additionally, this study also aims to examine the dynamics of household income as one of the factors leading to the rise and fall of academic performance among youth. Also, this study was conducted to identify the correlation between academic performance and initiatives implemented by universities to emancipate the lower-middle class. This study involves four UA and two US to show comparisons based on predetermined social strata characteristics. The methodology used in this study was through brainstorming sessions, focus group interviews and observations on the personal history profile of selected students. The findings were then analyzed using Response Surface Methodology (RSM) version 8 and ANOVA. The findings from the study show that there is a stratification of students from different socioeconomic backgrounds in institutions of higher learning. Their socioeconomic status influenced students' performance. The research also found that university implemented initiatives such as the ISiswa Shop, waqaf assistance, food coupons and student kiosks in the effort to help add value to their learning quality. Suggestions to overcome this situation were given, such as providing special packages of academic aids, contract employment opportunities, biz-counselor classes, counseling support and other incentives.

Keywords: Aspirational Group, University, College Student, Academic

PENGENALAN

Kecemerlangan akademik mahasiswa di institusi pengajian tinggi menjadi kayu pengukur dalam meletakkan diri mahasiswa di industri pada masa kini. Selain itu, konteks kebolehpasaran dan keupayaan mereka dalam memiliki kualiti yang ditetapkan turut menyumbang kepada keperluan pada era globalisasi ini. Pembelajaran mahasiswa adalah dipandang tinggi oleh semua pihak. Namun, dalam mengejar kecemerlangan, golongan mahasiswa ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai masalah dan cabaran (Sumari dan Hussin, 2006). Masalah ini seringkali mengganggu fikiran mahasiswa dan memberikan kesan terhadap prestasi akademik. Di sinilah mahasiswa perlu menyesuaikan diri terhadap setiap permasalahan yang mereka hadapi. Menurut Augusta (2015), mahasiswa di pusat pengajian tinggi sedang mencari suatu titik penyesuaian dari segi sosial dan psikologikal.

Menurut Hamdu (2013), terdapat dua (2) jenis faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran iaitu faktor internal dan faktor eksternal. Faktor internal adalah sesuatu yang berasal dari dalam diri individu itu sendiri, seperti gangguan psikologi, gangguan fizikal, motivasi, bakat dan minat. Sedangkan faktor eksternal adalah sesuatu yang berasal dari luar individu tersebut yang dapat mempengaruhi individu tersebut. Antaranya meliputi latar belakang keluarga, persekitaran universiti dan

masyarakat.

Selain itu faktor sosioekonomi keluarga turut menjadi faktor yang memberikan kesan dalam menentukan kejayaan mahasiswa (Norazlinda, 2007). Walaupun kerajaan sudah berperanan dalam menyediakan pendidikan seperti adanya belanjawan khusus untuk pendidikan, tetapi kos pendidikan tidak hanya daripada kerajaan sahaja, tetapi yuran tambahan pendidikan mahasiswa ini perlu dibiayai oleh ibu bapa. Keadaan ini menimbulkan permasalahan bagi ibu bapa yang berstatus sosial rendah secara relatifnya. Contohnya adalah seperti buku tambahan dan kelengkapan kuliah diperlukan dalam kelangsungan pembelajaran di peringkat universiti. Kebanyakan mahasiswa yang berlatar belakang dari keluarga yang tidak mampu ini, membuat kerja sambil untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan agar dapat membantu ibu bapa mereka.

SOROTAN LITERATUR

Fattah (2009) dalam kajiannya mendapati bahawa pendapatan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik mahasiswa. Semakin tinggi pendapatan ibu bapa, maka semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak mereka. Kajian ini konsisten dengan Hamsari (2012) yang mendapati bahawa mahasiswa yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan tinggi, adalah berkemungkinan besar lebih cemerlang akademiknya berbanding dengan mahasiswa yang mempunyai ibu bapa yang berpendapatan rendah. Menurut beliau, keluarga yang berpendapatan rendah membelanjakan sejumlah besar pendapatannya untuk keperluan asas berbanding kelengkapan dan kemudahan pendidikan anak-anak.

Suryani (2006) turut menyatakan bahawa faktor status sosioekonomi keluarga boleh mempengaruhi pencapaian anak-anak. Ini kerana ibu bapa yang mempunyai pendidikan yang baik kebiasaannya mengambil berat dan memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak secara khusus. Menurut Bakri (2005), faktor kewangan telah menyebabkan mahasiswa terutamanya bumiputera menghadapi masalah dalam pendidikan. Kebanyakan masyarakat bumiputera terdiri daripada golongan yang sederhana dari segi kehidupan. Ini mendorong mahasiswa bumiputera merasa tersisih dalam mendapatkan sistem pendidikan yang terbaik. Ketidakupayaan ini menjadi salah satu punca mahasiswa bumiputera kurang cemerlang dalam pelajaran di universiti.

Sementara itu, faktor psikologi juga seperti faktor minat, bakat, motivasi, kematangan dan persiapan mahasiswa sangat berpengaruh terhadap proses dan hasil pembelajaran mahasiswa di universiti. Ini disokong oleh Saleh (2014) yang berpendapat bahawa faktor-faktor eksternal berpengaruh kepada proses pembelajaran di kuliah seperti faktor keluarga, universiti, dan masyarakat. Mahasiswa yang berada dalam keluarga, universiti, dan masyarakat yang menyokong aktiviti akademik yang kondusif akan cenderung memiliki prestasi akademik yang lebih baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat dan data. Soal selidik ini terbahagi kepada empat (4) bahagian iaitu latar belakang responden, motivasi, pendapatan keluarga dan prestasi akademik mahasiswa. Dapatan dari kajian ini dianalisis menerusi deskriptif, yang merupakan suatu jenis penyelidikan bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd, 1998). Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan sampel bagi setiap universiti yang dikaji. Kajian dilakukan di enam (6) buah universiti yang terdiri daripada latar belakang demografi yang berbeza-beza.

Jadual 1: Taburan Sampel Bagi Setiap Universiti

Bil	Universiti	Demografi	Sampel Kajian		
			Lelaki	Perempuan	Jumlah Sampel
1	Universiti Teknologi PETRONAS	Pinggir Bandar	188	192	380
2	UiTM Seri Iskandar Perak	Pinggir Bandar	185	195	380
3	Universiti Kuala Lumpur MIMET Perak	Pinggir Bandar	183	200	383
4	Universiti Putra Malaysia	Bandar	179	202	381
5	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Bandar	199	183	382
6	Universiti Malaya	Bandar	195	195	390
	Jumlah		1129	1167	2296

Jumlah keseluruhan responden bagi kajian ini adalah seramai 2195 orang. Ia dipilih berdasarkan rekod pendaftaran oleh pentadbiran universiti dan disahihkan oleh responden. Majoriti responden adalah responden perempuan iaitu seramai 1107 orang (50.43%) berbanding dengan responden lelaki, seramai 1088 (49.56%). Ia merupakan fenomena biasa yang berlaku dalam institusi pengajian tinggi kini di mana kebanyakan penuntutnya adalah kaum wanita. Populasi kajian ini tertumpu kepada mahasiswa dari enam (6) buah universiti dan terdiri daripada mahasiswa yang mempunyai pelbagai latar belakang sosial. Dengan kepelbagaian status sosioekonomi keluarga inilah yang akan membantu dalam memantapkan lagi data kajian. Responden dihubungi melalui panggilan telefon dan email untuk sesi janji-temu dan sesi kajian kelompok.

Berdasarkan jadual penentuan sampel yang dicadangkan oleh Kriecje dan Morgan (1970), didapati saiz sampel yang diperlukan bagi populasi berjumlah kurang 30000 orang tersebut ialah 380 orang. Sampel ini terdiri daripada mahasiswa lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa dan kumpulan serta pencapaian akademik. Bilangan mahasiswa yang terbabit adalah dengan mengambil kira nisbah populasi etnik di Malaysia (51 bumiputera : 31 Cina : 18 India). Teknik pengambilan sampel *purposive sampling* iaitu sebanyak 100 orang mahasiswa dengan kriteria:

- a. Keluarga mahasiswa yang terdiri daripada golongan ekonomi menengah, sederhana dan berisiko.
- b. Mahasiswa yang memiliki kadar motivasi yang tinggi, sederhana dan rendah.
- c. Pelajar yang mendapat bantuan daripada universiti secara penuh, sebahagian dan tidak menerima bantuan.

Bagi kajian ini, seramai 30 orang mahasiswa yang dipilih telah digunakan untuk menguji sama ada mereka dapat memahami item-item yang digunakan dalam soal selidik. Mengikut Nik (2012), tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Cronbach Alpha yang berada dalam nilai melebihi 0.7 dianggap sebagai baik. Di dalam kajian ini didapati nilai Cronbach Alpha adalah 0.842. Ini bermakna instrumen soal selidik yang diguna pakai dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Selepas selesai proses kaji selidik, proses temubual telah dijalankan oleh tiga orang pembantu penyelidik dan seramai 60 orang mahasiswa terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 23 orang mahasiswa lelaki dan 47 orang mahasiswa perempuan. Mereka dipilih berdasarkan ciri-ciri yang diperlukan oleh perisian *Response Surface Methodology* (RSM). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah temubual berfokus. Secara umumnya satu proses temubual tersebut telah mengambil masa diantara 30-60 minit. Aspek kerahsiaan telah juga dimaklumkan bagi memastikan mereka akan memberikan maklumat sebenar dan jujur kepada penyelidik. Dalam temubual tersebut, fokus utama ialah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai gaya hidup, aspirasi, cabaran, dan perubahan akademik yang mereka mahukan dalam kehidupan universiti.

Pengumpulan data dibuat menggunakan soal selidik yang digubal dan ditadbir sendiri yang mengandungi 30 item yang menampilkan pernyataan yang dinilai menggunakan skala iaitu Amat Buruk (AB) = 1 sehingga Amat Cemerlang (AC) = 10. Di samping itu, soal selidik ini juga mengandungi item bagi mengenal pasti demografi mahasiswa seperti universiti, keturunan, pendapatan keluarga, nilai purata gred kumulatif (CGPA), tahap keyakinan diri, dan keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan terdapat hubungan antara status pendapatan, motivasi mahasiswa dan bantuan daripada universiti dengan pencapaian akademik mahasiswa. Hasil kajian adalah seperti Jadual 2. Dalam *purposive sampling* ini, sebanyak 5 responden untuk setiap 17 sampel khusus seperti Jadual dikenalpasti.

Daripada segi ketepatan model, F-Value berjumlah 17.38 menunjukkan

bahawa model kajian ini adalah signifikan. Hanya sebanyak 0.05% peluang untuk model ini terganggu disebabkan faktor gangguan. Sementara itu, nilai $Prob > F$ yang kurang daripada 0.05 membuktikan bahawa model ini kukuh dengan faktor A (Kelompok Gaji), B (Motivasi) dan C (Bantuan Universiti) adalah faktor yang jelas. Nilai *Lack of Fit* F-Value berjumlah 0.67 membuktikan bahawa *Lack of Fit* adalah tidak berkaitan dengan kegagalan relatif. Ini dijelaskan dalam Jadual 3.

Jadual 2: Hasil Kajian Purposive Sampling

Sampel	Skala	Skala	Skala	Nilai Purata	Catatan
	Kelompok		Bantuan	Gred	
	Gaji	Motivasi	Universiti	Kumulatif (CGPA)	
1	10	10	5.5	3.490385	Output Tertinggi
2	10	5.5	1	2.740385	
3	5.5	10	1	2.451923	
4	1	1	5.5	1.355769	Output Terendah
5	10	5.5	10	3.173077	
6	5.5	10	10	2.884615	
7	10	1	5.5	2.567308	
8	1	10	5.5	1.701923	
9	5.5	5.5	5.5	2.336538	
10	5.5	5.5	5.5	2.048077	
11	5.5	1	1	1.528846	
12	1	5.5	10	1.961538	
13	5.5	5.5	5.5	2.048077	
14	5.5	1	10	1.961538	
15	1	5.5	1	1.528846	
16	5.5	5.5	5.5	2.048077	
17	5.5	5.5	5.5	1.759615	


Jadual 3: Keabsahan Model Dan Kestabilan Kajian

	Source	F-value	P-value
<i>Selected Model</i>	<i>Quadratic</i>	17.38	0.0005
<i>Process Variables</i>			
Kelompok Gaji	A	103.09	< 0.0001
Keinginan Motivasi	B	34.02	0.0006
Bantuan Universiti	C	10.50	0.0142

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan faktor status sosioekonomi lebih

signifikan berbanding dengan faktor motivasi mahasiswa dan bantuan universiti dalam menentukan kejayaan akademik mahasiswa. Ini berdasarkan Perturbation Plot seperti Rajah 1.


Rajah 1 Faktor Signifikan Terhadap CGPA Mahasiswa




mahasiswa adalah satu langkah yang terpuji. Tambahan lagi, pihak universiti harus menumpukan usaha ke arah penyediaan persekitaran kondusif untuk pembelajaran mahasiswa seperti penempatan di kolej kediaman dengan fasiliti yang lengkap mengikut piawai *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) Kementerian Pendidikan Malaysia, kawasan pembelajaran yang selesa seperti di bilik kuliah, kolej kediaman berhampiran dengan perpustakaan serta kemudahan lain, selain daripada menyediakan bantuan kewangan bersasar. Ini akan mendorong mahasiswa untuk berjaya. Rajah 2 di bawah adalah saling kaitan faktor dalam mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa.

Rajah 2 Hubungkait Faktor Utama Kepada Prestasi Akademik Mahasiswa
(a) Kelompok Gaji dan keinginan motivasi (b) Kelompok Gaji dan Bantuan Universiti dan (c) Keinginan Motivasi dan Bantuan Universiti.


Melihat kepada pencapaian akademik mereka, mahasiswa golongan



(a)



(b)



(c)

sederhana ini sebenarnya berpotensi untuk mencapai kejayaan. Halangan luaran dan dalaman yang terpaksa dihadapi menyebabkan mereka tidak berpeluang bersaing dengan rakan-rakan yang lebih bernasib baik. Ini dibuktikan pada Jadual 4 bagi keputusan golongan pelajar berpendapatan sederhana.

Jadual 4 Situasi Optimum Bagi Mahasiswa Sederhana Mencapai CGPA Nilai 3 Sehingga 4

Faktor	Sasaran	Had Bawah	Had Atas
A:Kelompok Gaji	dalam julat	3	7
B:Keinginan Motivasi	dalam julat	1	10
C:Bantuan Universiti	dalam julat	1	10
CGPA	dalam julat	3	4

Nombor	Skala Kelompok Gaji	Skala Keinginan Motivasi	Skala Bantuan Universiti	Nilai Purata Gred Kumulatif (CGPA)	Catatan
1	6.95	9.90	9.10	3.00006	Kebarangkalian Tertinggi
2	6.70	9.84	9.76	3.00303	
3	6.97	10.00	9.02	3.00812	
4	6.75	9.93	9.91	3.03739	
5	6.97	9.58	9.62	3.01561	
6	6.66	9.90	9.76	3.00174	
7	7.00	9.98	9.55	3.06135	
8	6.95	9.21	9.95	3.00185	
9	6.87	9.86	9.60	3.02445	
10	6.97	9.94	9.42	3.03858	
11	6.98	9.78	9.95	3.07417	Output Tertinggi
12	6.92	9.96	9.29	3.01897	
13	6.81	9.95	10.00	3.06267	
14	6.80	9.85	9.95	3.04287	

15	7.00	9.56	9.98	3.05408	
16	6.96	9.83	9.36	3.01895	
17	6.81	9.58	9.88	3.00859	
18	6.93	9.57	9.57	3.00108	Output Terendah
19	6.98	9.61	9.94	3.05116	
20	6.78	9.99	9.50	3.01355	
21	6.61	10.00	9.99	3.02612	
22	6.77	9.81	9.76	3.01505	
23	6.96	9.25	9.99	3.01153	
24	6.84	9.68	9.96	3.03294	
25	6.95	9.92	9.23	3.01486	
26	6.77	9.81	9.73	3.01139	
27	6.84	9.57	9.94	3.01785	

Adeq Precision bertujuan mengukur sejauh mana model terhadap kadar nisbah gangguan (noise). Kadar nisbah melebihi 4 adalah boleh diterima. Untuk kajian ini, nisbahnya adalah 14.738, dan model ini sah digunakan untuk kajian dalam lingkupan. Sementara untuk Pred R-Squared bernilai 0.7269 adalah bertepatan dengan Adj R-Squared sebanyak 0.9021. Regresi Berganda (R-Squared) bernilai 0.9572 membuktikan bahawa ralat dapat diminimumkan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Analisis ANOVA Terhadap Model Kajian


Output	Nilai	Output	Nilai
Std. Dev.	0.19	R-Squared	0.9572
Mean	2.21	Adj R-Squared	0.9021
C.V. %	8.54	Pred R-Squared	0.7269
PRESS	1.59	Adeq Precision	14.738

Untuk meningkatkan ketepatan kajian, beberapa sampel yang optimum telah diulang sebanyak 3 kali dan hasil dapatan telah direkodkan dalam ujian validasi, seperti dalam Jadual 6. Keputusan ini menunjukkan ralat sekitar 5%-10%, dan ini adalah ketepatan yang boleh diterima. Ini disokong juga dengan Rajah 3 yang menunjukkan perbandingan bacaan sebenar dengan bacaan simulasi.

Jadual 6 Validasi Ujian Mengikut Situasi Optimum

Kaji selidik	Jangkaan Keputusan	Jumlah Validasi Sampel		
		1	2	3
Keseluruhan	3.25	3.0-3.30	3.00-3.40	3.0-3.20
Julat Mahasiswa Golongan Sederhana (CGPA 3-4)	3.00	2.80-3.20	3.00-3.20	2.93-2.99

Dapatan kajian menunjukkan secara majoritinya pendapatan keluarga



mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik mahasiswa. Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa status sosioekonomi mempengaruhi tahap pencapaian akademik mahasiswa universiti terbabit. Dapatan kajian membawa implikasi kepada langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak berkaitan untuk meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa, terutama daripada golongan berpendapatan sederhana ini.

KESIMPULAN KAJIAN

Berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik mahasiswa. Apabila pendapatan ibu bapa meningkat maka kebiasaannya motivasi mahasiswa juga akan meningkat. Dengan demikian, semakin tinggi motivasi untuk belajar, maka akan semakin tinggi pula prestasi akademik mahasiswa tersebut. Selain itu, terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara status pendapatan ibu bapa dan prestasi akademik pelajar. Dengan demikian, semakin baik status pendapatan ibu bapa maka semakin tinggi pula prestasi akademik mahasiswa.

SYOR CADANGAN

Daripada hasil kajian ini, beberapa saranan dicadangkan seperti berikut:

- a. Bagi pensyarah, adalah digalakkan supaya melaksanakan kaedah pembelajaran yang optimum, mendorong serta memotivasi mahasiswa agar mencapai prestasi akademik yang cemerlang tanpa meminggirkan sesetengah golongan pelajar lainnya.
- b. Bagi pihak universiti, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi arah baru

kepada langkah menangani golongan mahasiswa terbabit yang mungkin dilupakan. Penderitaan mereka adalah benar dan golongan ini harus dibantu. Pakej khas bantuan akademik, peluang pekerjaan kontrak, kelas bersama biza-kounselor, sokongan kaunseling seharusnya diambil tindakan segera dalam merealisasikannya.

- c. Bagi pertubuhan bukan kerajaan, hendaklah sentiasa menjadikan universiti ini sebagai ruang untuk memperkasakan mahasiswa bagi menutup jurang perbezaan antara universiti dan alam pasca graduasi. Inisiatif daripada IKRAM Siswa Nasional dalam membantu mahasiswa seperti Food For Siswa, SKUBA Harmoni atau pun latihan penokohan mahasiswa seperti Tamanni Project adalah salah satu usaha murni.
- d. Bagi kementerian yang terbabit, menjadi satu kemestian agar dinamika ke arah mencapai kualiti mahasiswa terbaik sentiasa menjadi prioriti utama tanpa memperjudikan masa depan anak bangsa.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini dan semua penyelidik yang membantu dalam mengumpul dan menganalisis data. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada Gen Two Training Academy (GENTRA) dan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) yang telah memberi bantuan kewangan dalam membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Agusta, Y. N. (2015). Hubungan Antara Orientasi Masa Depan Dan Daya Juang Terhadap Kesiapan Kerja Pada Mahasiswa Tingkat Akhir Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik di Universitas Mulawarman. *eJournal Psikologi*. Vol. 3 No. 1 (369-381).
- Bakri, N., Razak, N. Z. A., & Khalid, A. H. A. (2005). Punca prestasi pembelajaran yang lemah di kalangan pelajar fakulti *pengurusan dan pembangunan sumber manusia*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Sains Humanika, 43(1).
- Fattah, Nanang. (2009). *Ekonomi dan Pembiayaan Pendidikan*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Hamdu, G., & Agustina, L. (2011). Pengaruh motivasi belajar siswa terhadap prestasi belajar IPA di sekolah dasar. *Jurnal penelitian pendidikan*, 12(1), 90-96.
- Hamsari, N. A., & Yahaya, A. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30-57.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research

- activities. Educational and psychological measurement, 30(3), 607-610. *Leadership* 60(4):89-91.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob (2012). Pengujian model gaya keibubapaan Baumrind ke atas pencapaian akademik mahasiswa universiti menengah. *Journal of Social Sciences & Humanities*, Vol. 7, No. 1(105 - 120).
- Norazlinda Saad (2007) *Meritokrasi: Faktor sosio ekonomi dan peluang pendidikan tinggi*. In: The 5th ASEAN Symposium on Educational Management and Leadership (ASEMAL 5), 18-19 August 2007, Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Saleh, M. (2014). Pengaruh motivasi, faktor keluarga, lingkungan kampus dan aktif berorganisasi terhadap prestasi akademik. *Jurnal Phenomenon*, 4(2), 109-141.
- Sumari, M., & Hussin, Z. (2006). *Cabaran IPT dalam Menangani Salah Laku dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan dan Cadangan*. In National Student Development Conference (NASDEC) 2006 (pp. 8-9).
- Suryani, N. (2006). Pengaruh kondisi sosial dan ekonomi orang tua terhadap motivasi melanjutkan pendidikan ke perguruan tinggi. *Dinamika Pendidikan*, 1(2).

Profil Penulis:

Sayed Muhammad Aiman Sayed Abul Khair
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan

Ahmad Fadzil Ahmad Shuhaili
Universiti Teknologi PETRONAS
Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan
fadzilshuhaili@gmail.com

Mohammad Ezzani Iswan Ismail
Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Daeng Ahmad Luqman bin Ahmad Termizi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Jalan Gombak
Kuala Lumpur, Selangor Darul Ehsan

FACTORS INFLUENCING HEALTH BEHAVIOURS AMONG UNIVERSITY STUDENTS

ROXANA DEV OMAR DEV, TENGKU FADILAH TENGKU KAMALDEN,
SOH KIM GEOK, MARIA CHONG ABDULLAH, AHMAD FAUZI MOHD
AYUB & ISMI ARIF ISMAIL

ABSTRACT

University students typically enter a dynamic transitional period of new independence from their parents that is characterized by many factors. These factors which involve social, financial, and environment elements, can be a burden to the students putting them at risk in negative health behaviours. Negative health behaviours among university students are a course of concern since they have a tendency to be carried into adulthood which can possibly cause the emergence of chronic disease at younger age. Self-efficacy is seen to increase with students' emotional intelligence, together with better health behaviour. Therefore, the purpose of the study was to investigate the relationship between emotional intelligence and self-efficacy (mediator) on health behaviours among university students in Universiti Putra Malaysia, Malaysia. A correlational study was conducted on 400 undergraduates university students who lived on campus and were chosen through stratified random sampling technique using closed ended questionnaires (Schutte's Self Report Emotional Intelligence, General Self Efficacy Scale and a modified version of Health Style Questionnaire). Emotional intelligence, self-efficacy and health behaviour were significantly correlated at $p < .05$. Thus, there was an association between emotional intelligence and self-efficacy with health behaviour. Emotional intelligence and self-efficacy can boost positive health behaviour. Such data have important implications for both health practice and policy especially for higher education institutions.

Keywords: *Emotional Intelligence, Self-Efficacy, Health Behaviour, Undergraduate Students*

ABSTRAK

Pelajar universiti biasanya memasuki tempoh kebebasan mutlak daripada para ibu bapa yang boleh dikategorikan daripada pelbagai faktor. Faktor-faktor ini yang melibatkan unsur-unsur sosial, kewangan dan alam sekitar, boleh menjadi beban kepada pelajar yang menjadikan mereka berisiko dalam tingkah laku kesihatan yang negatif. Tingkah laku kesihatan yang negatif di kalangan pelajar universiti adalah satu perkara yang membimbangkan kerana berkecenderungan untuk dibawa ke alam dewasa yang mungkin menyebabkan penyakit kronik pada usia yang lebih muda. Keberkesanan diri dilihat meningkat dengan kecerdasan emosi pelajar, bersama dengan tingkah laku kesihatan yang lebih baik. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan keberkesanan

diri (mediator) terhadap tingkah laku kesihatan di kalangan pelajar universiti di Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Satu kajian korelasional dijalankan ke atas 400 pelajar universiti sarjana muda yang tinggal di kampus dan dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata menggunakan soal selidik tertutup (Schutte's Self Report Emotional Intelligence, General Self Efficacy Scale dan Health Style Questionnaire yang telah diubah suai). Kecerdasan emosi, keberkesanan diri dan tingkah laku kesihatan berkorelasi dengan signifikan pada $p < .05$. Oleh itu, terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dan keberkesanan diri dengan tingkah laku kesihatan. Ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi dan keberkesanan diri dapat meningkatkan tingkah laku kesihatan

Kata Kunci: *Kecerdasan Emosi, Efikasi Diri, Tingkah Laku Kesihatan, Pelajar Pra-Siswazah*

INTRODUCTION

Health behavior has been recognized as an important determinant of health status (Wang, Xing & Wu, 2012). It has been stated that 60% of a person's health status is dependent on one's health behavior or lifestyle (World Health Organization, 2004). Many studies propose that healthy behaviors reduce morbidity and mortality rates (Hu *et al.*, 2011; Reddy *et al.*, 2011). Moreover, healthy living habits or behavior that is portrayed in the early childhood or youth would be adopted later in adulthood (Lansberg *et al.*, 2010). Even though, bad habits such as unhealthy behaviors are hard to change, however, if the detection is done early in the schooling years till early adulthood, it is still possible to have the habits or behaviors changed (Gall *et al.*, 2009). Thus, youth and school children should be educated about the importance of health lifestyle and behaviors (Roxana *et al.*, 2014; Phongsavan *et al.*, 2005) so that a healthy and responsible generation can be produced.

Health risk behaviors are detrimental actions that increases rate morbidity and mortality (Spring *et al.*, 2012). At least five (5) categories of behavior have been consistently found to correlate with high morbidity and mortality (1) consuming high calorie diet, high fat, high sodium and low in nutrients (Pokhrel *et al.*, 2013; Mente *et al.*, 2009), (2) inactive physically and sedentary (Roxana *et al.*, 2013; Fogelholm, 2010), (3) cigarette smoking (Khan *et al.*, 2015; Caldeira *et al.*, 2012), (4) substance abuse such as consuming alcohol and drugs (Guerra de Andrade *et al.*, 2012; Quinn & Fromme, 2011) and (5) risky sexual behaviors engagement (Poscia *et al.*, 2015; Caico, 2014). Conversely, health promoting or protective behaviours are linked with actions that reduce disease susceptibility and facilitate health restoration (Spring *et al.*, 2012) that includes (1) being (1) physically active (Deliens *et al.*, 2015), (2) eating fruits and vegetables (Plotnikoff *et al.*, 2015) and (3) adherent with prescribed medication (Rickles *et al.*, 2012)

University students represent a vast component of the youth population (Wang, Xing & Wu, 2013) where most faced a new environment of freedom or

independence from their parents (Pullman *et al.*, 2009). They are navigators in the difficult waters that separate adolescence from adulthood as they take more responsibility for their daily lives and develop life skills that are vital as any academic coursework. Hence, health promoting behaviors such as proper nutrition, and physical activities are important to combat multiple stress that will be part of the students' lives in the campus (Roxana *et al.*, 2014).

Emotional Intelligence (EI) is known to have a variety of positive effects on the functioning of human beings and also has been recognized as the main factor that can maintain and improve human positive health behaviour (Roxana Dev, *et al.*, 2014). According to Li, Lu, & Wang (2009), good emotion handling is a motivating factor for most human behaviour. Furthermore, the ability to verify various forms of emotion in conjunction with thinking process, and use of this ability to manage personal growth is defined as emotional intelligence (Mayer, Salovey, Caruso, & Sitarenios, 2001). Li *et al.* (2009) showed that EI was one of the psychological mechanism that was responsible for positive changing behavior that associated with physical activity participation. This was also seen in a Malaysian study done by Roxana Dev *et al.*, (2012).

Self-efficacy refers to a person's belief in his/her ability to organise and execute a required course of action to achieve a desired result (Bandura, 1997). Self-efficacy has been found to be related to academic achievement, behaviours and attitudes (Faulkner & Reeves, 2009; Hagger, Chatzisarantis & Biddle, 2001; Yalcinalp, 2005; Schwarzer & Fuchs, 2009; Salami, 2004; Salami & Ogundokun, 2009). It is, expected that self-efficacy will be related to students' health behaviours. However, there is scarcity of research that examined the self-efficacy of college students in relation to their health behaviors. Self-efficacy determines an individual's resiliency to adversity and his/her vulnerability to stress (Bandura, Caprara, Barbaranelli, Gerbino & Pastorelli, 2003). General self-efficacy aims at a broad and stable sense of personal competence to deal effectively with a variety of stressful situations (Adeyemo, 2008; Schwarzer, 1994). Perhaps for an individual who has low emotional intelligence, having high self-efficacy will help him/her in displaying appropriate health behaviours.

Identification of factors influencing health behavior should be based on the theory that is applicable to a variety of health behaviours. However, most health-influential studies that were done previously was done in single health behavior and not staged as multiple health behaviours. Hence, the researcher have chosen self-efficacy (SE) and emotional intelligence (EI) as independent variables where EI is termed as distal variable and SE as proximal variable from the Theory of Triadic Influence (TTI) (Flay & Petraitis, 1994) to fill in the missing gap. Thus, this study aims to investigate the relationship of self-efficacy (SE) and emotional intelligence (EI) on health behaviors (HB) among university students in a public university in Malaysia.

METHODOLOGY

This study is a quantitative correlational research. Pen and pencil, self-assessed survey form and questionnaires were the main data collection method. Participants were recruited from 16 dormitories of a Malaysian public university. 400 students participated by using proportionate stratified random sampling technique. There were three main instruments used in the study; The Assessing Emotions Scale (TAES), General Self Efficacy Scale (GSES), and Health Behaviour Questionnaire (HBQ) (a modified version of Health Style Questionnaire).

The Assessing Emotions Scale (TAES), developed by Schutte, Malouff and Bhullar (2009) was used to measure four facets of emotional quotient (Salovey & Mayer, 1990) which are; 1) perception of emotion, 2) managing own emotions, 3) managing others' emotion, and 4) utilization of emotion. TAES comprised of 33-items using a 5-point Likert scale that based on four dimensions of emotional intelligence (EI) which are perceive emotions, utilizing emotions, regulating emotions and managing emotions. The scale ranges from 1=strongly disagree, 2=disagree, 3=somewhat agree, 4=agree, and 5= strongly agree. The Cronbach alpha reported by Schutte et al.(2009), was .90 while this study attain .87.

Generalized Self-Efficacy Scale (GSES) was developed by Schwarzer and Jerusalem (1995). The GSES is a 10-item scale that assessed self-efficacy based on personality disposition. It is measured on a 4-point Likert scale ranging from 1= Not at all true to 4= Exactly true. The Cronbach's alpha coefficient of GSES range from .75 to .90 for this study.

Lastly, Health Behaviour Questionnaire (HBQ) was adapted from Lifestyle Self-Test, Department of Health and Human Services, U.S. Public Service. There are 32-items with six constructs which are: 1) smoking, 2) nutrition/eating habits, 3) physical activity, 4) alcohol and drugs, 5) stress management and safety, which had been evaluated with 5-point Likert scale ranging from 0=almost never, 1=rarely, 2=sometimes, 4=often, and 5= always. This study gain Cronbach alpha of .87 which fall in acceptable range. Previous studies have reported by Jackson (2007) to have Cronbach alpha of .78 to .95.

The participants administered the questionnaires which consisted of the measures described above at their college. Informed consents of the students and the college authorities were obtained. Of the 400 questionnaires, 400 were returned and all were properly filled and wused for data analysis. The data were collected within eight weeks and the questionnaires were completed anonymously with some additional information on gender, age, races, study program, and student's current year of study (first year, second year, third year or fourth year). The data collection of the study was done in the first semester of 2015-16 (October to December 2015). IBM Statistical Package for Social Science Statistics (version 20.0) was used for data analysis. Correlation analysis between EI, SE and HB was also analyzed.

FINDINGS

Relationship between emotional intelligence, self-efficacy and health behavior.

Correlation analysis was used to attain the relationship between variables. Based on table 1.1, all the variables are positively correlated. Emotional intelligence is significantly correlated with self-efficacy ($r = .398, p = <.001$) and health behavior ($r = .354, p = <.001$). In addition, self-efficacy is significantly correlated with health behavior ($r = .395, p = <.001$).

Table 1: Emotional Intelligence, Self-Efficacy and Health Behavior Correlation Analysis

		Emotional Intelligence	Self-Efficacy	Health Behaviour
Emotional Intelligence	Pearson Correlation	1		
	Sig. (2-tailed)			
Self-Efficacy	Pearson Correlation	.398***	1	
	Sig. (2-tailed)	.000		
Health Behaviour	Pearson Correlation	.354***	.395***	1
	Sig. (2-tailed)	.024	.011	

Notes : *** = $p < .001$ (2-tailed); * = $p < .05$ (2-tailed)

DISCUSSION

The primary aim of this study was to investigate the relationship between emotional intelligence and self-efficacy on health behaviors. It was found that the independent variables significantly have positive relationship with the students' health behaviors. These findings support the work of previous researches who found that both cognitive variables (emotional intelligence and self-efficacy) were positive correlated with students' behavior specifically health behavior. This study found that there was a positive moderate correlation between emotional intelligence (EI) and health behavior (HB). This is aligned with the study by Roxana *et al.*(2014) that stated high EI increases physical activity (an element of health behavior). Moreover, Syqit-Kowalkawska *et al.*(20145) showed that students who had higher EI demonstrated pro-health behavior such as abstinence of smoking and alcohol intake. Next, McPhie and Rawana (2015) stated that emotional intelligence assisted the adolescence to become more relax and conduct their daily lives with a purpose. In addition, Salami (2010) explained that emotional intelligence gave impact towards psychological and cognitive to give a feeling of relaxed, happy, enhance confidence and self-esteem. Hence, health behavior is also in aligned with the positive attitude and personality. This study showed that higher participation

in EI decreased the negative aspects of psychological and in consequence with that increases health promoting behavior.

Next, it was also found that there was a significant positive moderate correlation between SE and health behavior. Association between SE and health behavior has been studied globally even though the numbers are still limited. However, this study indicated that there was an association between those variables. Some of the previous research supported the findings in this study. Zlatanovic (2015) found that there was a relationship between SE and health behavior by stating the effect of SE towards mood regulation and health behavior. Moreover, it was also supported by Li *et al.*(2009) as they found that higher level of SE will lead students to have more positive mood, optimistic attitude and lowering negative mood. Self-efficacy beliefs also influence a number of biological processes that, in turn, influence health and disease. Bandura (1986) has argued that perceived self-efficacy is a crucial determinant of health-related stress reaction, and this general relationship is supported by extensive empirical evidence. It is also found that people with high self-efficacy beliefs respond with more adaptive ways or forms of coping when an illness is experienced; for instance, higher self-efficacy is associated with greater ability to withstand pain, as well as with frequent and successful use the coping strategies directed to problem (instead of using the mechanism of escaping) (Trouillet *et al.*, 2009). Hence, higher SE will in turn have better health behavior.

This study also found that there was significant positive moderate relationship between EI and self-efficacy. There are a few previous researches supported the findings in this study. Gharetepeh *et al.*(2015) well supported this study's findings as EI has positively correlated with SE, where promote positive cues and reaction in life. While EI has negatively correlated with negative psychological well-being such as depression, stress and loneliness, and this was found in Loughheed and Hollenstein (2012) reported that low range of emotional regulation lowered the internalizing problems such as depression, anxiety and social anxiety because of low self-efficacy, in part of not having the capability of internalizing problems in adolescents.

In conclusion, it was found that higher level of EI can promote healthy behavior. This means that high EI individuals did not only increase their emotional health but also in health behavior. Furthermore, this study also found that EI was positively correlated with SE. Higher level of EI elevated SE score thus, having better skills in coping with stressors and likely to take problems that occur as a challenge to succeed. The large body of research on this kind of influence has shown that enhancing self-efficacy beliefs is crucial to the successful change and maintenance of various patterns or forms of health-related behaviours in the face of obstacles and aversive experiences, including the following practices: stress management (stress response and coping), addictive behaviors, reducing sexual risk behavior, acquired immune deficiency syndrome (AIDS)-related health behaviour, smoking cessation, nutrition and weight control, adherence to medication requirements and

suggested treatment or rehabilitation, regular physical exercise, healthy decision making and choices of healthy lifestyle, health-protective behavior, and disease detection behaviors such as breast self-examinations (Zlatovic, 2015). Thus, EI skill becomes an important aspect of university student's healthy development. It addresses individuals to understand authentic ways of living. It helps young people to become useful members of the society.

In conclusion, current research indicates that students' emotional intelligence and self-efficacy have direct impact on resolving problems. Hence, the result justifies that emotions help make intelligent decision which one would be able to connect better with others. Besides that, it increases self-efficacy in one self and as a result, better decisions can be made (Behjat & Chowdhury, 2012) especially in connection with stress management among university students. Therefore EI should be addressed and nurtured among students in higher educational institutions for the holistic development of individuals. This can be achieved by adopting EI skills in collegiate programs and activities.

REFERENCES

- Armum, P., & Chellapan, K. (2015). Social and emotional self-efficacy of adolescents: measured and analysed interdependencies within and across academic achievement level. *International Journal of Adolescence and Youth*, 21, 279-288.
- Bandura A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of personality and social psychology*, 51(6), 1173.
- Behjat, S. & Chowdhury, M.S. (2012). Emotional intelligence, self-efficacy and diversity receptiveness of university students: A correlation study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(4), 310-312.
- Flay, B.R., & Petraitis, J. (1994). A new theory of health behavior with implications for preventive interventions. *Advances in Medical Sociology*, 4, 19-44.
- Gharetepeh, A, Safari, Y., ashaei, T., Razaeei, M., Kajbaf, M.B. (2015). Emotional intelligence as a predictor of self efficacy among students with different levels of academmic achievement at Kermanshah University of Medical Sciences. *Journal of Advances in Medical Education and Practice*, 3(2), 50-55.
- Li, G. S.-F., Lu, F. J. H., & Wang, A. H.-H. (2009). Exploring the Relationships of Physical Activity, Emotional Intelligence and Health in Taiwan College Students. *Journal of Exercise Science & Fitness*, 7(1), 55-63.

- Lougheed, J. P., & Hollenstein, T. (2012). A limited repertoire of emotion regulation strategies is associated with internalizing problems in adolescence. *Social Development, 21*(4), 704-721.
- McPhie, M. L., & Rawana, J. S. (2015). The effect of physical activity on depression in adolescence and emerging adulthood: A growth-curve analysis. *Journal of adolescence, 40*, 83-92.
- Roxana Dev, O. D., Ismi Arif, I., Maria Chong, A., & Soh Kim, G. (2014). Emotional intelligence as an underlying psychological mechanism on Physical Activity among Malaysian adolescents. *Middle-East Journal of Scientific Research, 19*, 166-171,
- Roxana Dev, O. D., Ismi Arif, I., Mohd Sofian, O.-F., Maria Chong, A., & Soh Kim, G. (2012). Emotional intelligence as a potential underlying mechanism for physical activity among Malaysian adults. *American Journal of Health Sciences (AJHS), 3*(3), 211-222.
- Salami, S.O. (2010). Emotional intelligence, self-efficacy, psychological well being and tudents' attitudes: Implications for quality education. *European Journal of Educational Studies, 2*(3), 247-257.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T., Golden, C. J., & Dornheim, L. (2009). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and individual differences, 25*(2), 167-177.
- Syqit-Kowalkawska, E., Sygit, K., & Sygit, M. (2015). Emotional intelligence vs. health behavior in selected groups in late adulthood. *Annals of Agriculture and Environmental Medicice, 22*(2), 338-343.
- Tronille,t R., Gan,a K., Lourel, M., & Fort, I. (2009). Predictive value of age for coping: The role of self-efficacy, social support satisfaction and perceived stress. *Aging and mental health, 13*, 357-366.
- Zlatovic, L. (2016). Self-efficacy and health behavior: some implication for medical anthropology. *Journal of the Anthropological Society of Serbia, 51*, 17-25.



Author's Profile:

Roxana Dev Omar Dev

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
rdod@upm.edu.my*

Tengku Fadilah Tengku Kamalden

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
tengku@upm.edu.my*

Soh Kim Geok

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
kimgeoks@yahoo.com*

Maria Chong Abdullah

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
mariachong2002@yahoo.com*

Ahmad Fauzi Mohd Ayub

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
afmy@upm.edu.my*

Ismi Arif Ismail

*Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
ismi@upm.edu.my*

ADAPTASI MAHASISWA SABAH DAN SARAWAK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SAMSUDIN SUHAILI, NUR NADIA LUKMANULHAKIM & NORLIZA
JAMALUDDIN

ABSTRAK

Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama dan bahasa serta status sosioekonomi yang secara langsung telah membentuk masyarakat multibudaya dengan identiti tersendiri. Dalam konteks Sabah dan Sarawak khususnya komposisi etnik yang lebih rencam ternyata menjadikan identiti yang lebih kompleks dan rumit untuk difahami dengan oleh komuniti di Semenanjung Malaysia. Oleh hal yang demikian, perbezaan identiti budaya masyarakat Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia ini dilihat boleh membawa kepada permasalahan dari segi adaptasi antara dua atau lebih kumpulan identiti budaya yang berbeza. Timbul dua persoalan utama dalam hal ini iaitu berkaitan dengan keupayaan dalam adaptasi oleh etnik Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung Malaysia dan berkaitan juga dengan aspek paling menonjol yang menjadi permasalahan dalam proses adaptasi tersebut. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ke atas mahasiswa wanita Sabah dan Sarawak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah untuk meneliti gaya dan proses adaptasi budaya di samping permasalahan yang dihadapi selama tempoh pengajian mereka di universiti ini. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu pengedaran soal selidik berbentuk terbuka kepada 60 orang mahasiswa wanita Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan mahasiswa ini mempunyai gaya keterbukaan dan tolak ansur dengan keupayaan adaptasi yang tinggi terhadap identiti budaya etnik lain. Pada masa yang sama mereka berhadapan dengan masalah adaptasi dari aspek bahasa dan agama khususnya daripada segi kemudahan dan prejudis apabila menggunakan bahasa etnik dan amalan keagamaan. Ternyata satu langkah bersepadu perlu dirangka dan dilaksanakan di universiti awam Malaysia sebagai persediaan mendepani masalah adaptasi dan toleransi identiti budaya antara mahasiswa khususnya dari Sabah dan Sarawak.

Kata Kunci: *Mahasiswa Sabah dan Sarawak, Identiti Budaya & Adaptasi*

ABSTRACT

The Malaysian society comprises of various ethnics, religions, linguistics, and socioeconomic status are moulded into a multicultural society with their own identity. Specifically, people from Sabah and Sarawak have diverse ethnic composition as compared to those in Peninsular Malaysia. As such, differences in the identity of the Sabah and Sarawak communities and Peninsular Malaysia may cause problems in the adaptation of Sabahan and Sarawakian in Peninsular Malaysia. Therefore, the question that arises is to what extent does the people of Sabah and Sarawak able to adapt in Peninsular Malaysia and what problems arise in the process of adaptation.

Therefore, the study was conducted on Sabah and Sarawak students at the Sultan Idris Education University (UPSI) with the objective of examining the problems faced by Sabah and Sarawak students in adapting their identity in UPSI. The study was carried out using quantitative methods through the distribution of open-ended questionnaires on 60 female Sabah and Sarawak students. The findings show that Sabah and Sarawak female students face problems in the process of language and religion adaptation in UPSI in terms of facilities and prejudices that are accepted when using their language and religion. As such, it is proposed that integrated measures be undertaken by the university to solve the problems faced by Sabah and Sarawak female students.

Keywords: *Sabah and Sarawak's Student, Culture & Adaptation*

PENGENALAN

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, bahasa dan status sosioekonomi. Kepelbagaian latar bermula daripada proses migrasi besar-besaran kaum Cina, India dan etnik-etnik asing yang lain ke Tanah Melayu kerana kemakmuran ekonomi dan kekayaan sumber di sini (Ishak, 2005). dengan latar dan identiti budaya yang berbeza, ditambah pula dengan dasar pecah dan perintah British telah menyebabkan interaksi antara etnik di Tanah Melayu pada ketika itu berlangsung dalam skala yang kecil dan terhad sehingga membawa kepada lemahnya perpaduan antara kaum ketika pembentukan Malaysia. Dasar Inggeris yang mengekalkan setiap etnik dengan kegiatan ekonomi yang terpisah di kawasan masing-masing telah menyumbang kepada faktor perpecahan kerana aktiviti ekonomi mempengaruhi status sosioekonomi serta tempat tinggal sesuatu etnik sama ada kawasan dikategorikan sebagai bandar atau luar bandar (Adam, 2003).

Kemerdekaan Tanah Melayu (1957) dan pembentukan Malaysia (1963) adalah suatu pembentukan negara tanpa bangsa yang konkrit. Usaha pembentukan bangsa Malaysia berdasarkan kesedaran ini kemudiannya diusahakan melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menggariskan tiga unsur penting iaitu pengekalan kebudayaan rakyat asal rantau Nusantara, penerimaan kebudayaan lain yang sesuai melalui proses penyerapan dan penyesuaian yang berterusan serta Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan agama (Kementerian Kebudayaan, 1971). Sehubungan dengan itu, walaupun jelas adanya frasa membolehkan setiap etnik untuk mengekalkan identiti budaya masing-masing di negara ini, namun perkara pokok yang perlu diberi perhatian adalah proses adaptasi dan penyesuaian oleh seluruh etnik dan kaum di negara ini sebagai sebuah masyarakat multibudaya yang bersatu padu.

Penelitian terhadap kepelbagaian identiti etnik di Malaysia perlu dilihat dalam konteks masyarakatnya yang bersifat multibudaya. Dengan kata lain, kepelbagaian tersebut perlu diamati satu persatu menerusi enam kriteria asas

melibatkan etnik, bahasa, agama, gender, status sosioekonomi dan keupayaan mental serta fizikal. Setiap kriteria ini berupaya membentuk kumpulan sosial yang berpegang kepada identiti masing-masing. Contohnya dalam meneliti kumpulan etnik dan suku kaum, dapat dikenal pasti kaum Melayu, Cina, India etnik Iban, Bidayah, Kadazan, Dusun, Murut, Bajau dan etnik-etnik lain dengan identiti yang tersendiri. Bagi kriteria agama dapat dikenal pasti kelompok pengamal agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian yang juga memiliki identiti yang tersendiri lagi unik. Maka jelas sekali bahawa setiap kelompok sosial di Malaysia yang mempunyai identiti tersendiri ini mempunyai persepsi dan tingkah laku yang tersendiri (Oakes, Haslam, & Turner, 1994).

Oleh hal yang demikian, masyarakat multibudaya Malaysia khususnya etnik dari Sabah dan Sarawak yang bermigrasi ke Semenanjung Malaysia perlu melalui proses adaptasi yang melibatkan perolehan corak dan amalan budaya baharu melalui proses akulturasi (Kim, 2017). Sepanjang proses akulturasi, berlaku pertembungan dan penyesuaian budaya dalam diri mereka yang bermigrasi antara keperluan untuk mempraktikkan budaya baharu yang memberikan identiti baharu dengan mempraktikkan budaya lama dengan identiti lama. Dalam konteks masyarakat Malaysia, adaptasi identiti budaya ini tidak hanya berlangsung dalam diri individu malah dalam skala berkelompok dan institusi sosial. Oleh hal yang demikian, pertembungan budaya boleh berlaku apabila sesebuah kumpulan etnik dengan identiti budayanya berhijrah ke suatu tempat yang mengamalkan budaya yang berlainan. Maka dalam proses adaptasi dengan masyarakat setempat di kawasan baharu, kebarangkalian isu sensitif dari segi bahasa ataupun prejudis dan stereotaip boleh berlaku kerana budaya dan tingkah laku sedia kumpulan tersebut ketika berinteraksi dengan masyarakat tempatan masih tidak mengikut norma yang ada. Maka, sepanjang proses adaptasi berlangsung, masalah akan dihadapi oleh kumpulan yang sedang dalam proses adaptasi tersebut sehinggalah mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat di tempat baharu.

SOROTAN LITERATUR

Kepelbagaian masyarakat pelbagai budaya di Malaysia telah bermula sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 malah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Peranan Tanah Melayu sebagai pelabuhan penting dalam laluan perdagangan dunia serta kekayaan hasil bumi di Tanah Melayu serta Sabah dan Sarawak telah menarik masyarakat dari pelbagai negara untuk datang sama ada untuk tujuan perdagangan, mahupun pendatang yang mencari pekerjaan (Watson&Andaya, 1982). Sebagai salah satu kelompok yang datang ke Tanah Melayu, kaum Cina berasal daripada tiga (3) sumber iaitu yang bermigrasi seawal abad 19 dan terlibat dengan aktiviti perikanan serta penanaman lada dan gambir. Kedua, yang terlibat dengan aktiviti komersil yang banyak bermigrasi ke Singapura dan Melaka. Ketiga adalah yang bermigrasi dalam jumlah yang banyak daripada Selatan China sebagai buruh dan tukang kayu, kebanyakan daripada golongan miskin dan petani (Clammer, 2002).

Kepelbagaian budaya masyarakat Sabah dan Sarawak pula bertitik tolak daripada kemasukan kumpulan pendatang yang berasal dari Indonesia, Filipina, Cina dan India (Mohd Mahadee & Zaini, 2010). Sebelum kemasukan kumpulan ini, masyarakat setempat sudah pun terdiri daripada pelbagai etnik meliputi etnik Iban, Bidayuh, Kadazan Dusun serta pelbagai etnik yang lain. Kemasukan kumpulan migran ini telah menambahkan lagi komposisi dan kepelbagaian budaya yang sedia ada di Sabah dan Sarawak. Faktor yang membezakan masyarakat multibudaya Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia adalah komposisi etnik masyarakat yang berbeza antara kedua-dua tempat tersebut. Etnik terbesar di Sabah adalah Kadazan/Dusun sebanyak 24.5 peratus manakala Iban sebagai etnik terbesar Sarawak sebanyak 30.3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Ini berbeza dengan komposisi penduduk di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada 63.6 peratus orang Melayu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Perbezaan dari segi komposisi etnik Sabah Sarawak dan Semenanjung ini membawa identifikasi yang tersendiri dari aspek budaya masyarakat Sabah dan Sarawak. Hal ini jelas dalam banyak perkara termasuklah dari segi perayaan khususnya perayaan Gawai dan Pesta Keamatan yang merupakan perayaan sempena fasa menuai tanaman. Perlu juga diambil ingatan bahawa setiap etnik yang ada di Sabah dan Sarawak juga mempunyai bahasa, dialek serta adat resam tersendiri sebagai elemen penting dalam identiti budaya mereka.

Perbezaan komposisi, malah perayaan yang berbeza antara masyarakat ini memberi makna bahawa kepelbagaian identiti budaya di negara ini adalah suatu fenomena yang tidak boleh diabaikan. dalam keadaan ini, masyarakat multibudaya Malaysia memerlukan kefahaman dalam menjadikan adaptasi identiti budaya dan saling tolak ansur sebagai amalan yang berterusan. Sebagai rakyat dalam sebuah negara, migrasi penduduk dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia memerlukan mereka melalui proses adaptasi dengan masyarakat setempat di Semenanjung Malaysia. Secara amnya proses adaptasi berlangsung dalam dua peringkat iaitu peringkat akulturasi apabila seseorang individu memperoleh amalan budaya baharu, dan kedua peringkat dekulturasi apabila individu tersebut melupakan amalan budaya lama melalui penggantian budaya baharu (Kim, 2017).

Dalam konteks kumpulan etnik dari Sabah dan Sarawak yang bermigrasi ke Semenanjung Malaysia, pengamalan budaya sedia ada dan ditambah dengan amalan budaya baharu berlangsung berdasarkan bentuk dan pola, pengantara dan tujuan interaksi dengan masyarakat setempat. Dengan kata lain pengamalan budaya dan adaptasi identiti budaya oleh etnik dari Sabah dan Sarawak adalah bergantung kepada kelompok sosial dan tujuan interaksi diadakan. Ini bermakna budaya baharu tidak semestinya boleh menggantikan budaya sedia ada dalam identiti mereka secara keseluruhannya. Pengamalan budaya baharu dan lama mengikut situasi sosial membolehkan sesuatu kumpulan mengekalkan identiti asal melalui pengamalan budaya lama, tetapi dalam masa yang sama mengambil identiti baharu melalui pengamalan budaya baharu. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam masyarakat Kanada yang menunjukkan identiti Kanada yang lebih kuat apabila

mereka dalam masyarakat umum tetapi menunjukkan identiti warisan yang lebih kuat apabila dalam kalangan ahli keluarga (Noels&Clement, 2015). Dalam jangka masa panjang semasa proses adaptasi berlaku, kewujudan budaya yang berbeza berpotensi menimbulkan konflik antara kelompok sosial terutamanya kumpulan etnik dan komuniti. Pengalaman pengurus warganegara Amerika Syarikat yang bekerja di luar negara menunjukkan penerimaan prejudis serta stereotaip negatif kerana status mereka sebagai orang luar di samping perbezaan budaya kerja di Amerika Syarikat berbanding negara mereka bekerja yang menyebabkan mereka tidak dapat mengadaptasikan diri mereka di tempat baharu (Jassawalla, Truglia, &Garvey, 2004). Kewujudan konflik seperti ini menyukarkan lagi kumpulan yang bermigrasi untuk menyesuaikan diri dengan tempat baharu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini penting dalam meneliti proses adaptasi mahasiswa wanita yang berasal daripada Sabah dan Sarawak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), sebuah universiti awam berfokus kepada pendidikan yang terletak di Tanjung Malim, Perak. Responden kajian adalah terdiri daripada mahasiswa wanita yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang menepati kriteria kajian iaitu terdiri daripada mahasiswa wanita peringkat pengajian tahun kedua dan ke atas dengan pengalaman sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam persekitaran, suasana, budaya dan sistem pentadbiran dan akademik di UPSI. Pemilihan mahasiswa wanita sebagai responden dalam kajian ini adalah kerana kepentingan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh golongan belia wanita dalam mengekspresikan identiti budaya masing-masing. Hasil daripada tapisan syarat responden, 60 orang mahasiswa wanita berasal daripada Sabah dan Sarawak di UPSI didapati memenuhi syarat-syarat tersebut. Kajian kemudiannya menggunakan kaedah soal selidik dengan soalan berbentuk terbuka dipilih sebagai kaedah kajian supaya pelbagai respons dapat diambil daripada responden. Demografi mahasiswa yang terlibat sebagai responden adalah seeperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Instrumen soal selidik bagi kajian ini telah dihantar kepada dua orang pakar bagi mendapatkan kesahan pakar. Dua orang pakar tersebut terdiri daripada pakar dalam bidang sosiologi di Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI bagi mendapatkan kesahan dari segi kandungan dan juga pakar dalam bidang bahasa daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI bagi kesahan bahasa. Kemudiannya, kajian rintis juga dijalankan ke atas lima (5) orang mahasiswa yang tidak terlibat sebagai sampel kajian. Melalui kajian rintis ini, maklum balas berkenaan istilah yang digunakan dalam soal selidik, masa yang digunakan serta kesesuaian soal selidik yang dibina dan penambahbaikan telah dibuat selepas maklum balas tersebut.

Soal selidik ini terdiri daripada enam (6) komponen iaitu kefahaman multibudaya, (Banks, 2016) meliputi etnik, bahasa, agama, gender, sosioekonomi serta kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal. Setiap komponen mengandungi bahagian yang memerlukan responden memberi maklum balas berkenaan isu dalam

komponen tersebut, pengalaman dalam berhadapan dengan isu tersebut diikuti dengan contoh-contoh situasi yang dihadapi. Komponen multibudaya mengandungi dua bahagian iaitu (a) dan (b). Manakala komponen etnik mengandungi tujuh (7) bahagian iaitu (a) hingga (g). Komponen bahasa, gender dan sosioekonomi masing-masing mengandungi lima bahagian iaitu (a) hingga (e). Komponen agama serta kecerdasan fikiran dan keupayaan mental pula masing-masing mengandungi enam (6) dan tujuh (7) bahagian daripada (a) hingga (f) dan (a) hingga (g).

Dapatan daripada soal selidik ini dianalisis mengikut bahagian dalam soal selidik. Oleh kerana soal selidik adalah soal selidik berbentuk terbuka, jawapan yang diberikan adalah dalam bentuk pernyataan dan pandangan umum. Maka, dalam proses analisis, pandangan dan pernyataan yang sama telah dikumpulkan dengan mengambil kira bilangan responden yang memberikan pernyataan tersebut di samping mengambil kira pernyataan oleh responden yang belum pernah dinyatakan oleh responden sebelumnya. Susunan semula maklum balas daripada responden ini digunakan untuk proses analisis kajian.

Jadual 1: Demografi Mahasiswa Sabah dan Sarawak UPSI (2015)

Etnik	Jumlah (orang)
Arab	1
Bajau	127
Banjar	4
Berawan	2
Bidayuh atau Land Dayak	49
Bintulu	1
Bisaya	17
Bolongan	2
Brunei	20
Bugis	50
Bukitan	2
Bumiputera Sabah	29
Bumiputera Sarawak	8
Buton	2
Kantonis	2
Cina	449
Cocos	1
Dumpas	1
Dusun	248
Eurasian	1
Filipinos	10

Foochow	2
Hokchiu	0
Hokkien	0
Iban	226
Idahan	5
India	337
India Muslim	1
Indonesian	72
Iranun	4
Jakun	1
Jawa	10
Kadazan	46
Kayan	16
Kedayan	7
Kelabit	1
Kemboja	1
Kenyah	18
Khek (Hakka)	1
Khmer	4
Lundayeh	4
Malabari	3
Mangkaak	0
Melanau	32
Melayu	6329
Melayu Sabah	1
Melayu Sarawak	11
Murut	31
Murut atau Lun	6
Bawang	
Orang Asli	11
Semenanjung	
Pakistani	3
Penan	1
Punjabi	1
Ramanau	1
Rungus	28
Saban	3
Semai	0
Siam	1
Sian	1
Sikh	0

Sino-Native	6
Suluk	25
Sungai	22
Tamil	5
Telegu	2
Teochew	0
Thai	25
Tidung	10
Ubian	6

Sumber: Universiti Pendidikan Sultan Idris

DAPATAN KAJIAN

Bahagian pertama soal selidik adalah berkenaan kefahaman responden berkenaan multibudaya yang terdiri daripada soalan (a) yang meminta pendapat berkenaan konsep multibudaya yang telah dihuraikan di dalam soal selidik dalam konteks di UPSI serta soalan (b) iaitu berkenaan keupayaan UPSI memberi ruang kepada komponen bahasa, agama, gender, sosioekonomi serta kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal. Sejumlah 37 orang responden menerima konsep multibudaya yang dinyatakan dan bersetuju dengan memberikan pendapat bahawa UPSI mengamalkan konsep multibudaya melalui aktiviti dan persatuan-persatuan pelajar serta kepelbagaian kaum agama dan bangsa di universiti. Manakala sejumlah 16 orang responden lagi berpandangan multibudaya di UPSI bersifat sederhana kerana penerimaan yang kurang dalam kalangan mahasiswa. Manakala tujuh (7) orang yang lain tidak bersetuju dengan konsep ini dengan memberikan alasan bahawa konsep multibudaya tidak dapat dilihat dengan jelas di sini. Manakala bagi soalan (b), kajian ini mendapati sejumlah 36 orang responden bersetuju bahawa UPSI memberi ruang kepada komponen-komponen ini melalui persatuan dan kelab kebudayaan, penyediaan infrastruktur serta pemeliharaan kebajikan mahasiswa. Walau bagaimanapun, seramai 19 orang lagi responden berpendapat masih ada ruang yang perlu diperbaiki terutamanya dalam komponen agama dan etnik kerana beberapa halangan yang masih wujud dalam dua komponen tersebut. Terdapat sejumlah lima (5) orang responden tidak bersetuju dan memberikan jawapan dalam ruang kepada komponen-komponen tersebut. Jadual 2 yang berikut menunjukkan data dalam komponen kefahaman multibudaya.

Jadual 2: Kefahaman Konsep Multibudaya

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	37	16	7
b	36	19	5

Bahagian kedua merupakan bahagian yang membincangkan mengenai masalah interaksi antara etnik. Terdapat lapan (8) persoalan yang terkandung dalam bahagian ini. Soalan pertama (a) adalah mengenai tahap keutamaan pelajar etnik lain-lain untuk kemasukan ke universiti awam. Soalan yang kedua (b) adalah mengenai pandangan sama ada pelajar minoriti berasa terasing, tidak diterima dengan baik, mengalami diskriminasi dan layanan berbeza di institusi pengajian tinggi manakala soalan ketiga (c) adalah contoh yang berkaitan dengan jawapan di ruangan (b) berdasarkan kepada pengalaman atau situasi yang pernah dilihat oleh responden. Soalan keempat (d) adalah pendapat mengenai sama ada pelajar cenderung untuk berkumpul dalam etnik masing-masing manakala soalan seterusnya (e) mengenai keselesaan responden untuk menceritakan latar budaya mereka kepada rakan-rakan daripada bangsa serta budaya berbeza di UPSI. Soalan keenam (f) adalah mengenai pemilihan identiti apabila responden berinteraksi dengan rakan-rakan berlainan bangsa dan budaya manakala soalan yang terakhir (g) berkaitan dengan diskriminasi yang pernah berlaku kepada diri responden disebabkan oleh identiti etnik mereka. Jadual 3 menunjukkan dapatan daripada bahagian etnik berdasarkan soalan di atas.

Jadual 3: Interaksi antara etnik

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	25	2	33
b	31	3	26
c	31	3	26
d	34	2	24
e	22	3	35
f	25	3	32
g	32	3	25

Bahagian ketiga adalah mengenai masalah berkaitan dengan isu bahasa. Terdapat lima persoalan yang terkandung dalam bahagian ini. Soalan pertama (a) adalah mengenai pendapat responden terhadap bahasa ibunda melambangkan budaya sesuatu etnik. Soalan kedua (b) pula adalah mengenai masalah yang pernah dihadapi oleh responden apabila mereka bertutur dalam bahasa ibunda di UPSI manakala soalan ketiga (c) adalah contoh pengalaman atau situasi berdasarkan kepada soalan (b). Soalan keempat (d) adalah berkaitan dengan peristiwa disalah anggap oleh individu lain semasa berbual dengan rakan sama etnik mereka manakala soalan terakhir (e) adalah mengenai pendapat sama ada jati diri etnik responden akan berkurang sekiranya mereka berkomunikasi dengan orang lain dalam bahasa Melayu. Jadual 4 merumuskan dapatan kajian bagi komponen bahasa.

Jadual 4: Isu Bahasa

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	32	2	26
b	24	3	33
c	24	3	33
d	23	3	34
e	21	4	35

Bahagian keempat adalah mengenai isu agama atau kepercayaan dan mengandungi sebanyak 6 soalan. Soalan pertama (a) adalah mengenai pendapat sama ada agama memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian di UPSI manakala soalan seterusnya (b) adalah mengenai peranan agama dalam kehidupan seharian responden. Soalan ketiga (c) adalah pandangan terhadap pernyataan mengenai pelajar minoriti tidak selesa untuk bercerita mengenai agama dan kepercayaan mereka kerana takut dipandang rendah serta memberi reaksi yang kurang selesa. Soalan keempat (d) adalah mengenai situasi atau kesulitan yang pernah dihadapi oleh responden dalam mengamalkan agama mereka di UPSI. Soalan kelima (e) berkaitan dengan pendapat responden sama ada kebanyakan program yang dikendalikan di UPSI melibatkan semua penganut agama di institusi tersebut atau tidak manakala soalan yang keenam (f) adalah mengenai situasi agama yang pernah dihadapi oleh responden dan menjadi kesukaran untuk berinteraksi dengan individu yang berlainan agama. Jadual 5 menunjukkan dapatan komponen agama atau kepercayaan.

Jadual 5: Isu Agama atau Kepercayaan

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	15	3	42
b	40	2	18
c	43	2	15
d	41	3	16
e	17	1	42
f	44	2	14

Bahagian kelima pula adalah mengenai isu gender dan bahagian ini mempunyai lima soalan. Soalan pertama (a) adalah mengenai pendapat responden sama ada aspek keseimbangan gender di UPSI penting atau sebaliknya manakala soalan kedua (b) merupakan contoh pengalaman atau situasi terhadap soalan (a). Soalan ketiga (c) adalah mengenai masalah yang wujud di UPSI seperti persepsi bahawa wanita kurang berwibawa dalam menggalas tugas kepimpinan. Pada

bahagian soalan ini juga, responden perlu memberikan contoh sekiranya jawapan yang dinyatakan adalah ‘Ya’ dan memberikan sebab perkara tersebut tidak wujud sekiranya memberikan jawapan ‘Tidak’. Soalan keempat (d) adalah mengenai situasi keputusan, pandangan, idea dan tindakan responden pernah diendahkan disebabkan oleh status gender mereka manakala soalan kelima (e) adalah mengenai pengalaman responden dalam menghadapi situasi yang menjadi penghalang dalam penglibatan aktiviti akademik serta ko-akademik di UPSI disebabkan oleh status gender. Jadual 6 menunjukkan dapatan komponen gender.

Jadual 6: Isu Gender

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	34	1	25
b	34	1	25
c	24	3	33
d	23	2	35
e	27	1	32

Bahagian keenam adalah mengenai isu sosioekonomi dan bahagian ini turut mempunyai lima soalan. Soalan pertama (a) adalah berkaitan dengan tahap persetujuan responden terhadap sistem meritokrasi yang telah diperkenalkan manakala soalan kedua (b) adalah mengenai pengalaman atau situasi yang pernah dilihat oleh responden berdasarkan kepada pernyataan di soalan (a). Soalan ketiga (c) adalah berkaitan dengan pengalaman responden didiskriminasi akibat status sosioekonomi di UPSI manakala soalan seterusnya (d) adalah mengenai masalah kewangan yang pernah dihadapi oleh responden sebelum memasuki UPSI. Soalan terakhir (e) adalah mengenai situasi atau masalah yang pernah dihadapi oleh responden dalam penglibatan serta aktiviti (akademik/bukan akademik) kesan daripada status ekonomi mereka. Jadual 7 merumuskan dapatan bagi komponen sosioekonomi.

Jadual 7: Isu Sosioekonomi

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	31	11	18
b	31	11	18
c	18	10	32
d	17	11	32
e	18	10	31

Bahagian ketujuh adalah mengenai isu perbezaan kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal dan bahagian ini memperuntukkan sebanyak tujuh soalan. Soalan

pertama (a) adalah mengenai pendapat responden terhadap pernyataan yang telah diberikan iaitu perbezaan kecerdasan dan keupayaan fizikal merupakan satu kategori sosial yang penting. Soalan kedua (b) adalah mengenai kepercayaan responden terhadap isu universiti mempunyai dasar dan peraturan yang mencukupi bagi menghadapi isu-isu berkaitan dengan OKU. Soalan ketiga (c) adalah mengenai idea atau pandangan yang pernah diberi keutamaan atau diambil kira dalam perbincangan kumpulan di UPSI dan soalan keempat (d) adalah berkaitan dengan tindak balas responden dalam keadaan apabila idea atau pendapat mereka diberi konotasi negatif oleh rakan-rakan di UPSI. Soalan kelima (e) adalah mengenai tindak balas responden apabila idea keupayaan fizikal mereka diberi konotasi negatif oleh rakan-rakan di UPSI dan soalan seterusnya (f) adalah pandangan terhadap sejauh mana perkara tersebut serius di UPSI. Soalan ketujuh (g) pula adalah berkaitan dengan keupayaan UPSI dalam menyediakan kemudahan yang sepatutnya kepada pelajar OKU. Pada bahagian ini juga, responden perlu memberikan contoh sekiranya jawapan yang diberikan ialah 'Ya' dan sebab sekiranya jawapan yang dinyatakan adalah 'Tidak'. Jadual 8 di bawah merumuskan dapatan komponen kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal.

Jadual 8: Isu Perbezaan Kecerdasan Fikiran dan Keupayaan Fizikal

Soalan	Responden (orang)		
	Bersetuju	Separuh Bersetuju	Tidak Bersetuju
a	33	3	24
b	34	3	23
c	32	4	24
d	34	5	21
e	33	7	20
f	24	4	32
g	33	5	22

PERBINCANGAN

Dalam pemodenan masyarakat majmuk Malaysia, proses interaksi sosial juga turut berkembang luas dan menjadi semakin rancak dengan bantuan alat media moden. dengan latar identiti budaya yang begitu rancak usaha untuk menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia menjadi semakin mencabar dan masa kompleks. Malah dalam konteks negara Malaysia yang terdiri dua wilayah geografi yang berbeza dan dijarakkan oleh Laut China Selatan, proses interaksi budaya yang diikuti dengan adaptasi oleh setiap kelompok etnik dan suku kaum sewajarnya berlangsung dengan harmoni. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap sekelompok kecil mahasiswa wanita di universiti awam (UPSI), ternyata masih terdapat isu utama yang perlu diberi perhatian dan mengabaikan isu-isu sampingan.

Asasnya ternyata mahasiswa etnik dari Sabah dan Sarawak memahami betapa masyarakat di negara ini adalah berbilang kaum dengan memiliki pelbagai

amalan budaya yang berbeza. Atas prinsip itu, mahasiswa ini menerima betapa setiap individu perlu saling memahami dengan mengambil kira setiap perbezaan yang ada antara penduduk di negara ini khususnya dalam keenam-enam kriteria multibudaya yang telah dikenal pasti. Kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa universiti awam telah memberikan ruang dan kesempatan yang secukupnya untuk kesemua kriteria multibudaya dalam kalangan mahasiswa mampu dipenuhi. Hal ini penting kerana melibatkan keperluan yang berbeza antara pelajar dan jika tidak disediakan dengan sebaiknya mampu menimbulkan konflik dan rasa terpinggir dalam kalangan pelajar yang datang jauh meninggalkan keluarga untuk ke Semenanjung Malaysia.

Dari sudut membincangkan masalah interaksi antara etnik secara perbandingan, maklum balas adalah hampir seimbang terutamanya berkaitan berlakunya unsur negatif seperti keutamaan pelajar etnik lain-lain untuk kemasukan ke universiti awam, pelajar minoriti berasa terasing, tidak diterima dengan baik, mengalami diskriminasi dan layanan berbeza di institusi pengajian tinggi. Ini merupakan petunjuk penting betapa langkah untuk mengatasi persepsi negatif perlu diambil segera. Begitu juga dengan pengalaman atau situasi yang pernah dilihat oleh mahasiswa, sebahagian besar mengaku pernah melihat dan mengalami keadaan ini malah bersetuju secara relatifnya bahawa mahasiswa cenderung untuk berkumpul dalam etnik masing-masing. Majoriti menyatakan mereka tidak selesa untuk menceritakan latar budaya mereka kepada rakan-rakan daripada bangsa serta budaya lain. Dalam pemilihan identiti apabila responden berinteraksi dengan rakan-rakan berlainan bangsa dan budaya ternyata mahasiswa tidak begitu cenderung untuk berbuat demikian semasa di kampus dan lebih ketara, majoriti mahasiswa dari Sabah dan Sarawak menyatakan mereka pernah berhadapan diskriminasi disebabkan oleh identiti etnik mereka. Kesemua petunjuk ini perlu diberi perhatian walaupun sebahagian mahasiswa tidak bersetuju dengan kesemua isu di atas.

Mengenai masalah berkaitan dengan isu bahasa majoriti mahasiswa bersetuju bahawa bahasa ibunda melambangkan budaya sesuatu etnik. Majoriti juga bersetuju bahawa mereka pernah menghadapi masalah akibat bertutur dalam bahasa ibunda di UPSI malah sering disalah anggap oleh individu lain semasa berbual dengan rakan sama etnik mereka. Namun mahasiswa UPSI juga majoritinya tidak bersetuju bahawa jati diri etnik mereka akan berkurang sekiranya mereka berkomunikasi dengan orang lain dalam bahasa Melayu.

Berkaitan dengan isu agama dan kepercayaan, adalah diterima walaupun bukan oleh majoriti bahawa agama memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian di UPSI. Didapati majoriti mahasiswa Sabah dan Sarawak tidak selesa untuk bercerita mengenai agama dan kepercayaan mereka kerana khuatir dipandang rendah selain boleh memberi reaksi yang kurang selesa. Malah mereka mengakui berhadapan dengan kesulitan dalam mengamalkan agama mereka di UPSI. Namun mereka bersetuju bahawa kebanyakan program yang dikendalikan di UPSI melibatkan semua penganut agama manakala majoriti juga menyatakan mereka menghadapi kesukaran untuk berinteraksi dengan individu yang berlainan agama.

Dalam analisis yang telah dibuat, ternyata aspek agama merupakan aspek identiti budaya yang paling sensitif untuk dibincangkan secara terbuka dan pada masa yang sama memerlukan perhatian yang lebih rasional untuk memenuhi keperluan setiap kelompok dari segi agama dan kepercayaan masing-masing.

Dalam menghadapi isu berkaitan gender mahasiswa ini memberikan maklum balas bahawa terdapat keseimbangan gender di UPSI majoriti mempunyai pengalaman berhadapan dengan situasi berkaitan gender ini. Ternyata mahasiswa yang menjadi responden dalam kajian ini menolak kenyataan bahawa wujudnya masalah persepsi bahawa wanita kurang berwibawa dalam menggalas tugas kepimpinan di UPSI. Mereka juga secara majoritinya tidak bersetuju akan adanya situasi keputusan, pandangan, idea dan tindakan responden pernah diendahkan disebabkan oleh status gender mereka sebagai wanita. Begitu juga dengan pengalaman menghadapi situasi status gender yang menjadi penghalang dalam penglibatan aktiviti akademik serta ko-kurikulum di UPSI ditolak oleh majoriti besar mahasiswa. Dengan kata lain, permasalahan melibatkan gender kaum wanita hampir tidak berlaku dan tidak menjadi permasalahan besar dalam kalangan mahasiswa Sabah dan Sarawak di UPSI. Penelitian dari aspek sosioekonomi, pada keseluruhannya mahasiswa tidak melihat perbezaan status ekonomi sebagai isu besar dalam interaksi dan adaptasi mereka semasa di kampus. Malah mereka tidak bersetuju bahawa akan adanya didiskriminasi akibat status sosioekonomi di UPSI walaupun mengakui pernah berhadapan masalah kewangan sebelum memasuki universiti. Mereka juga tidak diketepikan dan dinafikan hak dalam penglibatan serta aktiviti di universiti kesan daripada status ekonomi mereka.

Dalam aspek perbezaan kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal ternyata mahasiswa juga bersetuju bahawa universiti mempunyai dasar dan peraturan yang mencukupi bagi menghadapi isu-isu berkaitan dengan OKU. Malah mereka menolak sepenuhnya bahawa keupayaan fizikal mereka diberi konotasi negatif oleh rakan-rakan di Dengan kata laijn dapat dirumuskan bahawa kriteria kecerdasan fikiran dan keupayaan fizikal dalam adaptasi identiti budaya mahasiswa di universiti tidak menjadi permasalahan yang besar malah hampir tidak ada masalah langsung.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang telah ditunjukkan mengikut setiap kriteria multibudaya yang menjadi komponen dalam soal selidik, belia wanita sebagai responden menghadapi masalah dalam hampir setiap kategori dalam menunjukkan identiti mereka. Dalam kategori etnik, didapati bahawa walaupun sebahagian besar berpendapat mereka tidak mengambil kira tentang identiti apabila berinteraksi dengan rakan berlainan etnik, sebahagian lain mengambil kira identiti etnik dengan tujuan menjaga sensitiviti dan menghormati orang lain. Hal ini disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi mereka seperti dipersendakan serta perasaan terasing yang dialami. Dalam kategori bahasa, masalah yang sama dihadapi oleh responden iaitu diperlekehkan dan dipersendakan kerana bertutur dalam bahasa

ibunda walaupun responden hanya bertutur bahasa ibunda dengan rakan daripada etnik yang sama. Kategori agama juga mempunyai masalah yang sama, malah mereka menghadapi masalah untuk memanasikan identiti agama mereka kerana kesusahan mendapatkan akses kepada kemudahan untuk beribadat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud responden tidak selesa untuk menunjukkan identiti mereka. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan responden bersedia untuk menunjukkan identiti mereka jika ditanya dan rakan-rakan mereka bersifat terbuka. Oleh hal yang demikian, dalam hal ini dapat kita lihat belia wanita di Universiti Pendidikan Sultan Idris kurang selesa untuk memanasikan identiti mereka kerana masalah-masalah yang dihadapi.

Oleh hal yang demikian, sebagai langkah penambahbaikan, langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak berwajib adalah dengan menyediakan platform pengenalan kepada etnik serta kumpulan daripada pelbagai latar budaya daripada Sabah dan Sarawak kepada masyarakat di Semenanjung. Faktor kurang pengetahuan tentang budaya di Sabah dan Sarawak menyebabkan berlakunya salah faham apabila sesetengah budaya yang diamalkan oleh masyarakat di Sabah dan Sarawak adalah luar daripada norma masyarakat di Semenanjung. Platform dalam bentuk program kebudayaan, kempen serta program pendidikan dilihat penting bagi membolehkan pengetahuan tentang masyarakat di Sabah dan Sarawak dapat ditingkatkan dan dengan itu interaksi antara masyarakat daripada berlainan negeri ini dapat berjalan dengan sihat.

RUJUKAN

- Adam, A. (2003). *Kebudayaan Nasional Sebagai Teras Identiti Kebangsaan - Dari Perspektif Sejarah*. In B. Shamsul Amri, A. A. Rahimah, E. Abdul Rahman, I. Mohamed Yusof, & M. S. Kamaruddin (Eds.), *Membina Bangsa Malaysia Jilid 2: Identiti Nasional*. Bangi.
- Andriot, A., & Owens, T. J. (2012). *Identity*. Retrieved September 8, 2017, from <http://www.oxfordbibliographies.com/view/document/obo-9780199756384/obo-9780199756384-0025.xml#firstMatch>
- Biddle, B. (1979). *Role Theory: Expectations, Identities, and Behaviors*. New York: Academic Press.
- Burke, J. P., & Stets, E. J. (2009). *Identity Theory*. New York: Oxford University Press.
- Clammer, J. (2002). *Diaspora and Identity: The Sociology of Culture in Southeast Asia*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Garcia, S., & Halldorsson, A. (2017). *Social Comparison*. Retrieved September 10, 2017, from <http://nobaproject.com/modules/social-comparison>
- Ishak, S. (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Population Distribution and Basic Demographic Characteristics Report 2010* (Updated: 05/08/2011). Retrieved September 19, 2017, from https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWtk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUT09#
- Jenkins, R. (2008). *Social Identity*, Third Edition (Third). Oxon: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203292990>
- Kementerian Kebudayaan, K. dan P. (1971). *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia, Sumber: Dasar dan Rancangan. Retrieved from http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/04Dasar_Kebudayaan_Kebangsaan.pdf
- Kim, Y. Y. (2017). *Cross-Cultural Adaptation*, 1(July), 1–22. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190228613.013.21>
- Mohd Mahadee, I., & Zaini, O. (2010). *Kenegaraan Malaysia*. (Z. Ruslan, Ed.) (2nd ed.). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Oakes, P. J., Haslam, S. A., & Turner, J. (1994). *Stereotyping and Social Reality*. Blackwell Publishing.
- Pugh-Kittingan, J. (2012). Gong Ensemble Music Of The Dusun Tinagas Of Sabah Through The Gaze Of Movement Author (s): Jacqueline Pugh-Kitingan Source : Yearbook for Traditional Music , Vol . 44 (2012), pp . 149-165 Published by : International Council for Traditional Music Stab. *Yearbook for Traditional Music*, 44, 149–165.
- Tajfel, H. (1984). *The Social Dimension: European Developments in Social Psychology Volume 2*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Watson, B., & Andaya, L. Y. (1982). *A History of Malaysia*. London.

Profil Penulis:

Samsudin Suhaili, Ph.D

*Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
samsudin@fsk.upsi.edu.my*

Nur Nadia Lukmanulhakim, Ph.D

*Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
nadia.lukman93@gmail.com*

Norliza Jamaluddin, Ph.D

*Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
norliza@fbk.upsi.edu.my*

KESEPADUAN SOSIAL MELALUI PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA

YASMIN BINTI YACCOB & MOHD IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menilai aplikasi kesepaduan sosial belia dalam program Pembangunan Belia di Malaysia. Matlamat utama kajian adalah untuk mengenal pasti indikator utama pembangunan potensi diri belia untuk mencapai kesepaduan sosial di Malaysia. Integrasi sosial dilihat melalui perkongsian praktis terbaik program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Strategi pengumpulan data dalam kajian dirujuk berdasarkan kajian literatur yang berkaitan. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden yang terdiri daripada belia yang telah ditauliahkan Tahap Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dari seluruh Negeri di Malaysia, pemimpin dan mentor yang bertindak sebagai perancang, pelaksana dan penilai program ARP. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk membangunkan instrumen, pengesahan dan kajian kes penyelidikan. Instrumen kajian dibahagikan kepada dua bahagian, Bahagian A: latar belakang responden, pembangunan potensi diri belia dan Bahagian B: kesepaduan sosial belia, soalan terbuka untuk Focus Group Discussion (FGD) dan Nominal Group Technique (NGT). Dapatan kajian ini menekankan kepada aspek kesepaduan dalam pembangunan belia melalui penyertaan atau penglibatan belia dalam program di peringkat komuniti, pengiktirafan dan juga inklusi sosial. Semakin banyak aktiviti dalam komponen ARP dilaksanakan, semakin tinggi kesepaduan sosial belia. Walaupun berbeza etnik, belia di Malaysia masih mengekalkan keharmonian melalui penglibatan dalam aktiviti komuniti. Secara keseluruhan, kajian ini membincangkan penilaian sistematik menerusi perspektif psikologi terutamanya niat bagi pemboleh ubah potensi diri dan pembentukan stereotaip perpaduan sosial dalam pembangunan belia. Kajian lanjut adalah dicadangkan untuk memasukkan lebih banyak pengukuran konstruk kesepaduan sosial dan perancangan program dalam program ARP.

Kata Kunci : *Belia, Kesepaduan Sosial, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Integrasi Sosial, Pembangunan Potensi Diri*

ABSTRACT

This article aims to assess the application of the youth's social cohesion in the Youth Development Programme in Malaysia. The Main objective of this research is to identify the main indication of the youth of self-potential development to achieve social cohesion in Malaysia. The social integration is seen through the shared best practise in the Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). The data collection strategy is based on the related literature research. Purposive sampling method was used to choose the respondents who are awarded with the Gold Level in the ARP from

the states across Malaysia, leaders and mentors that act as planners and executors and evaluators of the ARP. Pilot research was conducted to develop instrument, validation and case studies. The research instruments were divided into two parts; Part A: respondents' background and the youth's self-potential development and Part B: the youth's social integration, open question for Focus Group Discussion (FGD) and Nominal Group Technique. The findings of the research emphasize the aspect of social cohesion in the youth development through the participation in the community program, recognition and social inclusion. It showed that many activities in the awards are being implemented with the higher social cohesion of youth. Despite different ethnicity, youth in Malaysia remain harmony through their participation in the community programme. Overall, this research discusses on the systematic assessment through psychological perspective particularly the intention of self-potential variables and the formation of social development stereotype in youth's development. Further research is proposed to include more measurement of social integration constructs and programme planning in the awards programme.

Keywords: *Youth, Social Cohesion, the Duke of Edinburgh International Award, Social Integration, Self Potential Development*

PENGENALAN

Kesepaduan sosial memberi pengiktirafan terhadap takrifan harian oleh anggota masyarakat dan ia menjadi pelekat sosial dalam konteks hubungan etnik. Hubungan sosial dalam tafsiran harian oleh Shamsul Amri Baharuddin (2006) menggambarkan bentuk hubungan yang terjalin dalam kalangan individu dari pelbagai kumpulan berdasarkan pengaruh sosial kepentingan bersama seperti dalam pembangunan belia. Dalam pengalaman harian, ciri-ciri kumpulan sering diterima dan dikongsi secara bersama. Perpaduan dan kesepaduan sosial dari pengalaman individu dalam masyarakat lebih berbentuk kepada “unity is not uniformity”. Manakala tafsiran autoriti melihat kepada ikatan kumpulan yang melibatkan hubungan sosial telah diterima dalam pembentukan kumpulan. Kepentingan bersama yang dibina dan kesedaran kolektif telah mengikat ahli dalam kumpulan dan memiliki status sosial dalam masyarakat. Tafsiran harian hubungan sosial bermula dengan proses mengkategorikan individu mengikut kategori sosial. Ia merupakan tanggungjawab dan tindakan yang berperanan untuk menyusun dan mengintegrasikan setiap individu hingga terbentuk kategori dan kumpulan yang boleh melahirkan kesepaduan sosial dalam masyarakat. Menurut Weber dalam Mansur (2015), konsep sosiologikal di peringkat individu membina kategori asas dan sekunder dalam masyarakat. Selain daripada memastikan wujudnya kesepaduan sosial dalam masyarakat, kategori sosial ini membina kumpulan dan membezakan sesuatu kumpulan dengan yang lain.

Carron, Brawley & Widmeyer, 1998,p.213 telah mendefinisikan kesepaduan sebagai proses dinamik yang direfleksikan melalui kecenderungan untuk sesebuah kumpulan untuk kekal bersatu dan bersatu padu dalam usaha mencapai objektif dan mencapai keperluan afektif ahli. Menurut Markus dan Kirpitchenko (2007),

kesepaduan sosial ditakrifkan sebagai berkongsi visi yang sama. Oleh itu, kesepaduan sosial memerlukan nilai sejagat, aspirasi sepunya atau identiti yang dikongsi bersama setiap anggota. Kesepaduan sosial juga mencerminkan satu komuniti atau kumpulan yang berkongsi matlamat, tanggungjawab dan kerjasama antara ahli. Toby & Jackson, 1975 dalam Nobaya et.al (2009) menyatakan belia yang tiada komitmen dalam kehidupan adalah berpotensi untuk terlibat dengan salah laku sosial. Lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Penglibatan dalam aktiviti pembangunan potensi diri belia yang merentas etnik ini adalah amat penting dalam memelihara suasana keharmonian seterusnya mengekalkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kunci kejayaan negara adalah bergantung kepada perpaduan masyarakat. Ianya tidak muncul secara tiba-tiba kerana memerlukan usaha penyemaian dan pemupukan yang boleh dilakukan menerusi pelbagai pendekatan. Nilai dan jati diri yang ditanam ke dalam jiwa belia pada hari ini akan mencorakkan kepemimpinan negara pada masa depan.

Kesepaduan sosial dalam penggunaan konvensional atau biasanya melambangkan ikatan antara individu dan kumpulan, atau dalam erti kata metafora, iaitu “glue” yang mengikat individu dan masyarakat dalam hubungan yang positif. Ia biasanya dilihat sebagai kualiti hubungan yang diinginkan dalam hubungan sosial atau keadaan yang perlu diutamakan dalam situasi di mana individu, kumpulan atau masyarakat berkongsi ruang dan berinteraksi. Ia juga dilihat sebagai sinonim dengan perpaduan dan dikaitkan dengan masyarakat, modal sosial dan pembangunan Negara. Melalui konsep normatif, ia mencadangkan promosi melalui hubungan masyarakat yang positif, kemasukan dan penyertaan kerana kedua-dua input dan output yang dikehendaki dan menangani sikap prejudis, pengecualian sosial dan diskriminasi. Kesepaduan sosial juga difahami sebagai kualiti yang mengikat sesebuah Negara bersama-sama di mana setiap bangsa atau kaum berbangga dengan identiti kebangsaan mereka iaitu Negara Malaysia.

Kesepaduan sosial adalah konsep teleologikal (normatif) dalam erti kata lain merujuk kepada konsep yang mencadangkan tindakan ke arah matlamat yang menginspirasi kita bagaimana untuk mencapai perkara tersebut. Ia menghubungkannya kepada beberapa faktor dan kesan yang menyumbang ke arah kesepaduan sosial rakyat Malaysia terutamanya. Pada asasnya, merujuk kepada kualiti yang dikehendaki dalam hubungan sosial yang mengikat masyarakat bersama-sama. Kualiti hubungan sosial ditunjukkan dalam interaksi sosial yang bermakna, proses dan struktur sosial dan budaya. Seperti hubungan sosial, kesepaduan sosial boleh menyatakan impak positif dan negatif iaitu boleh menyatukan atau membahagikan, memasukkan dan mengecualikan hubungan atau interaksi sosial masyarakat.

Pola kesepaduan sosial adalah berkait dengan hubungan dinamik kaum di Malaysia. Kesepaduan sosial boleh difahami sebagai jalinan hubungan kerjasama antara kaum dan kelompok, berkongsi aktiviti budaya dan pinjam meminjam unsur budaya masing-masing. Konsep kesepaduan sosial didefinisikan sebagai fenomena praperpaduan dan difahami menerusi konsep takrifan harian dan takrifan autoriti.

Ia merupakan satu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang seharusnya mempengaruhi anggota masyarakat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirancang sebagai prasyarat mencapai perpaduan. Memahami kedinamikan etnik ini dapat membentuk masyarakat yang berintegrasi (Mansor, 2015). Tidak dapat dinafikan kelompok-kelompok masyarakat dan etnik sentiasa berhubungan di antara satu sama lain dan saling bercampur dengan dimensi sosial. Masyarakat Malaysia didapati berubah secara relatif dengan pantas kadar modenisasi yang berlaku dalam masyarakat. Perkara ini telah membina individu yang berhubungan di antara satu sama lain, di sebalik kepelbagaian latar belakang etnik, untuk memiliki sikap saling kebergantungan di antara satu sama lain. Dalam kajian ini, dengan mengandaikan kesetiaan ahli dalam masyarakat menjadi penyebab dan penentu kepada terbinanya kesepaduan dan intensiti hubungan di antara kumpulan, cara yang paling berkesan untuk melihat kesepaduan masyarakat dan melihat pelbagai dimensi sosial yang membentuk hubungan masyarakat secara kolektif dalam mengejar kemajuan dan kualiti hidup yang baik.

Definisi kesepaduan sosial boleh diterokai di semua peringkat hubungan sosial, iaitu di antara hubungan peribadi, antara masyarakat kepada hubungan sosial di peringkat makro seperti Negara dan peringkat antarabangsa. Kajian ini menumpukan kepada interaksi di antara individu dan hubungan sosial melalui penyertaan secara aktif belia di dalam aktiviti kemasyarakatan yang disertai. Kualiti hubungan sosial dilihat melalui kesepaduan sosial yang ditunjukkan dalam interaksi sosial yang bermakna, proses dan struktur sosial dan budaya. Seperti hubungan sosial, kesepaduan sosial boleh menyatakan impak positif dan negatif iaitu boleh menyatukan atau membahagikan, memasukkan dan mengecualikan hubungan atau interaksi sosial masyarakat. Paradigma kesepaduan sosial memberi tumpuan kepada takrifan terhadap interaksi seharian yang dibentuk oleh masyarakat berbanding takrifan yang dibentuk oleh autoriti. Dalam konteks hubungan etnik atau berbilang kaum, kesepaduan sosial merupakan pelekat sosial yang menjadikan masyarakat Malaysia majmuk dan secara psikologinya bersepadu.

Kesepaduan sosial adalah sangat penting sebagai penghubung antara individu dengan komuniti melalui proses yang menghubungkan fenomena peringkat makro dan mikro yang memberikan kesan terhadap sikap dan tingkah laku seseorang individu (Friedkin, 2004). Kajian berkaitan kesepaduan sosial menjadi popular di kalangan pembuat dasar sejak tahun 1990-an lagi (Joseph Chan & Elaine Chan 2006). Kepelbagaian budaya, etnik dalam masyarakat, cabaran globalisasi, jurang kaya miskin, ancaman politik dan sosial. Kesepaduan sosial mempunyai definisi yang subjektif. Namun, ianya merujuk kepada matlamat yang ingin dicapai oleh masyarakat. Konsep ini merupakan suatu proses yang berterusan yang boleh mencipta kesepaduan dalam masyarakat.

Menurut Shamsul Amri (2007), integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah daripada segi budaya, sosial dan lokasi. Proses integrasi sosial adalah penting terutamanya

belia yang mempunyai tanggungjawab dan perasaan cintakan Negara. Integrasi sosial memanfaatkan potensi belia dan kreativiti untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). Walaupun belia masa kini mempunyai banyak peluang untuk turut serta dalam masyarakat melalui pelbagai aktiviti “ akses kepada pendidikan berkualiti dan pekerjaan yang baik masih diberi keutamaan sebagai proses peralihan dari fasa kanak-kanak ke alam dewasa ” Ekonomi PBB dan Majlis Sosial, 2009 Fasal 20). Konsep ini amat penting dalam membina resiliensi belia. Ia memberikan satu tanggungjawab yang besar kepada belia sebagai pemimpin masa hadapan melalui tugas dan peranan mereka sebagai pembuat dasar, pelaksana kepada masyarakat.

Integrasi Sosial melibatkan penyertaan seseorang dalam komuniti. Ia didefinisikan sebagai proses dinamik dalam memupuk nilai, perkaitan dan institusi yang membolehkan penyertaan golongan belia dalam bidang sosial, ekonomi, budaya dan politik sebagai asas kepada kesaksamaan (DESA, 2009). Integrasi sosial yang wujud pada masa ini mengarah kepada kesepaduan sosial masyarakat. Ia merupakan suatu keadaan aman, stabil dan makmur khususnya yang berbilang etnik kerana wujudnya kesepakatan sosial (social bonding) yang kuat terbina di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia sebenarnya sudah pun menjalin hubungan kerjasama antara etnik dan kelompok dan berkongsi aktiviti budaya terutamanya aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan potensi diri. Belia di Malaysia adalah sebahagian daripada proses integrasi sosial.

Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) ialah program pembangunan potensi diri belia merupakan fenomena sosial yang menggabungkan elemen perpaduan untuk mempengaruhi masyarakat serta merungkai pelbagai aktiviti dan inisiatif yang dianggap sebagai prasyarat untuk mencapai perpaduan. Belia di Malaysia bersifat dinamik iaitu membina kesepaduan sosial melalui interaksi dan aktiviti sosial secara langsung atau tidak langsung. Proses atau mekanisme untuk mengekalkan toleransi atau kesepaduan sosial adalah melalui pelaksanaan aktiviti dalam komponen ARP. Jalinan hubungan sosial secara berterusan terbina dalam masyarakat merentasi etnik, agama, budaya, bahasa dan interaksi dalam masyarakat. Melalui program pembangunan potensi diri ini, paradigma kesepaduan sosial melibatkan interaksi pelbagai etnik di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India, dan etnik Sabah dan Sarawak. Elemen kesepaduan sosial jarang dibincangkan dalam perancangan program pembangunan potensi diri belia, maka kajian ini diharap dapat membentuk penanda aras dalam menjadikan diri belia sebagai generasi pemimpin pelapis untuk menongkah arus perubahan dan cabaran Negara.

Latar belakang Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

Menurut Andrew McNemin, 2006 Program Anugerah mula diperkenalkan di United Kingdom pada tahun 1956 yang dikenali sebagai Anugerah Duke of Edinburgh. Sasarannya ialah untuk mendorong remaja untuk melibatkan diri dalam program pembinaan jatidiri yang diisi dengan aktiviti sukarela yang seimbang dalam usaha

menempuh era pendewasaan. Program ini dibentuk dengan rapi oleh pasukan kecil yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh; Dr Kurt Hahn, seorang pakar pendidikan dan juga pelopor Outward Bound dan United World Colleges; dan Sir John Hunt. Semenjak tahun 1956, program ini telah berkembang kepada 146 buah Negara dengan penyertaan lebih 8 juta remaja di seluruh dunia. Seramai 165,000 orang sukarelawan telah banyak membantu di dalam program ini melalui penglibatan secara puratanya 750,000 orang belia setiap tahun. Di Malaysia, seramai 131,852 remaja telah menerima pentauliahan pada tahun 2003 sehingga tahun 2016. Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda telah bermula pada awal tahun 2000 apabila Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah menerima kunjungan HRH Putera Edward, Pengerusi Program Anugerah Remaja Antarabangsa (The Duke of Edinburgh Award). Pada 6 November 2000, Malaysia secara rasminya telah turut serta dalam World Forum di Afrika Selatan dan seterusnya menjadi ahli penuh dalam "The Duke of Edinburgh's Award International Association". Program yang direncanakan ini adalah untuk menguji kebolehan individu. Melalui program ini, belia ditawarkan program yang seimbang, tiada persaingan dan aktiviti sukarela yang menggalakkan penerokaan jatidiri dan kematangan, kepercayaan, tanggungjawab pada diri sendiri dan berkhidmat kepada komuniti. Program ini juga membantu orang ramai dan organisasi untuk membangunkan remaja termpatan melalui keseimbangan program. Terdapat tiga tahap anugerah iaitu gangsa (bagi yang berumur 14 tahun), Perak (bagi yang berumur 15 tahun) dan emas (bagi yang berumur lebih 16 tahun). Tempoh minima penyertaan untuk peserta layak untuk ditauliahkan ialah 6 bulan bagi Gangsa, 12 bulan bagi Perak dan 18 bulan bagi Emas. Setiap remaja haruslah menyediakan diri dalam menghadapi cabaran di dalam empat komponen anugerah iaitu khidmat masyarakat, kemahiran, rekreasi fizikal dan penjelajahan lasak. Manakala satu komponen tambahan di tahap emas ialah projek penempatan.

SOROTAN LITERATUR

Ahli sosiologi Emile Durkheim (1858-1918) merupakan pakar sosiologi pertama yang memperkenalkan dan mengaplikasikan konsep kesepaduan sosial. Beliau menyatakan kesepaduan sosial sebagai ciri penyusunan masyarakat dimana setiap ahli masyarakat saling bergantung di antara satu sama lain, setia kepada Negara dan bersatu padu. Sesebuah masyarakat yang bersatu padu, berkongsi kesetiaan kepada Negara akan bergantung di antara satu sama lain juga kepada Negara di mana mereka berpijak. Mengikut analisis beliau, kesepaduan sosial telah diiktiraf di seluruh dunia sebagai intipati penting dalam struktur sosial masyarakat. Menurut Markus dan Kirpitchenko (2007), kesepaduan sosial ditakrifkan sebagai berkongsi visi yang sama. Oleh itu, kesepaduan sosial memerlukan nilai sejagat, aspirasi sepunya atau identiti yang dikongsi bersama setiap anggota. Kesepaduan sosial juga mencerminkan satu komuniti atau kumpulan yang berkongsi matlamat, tanggungjawab dan kerjasama antara ahli.

Amsterdam Declaration on the Social Quality of Europe (Amsterdam

Declaration 1997) telah menyatakan kesepaduan sosial sebagai komponen kualiti sosial yang bertambah masyhur di dalam bidang akademik dan kitaran polisi pada masa tersebut. Kesepaduan sosial diidentifikasi sebagai salah satu daripada empat komponen kualiti sosial. Van de Maesen (2002), di dalam kajiannya telah menerangkan mengenainya dalam edisi kedua buku Asas Kesepaduan Sosial (Beck, van de Maesen, Thomese dan Walker, 2001) mengenai empat komponen tersebut iaitu status sosio-ekonomi, inklusi sosial, kesepaduan sosial dan pendayaupayaan yang turut mempunyai perkaitan dengan realisasi sendiri dan identiti secara kolektif.

Kesepaduan sosial seperti yang dinyatakan merupakan sebahagian daripada konsep kualiti hidup. Analisis kepada kesepaduan sosial memerlukan pengkaji melihat kepada dalam kualiti kuadran sosial. (Lihat buku edisi kedua Asas Kesepaduan sosial, hlm. 352). Kesepaduan sosial juga dijustifikasi kepada komuniti, kumpulan, masyarakat dengan menekankan manusia sebagai makhluk sosial yang bergantung kepada infratraktur sosial dan institusi masyarakat yang mengawal akses kepada barangan dan perkhidmatan. Philips dan Berman (2001) turut menyatakan kesepaduan sosial telah menerangkan dengan jelas mengenai proses yang membentuk jaringan sosial dan infrastruktur sosial.

Di dalam bab ketiga Kertas Konsep Kesepaduan Sosial dalam Perancangan Pembangunan Afrika Selatan (Pieter Cloete & Frans Koteze, 2009) telah menerangkan mengenai kesepaduan satu istilah kolektif untuk menangani halangan dan tekanan struktur masyarakat dalam mencapai kualiti perpaduan yang dikehendaki. Empat elemen utama dalam pemahaman konsep kesepaduan sosial yang dikenal pasti dalam kajian kesepaduan sosial Negara Afrika Selatan (Pieter Cloete & Frans Kotze, 2009) adalah hubungan yang positif, peluang yang sama dan penglibatan dan penyertaan secara sivik serta mempunyai wawasan dan nilai yang sama.

Hubungan Yang Positif

Perpaduan masyarakat adalah proses di mana masyarakat yang berbeza di dalam sesebuah Negara bersama-sama dan cuba memahami antara satu sama lain. Aspek ini menekankan kualiti hubungan sosial antara kumpulan yang berbeza dan mempunyai definisi kesepaduan yang sama.

Peluang Hidup Yang Sama

Menekankan kepentingan kesaksamaan dalam pemberian perkhidmatan. Sesetengah pihak lebih menekankan peranan sosial dan pemeraksanaan ekonomi dan isu sosial dalam erti kata yang lebih luas untuk mencapai kesaksamaan.

Penyertaan dan Penglibatan Secara Sivik

Ia mencerminkan penekanan yang kuat dalam dasar perpaduan semasa dan kajian penyelidikan yang dijalankan. “stakeholder” melihat hubungan yang kuat antara idea-idea perpaduan masyarakat dan penglibatan secara aktif melalui aktiviti kemasyarakatan.

Visi dan Nilai-Nilai

Membangunkan rasa persamaan dengan menumpukan kepada aspek-aspek atau visi yang nyata dan bukannya nilai abstrak bagi sebuah komuniti. Kesepaduan sosial merupakan solusi atau penyelesaian terhadap keadaan sosial matlamat politik, ketidakstabilan demokrasi dan sikap tidak bertoleransi (Joseph Chan & Elaine Chan 2006). Kesepaduan sosial mencerminkan keadaan minda warga masyarakat yang dizahirkan melalui perlakuan tertentu. Masyarakat atau komuniti dikatakan terikat kepada satu sama lain jika wujud kriteria berikut :

- a. Mereka boleh saling percaya, bantu dan bekerjasama dengan orang lain dalam masyarakat
- b. Mereka berkongsi identiti yang sama atau rasa kesepunyaan dalam masyarakat
- c. Perasaan subjektif dalam (a) dan (b) di atas terjelma dalam perlakuan objektif individu (Chan & Chan 2006: 289-290).

Kesepaduan sosial merupakan elemen dalam menyokong tingkah laku diri belia. Ia merupakan suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat khususnya berbilang etnik kerana wujudnya kesepakan sosial (social bonding) yang kuat yang terbina di Malaysia. Senario yang menggalakkan kesepaduan sosial bertahan boleh dibayangkan seperti berikut : biarpun wujudnya perbezaan, kontradiksi, contestation dan konflik dalam masyarakat. Kesepaduan sosial akan bercambah apabila wujudnya sikap tolak ansur, toleransi dalam semangat akomodasi malah sanggup membina harmoni dalam pelbagai ikatan sosial. Di Malaysia, kesepaduan sosial pelbagai etnik, kepentingan ekonomi, politik dan sosial sentiasa terjalin dan disulam oleh kehidupan seharian.

METODOLOGI

Instrumen Kajian dan Ujian Rintis

Strategi pengumpulan data dirancang dengan merujuk kepada kajian literatur yang diperolehi. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif melalui pemerhatian tidak turut serta (non-participant observation) dan kumpulan perbincangan berfokus (focus group discussion). Reka bentuk kajian melalui kaedah kualitatif secara fenomenologi menumpukan kepada struktur atau intipati pengalaman dan melibatkan struktur kesedaran seseorang. Pendapat, tanggapan dan tafsiran responden akan dikaji melalui kajian ini. Geertz (1993), menyatakan pengkaji yang menggunakan kaedah fenomenologi akan berusaha untuk memasuki dunia konsepsi individu yang dikaji. Pengalaman secara subjektif individu yang dikaji direkodkan melalui pemerhatian dan temubual.

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih responden kajian yang terdiri daripada peserta Anugerah Remaja Perdana (ARP). Sampel kajian adalah terdiri daripada pemegang tahap emas ARP, pemimpin dan mentor yang bertindak sebagai perencana, pelaksana dan penilai program ARP.

Satu kajian rintis diadakan untuk tujuan pembentukan instrumen dan protokol kajian kes. Instrumen kajian terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A : Latar belakang diri responden, tingkah laku pembangunan potensi diri serta persekitaran belia dan kesepaduan sosial, Bahagian B : protokol dan soalan-soalan terbuka untuk sesi temu ramah mendalam dan Focus Group Discussion (FGD) serta Nominal Group Technique (NGT). Kajian ini telah dilaksanakan di Badan Operasi yang mempunyai peserta tahap Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) di negeri - negeri yang mempunyai peserta tahap emas ARP dan merupakan Badan Operasi yang paling aktif.

Pengumpulan Data

Pengkaji telah mengenal pasti populasi kajian berdasarkan lokasi kajian yang telah dibincangkan. Menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusuf & Abdul Rahim (2007) populasi merupakan sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Dalam kajian ini, populasi merujuk kepada belia yang berumur 18 tahun ke atas yang telah ditauliahkan Tahap Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dari seluruh Malaysia, pemimpin dan mentor yang bertindak sebagai perancang, pelaksana dan penilai program ARP. Pengumpulan data merupakan proses pengukuran variabel. Secara amnya, data yang dikumpulkan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini terdiri daripada dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Dalam konteks kajian ini, beberapa strategi pengumpulan data telah dirancang setelah merujuk kepada prosedur persampelan kajian kualitatif. Pengkaji mengemukakan kaedah pemerhatian tidak turut serta (non-participant observation) dan kumpulan perbincangan berfokus (focus group discussion) sebagai strategi dan kaedah untuk memperoleh data primer. Data sekunder ialah data sedia ada yang dikumpul oleh pihak lain dan boleh digunakan untuk tujuan mengukuhkan penyelidikan. Data sekunder diperolehi melalui kajian literatur yang bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman dalam kajian yang dibuat. Focus Group Discussion (FGD) telah dilaksanakan dengan melibatkan tiga kumpulan yang terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang dalam pelaksanaan ARP iaitu Pegawai dari Badan Berkuasa Anugerah, Pemimpin dan Mentor serta Pemegang Tahap Emas ARP. Sesi FGD telah diadakan pada 20 Mei 2017 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur melibatkan seramai 21 orang responden. Sebanyak 3 kumpulan telah dibentuk untuk menjalankan FGD. Melalui FGD ini, pengkaji telah menganalisis pendapat yang dikemukakan oleh semua informan dengan melihat trend jawapan supaya dapat memberikan gambaran kepada pengkaji tentang isu yang dikaji. Latar belakang responden seperti di jadual 1 dan jadual 2.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Latar Belakang	Bilangan	Peratusan (%)
JANTINA		
Lelaki	13	62%
Perempuan	8	38%
BANGSA		
Melayu	15	71%
Cina	4	19%
India	2	10%
NEGERI		
Kedah	1	
Pulau Pinang	2	
Selangor	1	
WP Kuala Lumpur	7	
Negeri Sembilan	8	
Pahang	2	
Sabah	1	

Jadual 2 : Profil Informan

Nama	Umur	Negeri	Bil. Tahun Terlibat Program ARP
Kumpulan 1			
Informan 1	23	Negeri Sembilan	4
Informan 2	26	Kedah	5
Informan 3	29	Pulau Pinang	1
Informan 4	52	WPKL	1
Informan 5	27	Selangor	5
Informan 6	28	Selangor	5
Informan 7	18	Negeri Sembilan	2
Kumpulan 2			
Informan 8	34	Pahang	10
Informan 9	31	Sabah	7
Informan 10	19	Negeri Sembilan	2
Informan 11	28	WPKL	5
Informan 12	32	WPKL	1
Informan 13	60	Negeri Sembilan	11
Informan 14	31	WPKL	1

Kumpulan 3

Informan 15	32	Pulau Pinang	5
Informan 16	41	Negeri Sembilan	6
Informan 17	32	WPKL	1
Informan 18	25	Negeri Sembilan	3
Informan 19	24	Negeri Sembilan	3
Informan 20	31	WPKL	1
Informan 21	18	Negeri Sembilan	1
Informan 22	32	WPKL	1

Data yang dikumpulkan ialah data kumpulan perbincangan berfokus, temubual, pemerhatian dan triangulasi data merupakan kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori dan teknik metodologi dalam suatu pengkajian. Ia merupakan teknik pengumpulan data yang bersifat menggabungkan pelbagai teknik pengumpulan data dan sumber yang ada. Apabila pengkaji melakukan triangulasi data, pengkaji menguji kredibiliti data iaitu melihat kredibiliti data sebagai dengan berbagai teknik dan sumber yang ada. Triangulasi diperlukan kerana setiap teknik memiliki kekuatan dan kelemahannya sendiri. Oleh sebab itu, triangulasi data memungkinkan realiti dengan lebih tepat dan sah. Analisis data dalam kajian kualitatif tidak mempunyai prosedur yang khusus dan sistematik seperti dalam kajian kuantitatif. Umumnya, analisis data ialah proses di mana penyusunan data kepada beberapa kategori dan unit-unit deskriptif. Proses analisis berlaku semasa pengumpulan data berjalan dari semasa ke semasa dengan refleksi dilakukan terhadap data yang diperolehi (Creswell, 2003). Analisis secara intensif pula dijalankan setelah pengumpulan data secara menyeluruh selesai.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis dibincangkan berdasarkan kerangka analitikal yang menjurus kepada memenuhi keperluan untuk menjawab objektif kajian, iaitu mengenal pasti tahap kelestarian program ARP melalui aplikasi dan penilaian kesepaduan sosial belia. Hasil analisis data telah diringkaskan dan menjawab kepada persoalan kajian.

Analisis Aplikasi Kesepaduan Sosial Belia dalam Pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP)

Chan et.al (2006) telah memberikan definisi kesepaduan sosial dalam konteks yang berbeza dimana wujudnya interaksi secara mendatar dan menegak di kalangan anggota masyarakat yang mana mempunyai ciri-ciri seperti sikap dan norma masyarakat termasuklah amanah, rasa kepunyaan dan bersedia untuk terlibat dalam aktiviti dan membantu serta menghasilkan atau manifestasi tingkah laku mereka. Tahap kesepaduan sosial yang tinggi akan menyumbang kepada kualiti hidup yang tinggi (Stanley, 2003, Maxwell, 1996). Dapatan kajian melalui ketiga-tiga kumpulan FGD telah menyatakan bahawa, kesepaduan sosial adalah keharmonian pelbagai kaum yang memerlukan penglibatan belia melalui pelaksanaan aktiviti

kemasyarakatan dalam program ARP. Pelbagai kaedah dilaksanakan untuk memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pemimpin belia. Antaranya melalui elemen pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal, aktiviti sukan dan kebudayaan, serta program gaya hidup yang memupuk elemen kepimpinan. Kesemua kaedah tersebut dapat dilihat dalam pelaksanaan aktiviti di bawah komponen ARP iaitu khidmat masyarakat, penjelajahan lasak, rekreasi fizikal, kemahiran serta di tahap emas iaitu projek penempatan. Kesemua ahli dalam ketiga-tiga kumpulan FGD bersetuju bahawa semakin banyak aktiviti yang dilaksanakan oleh belia semakin tinggi kesepaduan sosial belia.

Menurut Chris Browne, Clare Codling, Leo Musyoki, Richard Page dan Craig Russell dalam *Seven steps A Practitioner's Toolkit*, Oldham Metropolitan Borough Council Cohesion and Faiths Unit (2005) telah merumuskan tujuh langkah dalam memajukan perpaduan sosial yang boleh diaplikasi dalam Program ARP, iaitu :

Kepimpinan dan Komitmen

Seseorang pemimpin perlu mengambil tanggungjawab untuk mengurus dan memacu masyarakat melalui perubahan yang diperlukan untuk membina masyarakat yang lebih bersatu padu. Apa yang jelas ialah bahawa pemimpin ARP telah melaksanakan kepimpinan dan menunjukkan komitmen sama ada memegang tanggungjawab di peringkat setempat sebagai pemimpin atau mentor dengan penglibatan aktif badan operasi serta peningkatan jumlah belia yang telah ditauliahkan setiap tahun.

Membangunkan Visi dan Nilai untuk Perpaduan

Membangunkan wawasan yang sama iaitu membangunkan potensi diri belia sebagai pemimpin masa depan Negara adalah langkah pertama yang penting ke arah pembentukan masyarakat yang bersatu padu.

Perancangan dan Pengurusan Program

Merujuk kepada perancangan aktiviti, peristiwa penting, pengurusan dan pembuatan keputusan dengan mewujudkan garis dasar dan petunjuk yang berkaitan dan menubuhkan mekanisme untuk memantau dan mengkaji semula keberkesanan program yang dilaksanakan. Perancangan aktiviti yang mampan di dalam komponen ARP yang berkesan telah membantu perkembangan potensi diri belia.

Penglibatan Masyarakat

Mendekati kumpulan atau masyarakat dan membawa mereka lebih dekat adalah berkait dengan kesepaduan sosial. Penglibatan masyarakat biasanya bergantung kepada komposisi masyarakat setempat. Interaksi yang positif perlu wujud dalam usaha untuk membina masyarakat yang selesa untuk berinteraksi antara satu sama lain. Melalui projek penempatan tahap emas contohnya telah mewujudkan interaksi yang positif dan engagement di antara belia dengan masyarakat

Cabaran dalam Mengubah Persepsi

Tingkah laku adalah berkait dengan persepsi apa yang dilihat dan didengar melalui orang lain. Penglibatan dan hubungan antara individu, kumpulan dan masyarakat boleh mengubah persepsi individu melalui media terutamanya.

Kesepaduan Komuniti Melalui Potensi Kepakaran Komuniti

Hubungan yang jelas di antara kesepaduan komuniti dan kepakaran yang dimiliki oleh komuniti seperti ekonomi tempatan, kesihatan dan perumahan. Di dalam program ARP ini dalam menggalakkan kesepaduan, pengaruh pemimpin dan mentor yang mempunyai pengetahuan dan informasi tentang pelaksanaan program ARP sangat memberi impak yang besar dalam menggalakkan belia.

Memastikan Kemampunan Program

Bagi memastikan kemampunan program ARP, adalah penting untuk menghubungkan kesepaduan sosial dengan mengarusperdanakan masyarakat di mana ia bukan sahaja melibatkan perancangan dan polisi kerajaan tetapi juga mengubah minda dan pemikiran masyarakat dalam sesuatu perkara. Kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu diluaskan lagi di semua peringkat.

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi budaya, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit atau komuniti. Integrasi sosial pula merupakan proses penyesuaian antara unsur-unsur yang saling berbeza dalam kehidupan masyarakat sehingga menghasilkan pola kehidupan masyarakat yang memiliki keserasian fungsi. Menurut Prof Ulung Datuk Shamsul Amri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan PhD Psikologi Sosial (2017) menyatakan, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) merupakan tapak atau platform ke arah mencapai kesepaduan sosial melalui penyertaan secara aktif belia. Di mana, program ARP telah menyatukan pelbagai latar belakang demografi berbeza melalui pendekatan pembangunan belia. Informan FGD adalah terdiri daripada 71 % kaum Melayu, 19% kaum Cina dan 10% kaum India. Walaupun berbeza demografi dan latar belakang, namun integrasi sosial telah wujud dengan satu misi yang sama iaitu untuk pembangunan belia di Malaysia. Proses integrasi yang berlaku adalah melalui aktiviti-aktiviti dalam lima komponen ARP. Perkara tersebut diakui oleh informan kumpulan 1 dan 2 dalam FGD yang telah diadakan. Berikut merupakan maklumbalas daripada informan kumpulan 1 dan 2 mengenai Kesepaduan Sosial

Informan 10 & 13 - “ kesepaduan sosial tu adalah meraikan kewujudan kepelbagaian kaum, kita ada rasa hormat antara satu sama lain. Dalam aktiviti penjelajahan lasak ARP kita lihat mereka tolong satu sama lain, masak together, tracking bersama, kalau dalam gelap pun tunggu kawan. Saya suka bawak peserta saya untuk buat projek penempatan di kawasan orang asli sebab disitu adalah cara paling baik untuk mereka nak bina diri dan

juga hubungan dengan kawan. Mereka belajar cara hidup orang asli dan belajar hidup susah kerana itu cara terbaik nak bina kesepaduan”.

Informan 8 - “kita di Malaysia kan ada banyak kaum Melayu, Cina, India, etnik Sabah Sarawak. Di Temerloh ada peserta ARP Melayu dengan Cina, diorang boleh buat aktiviti tu bersama dan tolong kawan-kawan yang lain juga. Diorang ni jugak kalau peserta cina bila ikut perkhemahan bila waktu maghrib dia ingatkan, kejut waktu subuh. Kita nampak rasa hormat pada agama dan adat antara satu sama lain”.

Informan 9 & 11 - “dalam ARP semua aktiviti dibuat secara berkumpulan, we share together, we do everything together. So, saya rasa itu dapat menguatkan perpaduan. Maksudnya lagi banyak program lagi kuat perpaduan tu sebab kita kan buat sama-sama”.
Informan 2 & 3 - “ kesepaduan tu kumpulan 1 ni merasakan ia adalah kesejahteraan, keadaan yang aman dan kesepakatan nilai murni dalam komuniti bagi menjamin keselamatan dan keamanan sejagat. Dalam nak membentuk kesepaduan, kesedaran setiap ahli tu sangat penting sebab keterlibatan keluarga dalam program peringkat komuniti akan menjadi pemangkin kepada sesuatu komuniti yang mampan. Sebab itu, pengiktirafan tu jadi motivasi kepada ahli untuk bentuk kesepaduan, kira macam reward yang positif kepada ahli bila terlibat secara aktif dalam aktiviti di peringkat komuniti. Macam program ARP, ada kategori sendiri dalam Anugerah Perdana Belia. Tu sebenarnya menjadi platform untuk kenal pasti perkongsian praktis terbaik penerima Emas ni melalui sumbangan dalam komuniti. Maksudnya lepas dapat anugerah tu mereka tetap bagi sumbangan pada Negara.

Analisis Impak Pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP)

Hasil analisis FGD dapat diringkaskan bahawa Program ARP merupakan program penerokaan jati diri dan juga menyediakan platform untuk penyerlahan bakat belia. Proses kepemimpinan belia dalam program ARP telah memfokuskan kepada penyerlahan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik berdasarkan bidang-bidang dalam keutamaan belia iaitu:

1. Pendidikan dan latihan kemahiran
2. Kenegaraan dan jati diri
3. Gaya hidup sihat dan sejahtera
4. Kepemimpinan

5. Kesukarelawanan dan masyarakat sivil
6. Keusahawanan
7. Penyelidikan dan inovasi
8. Profesionalisme kerja belia
9. Pengiktirafan

Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan program ARP dapat memupuk gaya hidup yang sihat selain menggalakkan interaksi sosial di kalangan belia dan masyarakat secara keseluruhannya. Nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dan kreatif juga dapat diterapkan bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Konsep kepimpinan diri yang telah ditonjolkan menunjukkan keupayaan diri mereka yang sebenar. Kepimpinan diri yang telah diterapkan di dalam program tersebut telah dibuktikan. Chemers (2001) telah merujuk kepimpinan sebagai proses dalam pengaruh sosial di mana seseorang individu menyertai dan membantu menggerakkan orang lain dalam mencapai matlamat. Manakala Haslam, Reicher dan Platow (2011) menyatakan kepimpinan bukan sekadar untuk membuatkan individu melakukan sesuatu tetapi membuatkan individu mahu melakukan sesuatu. Kepimpinan adalah melibatkan kepercayaan, keinginan dan keutamaan. Ia adalah mengenai keinginan untuk mencapai pengaruh dalam masyarakat. Proses kepemimpinan dalam program ARP telah menyediakan diri belia sebagai pemimpin.

Penglibatan belia di dalam empat komponen aktiviti ARP telah melaporkan mengenai sokongan daripada rakan-rakan dan keluarga untuk melakukan tingkah laku (Slalis, Prochaska & Taylor, 2000). Kajian mengenai sokongan sosial dalam meramalkan tingkah laku telah dijalankan untuk menjelaskan perkara berkenaan. Kajian oleh Courneya *et. al.*, 2000; Rhodes, Jones & Courneya (2002) menunjukkan bahawa sokongan sosial mempunyai pengaruh yang lebih kuat daripada norma subjektif dalam meramalkan niat untuk bertingkah laku. Konsep sokongan sosial adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, beberapa penyelidik telah menerima pakai definisi sokongan sosial yang merujuk kepada keselesaan, bantuan dan maklumat yang diterima melalui interaksi sosial yang formal dan tidak formal (Wallston, Alagna, De Vellis, & De Vellis, 1983). Manakala sokongan sosial menunjukkan bantuan yang diterima daripada orang lain yang merupakan persepsi dalam melaksanakan tingkah laku. Weiss (1974) menyatakan bahawa sokongan sosial terdiri daripada enam perkara yang mencerminkan perkara yang diterima individu daripada hubungan dengan orang lain iaitu petunjuk, kebergantungan, penghargaan, bantuan kepada orang lain, keakraban emosi dan integrasi sosial. Banyak kajian telah melaporkan mengenai kepentingan keluarga dan rakan-rakan sebagai sumber sokongan sosial untuk belia. (Anderdden & Wold, 1992; Sallis *et. al.*, 2000).

Dalam memastikan penglibatan secara berterusan belia dalam aktiviti pembangunan potensi diri atau program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

(ARP), hasil dalam FGD telah melaporkan mengenai cadangan kumpulan informan bagi membentuk model penglibatan belia dan juga penanda aras melalui aktiviti pembangunan potensi diri. Penglibatan secara inklusif semua pihak sama ada ibu bapa, komuniti, belia, pihak kerajaan dan swasta amat perlu dalam menggalakkan lebih ramai penyertaan belia dalam Program ARP. Pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan swasta juga amat perlu dalam memastikan kelestarian program ARP contohnya melalui pengiktirafan dalam pekerjaan atau seperti merit yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran bagi belia yang berjaya ditauliahkan anugerah tahap gangsa, perak dan emas merupakan pengiktirafan tertinggi pelajar dan memberi kelebihan apabila ingin menyambung pengajian. Strategi komunikasi yang berkesan dengan pelbagai pihak akan mengembangkan lagi pelaksanaan program ARP bila mana ia dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi. Maklumbalas informan ketiga-tiga kumpulan adalah seperti berikut :

Informan 16 - “pengalaman saya ke Dofe Mauritius bagi projek penempatan, bila saya sampai di sana semua orang tau bila cakap tentang program Dofe ataupun ARP, dari pegawai kastam sampai la orang biasa. Sebab tu saya rasa kita perlu tackle stakeholder macam parents bukan hanya kita promosi di sekolah untuk cari peserta saja tapi juga untuk pahami ibu bapa dan juga cikgu sebab ada jugak sekolah yang masih tak tau”.

Informan 5 - “ bagi saya program ARP ni sebenarnya satu platform untuk memberi remaja untuk mencapai matlamat dan jugak impian apa yang kita nak capai. Ini kerana ia merupakan platform penyerlahan bakat bagi melahirkan belia yang proaktif”.

Informan 8 - “ pendekatan yang paling sesuai saya rasa untuk membantu peserta ARP adalah melalui mentoring. Mentor merupakan orang yang paling rapat dengan peserta. Diorang tau kelebihan dan kekurangan, yang mana untuk dibaiki dan juga perubahan positif yang berterusan tu boleh diaplikasi dengan memberikan khidmat komuniti dan jugak kemahiran kita kepada masyarakat. Sebab tu saya masih aktif dalam aktiviti kemasyarakatan walaupun dah ditauliahkan. Saya buat bukan untuk dapat anugerah tapi sebab saya nak buat dan jugak bantuan daripada rakan-rakan dan mentor”.

Informan 1 - “ Pendapat saya program ARP ni merupakan program inklusiviti sosial yang meneroka bakat dan juga meningkatkan kemahiran individu. Saya telah berjaya mengubah personaliti ke arah yang lebih positif dan kesannya sekarang saya dapat kerja yang sesuai dengan kemahiran dan akademik saya. Pendekatan yang paling sesuai melalui program ARP untuk membantu belia adalah melalui coaching dan juga berkongsi pengalaman. Setiap

daripada kita ni tak sama mungkin cara coaching tu lain-lain. Bila kita berkongsi banyak lagi yang kita akan dapat contohnya kita jadikan program ARP sebagai model engagement. Dengan cara itu kita dapat wujudkan hubungan komunikasi sama ada melalui latihan atau pun kursus dan sebagainya”.

KESIMPULAN

Rumusan

Kesepaduan sosial di dalam Program Pembangunan Belia jarang dibincangkan di dalam kajian mahupun program. Melalui kajian ini, pengkaji melihat kepada penekanan aspek kesepaduan dalam pembangunan belia melalui tiga perkara iaitu penyertaan atau penglibatan belia dalam program di peringkat komuniti, pengiktirafan dan juga inklusi sosial. Sebagai contoh, dalam analisis kualitatif 100% informan bersetuju bahawa semakin banyak aktiviti dilaksanakan semakin tinggi kesepaduan yang wujud di kalangan masyarakat. Walaupun berbeza etnik, belia di Malaysia masih mengekalkan keharmonian melalui aktiviti dalam komponen ARP. Ini kerana, peningkatan bilangan penyertaan dari pelbagai latar belakang bangsa dan bilangan aktiviti yang bertambah dengan matlamat untuk mendapatkan pengiktirafan di pelbagai peringkat. Selari dengan perkembangan teknologi, kesepaduan sosial ini telah mentransformasi belia kepada satu tingkat kesejahteraan yang dinamik. Penyertaan yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mewujudkan interaksi sosial di antara dua variabel iaitu individu dan masyarakat. Ia membantu membentuk konsep sendiri dan persepsi melalui proses penilaian refleksi di mana kita membayangkan bagaimana orang lain melihat kita. Pengiktirafan merupakan satu dimensi dalam meningkatkan kesepaduan. Sesuatu pengiktirafan yang diterima oleh seseorang individu akan meningkatkan lagi tahap keyakinan diri dan kebertanggungjawaban belia. Ini sekaligus dapat membuka mata pihak kerajaan dan juga industri dalam mencari individu yang mempunyai personaliti unggul, sikap yang positif dan hubungan integrasi dengan masyarakat bagi mewakili sesuatu organisasi. Kesepaduan sosial dalam pelbagai budaya masyarakat di Negara ini telah mengikat seluruh masyarakat walaupun terdiri dari pelbagai identiti dan kaum tetapi masih dalam satu ikatan perpaduan yang menyeluruh iaitu sebagai sebuah Negara Malaysia yang berdaulat.

Implikasi

Secara keseluruhannya impak kajian ini dilihat dari segi teori dan praktis kepada semua pihak. Ia merangkumi Dasar Belia Malaysia, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, belia, akademik dan juga kajian akan datang.

1. Implikasi kepada Dasar Belia Malaysia

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadikan kayu ukur ke arah transformasi pembangunan belia. Beberapa strategi yang telah digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia mempunyai perkaitan dengan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Kepimpinan peserta ARP diakui apabila

telah berjaya melahirkan pemimpin muda yang telah bergiat aktif di dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di peringkat akar umbi. Belia di era permodenan berdepan dengan beberapa cabaran besar seperti pengangguran, gejala sosial, hilang jati diri serta kecelaruan personaliti. Belia Malaysia adalah belia yang mempunyai potensi diri yang tinggi, kreatif, dan inovatif dan ini menjadikan golongan belia sebagai penggerak kemajuan.

2. Implikasi kepada Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

Banyak perkara yang masih perlu dilakukan bagi meningkatkan integrasi sosial belia. Usaha yang dilaksanakan untuk membentuk tapak integrasi melalui Program ARP harus dipuji. Penyertaan aktif belia di dalam komponen program ARP telah membentuk proses kesepaduan sosial. Ini sekaligus menguatkan lagi proses perancangan jangka panjang program dengan mengenal pasti bagaimana untuk memaksimumkan sumber dan memperbaiki aktiviti-aktiviti untuk golongan belia. Kajian ini diharapkan dapat membuktikan program pembangunan potensi diri ini dalam memberikan impak yang positif kepada belia. Peluang telah diberikan kepada responden untuk mencuba sesuatu yang baru dan memberikan lebih banyak cabaran kepada mereka. Ia juga telah membina resiliensi, estim diri dan berdikari. Selain itu, kajian ini diharap dapat menggalakkan mereka untuk terus menyumbangkan khidmat bakti di dalam bidang kesukarelaan.

3. Implikasi kepada belia

Sebagai seorang belia, program pembangunan potensi diri belia seperti ARP memainkan peranan yang signifikan melalui pendidikan secara tidak formal. Peluang dan ruang diberikan kepada remaja untuk membina kemahiran dan menunjukkan bakat melalui latihan dan bimbingan daripada pemimpin dan mentor. Award World, Issue 62 menyatakan program ini telah membantu membina keyakinan dan estim diri peserta. Melalui program ini, peserta diberikan peluang untuk memberikan khidmat kepada komuniti dan membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Dalam menguruskan era *borderless world* yang bercirikan pengaliran maklumat dan dagangan secara bebas sedikit sebanyak telah menyebabkan belia terdedah kepada gejala sosial yang negatif. Antara usaha yang boleh dilakukan adalah melalui penyertaan dalam belia berpersatuan. Keahlian belia dalam pertubuhan belia telah meningkat kepada 2.8 juta pada tahun 2005. Oleh yang demikian, antara peranan yang boleh dijalankan oleh pertubuhan belia adalah menambah keahlian belia dalam pertubuhan, merekayasa dan memperkasa aktiviti, rakan bijak dalam membanteras gejala sosial, memasyarakatkan pertubuhan belia dan memperkasakan pertubuhan belia. Melalui penyertaan dalam pertubuhan belia, senario gejala sosial yang berlaku di persekitaran dapat disalurkan kepada golongan berkaitan melalui integrasi di antara program ARP dan program-program lain yang bersesuaian. Selain itu, hubungan yang erat di antara masyarakat dapat memastikan jurang golongan muda dan golongan tua dirapatkan. Berdasarkan komponen khidmat masyarakat

sebagai contohnya telah menghasilkan ikatan hubungan simbiosis antara setiap anggota masyarakat jika digembling dengan betul bagi melahirkan generasi muda yang bebas daripada gejala sosial. Kajian Asnarulkhadi (2011) menyatakan usaha untuk membangunkan golongan belia yang berdayaupaya, dari segi praktiknya belia dianggap dan diterima sebagai pemberi maklumat, perancang, pembuat keputusan, pelaksana, pembentuk strategi, penerima faedah, pemantau dan penilai.

Kelompok belia dilihat golongan yang “adventoures” dalam aktiviti kesukarelaan. Melalui penglibatan dalam aktiviti ini, dilihat semangat patriotisme dan nasionalisme dalam mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan dalam memperjuangkan Negara. Patriotisme menggalakkan belia yang menyertai program ARP menterjemahkan semangat ke dalam konkrit terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan Negara. Golongan belia yang terlibat dalam program ARP telah banyak diberikan pendedahan tentang patriotisme, nasionalisme dan nilai-nilai melalui pelaksanaan empat komponen ARP.

RUJUKAN

- Abner Lico. (2002) *The Duke of Edinburgh’s Award: A “Simply Brilliant” Program. Education for Character.* Ontario
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211
- Alison Berks, (2010, November). *Research and The Award. Award World*, Issue 63, 16-17
- Andrew McMenamin (2004). *Handbook Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.* (Rev.ed). The International Secretariat Award House
- Anna Dixon (2008). *Motivation and Confidence: What Does it Take to Change Behaviour? King’s Fund*
- Armitage, C. J., & Conner, M. (2001). Efficacy of the Theory of Planned Behaviour: A Meta-Analytic Review. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471–499.
- Barry L. Boyd, Don R. Herring, Gary E. Briers (1992). Developing Life Skills in Youth. *Journal of Extension.* Volume 30 Number 4
- Becky Hirt and Alison Berks (2012). *Measuring the Award’s Impact.* The Duke of Edinburgh’s International Award Foundation
- Beduz, Mary Agnes (2012). *The Role of Attitudes, Subjective Norms, Perceived Behavioural Control and Context in Nurses’s Behavioural Intentions.* Open Access Dissertations and Theses. Paper 69-89
- Bojan Bilic (2005). The Theory of Planned Behavior And Helath Behaviours : Critical Analysis of Methodological And Theoretical Issues. *Hellenic Journal of Psychology. Volume 2 (2005)*, pp.243-259

- Broadhrd-fearn, Danielle and White, Katherine (2006). Perceptions of Self Efficacy in Predicting Rule-following Behaviour in Shelters for Homeless Youth : A Test of The Theory of Planned Behavior. *Journal of Social Psychology* 146(3):pp.307-325
- Carmen Hamilton, Constance Flanagan. (2007). *American Behavioral Scientist. Reframing Social Responsibility Within a Technology-Based Youth Activist Program*, 11, 444-464 dari laman web <http://abs.sagepub.com>
- Conner, M., & Armitage, C. J. (1998). Extending the theory of planned behavior: A Review and Avenues for Further Research. *Journal of Applied Social Psychology*, 28, 1429–1464.
- Dasar Sosial Negara. Dimuat turun pada Mac 26, 2010 dari laman web <http://pmr.penerangan.gov.my>
- David L. DuBois, Nelson Portillo, Jean E. Rhodes, Naida Silverthorn, and Jeffrey C. Valentine. (2011). How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assessment of the Evidence. *Psychological Science in the public Internet*. 12 (2)57-91
- Dorothy Rogers (1985). *Adolescent and Youth*. Fifth Edition. Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jerse
- Edward Branagan (2009), *Transforming Society by Mobilizing Youth*. Retriief Julai 2009 dari laman web International Journal Young Leadership. <http://www.leadersjournal.org>
- Elizabeth Chell, Rosemary Athayde (2009). The Identification and Measurement of Innovative Characeteristics of Young People. *Development of The Youth Innovation Skills Measurement Tool*. Kingston University
- Eys, Mark A.; Carron, Albert V.; Bray, Steven R.; and Brawley, Lawrence R. (2007). “*Item Wording and Internal Consistency of a measurre of Cohesion: The Group Environment Questionnaire*” . Kinesiology and Physical Education Faculty Publications. Paper 16
- Eys, Mark A.; Lougheed, Todd; Bray, Steven R.; and Carron, Albert V. (2009). “*Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire*”. Kinesiology and Physical Education Faculty Publications. Paper 3
- Gardner E., Flood J. (2007). *Utilizing The Life Effectiveness Questionnaire To Measure The Impact Of An Outdoor Adventure Experience on College Students*. East Carlifornia Unversiti dari laman web <http://ertr.tamu.edu>
- Francis JJ, Eccles MP, Johnston M, Walker A, Grimshaw J, Foy R, Kaner EFS, Smith E, Bonetti D. (2004). *Constructing Questionnaires Based on the Theory of Planned Behaviour: A Manual for Health Services Researchers*. Centre for Health Services Research, University of Newcastle upon Tyne, UK.

- Glen Evans, Millicent Poole (1991). *Young Adults Self Perceptions and Life Contexts*. The Falmer Press
- Hagger, M. S., & Chatzisarantis, N. L. D. (2005). First- and higher-order models of attitudes, subjective norms, and perceived behavioral control in the Theory of Planned Behavior and their invariance across two health behaviors. *British Journal of Social Psychology*, 44, 513-535.
- Hamilton K. & White K.M. (2008). Extending the Theory of Planned Behavior: The Role of self and Social Influences in Predicting Adolescent Regular Moderate-to-Vigorous Physical Activity. *Journal of Sport & exercise Psychology*, 2008,30,56-74
- Haslinda Abdullah, Sarjit S.Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (2011). *Belia Pewaris 1 Malaysia*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Jacinta Bronte-Tinkew, Kristin Anderson Moore, Rebecca Shwalb (2006). *Measuring Outcomes for Children and Youth in Out-of-School Time Programs : Moving Beyond Measuring Academics*. Washington D.C.: Child Trends
- James Neill (2007). *YARPET – Youth at Risk Program Evaluation Tool*. A Measurement Tool For Assessing the Effects of Adventure-based Programs on Outcomes for Youth at Risk Participants, 5, dari laman web <http://wilderdom.com>
- Johan Ferla, Martin Valcke, Yonghong Cai. (2003). *Academic Self-efficacy and Academic Self-concept: Reconsidering Structural Relationship*. Ghent Univeristy
- Indeks Belia Malaysia (2008)*. Dimuat turun pada Disember 16,2010 dari laman web <http://www.ippbm.gov.my>
- Kraft P., Rise J., Sutton S. and Roysamb E. (2005). Perceived Difficulty in the Theory of Planned Behaviour: Perceived Behavioural Control or Affective Attitude? *British Journal Of Social Psychology*. 44,479-496
- Kathrin C. Walker, Rebecca N. Saito. (2011). *Youth Are Here: Promoting Youth Spaces through Community Mapping*. University of Minnesota Extension Center for Youth Development
- Kementerian Belia dan Sukan (2004). *Handbook Anugerah Remaja Perdana*. Putrajaya: Bahagian Rakan Muda
- Kementerian Belia dan Sukan (2011). *Indeks Belia Malaysia 2011*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Lambros Lazuras, Despoina Ourda, Vassilis Barkoukis and Haralambos Tsorbatzoudis (2011). *A Study of Predictors of Adolescents' Physical Activity Intentions*. *Psychology, Society & Education*, 2011, Vol 3, N⁰

- Leo B. Hendry, Janet Shucksmith, John G. Love and anrthony Glendingning (1993). *Young People's Leisure and Lifestyle*. Routledge
- Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah (2008). *Psikologi Edisi Ketiga*. Mc Graw Hill Education
- Marylene Gagne.(2009). A Model of Knowledge-Sharing Motivation. *Human Resource Management*. July-august 2009, Vol.48, No.4,pp.57-589
- Matthew Morton, Paul Montgomery. (2010). *Youth Empowerment Program for Improving Self-efficacy and Self-esteem of Adolescents*. University of Oxford
- Melvin Delgado (2006). *Designs and Method for Youth-Led Research*. Sage Publications
- Michael Wehmeyer, Michelle Schwartz (1997). Exceptional Children. *Self-determination and Positive Adult Outcomes : A Follow-up Study of Youth With Mental Retardation*, Vol. 63 dari <http://www.questia.com>
- Mohd Noor Azmi Mamat, Sabora Sipon (1998). *Belia Pendukung Cabaran Perdana*. Universiti Malaysia Sabah
- Mohd Hata, *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Rakan Muda (2007)*. Kementerian Belia dan Sukan
- Natasha D. Watkins, Reed W. Larson, Patrick J. Sullivan (2007). *Bridging Intergroup Difference in a Community Youth Program*. University of Illinois at Urbana – Champaign
- Norhasni Binti Zainal Abiddin (2007). *Fungsi dan Sumber Mentor Tidak Formal dalam kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah*. Universiti Putra Malaysia
- Nellie Munalu, (2010, April). *How To Implement An Internship*. *Award World*, Issue 62, 18-19
- Nikos L.D. Chatzisarantis, Martin S.Hagger, Brett Smith and Cassie Phoenix (2004). The Influences Of Continuation Intentions On Execution Of Social Behaviour Within The Theory Of Planned Behaviour. *British Journal of Social Psychology*. 43,551-583
- O'Connor. R.C. & Armitage, C.J. (2003). Theory Of Planned Behaviour and Parasuicide : An Exploratory Study. *Current Psychology*, 22,247-256
- Ontario Ministry of Children and Youth Services Strategic Framework 2008-12 (2008). *Realizing Pontential : Our Children, Our Youth, Our Future*. Ontario
- Pam Marmito, Andrena Simmons (2009, Oktober). *How To Engage Young People*. *Award World*, Issue 61, 18-19

- Reuben M. Baron & David A. Kenny. (1986). The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*. 1986, Vol 51, No.6, 1173-1182
- Rivis A. & Sheeran P. (2003) Descriptive Norms as an Additional Predictor in the Theory of Planned Behaviour : A Meta-Analysis. *Current Psychology: Developmental, Learning, Personality, Social*. Fall 2003. Vol.22, No.3, pp 218-233
- Rohaty Mohd. Majzub (1998). *Memahami Jiwa Dan Minda Remaja*. Penerbit Fajar Bakti
- Rosemary Athayde (2009). *Measuring Enterprise Potential in Young People. Entrepreneurship Theory and Practice*. Baylor University
- Roslan, *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Rakan Muda (2008)*. Kementerian Belia dan Sukan
- Samsudin A. Rahim Ph.D (1995). *Tingkah Laku Lepak, Media dan Pengawasan Keluarga*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Self-Determination*. Dimuat turun pada April 19, 2010 dari laman web <http://www.washington.edu>
- Scott E. Wolfe, George E. Higgins (2008). Self-Control and Perceived Behavioral Control : An Examination of College Student Drinking. *Applied Psychology in Criminal Justice*, 2008, 4(1)
- Sourabh Gupta (2011). Attribution Theory of Social Psychology. www.buzzle.com
- Sue Walker, Michael Fay, Tony Hughes, Rob Oliphant, Cristal de Saldanha (2011). *Resolving Technical Infrastructure Disparities in Wide-area, Cross-Border Geographical Zones to Deliver Effective Training Modules*. The Duke of Edinburgh's Award International Association.
- Sven Morch, Helle Anderson (2012). Becoming a Gang Member : Youth Life and Gang Youth. *Psychology Research 2012*, Vol.2, No.9, 506-514. Copenhagen University
- Wasitah Mohd Yusof (2007). *Kertas Pelaksanaan Status Program ARPRM dan Tanggungjawab serta Nilai Tambah kepada Pembangunan Program Rakan Muda Fasa II*. Dalam Kursus Peningkatan Profesionalisme Pegawai Belia dan Sukan Bil 2/2007, Akademi Pembangunan Belia Malaysia Tronoh, Perak.
- Youth Self Determination*. Dimuat turun pada April 19, 2010 dari laman web <http://www.blackhawkcenter.org>

Profil Penulis:***Yasmin Yacob***

*Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Kementerian Belia dan Sukan,
yasmin.yacob@gmail.com*

Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim, PhD

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
ibrani@upm.edu.my*

PEMBENTUKAN INSTRUMEN LITERASI KESIHATAN UNTUK REMAJA MALAYSIA

SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI, MAIMUNAH ISMAIL &
ZULAIHA MUDA

ABSTRAK

Literasi kesihatan tidak dapat dinafikan amat penting dan semakin menjadi tumpuan dalam mempromosikan kesihatan penduduk terutamanya kepada golongan remaja. Bagi mengukur tahap literasi kesihatan untuk populasi ini, ramai penyelidik telah memberi tumpuan kepada membangunkan instrumen untuk menentukan tahap literasi kesihatan mereka. Kajian lepas mendapati instrumen literasi kesihatan lebih banyak dibina bagi orang dewasa berbanding untuk golongan remaja. Di Malaysia, kajian literasi kesihatan terhadap golongan remaja masih kurang dilaporkan. Bagi merapatkan jurang ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia melalui tiga peringkat; 1) mengenal pasti konstruk utama literasi kesihatan; 2) membina item untuk setiap konstruk, dan 3) menguji kebolehpercayaan dan keesahan dengan menjalankan kajian sebenar literasi kesihatan. Seramai 1029 responden iaitu remaja sekolah telah terlibat dalam kajian ini yang berumur 15 hingga 17 tahun (M umur = 15.9, SP = .6). Kajian menggunakan metodologi bermula dengan reka bentuk kualitatif dan diikuti dengan reka bentuk kuantitatif. Kajian mengenal pasti lapan konstruk utama bagi mengukur literasi kesihatan remaja di Malaysia; 1) promosi kesihatan; 2) pencegahan penyakit; 3) penjagaan penyakit; 4) tingkah laku kesihatan; 5) sikap terhadap kesihatan; 6) kesejahteraan kesihatan; 7) budaya kesihatan; dan 8) motivasi kesihatan. Kajian telah berjaya membina instrumen literasi kesihatan remaja Malaysia dengan 52 item yang menggabungkan lapan faktor penting yang menjadi penentu pengukuran utama instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia.

Kata Kunci: Literasi Kesihatan, Remaja, Instrumen

ABSTRACT

Health literacy is undoubtedly very important and increasingly becoming the focus on promoting health among the Malaysian population, especially adolescents. To determine the level of health literacy within this population, many researchers have focused on developing instruments closely related to health literacy. Recent studies have found that instruments to measure adults are more available compared to adolescents. In Malaysia, health literacy studies on adolescents are still under-reported. Responding to this issue, this study aims to develop the health literacy instrument for Malaysian adolescent involving three stages: 1) identifying the major health literacy constructs; 2) building items for each construct; and 3) reliability

and validity testing by carrying out the actual study of health literacy. There were, 1,029 students with ages ranging from 15 to 17 years (M age = 15.9, SD = .6) selected as respondents. This study started with a qualitative methodology and followed by a quantitative approach. The findings showed eight major constructs that measure adolescent's health literacy in Malaysia; 1) health promotion; 2) disease prevention; 3) health care; 4) health behaviors; 5) and attitudes towards health; 6) health well-being; 7) health culture; and 8) health motivation. The study has successfully developed health literacy instruments for Malaysian adolescents with 52 items that combines eight key major factors.

Keyword: Health Literacy, Adolescent, Instrument

LATAR BELAKANG KAJIAN

Literasi kesihatan adalah pengetahuan, kemahiran dan motivasi seseorang individu untuk mengakses, memahami dan menilai maklumat berkaitan dengan kesihatan untuk membuat keputusan mengenainya dalam kehidupan seharian. Literasi kesihatan menjadi bidang yang semakin penting dan mengalami peningkatan dalam penyelidikan, amalan serta dibincangkan dalam dasar kontemporari bagi sesebuah negara (Sørensen (2009)., 2012). Dalam usaha mempromosikan kesihatan, literasi telah menjadi satu sumber kuasa bagi seseorang individu. Kajian lepas menunjukkan semakin tinggi tahap literasi kesihatan bagi seseorang individu, semakin tinggi amalan kesihatan mereka (Manganello, 2008; Chang, 2011) dan semakin cekap mereka bertindak apabila berhadapan dengan masalah kesihatan (Massey, Prelip, Calimlim, Quiter, & Glik, 2012). Sehingga kini kajian berkaitan literasi kesihatan di Malaysia masih kurang dilaporkan. Walau bagaimanapun, antara kajian yang dijalankan termasuklah literasi kesihatan mental (Mohamad, Zabidah, Fauziah & Sarnon, 2012); literasi kesihatan dan amalan pemakanan (Bee, 1985); literasi kesihatan dan tekanan dalam kalangan orang tua dan orang dewasa (Khan, Sulaiman & Hassali, 2010) dan tahap literasi kesihatan dalam kalangan penduduk yang berumur 18 sehingga 65 tahun dalam kajian tinjauan kesihatan dan morbiditi kebangsaan Malaysia 2015. Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) turut melaporkan peningkatan jumlah penduduk dan juga pertambahan jenis penyakit dalam masyarakat telah menyebabkan perbelanjaan bagi tujuan mengubati, mencegah dan mempromosi semakin meningkat. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pelan strategik 2011-2015, iaitu memperkasakan individu dan komuniti untuk bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri melalui literasi kesihatan.

Kekerapan mendapatkan rawatan ekoran peningkatan umur dan tahap kesihatan yang mula menurun daripada golongan dewasa telah menyebabkan tanggapan bahawa golongan muda tidak banyak berhadapan dengan masalah kesihatan (Dewalt, Berkman, Sheridan, Lohr, & Pignone, 2004 & Newachek, Wong, Galbraith, & Hung, 2003). Laporan kajian literasi kesihatan sedunia telah menyeru supaya golongan remaja diberi keutamaan dalam mendidik dan

mempromosikan literasi kesihatan (Kumaresan, 2013). Keperluan mengambil kira peranan dan tanggungjawab golongan ini pada masa akan datang amatlah penting kerana golongan muda inilah yang akan menyambung usaha yang sedia ada seperti meneruskan sistem penjagaan kesihatan pada masa akan datang. Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) juga telah menggariskan pelan strategik untuk memberi kesedaran literasi kesihatan kepada golongan remaja bagi membuat persediaan, terutamanya dalam hal perbelanjaan negara. Walau bagaimanapun, pengukuran, iaitu instrumen literasi kesihatan yang digunakan sehingga kini dalam menjalankan kajian berkaitan literasi kesihatan di Malaysia masih menggunakan instrumen kajian dari luar negara. Antara pendekatan dan pengukuran literasi kesihatan yang selalu digunakan daripada barat termasuklah *Test of Functional Health Literacy in Adults (TOFHLA)* oleh Parker, Baker, Williams & Nurss (1995), *Health and Adult Literacy Survey (HALS)* oleh Kirsch dan Jungeblut (1986), *The Health Literacy Management scale (HeLMS)* oleh Jordan et al.(2013), dan *The European Health Literacy Survey (HLS-EU)* oleh Sorensen et al.(2013). Sungguhpun terdapat beberapa skala untuk mengukur literasi kesihatan dalam masyarakat, instrumen literasi kesihatan bagi golongan remaja masih kurang dan dianggap kurang sesuai dengan persekitaran serta amalan golongan remaja di Malaysia.

Kajian ini memberi tumpuan kepada pembentukan instrumen literasi kesihatan untuk golongan remaja di Malaysia. Umumnya, golongan ini adalah generasi Z atau kumpulan millennial yang dilahirkan sekitar tahun 1995 hingga tahun 2010. Generasi ini adalah golongan remaja yang berumur 15 hingga 22 tahun. Golongan ini mempunyai kriteria yang berbeza: berfikiran lebih terbuka; bertolak ansur; minta dihargai; mengatur kehidupan yang lebih berstruktur; kepelbagaian; suka teknologi; internet; multi tasking; lebih individualistik; dan mempunyai gaya hidup tersendiri (Howe & Strauss, 2000). Oleh itu, pendekatan dan kaedah mempromosikan literasi kesihatan amat berbeza berbanding orang dewasa terutamanya kemahiran dan arah aliran remaja pada masa ini. Oleh yang demikian, kajian tentang pembentukan instrumen literasi kesihatan remaja perlu mengambil kira beberapa faktor yang merangkumi promosi kesihatan, perlindungan kesihatan, penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan sistem jaringan kesihatan. Seterusnya, kajian menggunakan model ekologi manusia oleh Bronfenbrenner (1979) mampu menjelaskan perkaitan pengaruh perubahan sosial terhadap pendidikan termasuklah pendidikan dan literasi kesihatan dalam kalangan remaja selain mempengaruhi kemahiran mereka dalam pelbagai aspek yang lain (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2017; Governali, Hodges, & Videto, 2005). Bertepatan dengan keperluan negara untuk menjadi sebuah negara maju, populasi golongan remaja di Malaysia seramai 13.88 juta (45.8%) daripada 30.26 juta penduduk Malaysia menuntut rakyat yang sihat bagi memastikan sumber tenaga yang mencukupi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini adalah untuk:

1. Membangunkan konsep dan konstruk literasi kesihatan di Malaysia
2. Mengenal pasti item dalam setiap konstruk literasi kesihatan remaja di Malaysia.
3. Menentukan keesahan instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia.
4. Menentukan kebolehpercayaan instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia.


Justifikasi Pembentukan Instrumen Literasi Kesihatan

Walaupun terdapat beberapa ukuran untuk mengukur literasi kesihatan dalam sorotan literatur, ukuran tersebut dibentuk dalam konteks negara-negara di barat. Selain itu, instrumen literasi kesihatan yang sedia ada adalah berdasarkan konteks klinikal yang memfokuskan kepada jenis-jenis penyakit tertentu. Oleh itu, instrumen literasi kesihatan masih boleh diperbaiki mengikut konteks sains sosial. Instrumen literasi kesihatan ini digunakan untuk mengukur tahap literasi kesihatan remaja mengikut acuan budaya di Malaysia yang memiliki populasi remaja yang majmuk. Faktor budaya juga mempengaruhi cara individu berinteraksi dengan sistem penjagaan kesihatan, doktor, dan juga yang mendorong kepada matlamat kesihatan mereka (Berkman, Davis & McCormack, 2010). Pendekatan untuk membentuk pengukuran yang tidak teratur akan menyebabkan penyelidik menghadapi risiko menghasilkan data yang tidak tepat. Kebanyakan penyelidik sains sosial menghadapi masalah yang sama, iaitu bergantung kepada instrumen sedia ada yang mana kesesuaian instrumen tersebut dengan konteks kajian semasa masih boleh dipersoalkan. Seseengah penyelidik menganggap bahawa item soal selidik yang baharu dibangunkan kelihatan betul (“look right”) yang mana akan dapat mengukur sesuatu pemboleh ubah. Oleh itu, pembangunan instrumen literasi kesihatan dalam kajian ini adalah berdasarkan acuan alat pengukuran yang sedia ada serta ditambah baik mengikut konteks budaya Malaysia mengikut langkah-langkah pembangunan alat pengukuran seperti yang dicadangkan oleh DeVellis (2016) dan Punch (2013).

Proses Membentuk Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia

Penyelidik telah menyemak sorotan literatur pembentukan instrumen secara umum dan menyemak sorotan literatur pembentukan instrumen literasi kesihatan dalam kajian lepas kemudian diikuti dengan langkah-langkah untuk membentuk instrumen literasi kesihatan remaja Malaysia. Proses urutan bagi reka bentuk kualitatif dan kuantitatif dalam peringkat pertama dan kedua dalam kajian ini adalah seperti pada Rajah 1.

Rajah 1: Proses membentuk Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia – diadaptasi daripada DeVellis (2016) dan Punch (2013).



Objektif 1: Membangunkan konsep dan konstruk literasi kesihatan di Malaysia

Bagi menentukan konstruk literasi kesihatan, kajian ini bermula dengan melakukan tinjauan terhadap definisi dan konsep literasi kesihatan dengan menggunakan kaedah temu bual bersama pakar dalam bidang kesihatan remaja, kesihatan awam, kesihatan survelan penyakit berjangkit, kesihatan keluarga, penduduk dan pembangunan keluarga, kesihatan umum dan bahagian dasar kurikulum sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Temu bual ini telah ditranskrip dan catatan nota dilakukan sepanjang temu bual dijalankan. Data dari temu bual dianalisis menggunakan kod (coding) dan prosedur membangunkan tema (thematic). Data kajian temu bual dan temu bual berfokus dianalisis secara verbatim. Hasil kajian daripada fasa ini adalah dengan mengenal pasti tema bagi menentukan konstruk literasi kesihatan berdasarkan sorotan literatur, perspektif dan pengalaman pakar, iaitu informan dalam kajian ini.

Pembentukan Tema

Dalam peringkat ini, sorotan literatur dianalisis untuk menentukan konsep dan tema pengukuran literasi kesihatan remaja. Tema yang digunakan untuk konstruk literasi kesihatan remaja dalam kajian ini adalah berasaskan pengetahuan, kemahiran dan amalan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tema, Kategori dan Definisi Operasional Literasi Kesihatan Remaja

Tema	Kategori	Definisi operasional
Pengetahuan	Promosi kesihatan	Keupayaan individu mendapatkan maklumat kesihatan yang membabitkan perubahan untuk mempengaruhi diri sendiri, kumpulan dan masyarakat kepada amalan gaya hidup yang sihat.
	Pencegahan penyakit	Keupayaan individu untuk mendapatkan maklumat, memahami, memberi makna, mentafsir dan menilai maklumat berkaitan kesihatan dan seterusnya membuat keputusan untuk melindungi diri daripada risiko kesihatan.
Kemahiran	Penjagaan kesihatan	Keupayaan individu untuk mengakses maklumat, memahami, mentafsir dan menilai isu-isu perubahan atau klinikal, serta membuat keputusan dan mematuhi nasihat pakar perubahan.
	Kesejahteraan kesihatan	Keadaan kesihatan dan kualiti kehidupan remaja yang seimbang daripada segi fizikal dan jasmani.
	Motivasi kesihatan	Keinginan yang merangsang tindakan untuk mencapai sesuatu tujuan serta berusaha untuk menjaga kesihatan sendiri

Amalan	Tingkah laku kesihatan	Aktiviti yang dilakukan oleh individu untuk mengekalkan, memulih, dan meningkatkan tahap kesihatan.
	Sikap terhadap kesihatan	Tindakan yang diambil apabila seseorang mengenali tanda-tanda atau gejala-gejala yang berkaitan dengan satu-satu penyakit atau melibatkan status kesihatan.
	Budaya kesihatan	Amalan kesihatan remaja yang menjadi rutin dalam menjalani kehidupan seharian.

Objektif 2: Mengenal pasti item dalam setiap konstruk literasi kesihatan remaja di Malaysia

Berdasarkan definisi operasional, data daripada temu bual, data daripada pemerhatian dan data daripada temu bual fokus berkumpulan, sebanyak 87 item bagi lapan konstruk yang telah dikenal pasti, iaitu: promosi kesihatan (11); pencegahan penyakit (14); penjagaan kesihatan (12); kesejahteraan kesihatan (13); motivasi kesihatan (5); tingkah laku kesihatan (14); sikap terhadap kesihatan (9); dan budaya kesihatan (9) telah dibangunkan.

Objektif 3: Menentukan keesahan instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia

Keesahan kandungan dan keesahan konstruk merujuk kepada alat pengukuran yang digunakan sebagai instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur (Gay, Mills & Airasian, 2010). Ujian keesahan kandungan dapat memastikan alat pengukuran yang digunakan adalah bertepatan dengan konsep yang diukur melalui item kajian yang telah dibentuk (Babbie, 2013). Kaedah ini digunakan bagi membuktikan kandungan item sememangnya berkaitan serta mewakili pemboleh ubah yang dikaji. Kaedah yang digunakan dalam kajian bagi menentukan keesahan kandungan adalah dengan mengambil maklum balas dan ulasan daripada pakar bidang melalui teori dan kajian yang lepas di samping menggunakan alat pengukuran yang telah digunakan beberapa kali sehinggakan kukuh sebagai alat pengukuran pemboleh ubah yang berkaitan. Menurut Ary et al.(2010), panel pakar seperti kumpulan penyelidik juga diminta untuk menilai serta memeriksa item-item dari segi kandungan serta konstruk yang hendak diukur.

Dari segi keesahan kandungan, kajian ini telah mendapatkan khidmat pakar bagi menyemak item-item pengukuran literasi kesihatan. Keesahan kandungan ini bertujuan menunjukkan sejauh mana item yang telah dibina mengukur sesuatu pemboleh ubah supaya mencapai maksud dan dapat mengukur sesuatu pemboleh ubah. Ini bertujuan agar setiap item adalah tepat dan mencukupi dalam mewakili sesuatu pemboleh ubah (Kimberlin & Winsterstein, 2008). Bagi menjalankan ujian keesahan kandungan, kaedah yang digunakan adalah berdasarkan penilaian pakar dalam bidang yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah melantik tujuh orang pakar dalam bidang kesihatan umum, kesihatan remaja, psikologi remaja, kesihatan seksual dan reproduktif remaja, pembangunan keluarga dan remaja,

pakar alat pengukuran dan pakar bahagian dasar kurikulum sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua komen dan cadangan daripada pakar telah dianalisis oleh kumpulan penyelidik bagi menentukan keesahan item literasi kesihatan. Dengan mengambil kira hasil pandangan dari para penilai (arbiter), penyelidik telah membuat perubahan mengikut kesesuaian dan perbincangan semula bersama kumpulan penyelidik.

Objektif 4: Menentukan kebolehpercayaan instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia

Seterusnya penyelidik menjalankan penilaian dan pemurnian item pengukuran literasi kesihatan dengan menjalankan prauji. Prauji kajian yang pertama telah dijalankan terhadap 150 responden yang terdiri daripada remaja sekolah menengah di Selangor. Prauji kajian yang kedua melibatkan 59 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Putrajaya. Kedua-dua prauji kajian ini menggunakan 87 item dalam konstruk literasi kesihatan remaja. Kebolehpercayaan alat kajian ini diukur menggunakan kaedah Alpha Cronbach. Menurut Gay, Mills dan Airasian (2009), ujian kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah Alpha Cronbach merupakan pendekatan yang terbaik bagi menguji kebolehpercayaan antara item untuk mengenal pasti koheren item yang menyepadukan skala indeks. Kaedah ini merupakan satu ujian setara dan semua korelasi item adalah sama. Nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima pakai dalam pengukuran ialah .60 atau .70 dan ke atas (Cohen *et. al.*, 2007). Nilai Alpha Cronbach yang menunjukkan nilai $r > 0.6$ merujuk kepada alat ukur yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sebaliknya jika nilai $r < 0.6$ maka nilai kebolehpercayaan alat ukur adalah rendah dan item-item berkenaan perlu diperbaiki atau disingkirkan. Nilai Alpha Cronbach bagi prauji pertama ialah .955 dan prauji kedua pula ialah .965 yang menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi.

Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia

Instrumen literasi kesihatan remaja mengandungi sebanyak 87 item bagi kesemua dimensi literasi kesihatan. Instrumen ini menggunakan 5 skala likert: 5 (sangat bersetuju), 4 (setuju), 3 (agak setuju), 2 (tidak bersetuju) dan 1 (sangat tidak bersetuju). Responden dikehendaki menjawab dengan menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap kenyataan-kenyataan yang diberikan berdasarkan skala yang diberi.

Pengumpulan Data

Penyelidik mendapatkan senarai penuh Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Laman sesawang dan dimuat turun dari (<http://www.mohe.gov.my//index.php/my/statistik-kpm>). Kajian ini menggunakan persampelan rawak berlapis dengan menentukan jumlah sekolah SBT yang ada di Malaysia, iaitu sebanyak 48 buah sekolah. Penyelidik telah mengenal pasti 13 buah sekolah yang mempunyai persamaan dari kategori sekolah menengah SBT yang telah disenaraikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). SBT yang terlibat di Lembah Klang iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Kesemua sekolah dipilih berdasarkan kedudukan status sekolah tersebut sebagai

sekolah berprestasi tinggi supaya persekitaran responden kajian adalah sama. Hal ini sejajar dengan sasaran utama Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk meletakkan semua SBT sebagai penanda aras dalam soal kecemerlangan pendidikan, supaya menjadi contoh dan teladan kepada semua sekolah di negara ini.

Penyelidik telah memohon kebenaran secara bertulis dan melalui telefon daripada pengetua sekolah yang terlibat. Setelah menerangkan tujuan kajian dan juga keperluan jumlah responden kajian yang menepati keperluan persampelan rawak berlapis serta sampel sistematik, penyelidik menetapkan tarikh pengumpulan data dijalankan. Selepas memperolehi maklumat seperti masa, tempat dan jumlah responden kajian, penyelidik mengatur jadual pertemuan untuk semua sekolah berkenaan. Sebanyak 13 pertemuan yang mengambil masa selama hampir tiga bulan untuk memenuhi jumlah responden yang diperlukan. Penyelidik hadir pada setiap pertemuan dan mengendalikan sendiri borang soal selidik kepada responden. Penyelidik memberikan taklimat mengenai tujuan kajian dan juga arahan dalam borang soal selidik. Setiap pelajar diberikan pen dan borang soal selidik. Responden dimaklumkan kerahsiaan jawapan mereka dan dilaporkan sebagai anonymous serta meyakinkan betapa pentingnya mereka menjawab soalan dengan jujur. Responden digalakkan untuk bertanya sekiranya menghadapi kemusykilan atau masalah semasa mengisi borang soal selidik kajian. Semasa sesi pengumpulan data, penyelidik memantau bagi memastikan responden mengisi borang soal selidik dengan betul. Semua borang soal selidik yang dikembalikan setelah siap diisi oleh responden turut disemak terlebih dahulu oleh penyelidik bagi memastikan tiada kekeliruan dalam jawapan mereka dan borang soal selidik diisi dengan lengkap dan betul. Tempoh pengumpulan data adalah pada bulan Mac hingga Mei 2017. Penyelidik mendapat kerjasama yang baik daripada setiap pengetua sekolah yang terlibat dan kesemua borang soal selidik tadbir sendiri telah dipulangkan 100 peratus.

Analisis Item Pengukuran Literasi Kesihatan Remaja di Malaysia

Kesemua item dalam instrumen literasi kesihatan dianalisis untuk mendapatkan keseluruhan kualiti pengukuran. Item yang berkualiti tinggi adalah item yang signifikan. Signifikan item ialah item yang mempunyai nilai alpha (*alpha if item deleted*) lebih kecil daripada standardised item alpha. Manakala item yang tidak signifikan ialah item yang mempunyai nilai alpha (*alpha if item deleted*) lebih besar daripada standardised item alpha. Signifikan item dapat membezakan respons antara individu dengan kumpulan. Keputusan analisis item bagi kesemua konstruk literasi kesihatan remaja menggunakan SPSS versi 22 analisis kebolehpercayaan model alpha. Analisis item menghasilkan nilai standardised item alpha iaitu .966. Kesemua item dalam konstruk literasi kesihatan mempunyai nilai alpha (*alpha if item deleted*) yang lebih kecil daripada *standardized* item alpha, jadi semua item dikekalkan dalam konstruk literasi kesihatan ini. Keputusan analisis item menunjukkan kesemua item mempunyai kualiti yang tinggi kerana nilai alpha (*alpha if item deleted*) bagi keseluruhan item dalam konstruk literasi kesihatan adalah lebih kecil daripada .976.

Analisis Faktor

Analisis faktor dibuat menggunakan sub-program data-reduction: factorial analysis untuk menilai sama ada gagasan tersebut mempunyai hubungan dengan hasil jangkaan di samping mengenal pasti item yang sesuai untuk membentuk sesuatu gagasan. Analisis faktor dijalankan ke atas konstruk dan item literasi kesihatan. Pengkategorian setiap konstruk literasi kesihatan dijalankan bertujuan untuk menganalisis faktor dengan menggunakan kaedah analisis faktor eksploratori (Exploratory Factor Analysis - EFA). Analisis faktor eksploratori menguji hubungan antara kesemua item bagi pemboleh ubah literasi kesihatan dan dikelompokkan mengikut komponen yang tertentu. Bagi memastikan kesesuaian saiz sampel, ujian kecukupan persampelan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) yang menguji kesesuaian saiz sampel dan ujian Sphericity Bartlett yang memeriksa korelasi antara pemboleh ubah telah dijalankan. Nilai KMO hendaklah melebihi .60 dan ujian Sphericity Bartlett ($p < .05$) menunjukkan ketepatan dan nilai yang signifikan (Hair *et. al.*, 2010). Hasil analisis kajian menunjukkan ujian Sphericity Bartlett adalah signifikan pada tahap .01 ($p < .05$) manakala nilai KMO ialah .963 dan telah melebihi nilai yang dicadangkan, iaitu .60. Oleh itu, semua pemboleh ubah dalam analisis ini mempunyai nilai kebolegunaan dan menunjukkan ketepatan dan nilai yang signifikan.

Pengekstrakan Faktor (Factor Extraction)

Nilai eigen yang diambil untuk menentukan berapa banyak faktor yang terbentuk ialah nilai eigen yang lebih besar daripada satu. Dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan hanya dua faktor yang digunakan dalam kajian selanjutnya dengan merujuk kepada cadangan kriteria Kaiser (1970). Penyelidik juga merujuk kepada jadual scree plot yang jelas membezakan pembahagian komponen satu dan dua dengan jelas.

Pemutaran Faktor (Factor Rotation)

Pemutaran faktor dijalankan bagi mendapatkan kesamaan untuk pemboleh ubah dengan menghasilkan struktur yang mudah bagi membentuk skala untuk sesuatu faktor. Pemutaran faktor dapat menentukan item yang sedikit tetapi mempunyai nilai kepadatan yang tinggi. Dalam kajian ini, teknik Oblimin with Kaiser Normalization telah dijalankan. Kesesuaian sampel pembahagian item ke dalam komponen ditentukan dengan mengambil kira perbandingan muatan faktor yang lebih besar dalam faktor yang disenaraikan. Nilai faktor .30 hingga .40 adalah merupakan nilai minimum yang signifikan dan sesuai dipilih. Seterusnya nilai comonality item yang kurang daripada .30 turut digugurkan daripada analisis kerana nilai ini akan meningkatkan nilai total varians dalam kajian (Hair *et. al.*, 2010). Penyelidik juga mengambil kira nilai Alpha Cronbach bagi semua item untuk pemboleh ubah literasi kesihatan. Langkah yang diambil oleh penyelidik adalah seperti yang berikut:

1. Item yang mempunyai nilai matriks korelasi (*correlation matrix*) $< .50$ akan digugurkan.
2. Item yang tidak termasuk dalam mana-mana konstruk akan digugurkan.
3. Item yang mempunyai nilai yang sama dengan item yang lain serta lebih rendah akan digugurkan.

4. Item yang mempunyai nilai muatan faktor melebihi .30 akan dikekalkan untuk analisis yang selanjutnya.
5. Ujian Sphericity Bartlett hendaklah signifikan.
6. Analisis Kaiser-Meyer-Olkin hendaklah melebihi nilai .60 bagi ujian kecukupan sampel kajian.
7. Analisis EFA hendaklah memenuhi kriteria ujian kesepadanan.

Hasil analisis principal component dengan menggunakan varimax rotation menunjukkan 60% jumlah varian bagi keseluruhan lapan konstruk mempunyai nilai eigen melebihi 1. Hasil kajian juga menunjukkan hanya 52 item daripada 87 item literasi kesihatan remaja yang melebihi nilai muatan faktor 0.3 yang telah ditetapkan oleh penyelidik seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Muatan Faktor bagi Setiap Item n=52

Bil	Item	Nilai muatan
1.	Saya mencari maklumat berkaitan kesihatan	.461
2.	Saya mencari maklumat diet permakanan	.763
3.	Saya mencari maklumat pengurusan berat badan yang seimbang	.768
4.	Saya terlibat secara langsung dalam program kesihatan di sekolah	.510
5.	Saya terlibat secara langsung dalam program kesihatan persatuan	.701
6.	Saya terlibat secara langsung dalam program kesihatan komuniti	.615
7.	Saya membuat keputusan untuk memperbaiki kesihatan diri	.548
8.	Saya memahami faktor risiko yang perlu dititikberatkan apabila melibatkan diri dengan aktiviti fizikal	.545
9.	Saya menjalankan pemeriksaan kesihatan dari peringkat awal	.568
10.	Saya memahami apa yang perlu dilakukan sebelum memulakan aktiviti senaman fizikal	.480
11.	Saya memahami apa yang perlu dilakukan semasa waktu kecemasan	.499
12.	Saya bertekad mengubah kehidupan ke arah kesihatan yang lebih baik	.567
13.	Saya sentiasa positif dalam menjaga kesihatan diri	.495
14.	Saya mengambil berat tentang pemakaian yang sesuai dengan aktiviti fizikal yang dilakukan	.567
15.	Saya sentiasa memikirkan ciri-ciri keselamatan sebelum bersenam	.469
16.	Saya menilai kesahihan maklumat kesihatan	.510
17.	Saya mencari maklumat mengenai simptom penyakit yang merisaukan saya	.690
18.	Saya mencari maklumat mengenai perkara baru yang berkait dengan kesihatan saya	.649

19. Saya mencari maklumat mengenai sesuatu penyakit yang baru didengar	.587
20. Saya melakukan penilaian terhadap risiko dalam setiap aktiviti fizikal yang saya lakukan	.534
21. Saya faham tentang kepentingan menjaga kesihatan	.519
22. Saya menjaga kesihatan saya dengan baik	.651
23. Saya sentiasa positif dengan kesihatan diri	.650
24. Saya memiliki sikap yang positif untuk berubah menjadi orang yang sihat	.610
25. Saya mempunyai jati diri yang kuat tentang kesihatan diri	.510
26. Saya sihat fizikal	.529
27. Saya memiliki semangat yang kuat untuk menjadi generasi yang sihat	.537
28. Saya amat mementingkan kesihatan	.677
29. Saya amat mementingkan fizikal yang sihat	.627
30. Saya amat mementingkan mental yang sihat	.549
31. Saya amat mementingkan makanan seimbang	.662
32. Saya melakukan aktiviti senaman yang memudahkan saya	.462
33. Saya optimis mengenai masa depan kesihatan saya	.550
34. Saya berasa diri saya seorang yang berguna	.563
35. Saya berasa diri saya tenang	.635
36. Saya mampu menangani masalah kesihatan dengan baik	.571
37. Saya lebih berfikiran terbuka terhadap kesihatan saya	.500
38. Saya aktif dalam kehidupan untuk kesihatan saya	.615
39. Saya sentiasa bertenaga	.605
40. Saya gembira menjalani kehidupan seharian saya	.542
41. Saya menghargai kesihatan diri saya	.530
42. Saya mementingkan pengambilan sarapan pagi	.710
43. Saya makan mengikut waktu	.680
44. Saya memulakan penjagaan kesihatan dari rumah	.533
45. Saya menggosok gigi setiap kali selepas makan	.590
46. Saya kerap mencuci tangan dengan bersih	.481
47. Saya tidur awal waktu setiap malam	.487
48. Saya tahu masalah kesihatan saya	.532
49. Saya prihatin terhadap keadaan kesihatan diri sendiri	.771
50. Saya prihatin terhadap tahap kesihatan saya	.785
51. Saya berusaha mencegah penyakit untuk menikmati kehidupan yang lebih sihat	.574
52. Saya prihatin dengan peningkatan kadar penyakit kronik dalam kalangan remaja	.455

KESIMPULAN

Penggunaan Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia Sebagai Satu Instrumen Penilaian

Kajian ini bertujuan untuk membina pengukuran Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia (ILKRM). Dalam kajian ini, ILKRM dicadangkan untuk diterima pakai sebagai satu alat pengukuran. Hasil skor yang diperolehi daripada ILKRM akan menentukan tahap literasi kesihatan remaja Malaysia melalui lapan konstruk literasi kesihatan, iaitu promosi kesihatan (6 item), penjagaan kesihatan (9 item), pencegahan penyakit (5 item), tingkah laku kesihatan remaja (7 item), sikap terhadap kesihatan (5 item), kesejahteraan kesihatan (9 item), budaya kesihatan (6 item), dan motivasi kesihatan (5 item). Sebagai kesimpulan, ILKRM merupakan alat pengukuran yang dapat membantu menentukan tahap literasi kesihatan remaja Malaysia mengikut skala yang dicadangkan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Skala Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia

Skala	Skor
	Rendah → Tinggi
Sangat Rendah	5 - 52
Rendah	53 - 104
Sederhana	105 - 156
Tinggi	157 - 207
Sangat tinggi	208 - 347

Implikasi Terhadap Pengetahuan

- Kajian ini merupakan penemuan baharu daripada segi metodologi kajian yang menggunakan metodologi berurutan (sequential methodology) iaitu rekabentuk kualitatif dan diikuti dengan rekabentuk kuantitatif. Rekabentuk kualitatif digunakan dalam menentukan konsep, definisi, konstruk dan keesahan instrumen literasi kesihatan remaja manakala rekabentuk kuantitatif adalah untuk menentukan kebolehppercayaan instrumen literasi kesihatan remaja. Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberikan cadangan kepada variasi metodologi penyelidikan kepada penyelidik khususnya dalam bidang sains sosial.
- Kajian ini menunjukkan keesahan dan kebolehppercayaan yang memenuhi keperluan analisis yang ditetapkan oleh penyelidik iaitu analisis Alpha Cronbach dan analisis faktor eksploratori (Exploratory Factor Analysis - EFA) yang menunjukkan item untuk instrumen literasi kesihatan remaja ini adalah unik dan boleh digunakan sebagai alat pengukuran literasi kesihatan remaja di Malaysia.
- Kajian ini dapat membina satu instrumen literasi kesihatan remaja untuk membantu pembangunan dan perkembangan kesejahteraan kesihatan remaja Malaysia. Melalui lapan konstruk literasi kesihatan: promosi kesihatan,

penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit, tingkah laku kesihatan remaja, sikap terhadap kesihatan, kesejahteraan kesihatan, budaya kesihatan dan motivasi kesihatan dapat memperkukuh tahap kesedaran dan amalan literasi kesihatan remaja Malaysia.

Implikasi Terhadap Masyarakat, Ekonomi dan Negara

- Kajian ini dapat menambah pengetahuan yang baharu tentang literasi kesihatan remaja serta menjadi bahan rujukan kepada individu dan organisasi terutamanya berkaitan remaja kerana kajian ini adalah yang pertama membina instrumen literasi kesihatan remaja di Malaysia dari perspektif sains sosial. Sumbangan kajian ini adalah dengan mengenal pasti konstruk serta item literasi kesihatan remaja Malaysia yang akan menjadi alat pengukuran utama bagi menentukan tahap literasi kesihatan remaja. Hasil dapatan ini merupakan maklumat penting kepada pelan pembangunan negara. Secara praktis, penemuan kajian ini dapat dirujuk oleh agensi berkaitan dengan pembangunan remaja agar menjadikan tahap dan amalan literasi kesihatan remaja sebagai penanda aras yang terpenting dalam merancang semua program pembangunan untuk remaja.

Limitasi Kajian

- Kajian ini mempunyai limitasi tersendiri kerana kajian dijalankan terhadap remaja yang sedang bersekolah di sekolah menengah berprestasi tinggi di sekitar Lembah Klang iaitu Putrajaya dan negeri Selangor. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan terhadap semua remaja di Malaysia. Dapatan kajian mungkin berbeza sekiranya diuji terhadap remaja di sekolah jenis yang lain dan juga remaja di luar sekolah.
- Kajian ini dijalankan secara kajian rentas yang melibatkan remaja di sekolah berprestasi tinggi sahaja. Oleh itu, kajian ini hanya dilaksanakan secara serentak sekali sahaja dan tidak diteruskan terhadap kumpulan remaja yang lain secara jangka panjang.

RUJUKAN

- Ary, D., Jacobs, L. C., Irvine, C. K. S., & Walker, D. (2010). *Introduction to research in education*. Boston: Cengage Learning.
- Babbie, E. R. (2013). *The basics of social research*. Belmont: Cengage Learning.
- Bee, Y. S. (1985). Health literacy and food beliefs among Ibans, Sarawak. *Medical Journal of Malaysia*, 40(4), 294-300.
- Berkman, N. D., Davis, T. C., & Mc. Cormack, L. (2010). Health literacy: What is it?. *Journal of Health Community*, 15(2), 9-19. doi: 10.1080/10810730.2010.499985.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Chang, L. C. (2011). Health literacy, self-reported status and health promoting behaviours for adolescents in Taiwan. *Journal of Clinical Nursing*, 20(1-2), 190-196.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed). London: Routledge.
- DeWalt, D. A., Berkman, N. D., Sheridan, S., Lohr, K. N., & Pignone, M. P. (2004). Literacy and health outcomes. *Journal of General Internal Medicine*, 19(12), 1228-1239.
- DeVellis, R. F. (2016). *Scale development: Theory and applications* (Vol. 26). New York: Sage Publications.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. (2009). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (9th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Governali, J. F., Hodges, B.C., & Videto, D.M. (2005). Health education and behavior: Are school health educators in denial?. *American Journal of Health Education*, 36(4), 210-214.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis seventh edition*. New Jersey: Pearson Education Limited.
- Howe, N., & Strauss, W. (2000). *Millennials rising: The next great generation*. New York: Vintage.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Vital statistic Malaysia 2015*. Jabatan Statistik Malaysia, Putrajaya.
- Jordan, J. E., Buchbinder, R., Briggs, A. M., Elsworth, G. R., Busija, L., Batterham, R., & Osborne, R. H. (2013). The Health Literacy Management Scale (HeLMS): A measure of an individual's capacity to seek, understand and use health information within the healthcare setting. *Patient Education and Counseling*, 91(2), 228-235. <http://dx.doi.org/10.1016/j.pec.2013.01.013>
- Kaiser, H. (1970). A second generation Little Jiffy. *Psychometrika*, 35,401-15.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014). *Laporan pencapaian tahun 2014*. Muat turun daripada <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/58>.
- Khan, T. M., Sulaiman, S. A., & Hassali, M. A. (2010). Mental health literacy towards depression among non-medical students at a Malaysian university. *Mental Health in Family Medicine*, 7(1), 27. Muat turun daripada <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2925162>.
- Kimberlin, C. L., & Winterstein, A. G. (2008). Expert and consumer evaluation of consumer medication information-2008. *US Department of Health and Human Services and the Food and Drug Administration Report*.
- Kirsch, I., & Jungeblut, A. (1986). *Literacy: Profiles of America's young adults, final report*. Princeton, NJ: National Assessment for Educational Progress.

- Kumaresan, J. (2013). *Health literacy perspectives. Health literacy: Improving health, health systems, and health policy around the world: Workshop Summary*, pp. 9-10. The National Academies Press: http://www.nap.edu/catalog.php?record_id=18325
- Massey, P. M., Prelip, M., Calimlim, B. M., Quiter, E. S., & Glik, D. C. (2012). Contextualizing an expanded definition of health literacy among adolescents in the health care setting. *Health Education Research*, 27(6), 961-974.
- Manganello, J. A. (2008). Health literacy and adolescents: A framework and agenda for future research. *Health Education Research*, 23(5), 840-847.
- Mohamad, M. S., Zabidah, P., Fauziah, I., & Sarnon, N. (2012). Mental health literacy among family caregivers of schizophrenia patients. *Asian Social Science*, 8(9), 74-82.
- Newacheck, P. W., Wong, S. T., Galbraith, A. A., & Hung, Y. (2003). Adolescent health care expenditures: A descriptive profile. *Journal of Adolescent Health*, 32(6), 3-11.
- Parker, R. M., Baker, D. W., Williams, M. V., & Nurss, J. R. (1995). The test of functional health literacy in adults. *Journal of General Internal Medicine*, 10(10), 537-541.
- Punch, K. F. (2013). *Introduction to social research: Quantitative and qualitative approaches*. London: Sage Publication.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah. (2017). Literasi kesihatan remaja Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 16(2017).
- Sørensen, K., Van den Broucke, S., Fullam, J., Doyle, G., Pelikan, J., Slonska, Z., & Brand, H. (2012). Health literacy and public health: A systematic review and integration of definitions and models. *BMC Public Health*, 12(1), 80.
- Sørensen K, Van den Broucke S, Pelikan J, et al.(2013). Measuring health literacy in populations: Illuminating the design and development process of the European Health Literacy Survey Questionnaire (HLS-EU-Q). *BMC Public Health*. 13(1), 948.

Profil Penulis:

Siti Raba'ah Hamzah, Phd

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
sitirabaahhamzah@gmail.com / srh@upm.edu.my*

Turiman Suandi, Phd

*Profesor
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM*

Maimunah Ismail, Phd

*Profesor
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM*

Zulaiha Muda (Doktor Pakar Perubatan)

*Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia, Hospital Kuala Lumpur*

PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang pastinya boleh menjadi input berguna kepada para pembuat keputusan, sarjana serta individu perseorangan dalam aspek pembangunan belia. Jurnal ini diterbitkan oleh IYRES secara berkala dua (2) kali setahun.

PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip, ditaip selang sebaris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Urusetia, *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting dalam bentuk *soft copy*. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan dua (2) naskah salinan *Malaysian Journal of Youth Studies*.

FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berkisarkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan, tujuan, objektif, metodologi, dapatan dan rumusan. Penulisan artikel di antara 15 hingga 20 muka surat sahaja.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman bersama dengan teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan A.P.A (*The American Psychological Association*).

HAK CIPTA

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta sedia ada. Penulis bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Editorial dan diwasitkan. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip berdasarkan kepada saranan ahli-ahli Lembaga Editorial. Sesebuah manuskrip akan dinilai berasaskan kesesuaiannya dengan Malaysian Journal of Youth Studies sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

GUIDE TO CONTRIBUTORS

Malaysian Journal of Youth Studies is a refereed journal committed to youth developmental studies. The articles published in this journal is beneficial to decision makers, scholars or individuals related to youth development. This journal is published by IYRES twice a year.

MANUSCRIPT SUBMISSION PROCESS

Malaysian Journal of Youth Studies is published in both Malay and English languages. The manuscript submitted for publication must be authentic and has never been published in any journal or never been sent to any other publication. The manuscript must be single spacing and typed in an A4 paper, to be submitted to the Secretariat, Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS), Institute for Youth Research Malaysia. The biodata of the author is to be appended.

The authors whose manuscript have been accepted for publication are required to submit a duly edited soft copy version together with a biography of the authors. In the course of the Editorial Board consideration, the authors are responsible to inform of any changes in address. 2 copies of Malaysian Journal of Youth Studies will be given to the authors of the published manuscripts.

FORMAT AND STYLE

The title of the manuscript must be concise, descriptive and should not be more than 15 words. Each manuscript must contain an abstract (150-250 words) in Malay and English languages describing its main points including five (5) key words, the aim, objectives, methodology, findings and conclusions. The article should only be between 15-20 pages.

All illustration including diagrams, charts and graphs are to be labelled and placed in the same page as the texts. The placement of the illustration must be labelled clearly.

References in the text should be indicated by giving the names(s) of the author(s) followed by the year of publications. A list of references in alphabetical order should be appended at the end of the manuscript. All cited information must be accurate and listed in the reference. The manuscripts must adhere to the guidelines format in A.P.A (American Psychological Association).

COPYRIGHT

The authors are fully responsible to ensure their manuscripts do not infringe any copyrights, should such infringement occur; the authors shall be made accountable to indemnify the editor and publisher. The authors are expected to obtain consent for any reproduction or modification of any copyrighted materials and to exhibit the consent during the final submission.

REVIEW PROCESS

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. The decision for publication will be based on the recommendation by the Editorial Board. The manuscripts will be evaluated based on its suitability to Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to knowledge, accuracy of analysis, conceptual breath, clarity of presentation and technical strength. In order to ensure the manuscripts are evaluated based on merits, the identities of the authors are not disclosed during the review process. Manuscripts submitted by the Editorial Board are subjected to the same procedure.

Malaysian Journal of Youth Studies Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat-menyurat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Executive Editor/ Editor Kerja

Malaysian Journal of Youth Studies

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: malaysianyouth@ippbm.gov.my

<http://www.ippbm.gov.my>

Ketagihan Telefon Pintar dalam Kalangan Mahasiswa
Norbaidurah Ithnain, Dr Shazli Ezzat Ghazali & Norrafizah Jaafar

Faktor Keterlibatan Belia dalam Isu Gay di Kuala Lumpur
Azlina Mohd Khir & Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan

Pembangunan Belia Positif di Kolej Komuniti
Nor Hidayah Mohamed, Siti Raba'ah Hamzah, Ismi Arif Ismail & Bahaman Abu Samah

Pengaruh Pendapatan Terhadap Pencapaian Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi
Sayed Muhammad Aiman Sayed Abul Khair, Ahmad Fadzil Ahmad Shuhaili, Mohammad Ezzani Iswan Ismail, & Daeng Ahmad Luqman Ahmad Termizi

Factors Influencing Health Behaviours Among University Student
Roxana Dev Omar Dev, Tengku Fadilah Tengku Kamalden, Soh Kim Geok, Maria Chong Abdullah, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, & Ismi Arif Ismail

Adaptasi Mahasiswa Sabah dan Sarawak di Universiti Perguruan Sultan Idris
Samsudin Suhaili, Nur Nadia Lukmanulhakim & Norliza Jamaluddin

Kesepaduan Sosial Melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda
Yasmin Binti Yaccob & Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim

Pembentukan Instrumen Literasi Kesihatan Remaja Malaysia
Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Maimunah Ismail & Zulaiha Muda

Published by/diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Aras 10, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Website: <http://www.iyres.gov.my>

